

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 26	Selasa	15 Disember 2015
----------------	---------------	-------------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman	1)
USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	26)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2016	(Halaman	27)

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Selasa, 15 Disember 2015

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Khairudin bin Samad** minta Menteri Kesihatan menyatakan, apa usaha kementerian dalam memastikan perluasan Zon Larangan Merokok di seluruh negara tercapai, tanpa mengundang implikasi negatif daripada masyarakat.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin. Ini berkenaan dengan larangan merokok di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia telah merancang untuk memperluaskan zon larangan merokok di seluruh negara sejajar dengan Artikel 8, Perjanjian WHO, *Framework Convention for Tobacco Control* (FCTC) iaitu melindungi golongan bukan perokok daripada bahaya asap rokok. Di bawah Artikel 8 perjanjian ini, semua tempat yang mempunyai akses kepada orang awam hendaklah dijadikan tempat larangan merokok.

Bagi memastikan usaha ini tercapai tanpa mengundang implikasi negatif kepada masyarakat, Kementerian Kesihatan telah pun membuat perancangan secara berperingkat. Perancangan ini telah dimasukkan ke dalam Pelan Strategik Kebangsaan bagi Kawalan Tembakau yang telah menyasarkan Malaysia sebagai sebuah negara dengan generasi yang bebas daripada sebarang bentuk amalan merokok menjelang tahun 2045.

Pihak KKM akan menjalankan perbincangan bersama agensi serta badan-badan bukan kerajaan sebelum pewartaan dilaksanakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan. Selain daripada itu, Kementerian Kesihatan juga menggalakkan tempat-tempat awam menyertai Program Bebas Asap Rokok di bawah *Blue Ribbon Campaign* atau Program Bandar Bebas Asap Rokok. Ini bagi memudahkan implementasi apabila pewartaan dilaksanakan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan pertama. Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin.

Dato' Khairudin bin Samad: Terima kasih. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberikan jawapan. Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Ahli Dewan sekalian bahawa saya dahulu perokok tegar, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi sekarang sudah berhenti daripada membeli rokok dan berhenti daripada membeli *lighter* pun...

Timbalan Yang di-Pertua: Baguslah Yang Berhormat Senator.

Dato' Khairudin bin Samad: Akan tetapi masih hisap lagilah daripada kawan-kawan [*Ketawa*] Kawan-kawan beri saya hisap sebab saya takut jantung saya berhenti bila berhenti merokok tetapi tidak membeli. Walau bagaimanapun, yang menjadi aneh sedikit yang saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kenapa kawasan-kawasan larangan ini kadang-kadang kawasan terbuka, yang dilarang?

Saya kasihan kepada perokok-perokok, rakan-rakan saya, mantan rakan-rakan yang merokok, yang masih merokok. Larangan ini di kawasan-kawasan terbuka contohnya di depan *airport*, sebelum masuk ke dalam, di luar itu tidak boleh merokok. Di mana mereka hendak merokok sebelum menaiki kapal terbang, 12 jam? Ada tempat seperti R&R, di dalam tandas pun dilarang merokok.

Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, perokok ini kadang-kadang, kebanyakan daripada mereka, tidak termasuk saya, kebanyakan daripada mereka, kalau tidak merokok susah hendak pergi ke tandas. Kalau dalam tandas pun dilarang merokok, saya rasa simpatilah. Bukan kita hendak melepaskan mereka daripada merokok tetapi kalau boleh tempat-tempat yang terbuka ini, tidak payahlah, sebab saya rasa jerebu yang tiga bulan hingga empat bulan itu, lebih teruk daripada asap rokok. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Ini tidak boleh jadi. Sudah berhenti merokok tetapi hisap rokok juga lagi. Jadi, seelok-eloknya berhenti terus. Kalau orang beri, *offer* pun, jangan ambil. Eloknya macam itulah.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia kita sudah tetapkan 21 jenis "Kawasan Larangan Merokok" termasuk di hospital, di hotel, di kawasan-kawasan yang ada *air-cond*, *shopping complex* dan sebagainya, termasuk juga R&R Yang Berhormat Senator sebutkan tadi, dan kawasan *airport* pun termasuk di dalam itu, dalam kawasan larangan. Jadi setakat ini yang saya tahu, di kawasan R&R, yang boleh menghisap rokok cuma di kawasan *parking*- itu boleh. Di dalam kawasan tempat makan dan kawasan tandas, pun tidak boleh merokok. Jadi, ini sudah pun digazet. Saya harap semua orang patuhlah pada peraturan ini supaya kita akan dapat mencapai hasrat kita pada tahun 2045, kita akan bebas kesemuanya daripada asap rokok, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat.

Dato' Dr. Johari Bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, dan saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin yang telah berhenti merokok.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ringkas sahaja. Kerajaan telah banyak buat program berhubung dengan berhenti merokok. Dari tempat yang tidak ada, diadakan tempat yang tertentu supaya tidak merokok, dan juga kalau hendak merokok pun ada tempat tertentu, dalam *airport* dan sebagainya. Itu satu langkah yang telah dilakukan. Namun saya tengok, ia masih lagi tidak dapat mencapai sasaran dan saya doakan supaya sasaran tadi bebas merokok sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi. Saya tengok merokok ini juga dimulakan dengan awal, usia muda, kanak-kanak. Kita tengok pelajar-pelajar kita ini- jangan merokok.

■1010

Walaupun ia diletakkan di kedai-kedai, ada tanda merokok yang dilarang bawah umur 18 tahun membeli rokok tetapi pelaksanaannya belum begitu berjalan dengan baik. Oleh sebab itu, saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, sejauh mana pelaksanaan dan penguatkuasaan telah dijalankan dan sebanyak mana kes-kes yang telah didakwa kepada yang menjual rokok kepada kanak-kanak, atau usia sebelum 18 tahun ke bawah ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari. Memang kita sentiasa berusaha dari lama dahulu sehingga sekarang, dan sehingga jangkaan kita tahun 2014- *target* larangan membeli dan menghisap rokok ini adalah kepada umur kanak-kanak 18 tahun ke bawah. Maksudnya, dia tidak boleh beli rokok dan dia tidak boleh simpan rokok dalam poket dia, contohnya. Macam di sekolah, kalau didapati ada pelajar yang simpan rokok dalam poket dia, dia salah. Itu kesalahan di bawah akta ini. Penguatkuasaan memang *on-going* tetapi sefaham saya pun, mengakui bahawa belum cukup kuat lagi. Kita buat berperingkat-peringkat kerana kalau buat sekali gus macam *Singapore*, malam baru-baru ini sudah *banned* rokok semua, kita tidak boleh buat di sini sebab kita sebuah negara yang besar, yang pelbagai jenis- daripada yang paling tinggi, yang ke bawah dan sebagainya. Jadi, masalah besar.

Kempen kita berjalan terus. Saya hendak sebut di sini kempen-kempen yang telah kita buat. Kita ada 485 buah Klinik Berhenti Merokok, klinik kerajaan untuk berhenti merokok boleh pergi ke sana. Kita sudah ada perkhidmatan ini kepada 486 buah klinik kerajaan, dan 47 buah hospital kerajaan yang memberi tawaran untuk Klinik Berhenti Merokok. Maksudnya, boleh pergilah mana-mana klinik, percuma. Kita juga bekerjasama dengan pelbagai pihak NGO, dan sebagainya, untuk berkempen. Berkempen ini pelbagai. Yang lepas ini kita buat kempen "*Tak Hendak*" pun tidak begitu berkesan. Belanja berpuluh *million* tetapi tidak ada kesan juga dan kita kenakan kompaun. Mana yang kena tangkap, kena kompaun. Setakat ini sudah ada 12,307 orang sudah kena kompaun kerana ditangkap merokok, kanak-kanaklah dan kawasan-kawasan yang ditangkap kerana merokok di kawasan larangan pun kena tangkap juga.

Ini kempen berterusan Tuan Yang di-Pertua, dan tidak boleh buat sekali gus macam *Singapore* buat, kita tidak boleh buat. Kita akan teruskan kempen ini dan melibatkan banyak kementerian dan banyak agensi sama ada dalaman kementerian dan juga di luar kementerian, banyak. Kalau saya hendak sebut, panjang Tuan Yang di-Pertua, kementerian-kementerian yang terlibat dalam kempen kita. Dalam kementerian sendiri pun banyak- 10 buah jabatan. Di luar daripada kementerian, ada 17 kementerian dan lembaga yang terlibat dalam kempen ini Tuan Yang di-Pertua. Jadi, rata-rata kempen ini ada empat strategi utama:

- (i) memperkukuhkan aktiviti kawalan tembakau sedia ada;
- (ii) memperkukuhkan perundangan dan penguatkuasaan kawalan tembakau kebangsaan;
- (iii) memperkasakan masyarakat dan meningkatkan penglibatan multisektorial; dan
- (iv) memperkukuhkan aktiviti kawalan tembakau melalui strategi *empower*.

Empower ini ada dia punya *detail* Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya hendak cakap, panjanglah. Saya ingat jawapan itulah Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari. Terima kasih.

2. Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah minta Menteri Pendidikan menyatakan, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian terhadap Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu (MBM).

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI), usaha memartabatkan Bahasa Melayu terus diberikan keutamaan. Pada peringkat sekolah, kerajaan memartabatkan Bahasa Melayu melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, dan melalui Jawatankuasa Kerja Memartabatkan Bahasa Melayu (MBM) yang terletak di bawah JawatankuasaInduk Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuhkan Bahasa Inggeris.

Bagi merealisasi hasrat ini, kerangka pelan tindakan yang lebih tuntas telah dirancang yang melibatkan tumpuan kepada sembilan strategi iaitu:

- (i) memperkasakan Bahasa Melayu melalui kurikulum di semua sekolah;
- (ii) memperkasakan kesusasteraan Melayu;
- (iii) memperkasakan pentaksiran Bahasa Melayu;
- (iv) memperkukuh penggunaan Bahasa Melayu dalam kokurikulum;
- (v) meningkatkan keterampilan berbahasa guru Bahasa Melayu;
- (vi) menginstitusikan institut pendidikan bahasa Melayu sebagai peneraju kecemerlangan guru Bahasa Melayu;
- (vii) memperluas jalinan dan jaringan dengan semua pihak luar;
- (viii) meningkatkan publisiti penggunaan Bahasa Melayu standard; dan
- (ix) memperkayakan khazanah ilmu Bahasa Melayu melalui penyelidikan dan inovasi.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan. Silakan Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah berusaha dan menyusun strategi yang baik untuk memperkasakan penggunaan bahasa Melayu. Saya telah meneliti dan saya melihat terdapat 11 langkah strategik pelaksanaan memartabatkan bahasa Melayu yang telah pun dilaksanakan oleh pihak kementerian dan saya mengucapkan terima kasih.

Akan tetapi persoalan saya, apabila kita melihat keupayaan dan kebolehan anak-anak kita menggunakan bahasa Melayu pada hari ini, saya merasa amat risau dan bimbang ia masih tidak memuaskan. Persoalan saya bagi pihak kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri, sejauh manakah dasar ini telah dilaksanakan dengan cara cukup berkesan khususnya di peringkat sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil pada ketika ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Tuan Chong Sin Woon: Terima kasih atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat Senator Tan Sri.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini, kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia memang dalam dasar memartabatkan Bahasa Melayu itu mempunyai pelbagai langkah dan inisiatif termasuk sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha bagi memartabatkan Bahasa Melayu di semua peringkat mahupun di sekolah menengah dan pelbagai langkah seperti:

- (i) melaksanakan LINUS 2.0 yang lebih luas bagi menangani masalah literasi;
- (ii) menyediakan program sokongan tambahan buku kosa kata di sekolah jenis kebangsaan;
- (iii) meningkatkan kemahiran guru Bahasa Melayu dengan tumpuan kepada sekolah jenis kebangsaan;
- (iv) menempatkan guru opsyen Bahasa Melayu yang mencukupi di semua sekolah;
- (v) menyediakan bahan bantu mengajar e-Bahan, LMS dan bahan bacaan tambahan (VLE);
- (vi) melaksanakan aktiviti kokurikulum yang menekankan penguasaan Bahasa Melayu;
- (vii) menyediakan guru Bahasa Melayu yang boleh berkomunikasi dalam bahasa Cina dan bahasa Tamil khusus di sekolah jenis kebangsaan;
- (viii) melaksanakan intervensi kelas pemulihan di luar waktu untuk sekolah jenis kebangsaan;
- (ix) memperkasakan program NILAM;
- (x) meningkatkan kemahiran dan pedagogi Bahasa Melayu; dan

- (xi) mengadakan pelbagai aktiviti sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan pada setiap tahun.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ialah tentang langkah-langkah yang diambil terutama di sekolah-sekolah. Akan tetapi yang menjadi masalah sekarang ini ialah di luar sekolah, terutama di kalangan pembesar-pembesar dan tokoh-tokoh politik dan ekonomi, mereka lebih banyak menggunakan bahasa Inggeris walaupun mereka biasanya, sepatutnya, boleh bertutur dalam Bahasa Malaysia.

Jadi, apa yang hendak saya ketahui ialah apakah rancangan kerajaan untuk memastikan bahawa golongan ini memartabatkan dan menghormati Bahasa Kebangsaan kerana kalau tidak mereka tunjukkan hormat ini, maka ia akan mempunyai kesan yang buruk terhadap sikap dan pandangan mengenai Bahasa Kebangsaan di kalangan murid-murid. Terima kasih.

■1020

Tuan Chong Sin Woon: Terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Senator. Di bawah jagaan Kementerian Pendidikan Malaysia, kita menjaga sekolah-sekolah iaitu daripada prasekolah sampai ke Tingkatan 6. Peringkat universiti di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi. Akan tetapi untuk mereka yang berada di masyarakat sama ada syarikat persendirian ataupun pembesar-pembesar sama ada mereka menggunakan Bahasa Melayu yang standard atau lebih kepada penggunaan bahasa Inggeris itu tidaklah dalam kawalan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bagaimanapun memartabatkan bahasa Melayu itu bukan hanya usaha Kementerian Pendidikan Malaysia tetapi melibatkan semua kementerian dan syarikat-syarikat swasta di sana. Maka, Dewan Bahasa dan Pustaka memainkan peranan yang sangat penting dan terus memainkan peranan untuk kita bersama-sama menghayati keindahan Bahasa Melayu itu, dan menjadikannya sebagai satu bahasa yang unggul sebagai Bahasa Kebangsaan Malaysia. Sekian, terima kasih.

3. Puan Hajah Azizah binti Haji Harun minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, usaha-usaha yang telah berjaya dilaksanakan melalui program kemahiran khususnya untuk golongan belia dan pelajar yang tidak berkelayakan meneruskan pengajian di peringkat IPTA/IPTS.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Azizah binti Haji Harun. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan kepada jawapan ini, suka saya memaklumkan sedikit. Tenaga buruh ataupun *workforce* negara kita sehingga Disember ini kurang lebih 14.235 juta tenaga buruh yang bekerja, yang layak bekerja ialah 13.7%. Anggaran belia di negara kita yang berumur 15 tahun hingga 40 tahun ialah 13.89 juta, lebih kurang 45.9%. 7.26 juta lelaki dan 6.63 juta perempuan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya usaha untuk melatih dan memberikan kemahiran kepada anak-anak di watan negara kita melibatkan pelbagai kementerian, termasuk Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan lain-lain kementerian. Kementerian Sumber Manusia salah satu kementerian yang bertanggungjawab dalam hal ini.

Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Manusia sentiasa bersedia menyediakan laluan bagi menggalakkan belia yang tidak berkelayakan meneruskan pengajian di peringkat IPTA dan IPTS dengan menawarkan latihan kemahiran pra-pekerjaan kepada pelajar lepasan sekolah. Bidang latihan yang ditawarkan adalah merangkumi bidang-bidang kemahiran seperti mekanikal, pengeluaran, *electrical*, elektronik, ICT, sivil, bangunan, bukan logam, percetakan dan lain-lain.

Latihan kemahiran yang diberikan adalah komprehensif secara sepenuh masa dan juga separuh masa dengan komposisi latihan melibatkan 70% amali di pusat-pusat latihan yang diadakan dan 30% teori. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh antara tahun 2011 hingga 2014, seramai 24,980 orang pelatih telah dikeluarkan oleh Institut Latihan Tenaga Manusia, Kementerian Sumber Manusia. Tahun 2014, ILTGM telah mencapai sasaran dengan melahirkan seramai 6,113 orang pelatih sepenuh masa.

Manakala bagi latihan jangka pendek iaitu *modular* dan *customize*, ILTGM telah berjaya mencapai sasaran dengan melatih seramai 37,653 orang pekerja industri bagi meningkatkan kemahiran mereka. Daripada kajian yang dibuat, melalui 5,534 orang graduan Institut Latihan Jabatan Tenaga Kerja, seramai 90% orang graduan telah bekerja, menerima tawaran kerja dan menyambung pelajaran berdasarkan kepada maklum balas yang diterima daripada graduan melalui sistem atas talian, e-Kajian pengesanan. Sejumlah graduan telah mendapat gaji melebihi RM5,000 sebulan, memegang jawatan tinggi dalam industri.

Bagi memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar institut latihan ini, terlibat dalam pertandingan kemahiran peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kerajaan sentiasa menggalakkan dan membuka peluang kepada pelajar-pelajar yang berpotensi di dalam Pertandingan Asian Skill Competition (ASC) di Hanoi beserta Jabatan Tenaga Kerja mendapat 3 pingat emas, 3 pingat perak dan 1 pingat gangsa dan 3 *Medallion for Excellence*, dengan izin. Dalam pertandingan *World Skill Competition* di Sao Paulo, Brazil baru-baru ini, peserta jabatan ini telah mendapat 5 *Medallion for Excellence*. Kejayaan-kejayaan ini memberi nilai tambah kepada graduan-graduan Jabatan Tenaga Manusia untuk sama-sama bersaing setanding dengan pelajar-pelajar lepasan IPTA/IPTS.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Tenaga Manusia berusaha mempromosikan kursus kemahiran melalui ceramah setempat, menyertai pameran, menghantar rencana, artikel dan bahan-bahan bertulis melalui internet dan sebagainya. Di samping itu, kementerian ini melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran sejak tahun 2013 di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh telah mula melaksanakan

program sistem latihan *dual* nasional, khasnya buat golongan belia dan pelajar yang tidak berkelayakan meneruskan pengajian ke peringkat IPT. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Azizah binti Haji Harun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan Menteri kerana menjawab soalan saya. Golongan belia merupakan golongan yang akan menjadi pewaris negara kita pada masa hadapan. Sekiranya mereka terlepas peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi, kita haruslah jangan abaikan mereka kerana tenaga dan kudrat mereka boleh dimanfaatkan untuk perkara-perkara lain. Soalan saya, walaupun kementerian mempunyai perbagai program dan kursus kemahiran untuk belia-belia ini ceburi, namun kadangkala mereka sendiri tidak mengetahui perkhidmatan yang disediakan oleh pihak kementerian.

Adakah kementerian akan menggerakkan pegawai-pegawainya untuk turun padang dan menjalankan kegiatan promosi mengenai kursus kemahiran ini, terutamanya di sekolah-sekolah, terutamanya di tingkatan lima sebelum mereka meninggalkan alam persekolahan. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Seperti yang saya sebutkan tadi bahawa kementerian sentiasa membuat promosi untuk kita menarik belia-belia kita mendapatkan kemahiran melalui pusat-pusat latihan kemahiran yang dianjurkan oleh Kementerian Sumber Manusia, juga pusat-pusat latihan yang terlibat dengan kementerian-kementerian yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di samping apa yang saya sebutkan tadi, pihak Jabatan Permohonan Kemahiran turut menganjurkan pertandingan *World Skill Malaysia Belia*. Maknanya, setiap tahun kita mengadakan pertandingan *World Skill Malaysia Belia* yang melibatkan belia-belia di seluruh negara. *InshaaAllah* pada tahun hadapan kita akan menjadi tuan rumah kepada *Asian Skill Competition*. Maknanya, pertandingan kemahiran peringkat Asia yang melibatkan 10 buah negara. *Alhamdulillah* pada tahun lepas seperti yang saya sebutkan tadi bahawa di pertandingan peringkat Asia, kita telah mendapat tempat kedua dalam pertandingan *Asian Skill Competition* ini selepas Vietnam. Tahun hadapan kita akan menjadi tuan rumah.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya melalui Kementerian Sumber Manusia, kita ada lebih kurang 10 program yang kita adakan yang kita buat *roadshow* ke peringkat bawah, di peringkat Parlimen, di peringkat daerah, di peringkat kampung dan sebagainya. Jadi, antaranya ialah kita mengadakan *job fair*, maknanya kita menjemput kilang-kilang yang mempunyai pekerjaan yang kosong untuk kita tawarkan secara terbuka di peringkat *job fair* yang kita adakan. Kita mengadakan juga *walk-in interview*. Maknanya, *interview* terbuka yang mana belia-belia kita ada peluang datang ke tempat-tempat ini dan mereka boleh mendapatkan pekerjaan secara terus dengan majikan-majikan yang mempunyai kekosongan.

■1030

Tuan Yang di-Pertua, kita juga membuat promosi ke sekolah-sekolah sebagai satu usaha promosi yang kita buat di mana kita menggalakkan anak-anak yang telah di penghujung persekolahan terutamanya Tingkatan 3 dan sebagainya untuk mereka mengetahui bahawa kita mempunyai program-

program khas yang boleh kita tawarkan kepada mereka apabila mereka keluar daripada sekolah ini dan mereka boleh pergi kepada *website* kita untuk melihat apakah peluang-peluang latihan yang boleh mereka peroleh.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai jawatankuasa khas kemahiran bersama kementerian-kementerian yang lain yang kita gerakkan dari semasa ke semasa untuk kita menarik belia-belia, anak-anak pelajar ini apabila mereka lepas sahaja persekolahan peringkat SPM dan sebagainya yang mungkin tidak boleh melanjutkan pelajaran untuk mereka bersama melibatkan diri dalam latihan-latihan yang disediakan oleh pihak kementerian dan juga kementerian-kementerian yang lain. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, banyak program yang telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi generasi muda ini yang bakal menerajui negara. Soalan saya, apakah kesinambungan daripada program yang dilaksanakan itu dalam konteks memastikan generasi muda mendapat manfaat dan dapat meneruskan serta memperoleh kerjaya yang sepatutnya? Saya juga hendak tanya, sejauh mana kajian keberkesanan diadakan ke atas program-program tadi bagi memastikan ia memberi kesan kepada pembangunan negara? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Senator atas keprihatinan Yang Berhormat tentang masa depan anak-anak kita terutama mereka yang tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke IPT sama ada IPTA atau IPTS.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di samping program-program yang saya sebutkan tadi, kita juga mempunyai beberapa buah jabatan di bawah kementerian ini. Kita ada Perbadanan Sumber Manusia Berhad yang mengadakan kursus *apprentice* bagi pekerja-pekerja yang telah bekerja dengan majikan ini dan mereka boleh meningkatkan kemahiran, *upskilling*- kita ada program *upskilling*. Mereka ini walaupun sudah bekerja dan sebagainya tetapi akan datang, selepas mereka mengikut latihan ini, mereka akan dapat meningkatkan lagi kemahiran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita ada juga Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) di mana tabung ini juga menyediakan peruntukan kepada pelajar-pelajar ataupun pelatih-pelatih yang ingin melanjutkan latihan kemahiran mereka. Contohnya, pada Rancangan Malaysia Kesepuluh, sehingga 30 September 2015, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran telah membiayai 128,484 orang pelatih dengan menggunakan peruntukan lebih kurang RM1.8 bilion bagi membantu negara mencapai 35 peratus tenaga kerja mahir menjelang tahun 2020. Maknanya, kita tidak berhentikan mereka setakat itu. Kita beri peluang kepada mereka untuk melibatkan diri dalam usaha-usaha meningkatkan kemahiran yang telah pun mereka memperolehi dalam pelbagai bidang yang disediakan oleh pihak kerajaan melalui jabatan-jabatan yang telah pun saya sebutkan tadi.

Tentang penilaian, telah pun saya sebutkan di peringkat awal tadi bahawa mengikut kajian yang telah kita buat, kurang lebih daripada 5,530 orang graduan latihan di jabatan kita yang telah pun kita buat

kajian, kita dimaklumkan 90 peratus graduan telah pun bekerja dan sebahagian mereka ini telah mendapat gaji lebih daripada RM5,000.

Maknanya Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator, ini menjadi tanggungjawab kita bersama bagaimana kita boleh menggalakkan anak-anak kita supaya mereka yang tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke IPTA/IPTS ini mereka ceburi bidang-bidang kemahiran ini. Ini kerana pada saya, persepsi ibu bapa dan masyarakat selama ini seolah-olahnya anak-anak kita yang berjaya dalam bidang akademik sahaja seolah-olahnya dianggap berjaya dalam hidup mereka sedangkan anak-anak yang menceburkan diri dalam bidang kemahiran, teknikal dan vokasional punya latihan ini lebih berjaya dan ada sebahagian daripada mereka mendapat pendapatan yang cukup baik.

Umpamanya, boleh saya sebutkan, bagi anak-anak yang terlibat dengan *underwater welding*, dengan izin, maknanya dia sebagai *welder* di dasar laut. Walaupun kerja ini mempunyai risiko yang agak tinggi yang dianggap memang susah tetapi dengan teknologi moden hari ini, mereka terjamin keselamatan dan mereka boleh mendapat pendapatan yang cukup besar, berpuluh-puluh ribu hasil pendapatan. Jadi, ini sudah tentulah memberikan sumbangan kepada negara.

Jadi secara umumnya, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator, laporan pencapaian ini mestilah kita peroleh daripada EPU dan juga kerajaan secara keseluruhan. Saya gambarkan bagaimana kita melihat kajian ataupun prestasi yang kita peroleh melalui pusat-pusat latihan yang kita lakukan di bawah Kementerian Sumber Manusia. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

4. Datuk Koh Chin Han minta Menteri Kerja Raya menyatakan, apa hasil penyelidikan mengenai pembinaan lebuh raya pesisiran pantai Masjid Tanah ke Klebang dan dari Klebang ke Jambatan Syed Abdul Aziz di Melaka sehingga kini dan bilakah pembinaannya akan dilaksanakan bagi kesenangan rakyat di Melaka. Setelah berlaku perkara sebegini maka telah melalui perjanjian kontrak ia akan diberi amaran dan sekiranya amaran ini tidak

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan menerusi pengumuman Bajet 2016 yang lalu antara lain telah bersetuju untuk melaksanakan projek membina Lebuh Raya Pesisiran Pantai Negeri Melaka. Kajian kemungkinan atau *feasibility study*, dengan izin, projek tersebut sebenarnya telah disiapkan oleh kementerian ini pada tahun 2013 yang lalu.

Berdasarkan kajian tersebut, skop projek ini melibatkan cadangan menaik taraf jalan sedia ada kepada empat buah lorong dua hala atau *dual carriage way*, dengan izin, sepanjang 50 kilometer. Projek ini akan melibatkan laluan dari Kuala Linggi ke Masjid Tanah ke Sungai Udang ke Klebang ke Limbungan ke Jalan Pantai seterusnya ke Jambatan Syed Abdul Aziz ke Alai dan seterusnya Telok Mas di Melaka. Berdasarkan kajian kemungkinan tersebut, anggaran kos projek ini ialah sebanyak RM1.1 bilion.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini telah pun diluluskan dalam senarai projek Rancangan Malaysia Kesebelas di bawah Kementerian Kerja Raya. Sehubungan itu, kementerian ini berhasrat untuk menjalankan reka bentuk terperinci projek berkenaan secara *in-house* iaitu dijangkakan

pada awal tahun 2016. Di samping itu, proses pengambilan tanah dan kerja-kerja awalan seperti kerja-kerja penyiasaan tanah, *soil investigation*, dengan izin, dan kerja-kerja ukur juga dijangka akan dimulakan pada tahun hadapan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Koh Chin Han: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab dan juga dalam usaha untuk menjayakan projek pembinaan Lebuhraya Pesisiran Pantai tersebutlah.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum negeri Melaka ini merupakan negeri yang banyak bergantung kepada sektor pelancongan dan setiap tahun negeri Melaka berjaya menarik minat melebihi 16 juta orang pelancong datang ke Melaka dan negeri Melaka berjaya menyumbang melebihi RM10 bilion kepada Kerajaan Pusat. Namun, masalah utama yang negeri Melaka hadapi ialah kesesakan lalu lintas yang kritikal terutamanya sewaktu musim perayaan dan juga musim cuti sekolah.

Sehubungan itu, saya ingin bertanya, apakah perancangan kementerian untuk menambah baik sistem infrastruktur jalan raya di negeri Melaka dan bolehkah kementerian menambahkan lagi peruntukan untuk pembinaan lebuhraya yang lain bagi mengatasi kesesakan jalan raya di negeri Melaka? Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan.

Saya ingin memaklumkan bahawasanya kementerian sangat prihatin dan mengetahui mengenai isu kesesakan yang berlaku di negeri Melaka, Yang Berhormat. Oleh daripada itulah kita sebenarnya di peringkat kementerian sedang dan akan melaksanakan beberapa projek menaik taraf jalan dan saya ingin berkongsi kepada Yang Berhormat mengenai dua buah jalan utama yang merupakan projek keutamaan di samping sedang dilaksanakan dan perancangannya juga kita lakukan untuk Rancangan Malaysia Kesebelas. Izinkan saya untuk menyatakan di sini Yang Berhormat mengenai projek naik taraf Jalan Ayer Keroh ke Jalan Munsyi Abdullah, Melaka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini sebenarnya telah diluluskan oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh dan projek ini dibahagikan kepada dua fasa pembinaan iaitu Fasa 1 yang melibatkan skop pembinaan persimpangan bertingkat Peringgit dan persimpangan bertingkat MITC iaitu melibatkan enam lorong dua hala dan Fasa 2, Yang Berhormat, melibatkan skop pembinaan persimpangan bertingkat Bukit Katil-Jalan Istana dan Bukit Beruang-Bukit Baru juga enam lorong dua hala.

■1040

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh, keutamaan kerajaan Yang Berhormat ialah untuk melaksanakan fasa satu terlebih dahulu iaitu Persimpangan Bertingkat Peringgit dan Persimpangan Bertingkat MITC melibatkan kos projek sebanyak RM301 juta. Fasa satu telah memulakan pembinaan pada bulan Mac 2014 yang lalu dan dijangka akan siap pada bulan Ogos 2017, Yang Berhormat. Manakala cadangan untuk pelaksanaan projek fasa kedua pula telah dipohon untuk kelulusan di bawah *Rolling Plan* Ke-2, Rancangan Malaysia Kesebelas, Yang Berhormat.

Selain daripada itu Yang Berhormat, mengenai projek menaik taraf Jalan Bemban ke Jasin dan seterusnya ke Tangkak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini sebenarnya memang kita merasakan kepentingan projek ini juga terutama dalam menyelesaikan isu kesesakan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, fasa pertama dan fasa keempat projek tersebut mengikut pengetahuan Yang Berhormat juga telah disiapkan pada 2012 yang lepas.

Fasa kedua dan ketiga, projek ini Yang Berhormat, telah dipohon untuk kelulusan agensi pusat di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu tahun 2016 hingga tahun 2020, Yang Berhormat. Pelaksanaan projek ini tertakluk kepada kelulusan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Ini yang saya boleh kongsi, Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian mengenai penyelidikan cerun di tepi-tepi jalan di seluruh Malaysia. Sehingga kini berapa banyak kajian dan penyelidikan cerun dibuat? Berapa kerap kajian ini dibuat dalam satu-satu tempoh masa tertentu? Ini saya merujuk kepada kajian runtuhnya cerun baru-baru ini. Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat. Memandangkan soalan ini tidak berkaitan dengan soalan asal, namun saya ingin juga maklumkan kepada Yang Berhormat bahawasanya Kementerian Kerja Raya akan melaksanakan penggulungan pada hari ini, giliran ke-15, dan perkara ini akan disentuh secara terperinci, Yang Berhormat. Mohon Yang Berhormat untuk bersama-sama kita nanti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B) minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, adakah Rancangan Induk Pembentukan Atlet Negara secara sistematik seperti mencungkil bakat daripada usia yang muda dalam usaha mengurangkan ketidaktentuan pencapaian di peringkat dalam dan luar negara di mana sukan merupakan alat kepada pembentukan masyarakat yang sihat dan memupuk perpaduan negara.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan A/L Murugan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan yang begitu baik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian melalui Institut Sukan Negara (ISN) telah dan sedang menjalankan Program Pembangunan Bakat Akar Umbi Kebangsaan (MyTID) yang telah disusun semula dan telah dibuat penambahbaikan melalui kelulusan Jawatankuasa Kabinet untuk Pembangunan Sukan Siri 16, Bilangan 1/2014 untuk mencungkil bakat di peringkat awal di usia tujuh tahun. Program MyTID dijalankan di seluruh negara termasuk kawasan luar bandar secara sistematik dan saintifik dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pada permulaan untuk tahun 2015 seramai 104,763 orang murid Tahun 1 di seluruh Malaysia telah menjalani saringan yang meliputi 1,227 buah sekolah rendah di seluruh Malaysia. Melalui program saringan ini, murid-murid yang berpotensi akan dipilih untuk mengikut Program Pembangunan Multilateral yang akan dikendalikan oleh guru-guru yang terlatih di pusat-pusat multilateral

terpilih di bawah Jabatan Pendidikan Negeri. Setakat ini saya dimaklumkan sebanyak 20,989 orang murid telah pun dipilih untuk menjalani latihan.

Di samping itu ISN juga melaksanakan Program Cari Juara dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri dan persatuan sukan yang merupakan program mengenal pasti bakat sukan secara spesifik, *talent sport* dengan kerjasama Unit Sukan Berprestasi Tinggi Negeri, Majlis Sukan Negara serta Program Sukan Berprestasi Tinggi Negeri bagi sekolah-sekolah di peringkat negeri dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia. Kesemua program yang dijalankan di atas merupakan inisiatif dan transformasi sukan di bawah kementerian bertujuan untuk menentukan kelestarian pembangunan bakat sukan untuk kecemerlangan sukan berprestasi tinggi. Terima kasih.

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B): Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana menjawab dengan penuh. Saya ingin mengucapkan syabas kepada kementerian kerana melaksanakan satu rancangan yang komprehensif. Satu-satunya kejayaan kritikal untuk menentukan pembangunan para atlet daripada usia muda ialah dengan kita membina prasarana sukan yang mencukupi. Apakah rancangan kementerian untuk menambah prasarana seperti berikut:

- (i) padang bola dan padang futsal. Ini kerana umum faham bahawa bola ini adalah satu-satunya sukan yang diminati oleh rakyat;
- (ii) struktur hoki ataupun padang *indoor hokey*, dengan izin, memandangkan sukan hoki juga telah mengharumkan nama negara; dan
- (iii) apakah rancangan tambahan arena kemudahan sukan-sukan lain di mana kita mempunyai potensi untuk berjaya di persada podium?

Terima kasih.

Datuk Saravanan A/L Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana kita sedia maklum, hari ini pembangunan sukan di seluruh dunia telah berubah daripada landskap asal di mana pembangunan teknologi memainkan peranan yang penting dalam kejayaan ataupun untuk menjayakan aktiviti-aktiviti sukan. Kita lihat di negara yang kita cintai dan sayangi, kemudahan-kemudahan asas untuk sukan walaupun mencukupi tetapi dari semasa ke semasa Kementerian Belia dan Sukan dan kerajaan menambah baik *facilities* yang sedia ada. Kita juga membina padang-padang dan kemudahan-kemudahan asas mengikut keperluan. Terima kasih.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan tahniah atas jawapan yang telah diberikan. Cuma saya ingin mendapatkan pandangan dan kepastian daripada Yang Berhormat Menteri soal sejauh mana peranan sekolah sukan hari ini sebab dalam soalan yang telah diutarakan sebelum ini menyebut juga soal sukan boleh menjadi alat atau *tools* kepada penyatuan kaum.

Jadi, sejauh mana peranan sekolah sukan yang berjaya memainkan peranan sebagai penyatuan antara kaum. Sejauh mana juga daripada kaum-kaum yang lain yang mengambil bahagian dalam

sekolah sukan. Mungkin juga ada pandangan untuk menambah sekolah sukan pada masa-masa yang akan datang. Mohon pandangan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Saravanan A/L Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita lihat sejarah negara kita, kalau kita banding dengan negara-negara Barat di mana negara-negara Barat telah menelan hampir 500 tahun melahirkan golongan sederhana. *They spent almost 500 years to create the middle class society*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi negara yang kita cintai telah melahirkan golongan sederhana dalam masa 50 tahun sahaja. Salah satu asas kejayaan kita melalui sukan. Di mana sukan telah memainkan satu peranan yang cukup penting untuk mengeratkan perpaduan dan silaturahim di antara warga Malaysia. Kita tidak boleh nafikan sukan telah memainkan peranan yang cukup penting untuk meletakkan di mana kita sekarang.

Kementerian juga telah membuat pelbagai kajian untuk mengatasi kelemahan kita. Salah satunya ialah selepas kegagalan kontinjen negara kita di Sukan Komanwel UNESCO di mana kita tidak mencapai sasaran. Maka selepas itu kita telah melantik juru perunding dari Australia, *Western Australia Institute of Sport* (WAIS) untuk dapatkan audit tersebut telah beri beberapa cadangan. Asas daripada cadangan itu kita lahirkan transformasi kita dan melancarkan transformasi sukan negara serta model sukan baru pada 12 Februari 2015 di mana langkah-langkah positif sedang diambil untuk mengatasi kelemahan kita. Terima kasih.

■1050

6. **Dato' Hoh Khai Mun** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan punca pencemaran perairan di sekitar pelabuhan Kuantan yang menyebabkan hasil laut tidak sesuai untuk dimakan, serta apakah langkah pemulihan untuk mengatasi isu pencemaran perairan tersebut.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Hoh Khai Mun. Berdasarkan ujian persampelan Jabatan Perikanan Malaysia sebab kita dapat data ini dari Jabatan Perikanan Malaysia, terdapat hasil laut yang terdiri daripada ikan dan kerang-kerangan yang dijalankan di sekitar perairan Pelabuhan Kuantan pada tempoh Ogos hingga September 2015 iaitu tahun ini bahawa sampel yang diambil menunjukkan bebas daripada bahan-bahan tercemar dan mematuhi standard Akta Makanan 1983. Ini bacaan daripada sampel yang kita peroleh dari Jabatan Perikanan Malaysia. Untuk ikan dan kerang-kerangan. Walau bagaimanapun, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar memandang serius terhadap masalah pencemaran akibat daripada aktiviti pengekstrakan bauksit di Kuantan. Pihak kementerian akui pada peringkat awal aktiviti perlombongan terdapat pencemaran di kawasan perairan sekitar Pelabuhan Kuantan yang berpunca daripada aktiviti pengurusan stok bauksit di Pelabuhan Kuantan dan sekitarnya yang kurang sempurna.

Bagaimanapun hasil daripada beberapa langkah yang diambil oleh pihak pengurusan Lembaga Pelabuhan Kuantan telah menyebabkan tahap pencemaran berkurangan sedikit. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sedikit makluman penting juga iaitu selain daripada aktiviti perkhidmatan dan pengendalian kargo bauksit, kawasan Pelabuhan Kuantan turut mempunyai premis-premis industri

pembuatan dan projek-projek pembangunan yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 seperti penapisan minyak masak, industri makanan, penyaduran paip, fabrikasi logam, pembuatan baja oleokimia, bengkel servis dan lain-lain dan bagi maksud kualiti air perairan di sekitar pelabuhan Kuantan, JAS mempunyai stesen kualiti air persisiran pantai berdekatan iaitu di Pantai Balok dan juga Cherating serta kuala Sungai Pengorak.

Jadi, hasilnya ialah nilai kuprum dan juga *E.coli* melebihi standard air marin kelas dua bagi kawasan rekreasi, maknanya tidak elok. Kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar berpendapat bahawa kawalan pencemaran di peringkat punca adalah lebih baik daripada mengadakan langkah-langkah pemulihan, maknanya kawalan lebih baik daripada pemulihan. Sehubungan dengan itu, penguatkuasaan terhadap punca-punca tertakluk kepada akta tersebut yang berkaitan oleh Jabatan Alam Sekitar akan tetap diteruskan dan dipantau rapi manakala pencemaran yang berpunca daripada aktiviti berkaitan bauksit di Pelabuhan Kuantan perlu disegerakan selaras dengan syor kementerian agar *best management practices* dipraktikkan dalam pengurusan *stockpile*, pengurusan air larian, pembukaan dari kawasan *stockpile* dan jalan raya, kaedah pengangkutan bauksit, kawalan debu serta kaedah pengangkutan bauksit ke atas kapal dan dalam pada masa yang sama, punca-punca lain yang tidak tertakluk di bawah Akta Kawalan Alam Sekitar 1974 seperti premis penyediaan makanan, pasar, hotel-hotel kecil dan lain-lain termasuk punca-punca tidak tetap di kawasan tersebut perlulah dikawal pelepasannya agar tidak mencemarkan alur air. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan, Dato' Hoh Khai Mun.

Dato' Hoh Khai Mun: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan daripada Yang Berhormat Menteri atas usaha bagaimana untuk mengawal dan menangani masalah pencemaran di perairan Kuantan. Soalan tambahan saya, adakah kementerian mempunyai perancangan atau undang-undang yang dapat memastikan bahawa pihak yang bertanggungjawab atau pun mereka yang menyebabkan pencemaran dapat dibawa ke mahkamah serta membayar kos untuk pemuliharaan kawasan yang dicemarkan. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Daripada segi kawalan dalam bentuk penguatkuasaan dan sebagainya, seperti yang saya sebut tadi kita ada akta-akta yang berkaitan dan daripada segi *seriousness* pihak kerajaan melakukan penguatkuasaan, sebenarnya banyak juga saman-saman yang telah pun dikeluarkan oleh pihak-pihak yang berkaitan seperti SPAD ataupun Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat dan jabatan-jabatan lain yang berkaitan. Maknanya ada, saya ada angka-angka dia dan pada masa yang sama, saya hendak sebutkan di sini adalah ini berkaitan dengan, saya faham maksud Yang Berhormat tadi yang berkaitan dengan aktiviti bauksit kerana ia banyak menjejaskan kualiti alam sekitar di sana.

Saya hendak sebut di sini iaitu NRE telah pun menganjurkan bengkel-bengkel mengatasi isu pencemaran di Kuantan akibat daripada aktiviti bauksit tersebut yang telah diadakan di Hotel Impiana,

Cherating dari 4 hingga 6 Oktober tahun ini. Bengkel ini telah disertai oleh pelbagai jabatan dan agensi di bawah NRE dan juga kementerian lain yang berkaitan seperti PTG Negeri Pahang, Lembaga Pelabuhan Kuantan dan Persatuan Pengusaha Lombong dan Pengangkutan. Maknanya semua pihak yang terlibat dan hasil dari bengkel ini telah pun dibawa ke Kabinet dan telah pun dengan izin, diendorse dan Yang Berhormat Menteri Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah pun mengadakan perbincangan dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang untuk tindakan selanjutnya. Maknanya dua-dua pihak, sama ada Kerajaan Pusat ataupun kerajaan negeri ada peranan masing-masing. Jadi perbincangan diteruskan dan *inshaaAllah* mudah-mudahan dalam tempoh yang tidak lama ada sesuatu yang sangat positif yang akan diumumkan tidak lama lagi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan dipersilakan Datuk Norliza.

Datuk Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada pihak kementerian, kepada Menteri. Soalan saya, sebagaimana yang kita tahu, di mana peranan kementerian dalam isu penggondolan bukit dalam pembangunan. Sebagai contoh, di Pulau Pinang begitu banyak bukit-bukti yang ditarah, digondolkan sehingga menyebabkan berlakunya banjir kilat baru-baru ini dan juga bahaya kepada penduduk sekitar. Jadi di mana peranan kementerian dalam hal ini dan saya juga ingin bertanya, sama ada apabila setiap pembangunan itu dibuat, selalunya kita memerlukan kelulusan daripada EIA sekiranya ia 250 kaki dan ke atas. Jadi saya ingin bertanya adakah perlu bagi setiap pembangunan maknanya tidak kisah sama ada ia 250 kaki ke bawah atau ke atas, setiap pembangunan yang perlu dilaksanakan perlulah mendapat kelulusan daripada kementerian dahulu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Soalan ini agak terkeluar sedikit daripada soalan asal, walau bagaimanapun, ada perkara baik saya hendak sebut di sini iaitu apabila sahaja Yang Berhormat Menteri, Ahli Parlimen dari Santubong iaitu Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar mengambil alih kepimpinan kementerian ini, satu perkara yang sangat *significant* berlaku ialah Yang Berhormat Menteri telah pun menandatangani salah satu daripada keperluan EIA di mana sekiranya dahulu EIA ataupun *Environmental Impact Assessment* ini perlu dibuat bagi kawasan yang bakal dibuat pembinaan melebihi 50 hektar tetapi sekarang telah pun diturunkan kepada 20 hektar. Maknanya daripada 50 hektar besar kepada 20 hektar yang lebih kecil, kawasan kecil 20 hektar ke atas pun perlu ada EIA dan bagi kawasan penambakan laut tidak kira apa keluasan. Saya pernah bergurau dengan rakan-rakan- walaupun saiznya ciput, kecil perlu ada EIA.

■1100

Ini di antara. Jadi persoalan yang disebut oleh Yang Berhormat tadi itulah di antara beberapa perkara yang kita buat pendekatan baru untuk kita lebih pantau segala aktiviti yang boleh menyebabkan

pencemaran. Jawapan saya terima pun seperti yang saya cakapkan tadi. Maksud yang itu, bagi projek pembangunan yang tertakluk perintah EIA laporan ini perlu disediakan dan dikemukakan untuk kelulusan JAS maknanya semua sekalilah. Sekian terima kasih.

7. Datuk Dr. Lucas Umbul minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, apakah usaha-usaha Kementerian dalam program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) bagi mencapai peningkatan penyaluran bekalan tenaga elektrik daripada 94 peratus sekarang kepada 99 peratus menjelang 2020.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:

Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul yang bertanya. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kerajaan sentiasa komited untuk memberi kemudahan bekalan elektrik kepada semua penduduk di kawasan luar bandar di seluruh negara. Usaha untuk menyediakan semua kemudahan ini merupakan usaha berterusan dan menjadi keutamaan kerajaan bagi memastikan sasaran liputan bekalan elektrik di seluruh negara dapat mencapai 99% menjelang tahun 2020, nanti. Kementerian dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas ini telah merancang untuk menyambung bekalan elektrik 24 jam kepada 36,816 buah rumah di seluruh negara. Berdasarkan kepada prestasi pelaksanaan projek semasa, kementerian yakin sasaran yang ditetapkan akan dapat dicapai pada akhir tahun 2019, nanti. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang amat jelas dan baik sebentar tadi. Sebagaimana yang kita sedia maklum, kemudahan bekalan elektrik luar bandar ini amat penting bagi masyarakat luar bandar khususnya di seluruh Malaysia. Soalan tambahan saya, bagi memastikan segala projek luar bandar termasuk projek BLB di negeri Sabah dapat dilakukan dalam tempoh masa yang diberikan atau boleh disiapkan lebih cepat dan adakah kerajaan bersedia mempertimbangkan permintaan Kerajaan Negeri Sabah agar lebih banyak kuasa kawalan dalam pengendalian projek pembangunan luar di Sabah diberikan kepada kerajaan negeri dan adakah kerajaan bersedia mengkaji semula kaedah yang diguna pakai dalam melantik dan memantau kontraktor yang akan menjalankan projek BLB khususnya di negeri Sabah dan Sarawak. Sekian terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum saya menjawab Yang Berhormat, saya boleh memberi maklumat tentang BLB di Sabah, untuk makluman Yang Berhormat sedikit. Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, di Sabah pencapaian kita buat masa sekarang 95% liputan bekalan elektrik luar bandar di seluruh negeri Sabah. Di mana 38,599 buah rumah dipasangkan elektrik.

Jadi, untuk 2016 ini, RM478 juta telah diperuntukkan di negeri Sabah untuk tujuan bekalan elektrik luar bandar. Kepada soalan ataupun cadangan daripada Yang Berhormat tadi bagaimana kita boleh buat penambahbaikan pelaksanaan projek-projek di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini, baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sendiri sudah sampai ke Sabah dan berjumpa dengan Ketua Menteri Sabah dan mereka telah menubuhkan satu *standing Committee*- Jawatankuasa Bersama penyelarasan projek-projek di Sabah. Jadi

diharapkan dengan adanya jawatankuasa penyelarasan ini nanti dan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah bersama dengan Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah banyak yang boleh kita buat penambahbaikan dari segi kaedah-kaedah yang perlu ditambahbaikkan caranya bagaimana semua projek Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini boleh kita buat ataupun ditingkatkan. Ya, Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya bekalan elektrik luar bandar ini nampak saya *target* kita untuk meletakkan ataupun memberi operasi 24 jam tidak akan tercapai jika kita tidak melihat kaedah-kaedah yang perlu kita tingkatkan. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri Luar Bandar, adakah kaedah solar digunakan. Kita tahu bahawa sekarang ini untuk gunakan talian grid ke kawasan pedalaman agak sukar menggunakan sistem konvensional yang sedia ada. Selain daripada gen set yang selama ini digunakan di rumah-rumah panjang. Jadi, adakah sistem solar ini menjadikan suatu penyelesaian masalah untuk kita bagi keseluruhan rumah-rumah dalam kawasan pedalaman Sabah ini menggunakan sistem solar dan sejauh mana sistem solar ini boleh memberi impak kepada rakyat di pedalaman Sabah dan Sarawak.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ya, soalan yang dibangkit jawapan yang tepat. Solar, Yang Berhormat memang sistem solar ini kita gunakan dalam kaedah-kaedah yang kita bekalkan elektrik luar bandar. Sebenarnya talian grid satu sistem solar satu juga kita guna mikro hidro. Kita tidak ambil kira generator set yang dibeli oleh pengguna sendiri.

Jadi sistem solar hibrid ini memang kita guna pakai dan sekarang pun ada program di Sabah dan Sarawak di jauh di pedalaman termasuk di kawasan saya di Kapit. Sistem solar ini sudah mula digunakan dan ada sesetengah tempat kita gunakan sebagai perintis dahulu sebab sistem solar ini agak mahal juga. Jadi, kita hendak kepuasan di mana *value for money* boleh dikatakan begitulah. Akan tetapi, sesungguhnya memang mahal. Walaupun begitu mahal, kita gunakan untuk mereka yang duduk jauh di luar bandar yang talian grid ini sudah pasti tidak akan sampai dan mungkin di kawasan itu juga kita tidak dapat gunakan mikro hidro dan kita gunakan sistem solar ini. Sudah dipakai juga, sekian terima kasih.

8. Datuk Seri Nalla K. S. minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan apakah tindakan tegas yang akan diambil kepada peniaga asing yang menaikkan harga barangan dan mengambil kesempatan dengan menggunakan alasan kenaikan tol sebagai punca

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Seri Nalla atas soalan kepada kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali dengan pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg, dan Senator Datuk Abdullah bin Mat Yassim pada 21 Disember 2015 kerana ia

menyentuh perkara yang sama iaitu langkah dan tindakan yang diambil oleh kementerian untuk membendung kenaikan harga oleh peniaga.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah mengambil beberapa tindakan secara proaktif bagi menangani kenaikan harga barang keperluan yang dilakukan oleh mana-mana pihak termasuk peniaga warga asing yang memanipulasikan keadaan untuk menaikkan harga secara tidak munasabah.

Tindakan-tindakan yang telah diambil ialah seperti berikut; pertama, Tuan Yang di-Pertua ialah menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dan juga peraturan-peraturan kawalan harga dan Anti Pencatutan iaitu mekanisme untuk menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah dan juga margin keuntungan bersih 2014. Akta dan peraturan ini memperuntukkan mekanisme bagi menentukan pencatutan sebagai usaha memastikan tindakan penguatkuasaan yang berkesan ke atas mana-mana pihak yang mengambil kesempatan menaikkan harga atau *charge* bagi perkhidmatan sewenang-wenangnya.

■1110

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan gerak gempur secara terancang dan berfokus melalui operasi penguatkuasaan ke atas keseluruhan rangkaian pengedaran barangan dan perkhidmatan di seluruh negara. Untuk menangani kenaikan harga barang dan caj bagi perkhidmatan yang tidak berpatutan dalam pasaran melalui Ops Catut yang telah berkuat kuasa pada 15 Januari yang lalu sehingga kini. Operasi ini digerakkan sebagai petanda bahawa kerajaan tidak akan berkompromi dan akan bertindak serius terhadap mana-mana pihak yang cuba mengambil kesempatan menaikkan harga tanpa sebarang sebab yang munasabah.

Ketiganya penguatkuasaan yang tegas melalui pengeluaran notis di bawah seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga tinggi secara ketara. Notis ini diwajibkan peniaga mengemukakan penjelasan dan maklumat mengenai kenaikan harga ini merupakan satu langkah pengawalan peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab dan memanipulasikan harga. Peniaga yang gagal atau enggan memberi penjelasan terhadap kenaikan tersebut atau gagal mengemukakan maklumat yang diarahkan boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah akta ini.

Keempatnya Tuan Yang di-Pertua, kita juga melaksanakan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan. Untuk menyekat kenaikan harga yang tidak munasabah semasa permintaan tinggi pada musim-musim perayaan. Semalam Yang Berhormat Menteri telah pun mengumumkan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan bagi Deepavali yang akan bermula sedikit hari lagi. Ini termasuklah Tahun Baru Cina, Pesta Gawai, Hari Raya Puasa dan sebagainya.

Kelimanya kerajaan juga mewajibkan peniaga runcit untuk meletakkan tanda harga di atas barang-barang yang dipamerkan bagi senarai harga di bawah perintah kawalan harga iaitu penandaan harga.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan sedikit kepada Dewan yang mulia ini, sehingga 14 Disember sebanyak 170 kes. Ini Yang Berhormat Senator Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg bertanya mengenai kes-kes. Sehingga 14 Disember, kes sebanyak 170 Kertas Siasatan melibatkan kesalahan pencatutan dibuka di bawah akta ini iaitu:

- (i) sebanyak 115 Kertas Siasatan di bawah seksyen 14(1), kerana mencatat;
- (ii) sebanyak 49 Kertas Siasatan di bawah seksyen 2(5) kerana enggan atau gagal memberi maklumat maklum balas apabila notis telah dikeluarkan; dan
- (iii) sebanyak 6 Kertas Siasatan di bawah seksyen 53A kerana tidak menyimpan rekod.

Ini kes-kes yang telah kita ambil dan daripada jumlah tersebut 16 kes telah didakwa di Mahkamah Sesyen Khas Anti Pencatutan iaitu masing-masing tujuh kes di bawah seksyen 14 dan sembilan kes di bawah seksyen 21, 14 kes telah disabit kesalahan dengan jumlah keseluruhan denda lebih daripada RM400,000 telah kita kenakan. Dua kes lagi dituduh namun masih lagi dalam tindakan pendakwaan dan 13 telah di kompaun dan 10 kes di bawah seksyen 14(1), tiga kes di bawah seksyen 21(5). Keseluruhan kompaun yang dikenakan. jumlah lebih daripada RM535,000 yang telah kita kenakan. Enam kes yang telah selesai di kompaun jumlah keseluruhan kompaunnya RM115,000 dan manakala ada lagi tujuh kes keseluruhan tawaran kompaun jumlah RM420,000 masih lagi dalam peringkat rayuan dan belum dijelaskan. Ini tindakan-tindakan yang telah kita ambil sepanjang tempoh yang saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Saya mahu tanya Menteri soalan tambahan tetapi dia sudah jawab semua saya punya soalan tambahan, paling pandai. Soalan tambahan saya tanya sedikit Yang Berhormat Menteri, adakah kementerian mengadakan rundingan dengan Kementerian Dalam Negeri untuk memastikan kesan, akibat langsung yang mungkin terlibat? Yang Berhormat Menteri saya kasi tolong sedikit, di Selangor seluruh negara kita, kampung-kampung ada kedai runcit dan 'kopi kedai' dan, dengan izin, *hair dressing salon*. Ini yang orang asing yang ada di kedai kampung-kampung semua. Apakah tindakan kementerian mahu angkat untuk ini? Tolong berikan. Terima kasih.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Yang Berhormat tanya tindakan-tindakan di kopi kedai kah kedai kopi, mungkin samalah itu. Kopi kedai dengan kedai kopi. Yang Berhormat Senator, jawapan yang saya jelaskan tadi memang merangkumi bila Yang Berhormat kata bila belum tanya lagi sudah habis jawab. Ini Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah selalu dia macam itulah. Satu kali tanya, 100 kali jawab [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan tambahan. Kementerian, memang kita telah mengadakan penguatkuasaan ini bersama dengan agensi-agensinya di bawah Kementerian Dalam Negeri iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), pihak kastam dan juga pihak penguat kuasa Maritim Malaysia kerana

di perairan dan juga dengan Jabatan Peguam Negara termasuklah pihak PBT. Jadi penguatkuasaan yang kita jalankan ini melihatkan keseluruhan di bawah NBOS untuk kita pastikan supaya tindakan-tindakan dapat kita ambil.

Untuk makluman Yang Berhormat, agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri terutama dengan pihak kastam. Kita telah mengadakan lebih daripada 270 operasi bersepadu bersama dengan pihak kastam apabila GST ini telah dilaksanakan mulai pada 1 April yang lalu. Dengan pihak agensi yang lain terutama apabila Yang Berhormat menyebut mengenai dengan peniaga-peniaga asing iaitu dengan pihak imigresen. Dengan pihak imigresen ini masih lagi kita dalam perancangan, dengan pihak imigresen bersama dengan KPDNKK.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga kita baru-baru ini telah mengadakan operasi bersepadu yang diterajui oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) di bawah Operasi Penguatkuasaan Total, disebut operasi itu Tuan Yang di-Pertua. Jadi operasi ini dianggotai oleh semua agensi penguatkuasaan kerana kita merasakan perlu dan termasuklah juga Jabatan Imigresen. Ini kerana apabila Yang Berhormat sebut tadi peniaga-peniaga asing, kita hendak pastikan sama ada peniaga-peniaga itu mempunyai kebenaran ataupun tidak. Jadi kita buat operasi kita namakan Operasi Penguatkuasaan Total jadi termasuk Jabatan Imigresen. Kita telah menasaskan terutama yang pertamanya kita telah laksanakan operasi ini di kawasan Brickfield di Kuala Lumpur dan sekarang ini operasi ini telah masuk fasa yang ketiga.

Jadi makna kata operasi total ini akan kita gerakkan bersama dengan agensi-agensi yang lain kerana melibatkan peniaga-peniaga asing yang terdapat. Kadang-kadang peniaga-peniaga asing ini Tuan Yang di-Pertua, menaikkan harga yang tidak munasabah sewenang-wenang mengikut suka hati mereka. Jadi sebab itu Operasi Penguatkuasaan Total ini kita laksanakan sekarang. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri, jawapan yang cukup jelas dan komprehensif dalam memberikan kelegaan kepada rakyat. Terutama dalam suasana pada hari ini yang harga barang sentiasa naik. Yang Berhormat isu harga barang naik satu isu yang cukup kritikal yang akan menyebabkan ketidakpuasan hari rakyat. Saya merasakan sewajarnya kementerian mengambil tindakan yang lebih agresif untuk memastikan mereka tidak bertanggungjawab ini diambil tindakan. Agar tidak sewenang-wenangnya menaikkan harga dengan menggunakan sebab-sebab seperti GST lah, tol dan harga minyak dan berbagai-bagai.

■1120

Di samping mereka menaikkan harga barang ini terutama barang-barang yang bukan barang-barang kawalan tidak kira peniaga-peniaga asing ataupun rakyat Malaysia sendiri, saya nampak banyak juga perbuatan-perbuatan yang agak kurang baik yang dilakukan yang sepatutnya pihak kementerian mengambil tindakan.

Saya hendak memberi beberapa contoh. Di samping mereka menaikkan harga sewenang-wenangnya, kita juga mendapati banyak peniaga besar seperti *hypermarket* yang sering mengurangkan

spec kualiti produk mereka iaitu *downgrade* kualiti produk mereka jika kita bandingkan dengan *spec* asal. Ini pertama dilakukan di kalangan peniaga-peniaga besar *hypermarket*, itu yang pertama.

Kedua juga, saya merasakan terdapat juga peniaga-peniaga ini, *hypermarket* ini menggunakan konsep lambakan produk yang hampir luput. Tamat tempohnya hampir luput, mereka melambakkan. Ini saya merasakan merupakan satu langkah penipuan kepada rakyat yang semakin menghadapi masalah kesukaran untuk membiayai kehidupan mereka. Mohon jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Memang kita akui apa yang Yang Berhormat sebutkan tadi. Oleh sebab itu bagi segi penguatkuasaan ini adalah amat-amat penting untuk kita memastikan supaya apa yang Yang Berhormat sebut tadi dapat kita mengambil tindakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita sentiasa mengadakan bagi segi- yang pertama sekali untuk hendak kawal ini ialah penguatkuasaanlah, penguatkuasaan kerana melalui penguatkuasaan ini sahaja mungkin peniaga-peniaga ini akan merasai bahawa segala tindakan mereka itu diberi ataupun diperhatikan oleh kementerian dan juga pegawai-pegawai penguat kuasa.

Jadi sebab itu sepanjang tahun ini mulai dari awal Januari dulu sehingga hari ini, kita telah melaksanakan lebih daripada 1.8 juta pemeriksaan. Jadi, sentiasa kita turun ke lapangan untuk membuat pemeriksaan kerana seperti yang saya sebut, kita akan buru peniaga-peniaga yang tidak beretika ini kerana segelintir peniaga yang sebegini, Tuan Yang di-Pertua, sebab itu terpalit keseluruhan peniaga-peniaga yang lain. Jadi, kementerian, kita akan buru peniaga-peniaga yang sebegini kerana itu jugalah harapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa penggulungan dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini minta supaya penguat kuasa ini dilipat-gandakan.

Jadi kita akan mendapat kerjasama daripada agensi-agensi yang lain yang telah pun memberi tawaran kepada kita supaya penguatkuasaan ini akan digerakkan dengan lebih efisien lagi, dengan lebih ketara kerana ini hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengekang kenaikan harga-harga barang ini. Seperti Yang Berhormat sebut tadi, peniaga-peniaga besar mengenai dengan mungkin lambakan dan mungkin sesuatu tindakannya. Akan tetapi pada tanggapan kementerian, kita merasakan mungkin peniaga-peniaga besar ini dia tidak akan mengambil sesuatu tindakan yang boleh sesuatu pandangan ataupun dilihat oleh pembeli terutamanya pengguna kerana mereka telah melaburkan dengan jumlah pelaburan yang begitu banyak, begitu besar jumlahnya, boleh dikatakan berbilion-bilion ringgit di seluruh negara. Mungkin mereka akan memberi kerjasama supaya peniaga-peniaga besar ini jangan mengambil tindakan yang sewenang-wenangnya seperti Yang Berhormat sebut tadi dan kita ketahui mengenai dengan lambakan barang yang sudah pun hendak tamat. Ini ada juga terlibat Tuan Yang di-Pertua.

Apabila kita buat pemeriksaan, selalunya apabila musim-musim perayaan. Apabila dibuat sumbangan ataupun di dalam hamper-hamper, kita selalu melihat- sebab itu hamper ini barangnya

kadang-kadang agak murah. Jadi kalau sudah dibuat, dibalut begitu rupa, rupa-rupanya barang-barang di dalam itu ada juga yang tarikhnya belum luput tetapi akan luput dalam tempoh yang begitu dekat.

Jadi ini pun ada kita perhatikan dan kita harap pengguna dapat kalau boleh jangan beli barang yang sudah pun dibungkus. Lebih baik kita pilih barang-barang itu supaya dibungkus kerana kita boleh dapat... [Disampuk] Yalah, kalau kit makanan itu lain. Akan tetapi kalau ini yang disediakan oleh *supermarket*, pasar raya semasa musim perayaan, memang kadang-kadang terdapat mungkin tempoh luputnya agak terlalu singkat. Kadang-kadang kita balik, *tak dan* makan habis lagi, tarikh itu sudah luput. Jadi kita harap, pengguna mesti menjadi pengguna yang bijak supaya kita jangan tertipu. Kadang-kadang ada peniaga yang saya sebut tadi mengambil kesempatan dari musim-musim perayaan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

9. Datuk Yoo Wei How minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, cara pelaksanaan Jawatankuasa Kemahiran Industri bagi menyelaras program TVET di negara kita.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Kemahiran Industri (JKI) sebagai Ahli Majlis Modal Insan Negara akan bekerjasama dengan Jawatankuasa- *Single Governance Body* untuk membangunkan program latihan teknikal dan vokasional yang bersesuaian dengan kehendak industri.

JKI mempunyai dua kumpulan kerja iaitu Kumpulan Kerja Industri ataupun *Industrial Working Group* (IWG) dan Kumpulan Kerja Keperluan Kritikal Modal Insan atau *Critical Skills Get Working Group* (CSGWG). IWG diketuai oleh MIDA dan Jabatan Pembangunan Kemahiran manakala CSGWG diketuai oleh *TalentCorp* Malaysia dan *Institute for Labour Market Information and Analysis* (ILMIA).

IWG bertanggungjawab mengenal pasti permintaan modal insan dan tahap kemahiran yang diperlukan oleh 10 sektor industri yang kritikal iaitu *electricals and electronics (E&E), medical devices, chemical and petrochemical, oil and gas, automotive, machinery and equipment and advanced engineering, pharmaceutical, information content and infrastructure, aerospace, maritime and services, logistic, finance and construction*. Pada masa yang sama, kumpulan ini juga bertanggungjawab untuk memastikan *National Occupation Skills Standard* (NOSS) dibangunkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) untuk membaiki program dan sukatan pelajaran TVET mengikut standard kemahiran yang diperlukan bagi 10 sektor industri berkenaan.

Sementara itu, CSGWG bertanggungjawab untuk menyediakan *critical occupation list (COL)* berdasarkan analisis *National Labour Data* yang diperolehi dari Jabatan Perangkaan Malaysia (DOS) dan maklum balas daripada 10 buah industri kritikal berkenaan. Senarai ini akan mengenal pasti pekerjaan-pekerjaan yang kritikal dalam 10 sektor tersebut dan seterusnya digunakan untuk menyelaras pelaksanaan dasar berkaitan program TVET di Institusi Latihan dan Pendidikan Tinggi serta sektor industri.

JKI seterusnya akan mencadangkan penambahbaikan berkaitan dasar dan strategik bagi program TVET di institusi latihan dan pendidikan tinggi berdasarkan input daripada kedua-dua kumpulan kerja tersebut menerusi kertas kerja yang akan dikemukakan kepada Majlis Modal Insan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

Datuk Yoo Wei How: Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita memang rasa gembira bahawa dalam RMKe-11 ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah mengumumkan bahawa kerajaan akan menitikberatkan dalam bidang TVET ataupun dalam vokasional.

■1130

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia pun cakap kan, banyak kementerian, termasuk Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kerja Raya, semua kementerian ini mempunyai kursus-kursus ataupun bidang-bidang yang ada kena mengena dengan TVET itu. Akan tetapi sekarang datang lagi satu kementerian iaitu MITI. Saya ingin tanyakan bahawa adakah kewujudan JKI ini akan menyebabkan kekeliruan ataupun penindihan terhadap bidang tugas setiap agensi kerajaan yang mempunyai kepentingan dalam pembangunan kemahiran di dalam industri? Terutamanya seperti Jabatan Tenaga Manusia yang di bawah Kementerian Sumber Manusia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, JKI yang diselia oleh MITI bertanggungjawab memberikan input daripada segi permintaan modal insan dan tahap kemahiran yang diperlukan oleh 10 sektor industri yang kritikal. Berdasarkan input-input ini, JKI akan memberikan cadangan penambahbaikan berbentuk dasar pada Jabatan Pembangunan Kemahiran dan Institusi Pengajian Tinggi memperbaiki program dan sukatan pelajaran TVET mengikut standard kemahiran yang diperlukan. JKI juga akan merujuk kepada agensi-agensi yang berkaitan seperti MQA, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Malaysia, JobsMalaysia dan Pembangunan Sumber Manusia Berhad yang merupakan ahli-ahli jempunan jawatankuasa ini.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Selari dengan Strategi Lautan Biru Kebangsaan, JKI akan menyelaraskan bidang tugas serta input yang diberikan oleh agensi-agensi ini. Bagi mengelakkan pertindihan sebelum cadangan penambahbaikan tersebut dibentangkan kepada Majlis Modal Insan. Mekanisme ini merupakan tindakan yang saling melengkapi atau *complimentary* iaitu memperkasakan penawaran atau *supply*, dengan izin, tenaga kemahiran dalam memenuhi permintaan atau *demand* sektor industri. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, soalan tambahan yang kedua, Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi, silakan.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita faham bahawa di dalam Belanjawan 2016, Perdana Menteri mengumumkan lebih kurang RM4.8 bilion untuk TVET institut ini. Kita juga tidak mahu melihat Yang Berhormat Menteri, pada satu ketika dulu pernah berlaku, kita kekurangan *nurses*, jururawat-jururawat. Seinggakan dijanjikan pada ketika itu, kita perlukan setiap rumah orang-orang kaya ini akan ada jururawat untuk menjaga pesakit di rumah. Kita dijanjikan begini. Akan tetapi akhirnya, kita jumpa jururawat-jururawat yang kerjanya cuci tandas kerana tidak ada kerja. Jadi, kita mengalu-alukan TVET ini.

Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah kementerian akan memaksa industri-industri ini supaya mengambil mereka ini? Yang Berhormat Menteri sebut tadi, daripada segi teknikalnya, daripada segi *aerospacenya*, daripada segi *oil and gasnya*. Saya yakin dan percaya kalau mereka ini tidak dipaksa, syarikat-syarikat ini tidak dipaksa, maka kita akan kecundang sekali lagi. Kalau kita lihat sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat *information* bahawa sekarang ini sudah ada sebuah kolej yang melatih *driver-driver* dari luar negara. Dari Myanmar dan Bangladesh. Mereka ini dilatih untuk membawa kereta menggunakan GPS, *tracking system* dan kita tentu sekali berminat kerana *driver-driver* akan tinggal di rumah kita. Mereka juga akan menjadi *bodyguard* kita dan mereka ini bila tinggal di rumah, mereka juga akan menjaga isteri-isteri kita. Sakit tengah malam. Ini maksud saya, Yang Berhormat. Jangan salah faham. Tengah malam sakit, tidak ada masalah, senak perut tengah malam, mereka ini duduk dengan kita. Di *trained* sedemikian rupa.

Jadi, kalau kementerian tidak memaksa syarikat-syarikat ini mengambil mereka ini yang telah kita latih, saya tidak nampak jalan. Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kementerian menuju ke arah itu? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, itulah tujuan Jawatankuasa ini yang di mana Jawatankuasa ini mengenal pasti permintaan atau keperluan pasaran industri ini daripada segi *demand* daripada segi industri. Kemudian, Jawatankuasa ini akan merujuk kepada *supply* iaitu pengajian tinggi, vokasional dan teknikal. Supaya institusi ini boleh melahirkan atau bagi kursus untuk modal insan yang melahirkan modal insan supaya boleh *disupply* kepada industri. Sekian, terima kasih.

10. Tuan Wilfred Yong Chen Leong minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, kesan penyusutan nilai Ringgit terhadap makanan asas yang diimport serta jumlah bilangan makanan asas yang diimport tahun ini berbanding tahun lepas.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Wilfred Yong Chen Leong. Jawapan kepada soalan Yang Berhormat Senator, penyusutan Ringgit Malaysia akibat daripada pertukaran wang asing atau *exchange rate* yang telah berubah sebanyak hampir 30% sejak tahun 2014 sehingga hari ini daripada RM3.3 sama dengan USD1 pada hari ini RM4.3 sama dengan USD1. Perbezaan penyusutan lebih kurang 30%. Namun begitu, bekalan makanan utama dalam negara tidak terjejas. Dalam erti kata bekalan cukup, harga pun kita kekalkan. Beras yang diimport tetap sama iaitu beras putih umpamanya, yang diimport pada tahun 2014, 678 ribu metrik tan, pada

tahun 2015, 651 ribu metrik tan. Perbezaan lebih kurang 28 ribu metrik tan saja. *Very marginal* daripada segi perbezaan.

Harga pun tidak berubah, *maintain*. Kenaikan import kos itu ditanggung oleh BERNAS. BERNAS hendak sangat *consession*, tanggunglah dalam keadaan begini ya tak? Masa untung-untung, masa rugi kenalah tanggung juga rugi. Jadi, daripada segi beras, daripada segi daging pun, kita import tahun 2014, 147 ribu metrik tan, pada tahun ini 2015, 139 ribu metrik tan dan daging kambing biri-biri 29 metrik tan, tahun ini 27 ribu metrik tan. Jadi, tidak ada pengurangan daripada bekalan dan harga pun terkawal. Daripada segi *local production*, beras dan lain-lain bahan makanan terjejas daripada segi *cost factor*. Akan tetapi harga tidak jauh berubah kerana kebanyakan daripada peningkatan kos seperti baja, racun dan sebagainya ditanggung oleh kerajaan. Buat masa ini kerajaan masih lagi *subsidize* daripada segi peningkatan harga kos baja dan sebagai. Jadi, itulah yang saya ingin jelaskan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, kerana masa tidak mengizinkan, setakat itu sajalah soalan-soalan lisan kita pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat.]

■1140

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.40 pg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputuskan Rang Undang-undang Perbekalan 2016, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu, 16 Disember 2015.”

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2016****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan yang ditangguhkan atas masalah bahawa, "Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". **[14 Disember 2015]**

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya mempersilakan Kementerian Kemajuan Luar Bandar untuk menjawab seterusnya.

11.41 pg.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan pelbagai isu berkaitan dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah semasa perbahasan Bajet 2016 tempoh hari. Saya akan menjawab berdasarkan isu-isu dan tajuk-tajuk yang telah pun dibangkitkan.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman dan Yang Berhormat Datuk Abdullah bin Mat Yassim mencadangkan supaya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dijenamakan semula dan menukar nama kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Keusahawanan. Yang Berhormat juga mencadangkan supaya Amanah Ikhtiar Malaysia diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan dicadangkan juga KKLW mewujudkan bank luar bandar, dan seterusnya dicadangkan supaya KKLW membangunkan ekonomi luar bandar. Ada empat isu yang dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan untuk menukar nama Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Keusahawanan dan meletakkan AIM ataupun Amanah Ikhtiar Malaysia di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar, sebenarnya perkara ini juga menjadi resolusi di dalam Kongres Pemerkasaan Luar Bandar yang telah diadakan pada 1 hingga 3 Disember 2015 yang lepas. Walau bagaimanapun, oleh sebab AIM terletak di bawah kementerian yang lain, jadi tentulah persetujuan daripada kementerian tersebut perlu diperolehi dahulu sebelum diletakkan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar.

Manakala untuk penjenamaan semula untuk menukarkan nama kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Keusahawanan, pihak kementerian akan mencadangkan perkara ini untuk dibawa ke dalam Kabinet bagi mendapatkan persetujuan.

Bagi menubuhkan bank luar bandar ataupun *rural bank*, perkara ini memang terdapat dalam cadangan pihak kementerian. Walau bagaimanapun, perkara ini perlulah mendapat persetujuan dari Bank Negara dahulu kerana untuk menubuhkan bank, tentu sahaja syarat utamanya ialah untuk mendapatkan kelulusan daripada pihak Bank Negara sama ada daripada segi nama ataupun dari segi persetujuan untuk menubuhkan bank tersebut.

Mengenai pembangunan ekonomi luar bandar, saya ingin maklumkan kepada Dewan bahawa Kementerian Luar Bandar telah pun melancarkan Program Transformasi Luar Bandar bertemakan 'Membandarkan Luar Bandar' pada 20 November 2015. Antara transformasi yang dicadangkan adalah untuk menjana pendapatan tinggi penduduk luar bandar melalui aktiviti ekonomi, keusahawanan, mewujudkan peluang pekerjaan serta penglibatan pihak swasta.

Kementerian akan mewujudkan model baru pendapatan tinggi penduduk luar bandar dan model baru ini mempelbagaikan pendapatan luar bandar supaya tidak hanya bergantung kepada satu sumber pendapatan dengan mewujudkan rangkaian nilai di dalam industri pekebun kecil dan pembangunan industri hiliran. Selain daripada itu, memperbanyakkan peluang pekerjaan di kawasan luar bandar.

Beberapa inisiatif yang akan dilaksanakan sebagai contohnya, menaik taraf kedai-kedai di luar bandar, menjadikan minimum sekurang-kurangnya satu kampung satu usahawan, mewujudkan *Rural Premium Outlet* bagi meningkatkan kebolehpasaran kepada produk-produk luar bandar, memperluaskan perniagaan *online business* bagi usahawan luar bandar, mengantarabangsakan produk luar bandar dengan *tagline*, 'Dari Desa ke Global', ataupun '*From Rural to Global*', melibatkan penduduk luar bandar dalam pertanian iaitu menumpukan pertanian yang bolehpasaran, dan seterusnya melibatkan penduduk luar bandar di dalam industri hiliran dan sebagainya. Ini antara perkara-perkara yang telah pun kita rancang bagi meningkatkan pendapatan penduduk di luar bandar dan juga membangunkan ekonomi luar bandar.

Jadi apabila kita sebut membandarkan luar bandar, bermakna imej bandar itu akan dibawa ke luar bandar. Maknanya bukan sahaja pembangunan daripada segi infrastruktur tetapi juga daripada segi ekonomi kerana kita tahu bandar merupakan punca ekonomi yang menyebabkan penghijrahan penduduk luar bandar terutamanya golongan belia dari luar bandar ke bandar. Kalau boleh, kita hendak mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan pendapatan kepada penduduk di luar bandar supaya kita dapat mengurangkan penghijrahan. Ketiganya daripada segi transformasi minda supaya keterbukaan minda dan progresifnya minda di bandar kita boleh bawa ke luar bandar dan sebagainya.

Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok mencadangkan dan...

Tuan Yang di-Pertua: Ada seorang bangun, Yang Berhormat. Silakan.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum Yang Berhormat Menteri tukar subjek berhubung dengan masalah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat.

Pada saya, sumber kewangan dan pengetahuan berhubung dengan selok-belok kewangan adalah mustahak jika kita hendak membandarkan luar bandar dan juga untuk *encourage business*,

dengan izin, dari luar bandar. Saya fikir bank luar bandar ini adalah mustahak tetapi kalau oleh sebab-sebab tertentu, maklumlah kita dikatakan sekarang banyak sangat bank, Bank Rakyat, Bank Islam, Maybank dan sebagainya, tidakkah boleh- apa pandangan Yang Berhormat kalau kita *re-introduce* dengan izin, *mobile banking* yang pernah kita adakan 20 tahun dahulu oleh Bank Bumiputera? Ini supaya penduduk-penduduk luar bandar ini sekurang-kurangnya seminggu sekali dapat berhubung dengan bank secara terus menerus dengan adanya *mobile banking* ini di mana bank-bank yang berkenaan pergi ke kawasan-kawasan luar bandar untuk memberi kemudahan bank seperti di bandar-bandar. Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat. Daripada segi idealnya memang kita memang berminat untuk mewujudkan bank sendiri misalnya di bawah MARA. Sebenarnya MARA mampu untuk mewujudkan bank sendiri kerana dana yang dipunyai oleh MARA pun adalah begitu besar sekali. Akan tetapi seperti saya beritahu, untuk mewujudkan bank baru agak sukar.

■1150

Mungkin kita akan melihat kepada bank-bank sedia ada yang boleh kita kerjasama ataupun ambil alih daripada segi ekuiti dan sebagainya. Akan tetapi untuk peringkat awal supaya kemudahan kepada masyarakat luar bandar dengan institusi perbankan ini, kita bercadang untuk mewujudkan agen-agen bank misalnya di premis-premis luar bandar yang mana kita juga di bawah KKLW mempunyai mini-mini RTC ataupun seperti yang saya sebut tadi kedai-kedai yang dinaik taraf. Kedai-kedai luar bandar yang telah dinaiktarafkan juga boleh kita jadikan sebagai pusat ataupun agen kepada bank-bank yang ada.

Pada hari ini pun kalau kita lihat di bawah Agro Bank pun telah pun mempunyai agen di luar bandar, Bank Rakyat mempunyai agen melalui koperasi-koperasi juga di luar bandar. Saya kira ini juga merupakan salah satu daripada usaha untuk membawa *facility* bank ke luar-luar bandar. Jadi tidak bermakna kalau kita tidak ada bank, masyarakat luar bandar tidak begitu jauh dengan *facilities* bank ini. Akan tetapi seperti yang saya sebut Bank Rakyat, Agro Bank dan sebagainya telah pun mempunyai ini. Kita boleh mengadakan kerjasama dengan pihak bank-bank yang sudah ada ini.

Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok mencadangkan untuk menubuhkan pejabat-pejabat permohonan luar bandar dan kalau di Sarawak di peringkat bahagian. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi cadangan perwujudan pejabat di Sarawak ini, kita memerlukan penelitian yang lebih mendalam lagi kerana ia memerlukan keputusan dan kebenaran daripada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam ataupun JPA kerana kita perlukan staf dan tenaga kerja yang baru dan sebagainya.

Walau bagaimanapun setakat ini kita menganggap apa yang ada sudah pun memadai. Ini kerana setakat ini kita telah mengadakan kerjasama dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak. Begitu juga kita bekerjasama dengan pejabat-pejabat daerah di setiap daerah di seluruh negeri Sarawak. Manakala di peringkat bahagian-bahagian, kita juga mengadakan kerjasama dengan pejabat-pejabat residen. Jadi, walaupun kita tidak mempunyai pejabat cawangan KKLW di setiap daerah dan bahagian tetapi kerjasama yang ada hari ini sudah pun memadai. Walau bagaimanapun, kalau ada keperluan dan sebagainya, *inshaaAllah* kita akan bangkitkan perkara ini kepada pihak JPA dan sebagainya.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari Bin Mat menyentuh berhubung jalan-jalan di luar bandar khususnya Jalan Kuala Krai ke Kota Bharu yang perlu diberi perhatian untuk merencanakan ekonomi dan juga menaikkan taraf kehidupan masyarakat di luar bandar. Saya suka maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kerja Raya (JKR) sedang membina Lebuhraya Kota Baharu-Kuala Krai sebagai laluan utama.

Yang Berhormat Senator Puan Shanim bin Mohamad Yusoff bertanya sejauh mana kualiti tar yang diguna pakai oleh kerajaan. Adakah pemantauan dibuat oleh pihak kementerian? Sedarkah bahawa mutu jalan raya di Malaysia kini kurang berkualiti terutama jalan luar bandar. Jadi ada dua isu di sini iaitu jalan raya di Malaysia, kalau *highway* dan sebagainya tidak di bawah bidang kuasa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah tetapi jalan luar bandar betul di bawah bidang kuasa kementerian. Walau bagaimanapun, suka saya ingin maklumkan kepada Dewan Negara ini daripada segi kaedah setiap pembinaan jalan luar bandar. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah adalah sebagai pembiaya kepada projek siap jalan luar bandar. Kita sebagai *funder*, dengan izin.

Akan tetapi daripada segi pelaksanaan dan pembinaan ia terletak di bawah tanggungjawab Jabatan Kerja Raya (JKR). Manakala selepas siap jalan-jalan tersebut akan disenaraikan di bawah *Malaysian Road Records Information System* (MARRIS) yang terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Jadi itulah peringkat yang ada di bawah pembinaan jalan raya luar bandar. Jadi ada tiga peringkat. Kita sebagai *funder*, KKLW sebagai pembiaya, pelaksanaannya JKR dan pemantauan ataupun *maintenance* selepas siap jalan itu adalah di bawah MARRIS.

Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff...

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Okey.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah menyentuh isu jalan luar bandar. Sebagai negeri bandar seperti Melaka, kawasan luar bandar semua pun telah diiktiraf perbandaran. Kita menghadapi masalah membina jalan-jalan di kampung-kampung yang dipanggil kampung tersusun. Kita telah beli banyak tanah macam dulu saya pernah beli di Jasin 500 ekar, kemudian di Alor Gajah 500 ekar bahkan juga di daerah Melaka Tengah.

Kemudian tanah-tanah ini kita belah lot. Satu lot 5,000 kaki, 10,000 kaki dan kita buat jalan. Akan tetapi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah tidak dapat hendak bantu kerana katanya mesti ada rumah dahulu, sudah bina rumah baru boleh bina jalan. Jadi kita tidak ada duit. Jadi apa yang kerajaan terpaksa buat kita kena bina jalan dulu guna duit kerajaan negeri. Akhirnya kita terpaksa jual tanah ini dengan harga yang lebih tinggi.

Saya hendak cadangkan kerajaan bagi peruntukan lebih kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah supaya kampung tersusun, kementerian boleh tolong binakan jalan asas termasuk

perparitan. Kalau tidak ada simen pun tidak apa, parit biasa dan juga bekalan elektrik dan bekalan air. Dengan cara begini kita boleh menjual tanah-tanah kampung tersusun ini dengan harga yang lebih murah kepada penduduk-penduduk di kampung. Ini yang saya mintalah.

Baru-baru ini saya pun ada hantar lagi surat kampung tersusun di Bukit Senggi. Dulu saya beli daripada seorang usahawan yang tidak berjaya kemudian kita jual kepada orang ramai. Jadi masalah jalan, bekalan elektrik dan bekalan air. Sekarang belum ada rumah lagi. Jadi inilah isu-isu yang dihadapi oleh negeri bandar seperti negeri Melaka. Saya harap ini dapat dibantu oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat. Selagi kawasan itu termasuk di dalam kawasan kampung, yang dipanggil kampung, maka tentu sahajalah tanggungjawab itu di bawah KKLW. Jadi *as long as* kampung maka tidak kiralah kampung itu tersusun, kampung tradisional dan sebagainya ia tetap di bawah tanggungjawab Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Walau bagaimanapun daripada segi perkampungan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator tadi kerana ini isu yang spesifik saya akan tengok secara *detail*.

Sesetengah kawasan itu nama sahaja kampung tetapi ia mendapat dana pembangunan daripada majlis perbandaran kerana ia terletak di dalam kawasan majlis perbandaran. Kampung Baru, Kuala Lumpur walaupun nama kampung tetapi tidak mungkin ia di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Kampung Datuk Keramat...

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencelah sedikit sahaja Yang Berhormat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Okey, okey.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Yang Berhormat, boleh tidak buat jalan itu dulu, api masuk dulu sebelum ada rumah? Sekarang ini hendak ada rumah dulu baru hendak masuk jalan, api dan air.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Saya akan *check* daripada segi polisi tersebut sama ada boleh atau tidak kita- tiada lagi kampung. Maknanya sekarang ini tidak ada kampung lagi. Kampung tidak wujud lagi kita hendak buat jalan. Sama ada daripada segi polisi kementerian, wujud kampung baru ada jalan dan sebagainya. Jadi itu yang saya akan lihat daripada segi polisi kementerian. Oleh sebab itu saya kata tadi ini isu spesifik saya akan lihat. Kalau boleh kita bantu Yang Berhormat, *inshaaAllah* kita akan bantu kampung tersusun yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

•1200

Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff memohon kepada kerajaan agar mempertingkatkan pembangunan infrastruktur di kawasan luar bandar seperti mana infrastruktur yang ada di bandar-bandar. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh, kementerian telah membina dan menaik taraf jalan sepanjang 4,075.65 kilometer di seluruh Malaysia meliputi Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Pencapaian panjang jalan tersebut melibatkan perbelanjaan peruntukan berjumlah RM7.20 bilion. Pada tahun 2016, Rancangan Malaysia Kesebelas,

kementerian telah diberikan peruntukan sebanyak RM1.40 bilion untuk melaksanakan projek jalan luar bandar dan menyasarkan pencapaian jalan sepanjang 700 kilometer.

Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin memohon kerajaan agar dapat meningkatkan akses penduduk luar bandar terutamanya untuk membawa hasil-hasil mereka keluar dari kampung. Bagi Rancangan Malaysia Kesebelas, kementerian akan terus bekerjasama dengan pihak berkuasa negeri bagi memastikan perancangan pembinaan dan naik taraf jalan luar bandar dapat dilaksanakan dengan lancar.

Suka saya maklumkan, antara polisi baru di bawah kementerian ini adalah untuk mewujudkan akses. Mewujudkan akses setiap kawasan perkampungan di luar bandar. Walaupun daripada segi sasaran kita untuk membolehkan setiap kampung mempunyai jalan bertar dan sebagainya, tetapi ada beberapa buah kawasan yang kita tidak mengutamakan jalan bertar tetapi lebih mengutamakan akses supaya setiap kampung akhirnya akan mempunyai akses untuk membawa produk mereka keluar ke bandar dan sebagainya. Sebagai contoh di kawasan perkampungan di Sarawak misalnya, di kawasan Kapit sebagai contoh. Mungkin kawasan tersebut terletaknya 30 kilometer, kampung tersebut untuk keluar ke bandar. Kalau dengan peruntukan yang ada untuk mewujudkan jalan tar, kalau di Sarawak 30 kilometer, RM3 juta difahamkan untuk satu kilometer. Ini bermakna memerlukan RM90 juta untuk membina jalan tersebut. Agak sukar saya rasa kalau kita hendak lihat daripada segi keperluan itu untuk kita bina jalan sebanyak RM90 juta untuk menghubungkan kampung tersebut.

Jadi, kementerian berpandangan yang pentingnya akses. Jadi kita mungkin boleh membina jalan tanah liat dahulu supaya kampung itu boleh dihubungkan dengan bandar. Ini bermakna daripada segi bajetnya tentulah begitu rendah dibandingkan dengan membina jalan tar dan sebagainya. Jadi, saya bersetuju bahawa yang penting akses. Ini kerana dengan adanya akses, cadangan kita di bawah transformasi untuk membangunkan luar bandar tentu sahaja dapat dilaksanakan. Ini kerana tiadanya jalan, bermakna tentulah kampung itu akan ketinggalan kerana seelok mana pun produk yang dikeluarkan oleh kampung, kalau tidak dibawa ke bandar, maka segala yang dirancang tidak akan berjaya. Jadi, saya setuju bahawa setiap kampung mesti mempunyai akses untuk berhubung dengan bandar dan sebagainya.

Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff juga membangkitkan berkenaan terdapat projek-projek terbengkalai iaitu MRSM di Ulu Pauh, Perlis di mana projek ini telah dimulai pada tahun 2006, tetapi sehingga kini belum dapat disempurnakan lagi. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, projek MRSM Arau telah siap 98% semasa penamatan kontraktor terakhir pada 19 Ogos 2015. Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan lantikan kontraktor baru telah pun diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 3 Disember 2015. Untuk makluman, kerja-kerja dijangka akan bermula pada Februari 2016 dan dijangka siap dalam tempoh enam bulan.

Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin juga berharap kerajaan akan menambah peruntukan dan jumlah pelajar kepada MARA bagi pembiayaan dan penajaan di bawah MARA terutamanya bagi meneruskan program sedia ada. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan

akan terus komited untuk memperkasakan peranan MARA supaya terus berusaha mendaulatkan kepentingan bumiputera terutamanya dalam bidang pendidikan. Selaras dengan peranan MARA sebagai agensi yang menyediakan kemudahan pinjaman pendidikan kepada pelajar bumiputera, MARA sentiasa berusaha membantu pelajar melanjutkan pengajian ke peringkat tertinggi.

Sebagai usaha menghadapi kekangan pembiayaan kewangan untuk penajaan pelajar bermula pada tahun 2015, MARA telah memperkenalkan skim pembiayaan pendidikan, Skim MARA Bank yang merupakan tambahan kepada skim pinjaman pelajaran yang sedia ada. Skim ini merupakan alternatif kepada pelajar untuk mendapatkan pembiayaan pendidikan melalui kolaborasi pintar antara MARA dengan institusi kewangan tempatan. Kerjasama dengan agensi penaja lain seperti JPA, PTPTN juga dilaksanakan sebagai usaha membantu pelajar bumiputera melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Bagi isu penurunan nilai Ringgit Malaysia yang menjejaskan kos sara hidup pelajar di luar negara, MARA membayar elaun sara hidup pelajar menggunakan mata wang negara berkenaan mengikut kadar yang telah pun ditetapkan oleh JPA.

Seterusnya...

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Tuan Yang di-Pertua, boleh celah?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri KKLW yang telah pun bersungguh-sungguh berusaha untuk membantu usahawan-usahawan bumiputera. Baru-baru ini kita lihat bahawa telah dilancarkan pelancaran MARA Digital, di mana ia cuba untuk membantu usahawan-usahawan bumiputera di bidang IT.

Jadi, apa yang saya lihat ia mengikut yang disebutkan oleh usahawan-usahawan yang telah pun berniaga di MARA pada hari ini, mengatakan bahawa ruang-ruang premis telah pun diberikan oleh MARA agak murah sekiranya dibandingkan dengan di tempat-tempat yang lain. Sebagai contoh, di Low Yat, Bukit Bintang.

Jadinya, perkara yang kedua adalah juga MARA telah mewujudkan rantaian-rantaian untuk mendapat bekalan-bekalan yang lebih murah dan diberi peluang kepada peniaga-peniaga bumiputera untuk bersaing di dalam bidang usahawan IT di negara ini. Jadinya, saya mohon ataupun mohon bertanya kepada Yang Berhormat Menteri iaitu adakah peluang-peluang perniagaan sebegini iaitu sebagaimana yang dilakukan di Bangunan MARA, akan dilaksanakan juga di peringkat negeri-negeri di dalam negara. Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat. Memang benar sewa di MARA Digital adalah murah berbanding dengan *IT Mall* yang lain. Ini kerana MARA adalah institusi yang diwujudkan oleh kerajaan, diwujudkan oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak Hussein, Perdana Menteri kita yang kedua untuk membangunkan ekonomi Melayu dan bumiputera. Oleh sebab itulah jangan ada

anggapan apabila saya mengatakan MARA ini untuk bumiputera sahaja, jangan ada suara-suara yang sumbang seolah-olah ini tindakan perkauman kerana untuk orang Melayu sahaja. Mereka mesti faham bahawa MARA diwujudkan khusus untuk orang Melayu dan bumiputera. Itu yang pertama.

Oleh sebab saya difahamkan sewa di tempat adalah tinggi, yang pertamanya. Kedua, saya difahamkan bahawa peluang tidak diberi kepada usahawan Melayu dan bumiputera untuk menyewa di *IT Mall* yang lain. Jadi, kita wujudkan sebuah pusat untuk usahawan Melayu dan bumiputera ini. Ini kerana kita berpandangan bahawa sektor yang melibatkan IT ini merupakan sektor perniagaan masa kini dan akan datang.

■ 1210

Oleh sebab itulah, kita membuka untuk memberi peluang kepada usahawan Melayu dan bumiputera. Sewanya memang rendah dan untuk permulaan ini, kita memberikan enam bulan pengecualian sewa (*free rental*) kepada mereka. Ini sebenarnya ada pihak yang mengecam tindakan saya. Akan tetapi saya hendak maklumkan kebiasaan untuk kita memberikan sedikit kelonggaran terutamanya kepada usahawan yang baru ini kerana tempat baru biasanya memerlukan masa untuk dikenali dan meningkat maju.

Jadi kita takut di peringkat awal ini kalau- walaupun kita membuat promosi, kalau kurang mendapat sambutan, bebanan untuk membayar sewa merupakan satu tekanan kepada peniaga-peniaga Melayu dan Bumiputera. Oleh sebab itu, kita berikan mereka sewa murah atau pengecualian sewa sama ada mereka hendak menurunkan kadar harga jualan produk mereka, itu terserahlah kepada mereka kerana ini perniagaan, kita tidak campur daripada segi penetapan harga dan sebagainya. Ada orang kata *hand phone* tidak akan boleh kurang. Orang tersebut tidak tahu yang bahawa di Pusat IT MARA, bukan sahaja kita jual *hand phone*, tetapi juga aksesori-aksesori yang lain yang mungkin boleh mereka menjual dengan harga murah.

Daripada segi *supplier* atau pembekal, pembekal untuk produk-produk di MARA Digital, mereka mendapat bekalan terus daripada negara sumber. Ini untuk kita memastikan harga dapat kita jadikan harga yang kompetitif supaya dapat bersaing dengan tempat lain. Wujudnya MARA Digital bukan tujuannya untuk bersaing. Menyaingi ataupun mematikan perniagaan orang lain, tetapi sebuah negara yang mengamalkan pasaran bebas, sesiapa sahaja boleh membuka perniagaan, dan persaingan adalah terbuka. Jadi terserahlah kepada pengguna untuk membeli di mana-mana sahaja yang mereka rasa sesuai dan baik untuk mereka. Jadi kita tidak ada paksaan, jangan kata kita buka ini untuk membunuh perniagaan orang lain. Ini kerana kita buka, tetapi kita tidak pernah kempen supaya boikot produk orang lain dan sebagainya. Ini adalah secara pasaran terbuka, bebas untuk pengguna.

Untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim tadi, memang ini merupakan *pilot project* kita, projek awal kita dan kita akan perluaskan ke seluruh negeri di seluruh Semenanjung termasuk Sabah dan Sarawak. Kita mulakan dengan ibu negeri dan selepas itu, oleh sebab kita mempunyai Arked-arked MARA yang ketika ini hidup segan mati tak mahu dan sebagainya. Kita akan membuat penjenamaan semula daripada segi nama dan juga daripada segi rupa

bentuk dan sebagainya. Kita juga akan jadikan Arked MARA itu sebagai salah sebuah tempat untuk kita memberikan ruang kepada usahawan IT untuk berniaga produk IT. Bermakna daripada segi jangka panjangnya, bukan setakat di ibu negeri, tetapi kita akan perturunkan sehingga ke peringkat daerah dan sebagainya. Ini perancangan daripada kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian bin Abdullah telah pun tamat tempohnya. Saya mohon untuk menjawabnya kerana mahu direkodkan segala persoalannya dan jawapannya di dalam *Hansard*.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih. Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian bin Abdullah memohon kerajaan agar masyarakat Orang Asli diberi perjawatan di Jabatan Kemajuan Orang Asli dan juga dibuka kepada anak-anak Orang Asli yang ada kebolehan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, KKLW sememangnya bersetuju untuk menambahkan bilangan pegawai dan memberi peluang kepada komuniti Orang Asli yang berkebolehan serta berkelayakan daripada segi akademik dan pengurusan pentadbiran untuk berkhidmat dan menerajui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Untuk makluman Yang Berhormat juga, sehingga kini seramai 377 orang anggota perkhidmatan awam berketurunan Orang Asli sedang berkhidmat di dalam JAKOA yang terdiri dalam kumpulan perkhidmatan pengurusan dan profesional, kumpulan pelaksana dan kakitangan kontrak daripada keseluruhan 892 jawatan yang diisi.

Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian bin Abdullah juga ada mencadangkan supaya JAKOA dijadikan badan berkanun persekutuan supaya tanggungjawab dan fungsi lebih meluas, manakala Pengerusi dilantik di kalangan Orang Asli dan Lembaga Pengarah dilantik wakil-wakil daripada kementerian termasuk di kalangan Orang-Orang Asli.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Jabatan Kemajuan Orang Asli kini telah pun melaksanakan peranan dan fungsi selaku jabatan yang bertanggungjawab terhadap kemajuan masyarakat Orang Asli. Untuk makluman Yang Berhormat juga, sekiranya JAKOA dijadikan badan berkanun persekutuan, dikhuatiri ia boleh menjejaskan usaha ke arah membangunkan masyarakat Orang Asli daripada segi peruntukan kewangan bagi membiayai program-program pembangunan, sosioekonomi di sekitar RM350 juta setahun yang kini disediakan sepenuhnya oleh kerajaan.

Jika diperbadankan, sebahagian daripada perbelanjaan perlu dijana oleh jabatan, selaku badan berkanun persekutuan untuk melaksanakan Projek Pemulihan Ladang sedia ada di atas lebih 20,000 hektar tanah yang memberi manfaat kepada lebih 12,000 orang ketua isi rumah Orang Asli. Adalah tidak praktikal bagi JAKOA sebagai badan berkanun untuk menggunakan hasil pendapatan peserta ladang Orang Asli sebagai perbelanjaan, pembangunan dan pengurusan organisasi. Sehubungan dengan itu, JAKOA selaku jabatan kerajaan masih lagi relevan dalam melaksanakan tanggungjawab sosial dan pembangunan masyarakat Orang Asli dan seterusnya memastikan kebajikan masyarakat Orang Asli terus terbela.

Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian bin Abdullah juga membangkitkan berkenaan dengan isu tanah di mana masyarakat Orang Asli, masyarakat peribumi negara ini yang hanya memiliki tanah hak milik hanya 1,294.5 hektar sahaja.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan rekod jabatan sehingga Disember 2015 terdapat 1,536.38 hektar yang mempunyai status hak milik individu meliputi 115.53 hektar tanah tapak rumah dan 1,420.85 hektar tanah bagi kegunaan pertanian. Selain daripada itu, seluas 11,480.44 hektar tanah telah diwartakan bagi tujuan penempatan dan pertanian khususnya ladang kelapa sawit dan getah yang memberi pendapatan kepada lebih 12,000 orang ketua isi rumah Orang Asli. Manakala tanah seluas 19,774.22 hektar telah diluluskan oleh Majlis mesyuarat kerajaan negeri-negeri untuk diwartakan bagi tujuan pelbagai aktiviti masyarakat Orang Asli.

Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian bin Abdullah juga membangkitkan berkenaan kemudahan masalah bekalan elektrik di perkampungan Orang Asli dan juga sebanyak 253 buah kampung masih belum mendapat air bersih. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga tahun 2015 sebanyak 617 buah kampung Orang Asli telah dibekalkan dengan bekalan air terawat. Sebanyak 33 buah kampung lagi akan menerima bekalan air terawat pada tahun 2016 manakala bekalan air terawat bagi baki 203 buah kampung lagi akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat sehingga tahun 2020 dan kita menjangkakan pada tahun 2020 keseluruhan perkampungan Orang Asli akan mendapat bekalan air bersih.

Bagi kemudahan bekalan elektrik pula, sebanyak 574 buah kampung telah menikmati kemudahan elektrik yang disediakan dan selebihnya juga akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat sehingga tahun 2020.

■1220

Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian bin Abdullah juga menyatakan terdapat beberapa buah sekolah di perkampungan orang asli yang bilangannya lebih kurang 94 buah sekolah dan terdapat di antaranya kemudahannya yang begitu daif dan bekalan elektrik juga tidak ada jalan perhubungan untuk ke sekolah apabila musim hujan agak berlumpur. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, usaha-usaha untuk melengkapkan infrastruktur perkampungan orang asli telah dipergiatkan sejak pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh lagi. Sehingga kini, jalan sepanjang 320 kilometer telah dibina bermula sejak tahun 2010 sehingga tahun 2015. Jalan perhubungan sepanjang 18 kilometer yang menyambung Lipis dengan Pos Senderut dijangka akan siap pada tahun 2016.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian bin Abdullah memohon pihak kementerian dan juga JAKOA untuk meneliti kursus-kursus kemahiran yang sesuai kepada belia dan beliawanis yang berada di Pos Gup.

Untuk makluman Yang Berhormat, JAKOA telah mewujudkan program-program latihan kemahiran dan kerjaya kepada para belia dan beliawanis orang asli yang bertujuan bagi meningkatkan kemahiran kerjaya dan perubahan minda.

Sejak tahun 2013 sehingga kini, seramai 2,086 orang peserta telah diberikan latihan melalui program Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) dengan pelbagai kursus yang ditawarkan. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, seramai 1,212 orang peserta telah bekerja dan 266 orang peserta pula sedang menyambung pelajaran, manakala seramai 430 orang peserta pula masih mengikuti kursus yang disediakan. Bagi melaksanakan program PLKK dengan lebih berkesan, kementerian dan jabatan akan memastikan peserta ditawarkan dengan kursus yang bersesuaian selaras dengan kebolehan dan kedudukan penempatan mereka.

Yang Berhormat Senator Datuk Abdullah bin Mat Yassim menyentuh berkenaan langkah kementerian khususnya RISDA dan FELCRA bagi meningkatkan pendapatan pesawah, pekebun kecil seperti pekebun kecil getah, kelapa, koko dan kelapa sawit.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian ini melalui RISDA dan FELCRA melaksanakan pelbagai inisiatif dengan melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan pendapatan dan produktiviti golongan pekebun kecil getah dan kelapa sawit sahaja. Namun bagi industri seperti koko ia di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Bagi tanaman kelapa dan padi adalah di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Bagi pekebun kecil getah dan kelapa sawit, antara usaha dan langkah yang telah diambil oleh kementerian ini melalui RISDA dalam meningkatkan pendapatan pekebun kecil terutamanya penoreh getah adalah dengan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti sokongan seperti berikut:

- (i) menggiatkan penyertaan dalam aktiviti ekonomi tambahan;
- (ii) melatih pekebun kecil menjadi usahawan melalui Program Pembangunan Usahawan;
- (iii) memberikan peluang pekebun kecil melaksanakan tanaman semula dengan tanaman selain daripada getah iaitu Kelapa Matag, nangka madu, durian, manggis dan mangga;
- (iv) menggalakkan peningkatan produktiviti getah melalui Skim Insentif Produktiviti Getah (SIPG);
- (v) memendekkan rantaian pemasaran melalui Pembangunan Infrastruktur Pemasaran (PIP) dengan menyediakan depot dan pusat timbang semula setempat; dan
- (vi) meningkatkan agihan dividen melalui syarikat milikan RISDA.

Manakala antara langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian melalui FELCRA bagi meningkatkan pendapatan peserta-peserta kelapa sawit dan padi FELCRA adalah seperti berikut:

- (i) melaksanakan program tanaman semula untuk menggantikan pokok-pokok sedia ada yang kurang produktif kerana tua;
- (ii) kerja-kerja penambahbaikan infrastruktur sawah padi juga dilaksanakan bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran hasil padi dalam menyokong penanaman industri padi di Kementerian Pertanian;

- (iii) memperkasakan program-program keusahawanan bertujuan membantu warga peserta dan juga anak-anak mereka yang berkecimpung dalam bidang ini;
- (iv) menyediakan pelbagai ruang bisnes berkaitan ataupun *related business activities*, enam bidang keseluruhan iaitu akuakultur, ternakan, tanaman, makanan, pembuatan dan perkhidmatan yang boleh kepada 1,264 usahawan di seluruh negara; dan
- (v) menyediakan kemudahan-kemudahan dana kepada peserta menerusi skim pinjaman mudah dan geran projek di samping menyediakan bantuan prasarana untuk menaik taraf premis perniagaan, pelabelan, pembungkusan dan promosi.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kerana masa agak terhad, untuk memendekkan kerana masih banyak ada 12 kementerian lagi, siapa yang tidak ada dalam ini, Yang Berhormat memberi secara bertulis lah.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Tidak ada. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Norahan binti Abu Bakar.

Tuan Yang di-Pertua: Ada, ada.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Ada. Okey. Mencadangkan agar kementerian memperuntukkan sebanyak mungkin bagi membaik pulih tabika di luar bandar di mana masih dalam keadaan yang uzur. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pada tahun 2015, KEMAS telah diberi peruntukan sebanyak RM8.7 juta untuk melaksanakan baik pulih di tabika dan Taska PERMATA KEMAS. Dengan peruntukan berkenaan KEMAS telah berjaya membaik pulih sebanyak 580 buah bangunan tabika dan Taska PERMATA KEMAS. Manakala peruntukan sebanyak RM2.5 juta telah diterima untuk pembekalan peralatan dan kelengkapan bagi kelas-kelas tabika dan Taska PERMATA KEMAS yang baru dibuka. Pada tahun 2016, KEMAS akan menerima sebanyak RM13 juta untuk tujuan baik pulih dan menaik taraf di bawah peruntukan mengurus dan pembangunan.

Akhir sekali, Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Tidak ada. Oleh sebab itu akhir sekali, jadi Tuan Yang di-Pertua serta semua Ahli Dewan Negara, sekali lagi saya bagi pihak kementerian di sini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas keprihatinan dan perhatian Yang Berhormat sekalian bagi kita menggerakkan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini bagi membela nasib masyarakat di luar bandar. Terima kasih. *Assalamualaikum*.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam*. Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat, Menteri ini sendiri dia datang. Jadi untuk menunjukkan kepekaan

dan keprihatinan kepada Menteri ini, saya menggalakkan lagi ramai Menteri datang menggulung, bagus. Saya dapati dia betul-betul telah pun cuba menjawab semua yang dibangkitkan. Akan tetapi kalau Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan ini, saya tidak benarkan lah, diberi jawab secara bertulis. Ini kerana menyentuh masa. Saya harap semua faham. Sekian, terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Kementerian Luar Negeri.

12.28 tgh.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Reezal Merican]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator di Dewan Negara yang terlibat dalam membahaskan perbahasan Belanjawan 2016 dan yang terlibat dalam membahaskan isu-isu yang berada bawah seliaan dan juga bidang Kementerian Luar Negeri adalah seramai tiga orang Yang Berhormat, iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader, Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian dan Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin.

Tuan Yang di-Pertua: Untuk makluman Yang Berhormat, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader tidak ada. Yang nombor dua itu siapa Yang Berhormat?

Dato' Seri Reezal Merican: Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian.

Tuan Yang di-Pertua: Itu ada. Ini rajin, mesti dia ada.

Dato' Seri Reezal Merican: Jadi saya hendak teruskan kepada yang ada.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Seri Reezal Merican: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian, beliau telah membangkitkan isu berkaitan menangani pencerobohan kepada kedaulatan negara terutamanya mengambil contoh kes pembunuhan Bernard Then di selatan Filipina.

Pertama sekali Yang Berhormat, saya mewakili Kementerian Luar Negeri mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa atas kejadian tersebut. Saya juga hendak memaklumkan ada *latest* maklumat berkaitan dengan mendiang Bernard Then.

■1230

Untuk makluman Dewan yang mulia ini telah dilaporkan bahawa pasukan keselamatan Filipina di Sulu telah menjumpai satu mayat tanpa kepala yang disyaki merupakan mendiang Bernard Then dan jasad tersebut telah dibawa ke *Zamboanga City* malam tadi untuk proses pengenalpastian bagi tujuan untuk *to do the DNA matching*.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan Malaysia melalui agensi-agensinya penguatkuasaannya sentiasa menguatkuasakan undang-undang dan peraturan yang sedia ada demi mempertahankan kedaulatan dan keamanan wilayah negara serta keselamatan warganegara Malaysia dan pelancong asing. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, kerajaan telah menubuhkan Kawasan

Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) di bawah Majlis Keselamatan Negara yang bertanggungjawab untuk menyelaraskan mengenai isu-isu keselamatan negara di pantai timur Sabah.

Selain itu, kerjasama antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Filipina terutamanya antara agensi-agensi keselamatan kedua-dua negara adalah amat baik. Kerjasama ini meliputi pertukaran maklumat serta rondaan dan pemantauan keselamatan di sepanjang perbatasan maritim di kedua-dua negara. Tindakan pencerobohan dan keganasan oleh kumpulan yang tidak bertanggungjawab telah dikecam bukan sahaja oleh Malaysia malahan Kerajaan Filipina dan banyak pihak di republik tersebut termasuk di selatan Filipina. Dalam hubungan ini kerajaan tidak akan memandang ringan mengenai isu penculikan dan akan sentiasa mengambil tindakan yang sewajarnya.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, selain daripada ia diselesaikan di peringkat secara bilateral, kerajaan juga menggunakan pentas-pentas secara multilateral bagi mencari jalan penyelesaian kepada isu-isu yang membabitkan kes pencerobohan dan penculikan. Di peringkat ASEAN sebagai langkah untuk menangani jenayah rentas, baru-baru ini pada 1 Oktober 2015, Menteri-menteri ASEAN yang bertanggungjawab dengan jenayah rentas sempadan di negara-negara ASEAN telah bersetuju dengan Deklarasi Kuala Lumpur untuk menangani jenayah rentas sempadan, dengan izin, *Kuala Lumpur Declaration in Combating Transnational Crime*. Deklarasi tersebut telah dibuat di penghujung mesyuarat Menteri-menteri ASEAN mengenai jenayah rentas sempadan yang kesepuluh di Kuala Lumpur, dengan izin, *ASEAN Ministerial Meeting on Transnational Crime (AMMTC)*.

Antara lain di bawah deklarasi berkenaan, ASEAN akan mengambil tindakan-tindakan seperti menggalakkan negara-negara ASEAN meratifikasikan instrumen antarabangsa yang sedia ada dalam menangani jenayah rentas sempadan, meningkatkan kapasiti sistem keadilan jenayah di kalangan pendakwa raya dan anggota-anggota penguatkuasaan undang-undang, mengadakan mesyuarat Menteri-menteri ASEAN mengenai jenayah rentas sempadan ini setiap tahun secara berterusan, meningkatkan rangkaian kerjasama terutama perkongsian *the intelligent information* di kalangan negara-negara yang terlibat, mengkaji cadangan untuk menubuhkan pusat ASEAN Jenayah Rentas Sempadan atau, dengan izin, *ASEAN Centre for Combating Transnational Crime*.

Soalan seterusnya soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada seorang yang bangun. Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim, silakan.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat berhubung dengan dasar *crime kidnapping* ini. Adakah menjadi dasar kerajaan, sebab kita dengar dan baca dalam surat khabar bahawa setiap kes *kidnapping* ini ada wang tebusan yang diminta. Apakah dasar kerajaan untuk *encourage* ataupun kita bersetuju atau tidak berunding dengan mereka yang *kidnap* in? Kalau jadi macam itu, maka makin banyak *kidnapping* yang akan terjadi. Saya hendak tahu apa dasar kita. Berunding ataupun tidak berunding? Terima kasih.

Dato' Seri Reezal Merican: Terima kasih atas soalan yang ditanya tetapi soalan itu pun sudah memberikan penjelasan secara lebih tepat kerana apa-apa sahaja yang membabitkan isu keselamatan, ia berada di bawah ruang lingkup Kementerian Dalam Negeri kerana isu yang berkaitan dengan itu isu *crime*. Cuma saya menjawab atas dasar peranan Kementerian Luar Negeri di peringkat bilateral dan di peringkat multilateral. Umumnya apabila membabitkan soal *crime* ia ditangani secara langsung oleh pihak berkaitan sama ada oleh pihak Polis Diraja Malaysia ataupun pihak-pihak keselamatan yang berwajib.

Jadi saya teruskan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin yang membangkitkan isu keselamatan negara terutamanya kepentingan mempertahankan wilayah di Laut China Selatan yang dilihat membimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin ada?

Dato' Seri Reezal Merican: Ada. Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya isu Laut China Selatan boleh dikategorikan dalam dua aspek. Pertama, keperluan untuk memastikan keamanan dan kestabilan serta kebebasan pelayaran dan penerbangan atau dengan izin *freedom of navigation* dan juga *over flights*. Kedua, ia berkaitan dengan tuntutan bertindih ataupun *overlapping claim* yang melibatkan Brunei Darussalam, Filipina, Malaysia, Vietnam dan juga China. Pendirian Malaysia berhubung isu Laut China Selatan adalah jelas dan konsisten, semua negara mestilah memastikan keamanan dan kestabilan di Laut China Selatan terjamin. Sebarang tindakan yang boleh menggugat keamanan dan kestabilan serta bersifat provokatif hendaklah dielakkan.

Berhubung tuntutan bertindih di Laut China Selatan, Malaysia berpendirian bahawa ia mestilah diselesaikan secara aman dan negara-negara yang membuat tuntutan atau, dengan izin, *declaiming state*. Dalam masa yang sama tuntutan dan penyelesaian mestilah berdasarkan undang-undang antarabangsa termasuk konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Laut 1982 atau, dengan izin, *United Nations Convention on the Law of the Sea 1982* (UNCLOS). Sekiranya perundingan mencapai kebuntuan atau *deadlock*, rujukan kepada pihak ketiga seperti Mahkamah Keadilan Antarabangsa atau, dengan izin, *International Court of Justice* atau Tribunal Timbang tara, dengan izin, *Arbitral Tribunal* adalah merupakan pilihan yang dibenarkan di bawah undang-undang antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa memberikan perhatian yang khusus kepada isu Laut China Selatan bagi memastikan kepentingan negara sentiasa terpelihara. Langkah-langkah sewajarnya seperti rondaan, pengawasan serta penguatkuasaan di samping pendekatan diplomatik secara bilateral mahupun multilateral di peringkat ASEAN dan juga forum-forum serantau yang lain sentiasa dilakukan daripada semasa ke semasa.

Isu Laut China Selatan khususnya berkaitan dengan tuntutan bertindih merupakan isu yang amat kompleks dan mengambil masa yang panjang untuk mencapai penyelesaian. Sehubungan itu bagi memastikan keamanan dan kestabilan di Laut China Selatan dapat dipelihara, negara-negara ASEAN dan China terutamanya dan juga pihak-pihak yang berkepentingan yang lain telah pun menandatangani

apa yang dinamakan sebagai Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan atau dengan izin *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea* (DOC) pada 4 November 2002.

Melalui DOC ini, pihak-pihak yang mempunyai tuntutan bertindih di Laut China Selatan telah pun menyatakan tekad dan komitmen masing-masing untuk melaksanakan usaha untuk membina kesalingpercayaan dalam menangani sebarang perbezaan pandangan bagi mengelakkan berlakunya konflik di Laut China Selatan. Secara umumnya boleh dikatakan DOC telah amat berjaya dalam mengekalkan keamanan dan kestabilan di Laut China Selatan sehingga pada saat dan ketika ini.

Walaupun begitu, negara-negara ASEAN dan China mesti sentiasa berpegang kepada prinsip semangat DOC dan terus mengekalkan momentum positif termasuk untuk merealisasikan sebagai susulan kepada DOC tersebut iaitu pewujudan Kod Tatalaku di Laut China Selatan ataupun, dengan izin, *Code of Conduct in the South China Sea* (COC).

So, Tuan Yang di-Pertua, demikian sahaja penjelasan saya mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara dalam sesi kali ini dalam membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Luar Negeri. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat terutamanya pandangan-pandangan, saranan-saranan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak bangun kah Yang Berhormat?

Dato' Seri Reezal Merican: Ada soalan tambahan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi?

■1240

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak bertanya kerana dalam ucapan saya, saya juga membangkitkan sama ada hendak dijawab oleh Jabatan Perdana Menteri tetapi semua sudah jawab. Berhubung dengan peranan yang dimainkan oleh pesuruhjaya tinggi kita di luar negara ataupun *ambassadors* kita. Saya *check Hansard* tadi, memang ada dalam *Hansard*. Mungkin saya tidak tahu kementerian mana yang akan menjawab tetapi saya rasa Kementerian Luar Negeri yang perlu menjawab peranan ini Tuan Yang di-Pertua. Adakah saya perlu ulang balik soalan-soalan...

Tuan Yang di-Pertua: Apa itu, apakah yang berkaitan luar negara itu?

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Saya telah bangkitkan dalam ucapan saya tempoh hari berhubung dengan peranan yang dimainkan oleh *ambassadors* kita. Kita melihat dalam lawatan-lawatan kita dan saya memberi fakta-fakta kalau mengikut *Hansard* saya ini, *the number of visits*, dengan izin, daripada pegawai-pegawai daripada di Malaysia, daripada Menteri-menteri sampai ke bawah. Contoh yang saya bagi hari itu di Beijing sahaja ada 40 *visits*; Jakarta 143 *visits*; Korea 80 *visits*; India 121 *visits*; dan di London nampaknya begitu hari-hari ada *visits*. Kebetulan semasa kami transit di London semasa ke *Czech Republic* tempoh hari Tuan Yang di-Pertua, nampak *ambassador* tidak ada masa langsung. Sentiasa berada di *airport* sehinggakan dalam sembang-sembang kita dengan pegawai-pegawai di sana sehinggakan terpaksa mengambil hotel di *Heathrow Airport* itu kerana terlampau banyak orang awam dari Malaysia.

Jadi, yang saya bangkitkan, yang saya timbulkan, apa peranan wajib yang dimainkan oleh pesuruhjaya tinggi kita, *ambassador* kita ini selain daripada Yang Berhormat Menteri maklum tadi bilateral dan multilateral? Saya rasa bilateral pun tidak sempat, multilateral lagi tidak sempat. Kalau melihat daripada orang awam yang *visit embassy* kita di sana. Sehingga ada yang menyatakan kepada kami bahawa bukan sahaja- Menteri ini sudah wajib kena tetapi yang di bawahnya pun sehinggakan kepada pengarahnya terpaksa tunggu di *airport* mengambil peranan sebagai orang kata penyambut tetamu *ambassadors* ini.

Jadi, dalam sembang-semang itu ada yang menyebut kemungkinan hendak dibangkitkan tetapi saya rasa perlu juga perkara ini dibawa ke pengetahuan Kementerian Luar Negeri. Saya juga memaklumkan dalam *Hansard* saya ini, semasa pertemuan saya dengan *Ambassador Singapore* di Malaysia, semasa perayaan kemerdekaan *Singapore* yang saya di situ, saya bersembang dengan beliau dan saya bertanya perkara ini. Apakah peranan yang dimainkan? Saya tanya ke *airport* seperti mana *ambassador* kita kata. Dia kata, "*No, we only take care of our ministers. That is our* kewajipan yang wajib". Jadi, soalan saya dalam ucapan saya tempoh hari hendak mengetahui, apakah peranan sebenarnya yang dimainkan oleh *embassy* kita? Adakah sehinggakan kerani Parlimen ke Korea contohnya, dia terpaksa mengambil di *airport*? Ini yang berlaku sehinggakan saya kata dalam *Hansard* saya, *final rugby* pun *ambassador* kena pergi. Jadi, ini yang saya rasa Kementerian Luar Negeri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Reezal Merican: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang bertanya. Nanti saya ambil peluang untuk menjawab soal itu juga walaupun tidak ada dalam soalan yang dibekalkan kepada saya. Akan tetapi saya hendak nyatakan terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Senator di atas melihat tanggungjawab, peranan dan bebanan yang ditanggung, terutamanya oleh *mission* kita tetapi ia tidaklah sebegitu. Tidak semuanya dilakukan oleh *ambassador* ataupun *high commissioner* mahupun *consulate general*. Ada kala ia dilakukan oleh *second man* ataupun *first secretary*. Cuma yang saya hendak nyatakan bila ada lawatan-lawatan yang dianggap lawatan rasmi, itu sememangnya bilateral. Walaupun ia tidak dilakukan oleh FM, walaupun ia tidak dilakukan oleh Menteri Luar Negeri. Contohnya, kalau ada Timbalan Menteri Kewangan mewakili kerajaan dalam sidang APEC di Peru, ia sebenarnya menghadiri satu program yang bersifat multilateral. Tentulah wakil *mission* kita yang ada di sana mempunyai tugas untuk menjadi fasilitator kepada apa yang diperlukan oleh wakil negara bagi memastikan tanggungjawab yang dilakukan dalam mewakili negara itu dapat dilakukan dengan sempurna.

Namun begitu, ada juga lawatan-lawatan termasuk lawatan-lawatan daripada kalangan parti pembangkang yang datang dan juga diberi layanan. Ini kerana pada kita, kita beri layanan kepada semua rakyat Malaysia yang mempunyai kepentingan yang dapat membawa nama baik dan akhirnya membentuk pandangan dunia kepada negara Malaysia itu dengan pandangan yang lebih murni. Jadi, sebab itulah pada kala saya menyatakan terima kasih atas keprihatinan dan pemahaman Yang Berhormat Senator.

Cuma saya hendak maklumkan juga bahawa tidaklah sebegitu semuanya dilakukan oleh *ambassador*. Demikian jugalah kalau *Singapore*, takkanlah *Singapore* setiap kali Menteri pergi ke *Singapore*, semua *the High Commissioner of Singapore* hendak kena sambut. Demikian juga saya sendiri pun ada lawatan-lawatan yang bersifat peribadi dan saya tidak meminta supaya saya disambut oleh *high commissioner*. Walaupun mereka memaksa diri kerana saya dianggap sebagai majikan mereka tetapi saya tidak minta supaya disambut. Ini kerana pada umumnya, apa sahaja yang bersifat rasmi yang boleh dianggap sebagai bilateral ataupun multilateral yang mewakili secara rasmi kepentingan negara, maka itu merupakan tanggungjawab wakil-wakil *ambassador* mahupun pesuruhjaya tinggi di sana. Jadi, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat. Mudah-mudahan pandangan, saranan dan juga apa jua yang dibangkitkan dapat membantu pihak Kementerian Luar Negeri bagi memastikan kita dapat menjulang nama negara di persada antarabangsa melalui Kementerian Luar Negeri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

12.46 tgh.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Seri Panglima Madius Tangau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan berkaitan isu-isu di kementerian ini semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2016. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul, Yang Berhormat Senator Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee dan Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Norahan binti Abu Bakar atas isu-isu yang dibangkitkan berkaitan bidang kuasa MOSTI.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul membangkitkan mengenai kadar pengkomersialan yang rendah iaitu hanya dua peratus sahaja dan apakah langkah-langkah memasyarakatkan teknologi kepada rakyat? Sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan Bajet 2016, MOSTI telah diperuntukkan sejumlah RM1.5 bilion bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah hab teknologi yang kompetitif di rantau ini. Bagi mencapai hasrat ini, MOSTI telah merangka strategi untuk memperkukuhkan dana penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan serta memberi tumpuan kepada penghasilan produk R&D yang mampu memberi manfaat dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada masa ini tidak ada pengukuran kadar pengkomersialan yang standard digunakan di peringkat antarabangsa. Ini adalah kerana pengkomersialan merupakan satu perkara yang kompleks dan tanpa pengkomersialan, tahap pengkomersialan tidak boleh dinilai semata-mata berdasarkan bilangan produk inovasi R&D yang dikomersialkan.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya...

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Saya menegur sikit Tuan Yang di-Pertua sebab nama Yang Berhormat Menteri yang menjawab...

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah tegur sudah.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Yang Berhormat Hamim Samuri.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah tegur, pihak IT betulkan itu.

Datuk Seri Panglima Madius Tangau: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat. Mungkin Yang Berhormat duduk tempat yang lain, silap tidak? Tempat Yang Berhormat di mana Yang Berhormat?

Datuk Seri Panglima Madius Tangau: Saya minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apalah, saya rasa pihak IT pun mesti prihatin. Yang Berhormat Menteri ini nama dia lain. Teruskan Yang Berhormat, teruskan Yang Berhormat. *Let the IT people do it.* Petunjuk lain seperti jumlah lesen, paten yang difailkan, paten yang diluluskan serta pemindahan teknologi dan pengetahuan wajar juga diambil kira.

■1250

Pada masa ini, pengiraan kadar pengkomersialan yang digunakan oleh MOSTI ialah nisbah jumlah projek yang dikomersialkan berbanding dengan jumlah projek yang siap. Berdasarkan keadaan tersebut, kadar pengkomersialan projek-projek R&D di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan Rancangan Malaysia Kesepuluh masing-masing 8.8 peratus dan 12.73 peratus. Jadi, dua peratus kadar pengkomersialan disebut oleh Yang Berhormat Senator itu adalah tidak betul. Saya tidak tahu di mana dia Yang Berhormat mendapat perangkaan itu, tetapi itu tidak betul.

Pada ketika saya sampai ke kementerian, saya juga merasakan yang lapan peratus itu rendah. Akan tetapi, setelah saya melawat ke negara Jepun dan bertanya ke negara Jepun berapakah kadar pengkomersialan di negara Jepun, mereka telah memberitahu saya yang kadar di situ hanya tiga peratus. Jadi ini bererti bahawa kadar lapan peratus itu bukanlah rendah tapi sebenarnya tinggi.

Selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan kadar pengkomersialan serta merakyatkan teknologi, maka tahun 2016 akan datang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai tahun pengkomersialan Malaysia. Sasaran utama ialah bagi menterjemah produk-produk R&D keluaran tempatan sebagai penjana kekayaan melalui proses pengkomersialan serta merakyatkan penggunaan produk-produk R&D.

MOSTI akan menyelaras dan menggembleng semua institusi pendidikan awam dan swasta bagi membolehkan suatu ekosistem yang kondusif untuk mengkomersialkan produk R&D. Bagi tujuan ini, mekanisme penyelarasan yang melibatkan semua kementerian yang terlibat dengan R&D, institusi penyelidikan awam dan swasta, industri dan semua pihak yang berkepentingan akan diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini akan dilaksanakan melalui Majlis Sains Negara ataupun *National Science Council* yang sudah pun dibentuk yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tumpuan akan diberikan kepada strategi pengkomersialan, kesedaran dan

pembudayaan pengkomersialan, promosi jalinan kerjasama awam dan swasta serta penyelidikan bercirikan produk berimpak tinggi. Selain daripada itu, MOSTI juga melaksanakan program *MOSTI Social Innovation* ataupun MSI bagi mengaplikasikan teknologi serta inovasi-inovasi yang mampu meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Norahan binti Abu Bakar telah membahaskan mengenai persediaan negara dalam menghadapi bencana seperti banjir dan tanah runtuh terutama sistem amaran awal kepada rakyat.

MOSTI merupakan antara kementerian bertindak memberi maklumat awal sebelum, semasa dan selepas kejadian-kejadian bencana berlaku. Bagi memperkasakan kesiapsiagaan negara dalam menghadapi bencana berkaitan cuaca, iklim, gempa bumi dan tsunami, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM101.5 juta bagi tahun 2016 kepada MOSTI bagi tujuan mempertingkatkan sistem pemantauan, pemprosesan dan penyampaian maklumat cuaca dan tsunami negara. Dengan siapnya sistem ini, maka maklumat dan amaran cuaca terutamanya semasa musim tengkujuh dapat dikeluarkan dengan lebih cepat, tepat dan berkesan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, imej radar dan produk ramalan cuaca *numerical* yang dijana oleh Jabatan Meteorologi Malaysia merupakan input penting bagi sistem ramalan banjir yang dibangunkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Input seperti jumlah hujan dan cerapan imej radar juga penting untuk memantau kejadian tanah runtuh.

Selaras dengan itu, MOSTI sedang mempertingkatkan sistem ramalan cuaca dengan perolehan komputer berkelajuan tinggi ataupun *high performance computing* yang dijangka siap pada penghujung tahun 2016. Dengan siapnya sepenuhnya sistem ini, tempoh masa atau *lead time*, dengan izin, dan ketepatan tinjauan cuaca akan dapat ditingkatkan dari tiga hari kepada tujuh hari. Ini diharapkan dapat membantu kesiapsiagaan agensi-agensi pengurusan bencana negara bagi menghadapi segala kemungkinan berlakunya cuaca buruk yang di masa akan datang.

Di samping itu, sebanyak lapan buah stesen radar cuaca akan dibangunkan di seluruh negara mulai tahun 2016. Ini tambahan kepada 12 buah yang sedang beroperasi di seluruh negara yang mana tujuh buah terletak di Semenanjung, tiga buah di Sarawak dan dua buah di Sabah. Daripada lapan buah stesen radar cuaca yang baru, lima akan dipasang di Semenanjung, sebuah di Sabah dan sebuah di Sarawak. Stesen radar cuaca amat penting untuk memantau cuaca dan kehadiran cuaca buruk seperti hujan lebat dalam tempoh *near real time*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja penjelasan saya berhubung perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh isu-isu di bawah bidang kuasa MOSTI. Segala pertanyaan dan saranan Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian serius dan tindakan susulan sewajarnya diambil. Sekian, dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

12.56 tgh.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2016.

Bagi tahun 2016, KPWKM akan diperuntukkan sejumlah RM1.986 bilion berbanding RM2.247 bilion bagi tahun 2015. Dalam tahun 2016, RM1.873 bilion Peruntukan Mengurus dan baki RM113.6 juta Peruntukan Pembangunan.

KPWKM berterima kasih dan menyambut baik cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang mengesyorkan supaya peruntukan KPWKM ditambah supaya kesejahteraan semua kumpulan sasar tidak kira di bandar mahupun di luar bandar melalui bantuan kebajikan terus diperkukuhkan.

Izinkan saya menjelaskan pertanyaan dalam perbahasan Belanjawan 2016 daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator iaitu Yang Berhormat Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan; Yang Berhormat Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff; Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan; Yang Berhormat Datuk Norliza binti Abdul Rahim; Yang Berhormat Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal; dan Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat jawab- Yang Berhormat Puan Shahanim tidak ada, Yang Berhormat Datuk Norliza ada, Yang Berhormat Puan Bathmavathi ada...

Datin Paduka Chew Mei Fun: Yang Berhormat Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan S. Bagiam ada? Tidak ada. So, Yang Berhormat jawab yang ada sahaja, yang lain itu jawab bertulis. Itu sebabnya saya minta semua Ahli Yang Berhormat berada di dalam Dewan. Tidak apa, teruskan Yang Berhormat.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan menyentuh mengenai kebajikan OKU. Kerajaan sentiasa prihatin tentang isu kebajikan OKU tanpa mengira status sosial sama ada mereka terdiri daripada keluarga berada atau miskin yang memerlukan keperluan yang berbeza.

Dalam hal ini, kerajaan telah menyediakan inisiatif dan bantuan untuk OKU meneruskan kelangsungan hidup dan berdikari. Kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyediakan Elaun Pekerja Cacat sebanyak RM350 sebulan, bantuan OKU tidak berupaya bekerja sebanyak RM200 sebulan, bantuan penjagaan OKU pesakit kronik terlantar sebanyak RM300 sebulan.

Dalam Bajet 2015, kerajaan telah bersetuju menaikkan kadar Elaun Pekerja Cacat daripada RM300 kepada RM350 sebulan iaitu peningkatan sebanyak 16.6 peratus, manakala bantuan OKU tidak berupaya bekerja pula dinaikkan kepada RM150 kepada RM200 sebulan iaitu peningkatan sebanyak

33.3 peratus berkuat kuasa mulai Januari 2015 yang melibatkan tambahan peruntukan sebanyak RM66 juta dan memanfaatkan kepada 110...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kerana masa tepat jam satu tengah hari, kita terpaksa berhenti buat seketika dan Yang Berhormat boleh sambung semula pada jam 2.30 petang nanti.

Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat kalau boleh datang jam 2.30 petang kerana inilah masa Yang Berhormat mendengar apa Yang Berhormat membangkitkan dalam perbahasan dulu. Kalau sekiranya pihak kementerian telah buat kerja, sudah itu Yang Berhormat tidak datang, maka mana faedahnya? Saya rasa membuang masa sahaja itu.

Walau bagaimanapun, saya minta Yang Berhormat Menteri atau kementerian, yang tidak ada itu sila jawab dengan bertulis. Sekian, terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah. Dipersilakan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk terus menjawab. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

2.32 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff- okey, tidak apa. Saya sambungkan.

Berhubung bantuan penjagaan OKU pesakit kronik terlantar, kementerian melalui JKM masih meneruskan skim bantuan tersebut dengan kadar RM300 sebulan dan tidak bercadang untuk menamatkannya pada masa ini. Selain itu juga, kerajaan turut juga memberikan keistimewaan kepada OKU seperti potongan harga antara 25% hingga 50% ke atas kos tambang pengangkutan awam bagi bas ekspres ekonomi iaitu 25%, bas henti-henti 50%, sistem transit aliran ringan 50%, kereta api 50%, perkhidmatan KTM Komuter 50% dan penerbangan MAS 50% bagi membantu OKU menanggung kos pengangkutan.

Dasar 1% pekerjaan OKU. Kerajaan sentiasa komited dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada OKU melalui Dasar 1% Peluang Pekerjaan Dalam Perkhidmatan Awam kepada OKU. Usaha untuk meningkatkan peluang pekerjaan kepada OKU di semua kementerian direalisasikan melalui Rancangan Malaysia Kesebelas dengan menyasarkan 16,000 OKU bekerja di sektor awam melalui pertimbangan khas.

Strategi ke arah mencapai sasaran tersebut telah dirangka dalam mesyuarat dengan izin, *task force* seperti berikut:

- (i) semua agensi perlu menyediakan kemudahan dan sistem sokongan yang mesra OKU untuk membolehkan OKU bekerja;
- (ii) pihak JKM akan bekerjasama berbincang dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai pepadanan jawatan serta syarat kelayakan OKU di sektor awam;
- (iii) JKM telah menyediakan garis panduan pepadanan jawatan di sektor awam mengikut kelayakan akademik serta cadangan modifikasi kemudahan dan sistem sokongan yang diperlukan oleh OKU di tempat kerja; dan,
- (iv) JKM telah mengadakan bengkel bertajuk, dengan izin, *Disability Equality Training* kepada pegawai-pegawai sumber manusia di agensi kerajaan sebagai usaha untuk memberi kesedaran mengenai keupayaan OKU dan sebagai inisiatif untuk mengambil OKU bekerja.

Walau bagaimanapun, bagi agensi bukan kerajaan seperti dengan izin, *government-linked companies*, kerajaan sangat menggalakkan OKU diambil bekerja di syarikat mereka. Pengambilan OKU sebagai pekerja membolehkan GLC layak menerima potongan atau keistimewaan pengecualian cukai.

Mengenai *accessibility* OKU, pihak kementerian menyedari tentang pentingnya penyediaan perhentian bas yang mesra OKU. Dalam perkara ini, kementerian telah menyediakan kertas kerja yang bertajuk mekanisme pelaksanaan pelantikan individu yang mempunyai pengalaman atau kepakaran mengenai isu OKU dalam jawatankuasa pusat sehenti serta penubuhan unit audit akses di setiap pihak berkuasa tempatan untuk dibentangkan kepada Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan yang dijadualkan pada bulan Januari 2016 bagi mendapatkan komitmen PBT untuk memperbanyakkan kemudahan dan pengangkutan yang mesra OKU.

Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal...

Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan: Minta pencerahan sedikit.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Ya, sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator.

Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga menanyakan tentang *disability allowances*, elaun sara hidup. Bolehkah kementerian mempertimbangkan memandangkan yang OKU perlu memperkasakan diri dan mereka memerlukan bantuan kewangan supaya mereka boleh mendapat kemahiran dan juga pendidikan. Bukan pendidikan di sekolah formal tetapi pendidikan di kolej komuniti? Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Setakat ini, kementerian belum ada lagi cadangan untuk menyediakan *allowances* sara hidup kepada OKU. Akan tetapi saya hendak menegaskan di sini, sebagai bukti keprihatinan kerajaan dalam membantu golongan OKU, golongan OKU adalah satu-satunya yang syarat kelayakan untuk pemberian bantuan OKU hanya mengambil kira pendapatan individu iaitu di bawah RM1,200 dan bukannya pendapatan isi rumah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal menyentuh masalah kebajikan ibu tunggal. Berhubung dengan kadar bantuan kepada ibu tunggal, ibu tunggal yang berkelayakan boleh dipertimbangkan bantuan kanak-kanak dengan kadar RM100 sebulan untuk seorang anak dan maksimum RM450 sebulan bagi yang mempunyai lebih daripada lima orang anak. Ibu tunggal juga boleh dipertimbangkan bantuan am yang mana kadar adalah berbeza mengikut negeri. Bagi mereka yang ingin memulakan perniagaan, geran pelancaran sebanyak RM2,700 sekali gus juga disediakan. Geran pelancaran sebanyak RM2,700 ini juga boleh dipohon oleh golongan OKU.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan menyentuh mengenai isu perbezaan bantuan JKM sebanyak RM8 berbanding PEYATIM sebanyak RM16. Pembentangan bajet tahun 2015 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 10 Oktober 2014 menyatakan bahawa kerajaan akan menaikkan kadar makanan harian 8,700 orang penghuni di 63 buah institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat daripada RM8 kepada RM16.

Kenaikan kadar catuan makanan ini hanya melibatkan institusi-institusi di bawah JKM sahaja dan tidak melibatkan pertubuhan sukarela kebajikan. Kerajaan memberi bantuan geran rasnsum makan minum kepada penghuni yang tinggal di PSK, yang terdiri daripada pelbagai kumpulan sasar seperti kanak-kanak, anak yatim, warga emas dan Orang Kurang Upaya.

■1440

Tujuan geran ransum diberikan adalah untuk menampung sebahagian kos perbelanjaan dan penyediaan makan dan minum penghuni yang tinggal di kediaman atau datang secara harian ke PSK. Kadar geran ransum adalah seperti berikut:

- (i) penghuni yang tinggal di kediaman PSK diberikan RM8 sehari bagi setiap seorang; dan,
- (ii) penghuni yang datang secara harian ke PSK sebanyak RM4 sehari bagi setiap seorang.

Sebagai rakan strategik kementerian, PSK digalakkan untuk mendapatkan sumber-sumber selain daripada bantuan geran kerajaan atas dasar kebajikan tanggungjawab bersama. Dalam hubungan ini, ditekankan bahawa dasar kebajikan masyarakat negara ialah untuk memupuk masyarakat penyayang, justeru, kerajaan menggalakkan penyertaan dan penglibatan masyarakat supaya berganding bahu memberikan sokongan dan bantuan kepada golongan yang memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim, Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal dan Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat telah pun menyentuh masalah kebajikan warga emas. Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara melafazkan komitmen kerajaan untuk mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan secara sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup dalam pembangunan negara.

Bagi mengeratkan strategi-strategi yang dirancang di bawah Pelan Tindakan Warga Emas Negara, Jawatankuasa Kecil Sosial dan Rekreasi dan Jawatankuasa Kecil Kesihatan di bawah Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara (MPPWEN) telah ditubuhkan. MPPWEN yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan turut dianggotai oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan mempunyai sasaran jangka pendek, sederhana dan panjang dalam usaha meningkatkan kualiti hidup warga emas daripada aspek perumahan dan persekitaran.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pembentangan kertas maklumat berkaitan Garis Panduan Perancangan Fizikal Bagi Warga Emas oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa di bawah KPKT telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 1 Julai 2015 dan dibentangkan dalam Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tindakan selanjutnya membentangkan garis panduan ini dalam Majlis Negara Kerajaan bagi Tempatan (MNKT) yang dijadualkan pada bulan Januari 2016. Garis panduan perancangan ini memberikan panduan kepada agensi kerajaan, bukan kerajaan, pemaju syarikat swasta, orang perseorangan dan pihak-pihak lain mengenai penyediaan keperluan dan kemudahan warga emas. Warga emas turut menikmati keistimewaan dalam bentuk potongan harga oleh pengendali pengangkutan awam di antara 25% hingga ke-50% ke atas kos tambang pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal menyentuh Program Pengarah Wanita. Dasar sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat menjelang tahun 2016 yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 27 Jun 2011 merupakan satu langkah *affirmative* oleh kerajaan bagi meningkatkan bilangan wanita sebagai pembuat keputusan dalam sektor korporat dan seterusnya membolehkan mereka meningkatkan sumbangan dalam bidang ekonomi. Susulan itu, KPWKM sedang memastikan kumpulan wanita yang kompeten dapat diketengahkan sebagai Ahli Lembaga Pengarah dalam syarikat awam tersenarai atau *public-listed company* di Bursa Malaysia. Program Pengarah Wanita atau *Women Directors' Programme* (WPD) telah dilaksanakan sejak tahun 2012 lagi.

Bagi tempoh tahun 2012 hingga tahun 2014, seramai 974 orang calon pengarah wanita daripada berbilang bangsa dari seluruh Malaysia telah pun dilatih di bawah Program Pengarah Wanita. Sehingga bulan September 2015, jumlah penempatan Ahli Lembaga Pengarah wanita dalam *PLC* di Bursa Malaysia ialah 699 yang merupakan peningkatan 10.7% berbanding dengan 7.7% pada tahun 2011. Daripada jumlah tersebut, terdapat 15 buah penempatan wanita sebagai pengerusi atau *chairman* dalam *PLC* di Bursa Malaysia. Di samping itu, kementerian bersama dengan PEMANDU telah pun menubuhkan Kelab 30 Peratus Malaysia yang mana penubuhannya telah pun dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 8 Mei 2015 di Kuala Lumpur. Penubuhan Kelab 30 Peratus tersebut dijangka akan dapat meningkatkan penerimaan atau *buy in* daripada sektor korporat dan seterusnya meningkatkan lagi peratusan penempatan Ahli Lembaga Pengarah wanita dalam *PLC* di Bursa Malaysia.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat menyentuh masalah penglibatan wanita dalam politik. Secara keseluruhannya, terdapat perkembangan yang memberangsangkan. Dalam Pilihanraya Umum Ke-13, perkara ini dapat dilihat melalui kemenangan 81 buah Kerusi iaitu 58 buah Kerusi Dewan Undangan Negeri, dan 23 buah Kerusi Parlimen oleh calon wanita dalam PRU Ke-13 berbanding dengan hanya 63 buah Kerusi iaitu 40 buah Kerusi DUN, dan 23 buah Kerusi Parlimen semasa Pilihanraya Umum Ke-12. Daripada segi calon wanita, terdapat 168 orang calon wanita dalam PRU Ke-13 berbanding hanya 120 orang dalam PRU Ke-12. Perkembangan ini merupakan peningkatan sebanyak 40% daripada jumlah keseluruhan yang bertanding. Dalam PRU Ke-13, peratus wanita dalam Ahli Dewan Negara setakat bulan November 2015 ialah 22.4% iaitu 15 orang daripada 67 orang.

Kerajaan telah meletakkan sasaran sekurang-kurangnya 30% orang wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor awam dan korporat. Sehubungan itu, bagi memartabatkan peranan wanita dalam bidang politik, parti-parti politik perlu terlebih dahulu menghayati Pelan Tindakan Pembangunan Wanita. Kesiediaan komitmen dan keyakinan pemimpin-pemimpin parti politik dalam membuka lebih banyak peluang dan ruang di peringkat *entry point* akan meningkatkan penyertaan wanita dalam bidang politik dan seterusnya, sebagai calon dalam pilihan raya serta Ahli Dewan Negara. Pelaksanaan sistem kuota wanita untuk Parlimen dan ADUN satu cadangan yang baik. Walau bagaimanapun, terdapat banyak faktor lain yang mempengaruhi pencalonan perwakilan di peringkat Parlimen dan ADUN serta penerimaan rakyat terhadap seseorang calon yang bertanding.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat menyentuh masalah laporan *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women* (CEDAW), dengan izin. Kementerian telah menerajui penyediaan laporan negara yang ketiga, keempat dan kelima CEDAW meliputi pelaporan status dari tahun 2008 hingga tahun 2013. Kementerian sedang bekerjasama dengan pihak Jabatan Peguam Negara dalam mempercepatkan proses memuktamadkan laporan ini sebelum dibentangkan kepada Jemaah Menteri dan seterusnya mengemukakan kepada jawatankuasa CEDAW di Geneva.

Tuan Yang di-Pertua, KPWKM merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator terhadap perkara-perkara yang menyentuh bidang tugas kementerian ini. Kami akan mengambil perhatian dan cadangan yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya juga ingin menyeru kepada semua Ahli Yang Berhormat untuk terus menyokong usaha-usaha kerajaan khususnya KPWKM bagi memastikan hasrat kerajaan untuk merealisasikan tema belanjawan tahun 2016 iaitu "Mensejahtera Kehidupan Rakyat" dapat dicapai. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Seterusnya, kita beralih kepada kementerian Kerja Raya. Silakan Yang Berhormat Menteri.

■1450

2.50 ptg.

Menteri Kerja Raya [Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada seramai 19 orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2016 yang melibatkan tugas dan bidang kuasa Kementerian Kerja Raya.

Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut ialah Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som A/L Inong; Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff; Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari Bin Mat; Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin; Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit; Yang Berhormat Senator Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai; Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin bin Samad; Yang Berhormat Senator Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee; Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Hou Kok Chung; Yang Berhormat Senator Dato' Goonasakaren A/L Raman; Yang Berhormat Senator Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad; Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed; Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul; Yang Berhormat Senator Dato' Hoh Khai Mun; Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim; Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin; Yang Berhormat Senator Tuan Koh Chin Han; Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok; Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Norahan binti Abu Bakar.

Segala cadangan, pandangan dan teguran

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, saya rasa kalau Ahli Yang Berhormat itu tidak berada dalam Dewan Yang Berhormat Menteri tidak payah jawab, buat secara bertulis. Jawab kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada dalam Dewan. Teruskan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Baik Tuan Yang di-Pertua. Saya hormati tetapi saya sudah pecahkan jawapan saya berdasarkan isu yang telah dibangkitkan. Segala cadangan, pandangan dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat amatlah dihargai dan akan diberi perhatian yang sewajarnya. Sebelum saya menjawab isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut, izinkan saya terlebih dahulu untuk memaklumkan secara ringkas mengenai peruntukan Bajet 2016 yang bakal diterima oleh Kementerian Kerja Raya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat untuk tahun hadapan Kementerian Kerja Raya dijangka akan menerima peruntukan sebanyak RM5.776 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM2.703 bilion atau 46.8% ialah di bawah perbelanjaan pembangunan di mana sebahagian besar peruntukan tersebut akan digunakan bagi tujuan meningkatkan jaringan jalan-jalan utama yang lebih selamat dan selesa. Seperti melaksanakan program bina dan menaiktaraf jalan dan jambatan, membina jejambat bertingkat, membaik pulih cerun dan mengurangkan risiko kemalangan di kawasan titik hitam atau *black spot*, dengan izin.

Manakala sebanyak RM2.23 bilion lagi atau 38.5% ialah peruntukan di bawah perbelanjaan mengurus iaitu bagi maksud pembayaran gaji dan emolumen serta bekalan atau perkhidmatan termasuk

menyenggara jalan-jalan persekutuan, bangunan guna sama persekutuan dan cerun. Bagi peruntukan sebanyak RM850 juta atau 14.7% lagi disediakan untuk tujuan pinjaman mudah kerajaan bagi pembinaan beberapa projek lebuh raya baru.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang dibangkitkan salah satunya isu cadangan projek jalan persisiran pantai Melaka. Ini Tuan Yang di-Pertua saya tidak berhajat untuk menjawab sebab sudah pun ada soalan berhubung kait soalan nombor empat pagi tadi yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Kedua ialah isu Projek Lebuhraya Pantai Timur fasa ketiga. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin telah membangkitkan mengenai keperluan untuk membina Lebuhraya Pantai Timur fasa ketiga ataupun singkatannya LPT3 khususnya di kawasan Setiu dan Besut Terengganu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan Projek LPT3 ini sememangnya termasuk dalam perancangan kerajaan untuk dilaksanakan pada masa depan. Ia akan melengkapkan rangkaian Lebuhraya Pantai Timur melibatkan negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan. Sebagaimana rekomendasi oleh Laporan Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Jalan Raya Semenanjung Malaysia atau lebih dikenali sebagai HNDP fasa 1. Kajian kemungkinan awalan Projek LPT3 ini telah disiapkan pada tahun 2009 di mana ia mengenal pasti cadangan jajaran laluan LPT3 yang terlibat iaitu dari Kampung Gemuruh, Kuala Terengganu hingga Pengkalan Kubor, Kelantan sepanjang 147 kilometer. Jajaran LPT3 ini akan melalui tiga buah daerah di Terengganu iaitu Kuala Terengganu, Setiu dan Besut dan lima tanah jajahan Kelantan iaitu Pasir Puteh, Bachok, Kota Bharu, Pasir Mas dan juga Tumpat.

Berdasarkan Laporan HNDP, Projek LPT3 ini berpotensi untuk dilaksanakan secara kaedah penswastaan. Keputusan cadangan pelaksanaan Projek LPT3 ini merupakan perkara besar di mana ia masih sedang dalam pertimbangan kerajaan. Untuk mengimbangi pembangunan di Pantai Timur, kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 juga akan memberikan tumpuan untuk membina dan menaiktaraf jalan *Central Spine* termasuk laluan dari Kuala Krai ke Kota Bharu. Ini untuk menjawab soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari Bin Mat.

Seterusnya ialah isu projek jalan *central spine* dan jalan Kota Bharu-Kuala Krai. Untuk maklumat Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari Bin Mat, projek membina dan menaiktaraf jalan *Centre Spine* antara projek berkeutamaan tinggi yang menjadi komitmen kerajaan untuk diteruskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Projek ini telah dipecahkan kepada dua fasa pembinaan iaitu melibatkan laluan Simpang Pelangai, Bentong ke Kuala Krai Kelantan sepanjang 341.8 kilometer dan laluan Kota Bharu ke Kuala Krai sepanjang 61.5 kilometer. Keseluruhan kos projek ini dianggarkan sebanyak RM8.4 bilion. Sehingga kini kerajaan telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM1.06 bilion iaitu RM894 juta untuk laluan Bentong ke Kuala Krai dan RM169 juta untuk laluan Kota Bharu ke Kuala Krai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek membina jalan baru dan menaiktaraf jalan *Central Spine* melibatkan laluan Jalan Persekutuan 8, atau FT08 dari Bentong, Raub, Lipis, Gua Musang dan

Kuala Krai telah diluluskan secara berperingkat mulai Rancangan Malaysia Kesepuluh. Pelaksanaan projek bernilai RM6.6 bilion itu telah dipecahkan kepada enam buah pakej pembinaan. Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini keutamaan kerajaan ialah untuk membina pakej tiga terlebih dahulu iaitu melibatkan skop laluan jalan antara Merapoh ke Kampung Relung di Lipis Pahang. Ini kerana laluan tersebut telah dikenal pasti sebagai kawasan yang kerap berlaku kemalangan, dengan izin, *black spot area*.

Setakat ini 37.5 kilometer jalan baru atau 10% daripada jarak keseluruhan projek telah siap dibina dan dibuka kepada lalu lintas iaitu melibatkan laluan dari Kampung Kubang Rusa FELDA Chegar Perah 2, Kampung Kecur Kuala Lipis. Ia telah berhasil memendekkan masa perjalanan daripada 90 minit ke tempoh 20 minit sahaja. Manakala subpakej 3 lain yang kini sedang dibina ialah melibatkan laluan Kampung Kecur ke Kampung Seberang Jelai sepanjang 3.85 kilometer dan laluan Merapoh ke Kampung Kubang Rusa sepanjang 14 kilometer yang dijangka siap masing-masing pada bulan Oktober 2016 dan Mac 2018. Di samping itu, sebahagian laluan pakej 5, iaitu Raub ke Bentong iaitu dari Kampung Asap ke Kampung Sertik sepanjang 3.78 kilometer telah memulakan pembinaan pada bulan November 2015 ini. Pakej-pakej lain jalan *Central Spine* akan dilaksanakan secara berperingkat dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

Mengenai projek membina dan menaiktarafkan jalan Kota Bharu-Kuala Krai pula untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah memutuskan projek tersebut akan dibuat secara berperingkat kerana ia melibatkan kos yang tinggi iaitu dianggarkan sebanyak RM1.8 bilion. Pelaksanaan projek ini telah dipecahkan kepada tiga fasa seperti berikut; Pakej 1 dari Wakaf Siku ke Kadok sepanjang 11.4 kilometer, Pakej 2 dari Kadok ke Bukit Tiu Machang sepanjang 28.9 kilometer dan Pakej 3 dari Bukit Tiu Machang ke Kuala Krai sepanjang 21.1 kilometer.

Setakat ini kerajaan telah meluluskan dua buah pakej pembinaan untuk projek membina jalan Kota Bharu ke Kuala Krai iaitu fasa 1, Pakej 1B Pasir Hor ke Kadok. Projek ini telah dimulakan pada bulan April 2014. Kemajuan semasa di tapak ialah 45% dan dijangka siap pada bulan April 2017. Fasa 2, Pakej 2A Kadok, Ketereh. Projek ini telah dimulakan pada bulan April 2015 dan kemajuan semasa tapak ialah 10% dan dijangka siap pada bulan April 2018. Manakala bagi jajaran Kota Bharu ke Kuala Krai yang lain akan dilaksanakan secara berfasa sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas dan ia tertakluk kepada peruntukan yang diterima daripada agensi pusat. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu projek jalan di Sabah.

■1500

Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul telah membangkitkan isu dan memohon penjelasan mengenai status pembinaan projek-projek jalan persekutuan utama di negeri Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini terdapat 93 bilangan projek yang sedang dilaksanakan di kementerian ini di negeri Sabah dengan nilai keseluruhan projek sebanyak RM1.58 bilion. Daripada 93 projek tersebut 86 projek atau 92% ialah projek-projek kecil bernilai kurang daripada

RM10 juta yang telah disiapkan keseluruhannya. Manakala antara projek jalan berskala besar di negeri Sabah yang sedang dan akan dilaksanakan dalam tempoh masa terdekat adalah seperti berikut:

- (i) projek naik taraf Jalan Donggongan, Papar Pakej 1 sepanjang 13.7 kilometer. Kos projek RM233 juta. Status kemajuan fizikal Fasa 1 sebanyak 58%, Fasa 2 sebanyak 54%;
- (ii) projek menaik taraf Jalan Petagas, Lok Kawi Fasa 1C. Kos projek RM32 juta. Status kemajuan sedang dan peringkat proses perolehan;
- (iii) projek pembaikan cerun dari Jalan Kota Kinabalu ke Sandakan akan melibatkan tujuh buah cerun iaitu pada kilometer 42.3, Kilometer 83.9, kilometer 92.3, kilometer 96.7, kilometer 131.3, kilometer 139 dan kilometer 150.5. Kos projek RM65 juta. Status kemajuan dalam proses makmal pengurusan;
- (iv) projek menaik taraf Jalan Segama Fasa 1 sepanjang 5.6 kilometer. Kos projek RM108 juta. Status kemajuan fizikal setakat ini 56%; dan
- (v) projek menaik taraf Jalan Tawau ke Semporna sepanjang 15 kilometer dengan kos RM170 juta. Status kemajuan fizikal setakat ini 63%.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai status projek Lebuhraya Pan Borneo di Sabah pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat skop projek ini melibatkan naik taraf Jalan Pan Borneo yang sedia ada, kos projek belum dimuktamadkan dan tertakluk kepada reka bentuk terperinci projek di mana ia akan diteliti dalam bengkel pengurusan nilai. Pada masa kini rundingan antara Kerajaan Pusat, kerajaan negeri dan pihak-pihak yang berkepentingan sedang diadakan untuk memuktamadkan perjanjian khususnya melibatkan aspek teknikal dan kewangan. Berdasarkan rancangan perjanjian konsesi Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dijangka dimeterai pada awal tahun hadapan dan manakala pembinaan fizikal dijangka akan dimulakan pada suku pertama tahun 2016 dengan tempoh siap ialah antara enam hingga lapan tahun.

Isu dibangkitkan seterusnya ialah isu kualiti turapan jalan. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff telah membangkitkan mengenai isu kualiti turapan jalan di negara ini yang didakwa tidak berkualiti dan mudah rosak. Kementerian ini sememangnya sentiasa proaktif dan komited untuk memastikan pembinaan dan senggaraan jalan di negara ini dibuat secara sistematik dan memberikan pulangan yang optimum kepada kerajaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua projek pembinaan jalan di negara ini perlu mematuhi piawaian dan tahap spesifikasi yang ditetapkan kerajaan iaitu arahan teknikal jalan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Kualiti bahan binaan yang digunakan untuk membina dan menyenggara jalan termasuk batu *aggregate* dan mutu kerja di tapak sentiasa dipantau dan diuji oleh JKR.

Sehubungan itu, pelbagai ujian berkaitan terhadap bahan permukaan jalan juga telah dilaksanakan sama ada di tapak dan makmal. Ujian untuk memastikan kualiti turapan jalan memenuhi kualiti dan spesifikasi yang ditetapkan. Di samping itu kementerian ini sentiasa komited mengaplikasikan teknologi dan inovasi baru dalam aspek kejuruteraan jalan. Antaranya menerusi penggunaan kaedah

turapan *polymer modified asphalt* ataupun singkatannya PMA dan turapan jenis konkrit dan peringkat pembinaan dan penyelenggaraan jalan. Untuk memastikan projek dilaksanakan dengan kos yang efisien dan berkualiti Kementerian ini telah mula mengaplikasikan konsep *Life Cycle Costing* ataupun singkatannya LCC dalam setiap aspek perancangan dan pelaksanaan projek. Sistem maklumat HDM-4 iaitu sistem perisian pengurusan dan pembangunan jalan raya versi 4 yang dibangunkan oleh Bank Dunia turut digunakan oleh JKR bagi menentukan formula untuk membaik pulih jalan mengikut senarai keperluan dan juga keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, isu aduan awam mengenai kualiti jalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som A/L Inong yang mencadangkan agar diwujudkan agensi pusat setempat atau *one-stop center* bagi memudahkan orang ramai membuat aduan mengenai sebarang isu kerosakan jalan di negara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sebenarnya telah mewujudkan Pusat Panggilan 1Malaysia ataupun singkatkan *1Malaysia One Call Center* atau ringkasnya 1MOCC sebagai satu usaha transformasi kerajaan untuk memantapkan penyampaian perkhidmatan dan komunikasi di antara rakyat dengan agensi-agensi kerajaan.

Pusat Panggilan Setempat ini beroperasi 24 jam sehari dan tujuh hari seminggu untuk menjawab sebarang pertanyaan, aduan, cadangan dan maklum balas rakyat melalui panggilan telefon, sistem pesanan ringkas ataupun SMS, faks, e-mel dan juga media sosial dengan menggunakan nombor tunggal iaitu 03-80008000. Ini termasuklah aduan mengenai isu berkaitan kerosakan jalan.

Walaupun begitu sebagai usaha penambahbaikan dan kepelbagaian laporan aduan, Kementerian Kerja Raya pada bulan Mac 2015 yang lalu telah melancarkan kaedah baru aduan iaitu melalui Aplikasi *Mobile* Aduan Jalan KKR menerusi telefon pintar mudah alih. Ia merupakan salah satu inisiatif di dalam pelan transformasi Kementerian Kerja Raya. Selain menerima aduan melalui talian bebas tol JKR iaitu di nombor 1-800-885004, juga melalui saluran-saluran lain seperti surat, faks, surat khabar, telefon, SMS, e-mel, media sosial dan juga sistem *online* SISPA, Biro Pengaduan Awam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aplikasi *mobile* Aduan Jalan KKR ini menggunakan *Android* ataupun *IOS* yang dilengkapi dengan kemudahan kamera dan GPS. Aplikasi ini boleh dimuat turun secara percuma melalui *AppStore* dan *PlayStore*. Sistem ini juga dilengkapi dengan kemudahan sistem penetapan koordinat lokasi yang menunjukkan tempat kerosakan serta gambar kerosakan dengan tepat. Aplikasi ini dapat membantu Kementerian Kerja Raya mendapatkan maklum balas dengan cepat dan seterusnya dapat memantau prestasi syarikat-syarikat konsesi lebuhraya dan syarikat-syarikat konsesi penyelenggaraan jalan yang dilantik untuk menyelenggarakan jalan persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya ialah berkaitan dengan operasi Lebuhraya Pantai Timur fasa kedua.

Dato' Boon Som A/L Inong: Boleh saya mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah, Yang Berhormat.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Sila, sila.

Dato' Boon Som A/L Inong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Sri atas penerangan yang begitu baik sekali ke arah transformasi kementerian. Masalah yang timbul sekarang ini bila kita buat laporan mengenai jalan kampung-kampung, ada sesetengah itu mengatakan bahawa itu adalah bawah tanggungjawab Kementerian Luar Bandar dan ada pula yang kata Kementerian Kerja Raya. Kadang-kadang benda ini menjadi masalah bagi masyarakat pedalaman di perkampungan dan sebagainya. Oleh itu dengan *one-stop center* yang diadakan adalah yang terbaik. Adakah ini termasuk dalam kementerian yang diselenggarakan oleh Kementerian Luar Bandar? Terima kasih.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Untuk makluman, kalau menggunakan kaedah Aduan Jalan KKR, kita akan senaraikan jalan-jalan sama ada di bawah bidang kuasa Jalan Persekutuan, kalau jalan persekutuan adalah bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya di mana JKR Malaysia bertanggungjawab memantau dan memastikan syarikat konsesi yang dilantik untuk mengambil tindakan.

Manakala jalan-jalan negeri akan diberi kuasa kepada Kerajaan Negeri di mana Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan perbelanjaan untuk menyenggara jalan negeri di bawah peruntukan MARRIS. Setiap negeri akan dapat peruntukan MARRIS untuk memastikan jalan negeri diselenggara dengan baik dan ada lagi jalan iaitu di bawah jalan majlis ataupun jalan majlis daerah. Oleh sebab itu kalau Yang Berhormat ingin mengetahui kalau menggunakan Aduan Jalan KKR akan ditentukan jalan tersebut nombor jalannya akan membezakan sama ada jalan ini di bawah tadbiran persekutuan, negeri ataupun Jalan Majlis. Jalan Persekutuan kodnya ialah FT dengan nombor. Jalan Negeri akan mengikut *numbering* sama dengan nombor plat kereta.

■1510

Misal kata kalau di Penang, "P" lah, di Selangor "B" kan. Jadi 'B' dengan nombor dan itu maknanya kalau kod dia 'B' ataupun ikut nombor kereta, itu jalan di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Jalan-jalan Majlis biasanya ikut nama jalan sebab ia tidak ada *coding number*. Jadi kalau itu, ada membezakan. Maknanya kalau Majlis Daerah penyelenggaraannya akan dikendalikan Majlis Daerah ataupun Majlis Kerajaan Tempatan masing-masing. Jelas ya, Yang Berhormat. Terima kasih.

Seterusnya ialah isu operasi Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin telah membangkitkan mengenai isu berkaitan operasi Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 lebih dikenali sebagai LPT2. Khususnya berkaitan tahap keselamatan di lebuhraya berkenaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) telah dibuka sepenuhnya pada 31 Januari 2015.

Berdasarkan statistik kemalangan di LPT2 bermula dari 1 Februari 2015 hingga 30 November 2015 terdapat 849 kes kemalangan yang telah dilaporkan di lebuhraya tersebut dengan jumlah kematian yang dicatatkan untuk tempoh tersebut seramai 36 orang. Berdasarkan analisa statistik kes kemalangan LPT2, sebanyak 664 kes kemalangan atau 78% ialah berpunca daripada faktor manusia seperti

memandu dalam keadaan mengantuk, memandu melebihi had laju yang diwartakan, cuai serta gagal mematuhi arahan keselamatan yang ditetapkan.

Manakala faktor persekitaran termasuklah pencerobohan haiwan liar ataupun haiwan ternakan, air bertakung mencatatkan jumlah 113 kes ataupun 13% dan 72 kes kemalangan lagi atau 9% disebabkan oleh faktor mekanikal kenderaan. Berdasarkan statistik tersebut didapati kes-kes kemalangan maut tidak berlaku di lokasi yang beralun tetapi ia melibatkan laluan yang lurus dan permukaan lebuh raya yang baik, tidak beralun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini telah, sedang dan akan mengambil tindakan bagi mengurangkan risiko kemalangan di LPT2 iaitu seperti berikut:

- (i) menambah baik permukaan lebuh raya dengan menggunakan kaedah *resurface* ataupun *regulate*, dengan izin;
- (ii) membaik pulih permukaan lebuh raya dan sistem perparitan di lokasi-lokasi air melintas;
- (iii) menambah baik permukaan turapan jalan menerusi penggunaan bahan-bahan khas seperti *porous asphalt*, *micro surfacing*, *whisper grip* dan *zebra line*, dengan izin;
- (iv) pemasangan papan tanda amaran di lokasi kerap berlakunya kemalangan;
- (v) memaparkan peringatan dan nasihat kepada pengguna lebuh raya pada papan tanda elektronik di sepanjang lebuh raya;
- (vi) memasang *yellow transverse bar*, *alert raining bar* dan *sticker* pantulan cahaya di struktur pengadang ataupun *guard rail* serta parapet jambatan, juga kita akan memasang gelung dawai berduri atau pun *watt* wayar di lokasi yang sering dicerobohi lembu dan juga kerbau; dan
- (vii) bekerjasama dengan agensi penguat kuasa seperti polis, JPJ dan SPAD untuk memantau dan melaksanakan penguatkuasaan undang-undang di sepanjang lebuh raya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu dakwaan jalan beralun pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat secara keseluruhannya permukaan lebuh raya, LPT2 berada dalam keadaan baik. Namun demikian kementerian ini mengambil perhatian terhadap beberapab buah lokasi di LPT2 yang mempunyai permukaan jalan yang agak beralun. Sehubungan itu kementerian telah melantik Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) bagi menjalankan ujian *profiling International Roughness Index* (IRI) untuk menilai tahap keselesaan pemanduan yang berhubung kait dengan permukaan jalan.

Berdasarkan keputusan ujian IRI awalan yang telah dijalankan didapati cuma 0.6% daripada keseluruhan ujian awalan jalan LPT2 mempunyai IRI melebihi 3.8 m/kilometer. Keputusan IRI ini juga menepati KPI Lembaga Lebuhraya Malaysia iaitu *Pavement Durability Performance Measure 2015* (PDPM) dan berada pada tahap nilai yang dibenarkan iaitu kurang daripada 5%. Jumlah 0.6% ini adalah

jauh lebih kecil daripada jangkaan 20% keseluruhan panjang LPT2 yang dianggarkan mempunyai permukaan beralun sebelum ujian IRI sebenar dijalankan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Institut Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) telah mengesahkan bahawa permukaan jalan LPT2 dibina mengikut standard piawaian antarabangsa berdasarkan ujian berasingan yang dijalankan. Daripada ujian IRI yang telah dijalankan itu, kementerian ini telah mengenal pasti beberapa buah lokasi jalan beralun yang perlu diperbaiki untuk meningkatkan keselesaan pemanduan dan keselamatan pengguna. Justeru itu beberapa langkah serta intervensi yang bersesuaian akan diteruskan dan dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi mengurangkan risiko kemalangan di LPT2.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu kemudahan atau fasiliti di kawasan “rehat dan rawat” (R&R) di LPT2 pula, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia telah mengambil inisiatif untuk membuka sementara. Sebahagian gerai di kawasan R&R Ajil dan R&R Perasing iaitu dua buah gerai makanan dan minuman setiap arah. Manakala kawasan R&R Paka masih belum beroperasi kerana masih sedang dan di peringkat akhir pembinaan dan dijangka siap pada bulan Mac 2016.

Operasi stesen minyak di LPT2 pula dijangka akan bermula pada pertengahan tahun 2016. Ini kerana proses untuk memulakan operasi stesen minyak ini dijangka mengambil sedikit tempoh masa. Walaupun begitu, untuk langkah jangka pendek, pihak LLM telah meluluskan cadangan membuka stesen minyak sementara ataupun *portable petrol kiosk* di sepanjang LPT2 bagi kemudahan para pengguna. Operasi stesen minyak di hentian sebelah Kijal kedua-dua arah dijangka akan mula beroperasi pada pertengahan bulan Januari 2016. Di samping itu maklumat mengenai lokasi stesen minyak yang berhampiran juga sentiasa dipaparkan melalui papan tanda elektronik ataupun VMS di lebuhraya berkenaan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat LPT2 sepanjang 184 kilometer ini telah dibuka kepada trafik mulai 31 Januari 2015. Pada masa kini penggunaan LPT2 tidak dikenakan sebarang kadar tol. Ini kerana kerajaan masih lagi dan sedang dalam proses untuk memuktamadkan perjanjian konsesi dengan syarikat yang dipilih secara *request for proposal* untuk mengurus dan menyelenggarakan lebuhraya tersebut. Perjanjian konsesi LPT2 dijangkakan dimuktamadkan setelah semua terma dan syarat perjanjian dipersetujui bersama oleh kedua-dua belah pihak.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang panas melibatkan kementerian kami ialah sudah pasti isu lebuhraya bertol. Kita di Sarawak tidak ada, Tuan Yang di-Pertua. Isu berkaitan lebuhraya bertol terutama berkaitan dengan kenaikan kadar tol pada 15 Oktober 2015 lalu telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohamad Yit; Yang Berhormat Senator Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai; Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin bin Samad; Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Hou Kok Chung; Yang Berhormat Senator Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad; Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed; dan Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kenaikan kadar tol bagi 16 buah lebuhraya yang terlibat iaitu bermula 15 Oktober 2015 telah diputuskan setelah kerajaan mengambil kira kemampuan kewangan semasa kerajaan dan juga pertimbangan terhadap keutamaan pelaksanaan banyak projek infrastruktur awam yang lain. Oleh itu kerajaan telah memutuskan untuk membenarkan kenaikan tol bagi lebuhraya yang terlibat. Namun demikian kenaikan telah dihadkan iaitu tidak boleh melebihi RM1.00 untuk kenderaan kelas satu iaitu kereta.

Untuk rekod kerajaan telah menangguhkan kenaikan kadar tol di lebuhraya negara ini sejak 8 tahun yang lalu iaitu dari tahun 2008. Sehubungan untuk tempoh 2008 hingga 2015 sahaja kerajaan terpaksa membayar pampasan sebanyak lebih RM1.5 bilion kepada syarikat-syarikat konsesi yang terlibat. Berikutan kos pampasan tol terkumpul yang semakin meningkat, kerajaan telah meneliti semula cadangan kenaikan kadar tol bagi tahun 2015 dan membenarkan kenaikan kadar tol kepada 16 buah lebuhraya yang terlibat mulai 15 Oktober 2015. Walaupun begitu, kerajaan masih perlu membayar pampasan sebanyak RM510 juta kepada syarikat-syarikat konsesi lebuhraya terlibat untuk tempoh 1 Januari 2015 hingga 14 Oktober 2015.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan telah menimbangkan pelbagai faktor sebelum membenarkan kenaikan kadar tol kepada syarikat-syarikat konsesi berkenaan. Ia membabitkan kepentingan banyak pihak termasuklah pelabur dan juga pemberi pinjaman kepada syarikat-syarikat konsesi ini.

■1520

Di samping itu, kerajaan juga berpandangan peruntukkan untuk tujuan pampasan tol itu boleh digunakan bagi kemudahan sosial yang lain yang lebih besar, memberikan kesan berganda ataupun *multiplier effect* kepada orang ramai seperti untuk tujuan pembangunan sektor kesihatan dan juga sektor pendidikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perjanjian konsesi lebuhraya di negara ini sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa di mana antara penambahbaikan klausa dan perjanjian konsesi lebuhraya terkini termasuk perjanjian konsesi tambahan yang telah dilaksanakan seperti berikut:

- (i) penetapan penunjuk prestasi utama (KPI) iaitu melibatkan tempoh masa pembinaan, prestasi operasi dan juga penyelenggaraan, tahap kesesakan, tempoh bertindak untuk kes-kes kecemasan dan juga aspek keselamatan;
- (ii) penetapan kadar pulangan dalaman (IRR) syarikat konsesi iaitu untuk membolehkan perjanjian konsesi ditamatkan lebih awal jika IRR telah dicapai;
- (iii) mekanisme semakan semula tol iaitu kenaikan kadar tol tidak lagi dibenarkan secara automatik; dan
- (iv) memperuntukkan klausa penalti dalam klausa perjanjian konsesi yang baru iaitu daripada segi aspek pembinaan, operasi dan juga penyelenggaraan.

Pada masa kini, Kementerian Kerja Raya bersama-sama dengan Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS), Kementerian Kewangan dan Jabatan Peguam Negara sedang

mengkaji secara komprehensif berhubung isu-isu berkaitan konsesi tol lebuhraya sedia ada di negara ini. Kajian ini mengambil kira beberapa cadangan kadar tol yang bersesuaian seperti penstrukturan semula kadar tol dengan mengambil kira kos operasi, kos penyelenggaraan, jumlah trafik, keuntungan atau kerugian syarikat-syarikat konsesi terbabit.

Ia turut melibatkan cadangan pindaan terhadap terma-terma perjanjian konsesi yang sedia ada. Walau bagaimanapun, sebarang pindaan terhadap terma asal perjanjian itu memerlukan persetujuan bersama kedua-dua pihak iaitu kerajaan dan juga pihak konsesi dan kadang-kadang melibatkan juga persetujuan daripada pemberi pinjaman dan *the bond holder*, dengan izin.

Seterusnya ialah isu berkaitan dengan cerun. Isu berkaitan keruntuhan cerun iaitu punca dan langkah-langkah untuk mengatasi risiko keruntuhan, terutama di sepanjang jalan Persekutuan dan lebuhraya telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Dato' Goonasakaren A/L Raman, Yang Berhormat Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee, Yang Berhormat Senator Dato' Hoh Khai Mun dan Yang Berhormat Puan Hajjah Norahan binti Abu Bakar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sentiasa mengambil langkah-langkah pencegahan- *pre-emptive action*, dengan izin, bagi memastikan kejadian seperti banjir lumpur dan tanah runtuh atau *landslide*, tidak berulang lagi di sepanjang lebuhraya utama di negara ini pada masa hadapan. Ini termasuklah menjalankan kerja-kerja siasatan lereng dan cerun serta pembaikan cerun yang telah dikenal pasti sebagai berisiko tinggi. Kementerian ini sentiasa memantau kawasan cerun yang berisiko tinggi dan sederhana di lebuhraya dan jalan-jalan Persekutuan. Ia melibatkan kerjasama dan kepakaran agensi-agensi di bawah kawalan kementerian ini seperti Lembaga Lebuhraya Malaysia, Cawangan Kejuruteraan Cerun JKR, Cawangan Kejuruteraan Jalan dan Geoteknik JKR dan juga syarikat-syarikat konsesi lebuhraya.

Di samping itu, kementerian ini turut bekerjasama dengan kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi kerajaan lain seperti agensi di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi untuk mengkaji langkah-langkah bagi mengurangkan risiko keruntuhan cerun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan oleh kementerian ini bagi memantau kawasan-kawasan bercerun dan lereng-lereng berbukit di lebuhraya dan juga jalan-jalan Persekutuan ialah seperti berikut:

- (i) menghasilkan peta bahaya dan risiko cerun di mana data cerun-cerun terlibat akan diklasifikasikan mengikut kategori risiko iaitu tinggi, sederhana dan rendah;
- (ii) *slope mapping* dengan menggunakan teknologi *light, detection and ranging* (LIDAR) iaitu maklumat berkaitan inventori dan profil cerun-cerun;
- (iii) menjalankan kajian kejuruteraan geoteknikal dan kerja-kerja penyelenggaraan secara berkala dan tetap untuk cerun-cerun yang berisiko tinggi dan menunjukkan tanda-tanda kegagalan cerun;

- (iv) sistem pemantauan dan amaran awal secara *real time*, dengan izin, yang di pasang oleh syarikat-syarikat konsesi lebuhraya utama seperti PLUS dan ANIH Berhad iaitu teknologi RTMS menggunakan tolok hujan dan biozimeter yang dipasang di cerun-cerun berisiko tinggi;
- (v) meningkatkan pemantauan melalui udara dan juga berjalan kaki setiap dua kali sebulan untuk kawasan-kawasan cerun yang terdapat di Lebuhraya PLUS; dan
- (vi) melaksanakan kempen-kempen kesedaran awam dan amaran tanah runtuh melalui media elektronik dan media cetak yang dilaksanakan oleh Cawangan Kejuruteraan Cerun JKR.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menjadi tanggungjawab kepada syarikat-syarikat konsesi lebuhraya bagi memastikan cerun-cerun di sepanjang lebuhraya di bawah seliaan syarikat mereka berada dalam keadaan yang baik dan selamat. Dalam hal ini, implikasi kewangan bagi tujuan pembaikan cerun akan ditanggung oleh syarikat-syarikat konsesi berkenaan, manakala untuk kerja-kerja pembaikan cerun di jalan-jalan Persekutuan pula, ia akan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya. Di mana kos untuk membaiki cerun ini akan ditanggung oleh kerajaan melalui peruntukan di bawah Perbelanjaan Darurat AP55.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai insiden keadaan banjir lumpur pada kilometer 52.4 Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak pada 11 November 2015 yang lalu. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kejadian tersebut telah menyebabkan laluan kedua-dua arah lebuhraya tersebut terpaksa ditutup kepada lalu lintas untuk tujuan kerja-kerja pembersihan.

Walau bagaimanapun, lebuhraya tersebut telah dibuka semula kepada pengguna pada 15 November 2015 iaitu setelah kerja-kerja pembersihan diselesaikan. Berdasarkan siasatan awal, kejadian tersebut berpunca berikutan susulan daripada hujan lebat yang berlaku pada hari berkenaan sehingga menyebabkan berlaku keruntuhan tanah yang membawa bersama serpihan bongkah batu, pokok tumbang dan tanah lumpur yang melalui lurah air. Akibat daripada hujan lebat tersebut telah membawa impak banjir lumpur yang mengalir ke kawasan mendatar iaitu memasuki kawasan lebuhraya di kilometer 52.4 Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak.

Berikutan itu, kementerian ini telah menghantar pasukan pakar untuk mengkaji punca dan struktur tanah serta langkah-langkah mitigasi pembaikan cerun yang bersesuaian. Laporan tersebut kini sedang diteliti dan diperhalusi oleh kementerian ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Senator Dato' Goonasakaren, dan Puan Hajjah Norahan, laluan alternatif jalan lama Persekutuan Kuala Lumpur-Bentong atau lebih dikenali sebagai FT068, tidak sesuai digunakan oleh kenderaan-kenderaan berat dan ia lebih bersifat laluan untuk penduduk tempatan. Di samping itu, jalan lama tersebut agak berisiko untuk dilalui pada waktu malam berikutan geometri jalan yang agak sempit, curam, bercerun dan berselekeh. Sehubungan itu, kerajaan setakat ini tidak ada perancangan untuk menaik taraf jalan lama tersebut kerana ia melibatkan kos yang sangat tinggi. Walau bagaimanapun, untuk jangka panjang, kerajaan akan memberikan atau

telah memohon untuk menaik taraf jalan Persekutuan FT11 iaitu laluan yang menghubungkan Bahau-Keratong-Bandar Tun Razak-Muadzam Shah sepanjang 100 kilometer sebagai laluan alternatif di pantai timur.

Di samping itu, kerajaan juga merancang dalam Rancangan Malaysia Kesebelas untuk membina dan menaik taraf laluan melibatkan Jalan Tanjung Ipoh, UITM, Serting Tengah, Bandar Seri Jempol, Ayer Hitam, Kemayan, Pahang sepanjang 60 kilometer. Cadangan jalan ini adalah berdasarkan kepada Laporan Pelan Induk Rangkaian Pembangunan Jalanraya Semenanjung Malaysia Fasa 1 yang diterbitkan pada tahun 2008.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan kedua-dua projek di atas akan memberikan laluan pilihan kepada pengguna untuk ke pantai timur dengan lebih selesa pada masa hadapan. Di samping itu, ia diharap akan dapat merangsang pembangunan sosial ekonomi di sepanjang laluan berkenaan. Dalam masa yang sama, kementerian ini bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Pahang dan juga syarikat konsesi ANIH Berhad untuk memastikan tahap keselamatan dan risiko cerun di sepanjang koridor Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak sama ada di dalam atau di luar kawasan lebuhraya sentiasa dipantau, diselenggara dan di baik pulih mengikut senarai keutamaan.

Akhir Tuan Yang di-Pertua iaitu berhubung kait dengan isu projek ubah suai Bangunan Parlimen yang kita nanti-nantikan. Ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok. Saya kira pagi tadi sudah pun juga dijawab oleh Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab menjaga hal ehwal Parlimen.

■1530

Secara ringkas, saya ingin melaporkan bahawa setakat 15 Disember 2015, projek menaik taraf Parlimen termasuk kerja tapak untuk pembinaan bangunan baru enam tingkat telah mencapai kemajuan 30 peratus dengan kos keseluruhan RM502 juta. Kita menjangkakan keseluruhan projek ini, kalau tiada masalah berbangkit, akan dapat disiapkan penghujung tahun 2018. Jadi, yang lain saya kira sebahagiannya terutama pengubahsuaian Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara, bangunan utama, kita jangkakan akan dapat siap awal tahun 2017. Maknanya tahun 2017, diharapkan kita berkesempatan untuk bersidang dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang baru.

Jadi untuk itu Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah. Silakan.

Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjelaskan dengan *detail* dan jelas sekali.

Cuma, saya rasa tertinggal satu Yang Berhormat Menteri, ialah apa yang saya telah bangkitkan ialah berhubung dengan LPT3. Kalau boleh, langkah ataupun persediaan kerajaan dalam melaksanakan projek tersebut. Terima kasih.

Dato' Khairudin bin Samad: Tuan Yang di-Pertua..

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi yang hendak mencelah, Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Fadillah bin Yusof: Ya, sila, sila.

Dato' Khairudin bin Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ada mencadangkan supaya Tol Sungai Besi ke Kajang itu dimansuhkan agar kakitangan kerajaan yang berulang alik yang selalu menyusahkan mereka itu dapat kita selesaikan.

Juga lagi satu, saya ada sebut tentang rumah yang kita beli, celik mata, langkah keluar sahaja sudah pijak jalan tol. Dahulu sebelum itu kita beli rumah tak ada jalan tol. Selepas itu dia sudah buat jalan tol, *SILK Highway* itu, dia sudah buat, kemudian dia tutup lorong-lorong yang untuk kita hendak mencelah ke jalan alternatif. Jadi seolah-olah dia memaksa kita untuk menggunakan jalan tol yang dibina oleh pihak konsesi ini. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih kedua-dua Yang Berhormat Senator.

Untuk LPT3, sememangnya kita juga sudah menerima permohonan daripada kerajaan negeri berhubung kait dengan permohonan supaya diteruskan, disambungkan LPT2 kepada LPT3. Ini memang dalam perancangan kita. Cuma, sama ada boleh laksana atau pun tidak, seperti saya jawab tadi, kalau berdasarkan peruntukan sedia ada kerajaan melalui peruntukan pembangunan, maka kita kena *compete* dengan izin untuk mendapat peruntukan daripada *central agencies*. Jadi kalau kita dapat peruntukan kelulusan itu, *insaaAllah* ia akan dilaksanakan.

Akan tetapi, LPT3 juga berdasarkan kajian kita, boleh dilaksanakan melalui kaedah penswastaan. Maknanya kalau ada pihak swasta yang berminat, maka ini salah sebuah lebuhraya yang boleh dilaksanakan kalau hendak disegerakan melalui kaedah penswastaan. Ini salah satu alternatif yang boleh kita lihat.

Berhubung kait dengan tol, sama ada kita boleh hapuskan tol daripada Sungai Besi ke Kajang, seperti mana saya katakan tadi, kita sekarang ini sudah tubuhkan Jawatankuasa Tindakan untuk mengkaji keseluruhan lebuhraya di negara kita. Ini termasuklah sama ada kita hendak menyelaras, hendak menghapuskan ataupun *nationalized*. Ini bergantung pada keputusan daripada pihak jawatankuasa dan akan diberi cadangan terperinci kepada Kabinet apa sahaja cadangan yang telah kita perincikan. Akan tetapi buat masa ini, belum ada perancangan untuk kita menghapuskan sebab kita masih tertakluk kepada perjanjian dan kalau perjanjian itu kalau kita tamatkan ataupun lupuskan, maka ia sudah pasti mendedahkan kerajaan kepada untuk membayar pampasan kepada syarikat konsesi.

Oleh sebab itu, kita perlu perincikan untuk imbangi, pertama, apakah kesan atau implikasi kepada kewangan kerajaan? Kedua, pada masa yang sama, kita kena imbangi tindakan kita ini adakah ia akan memberikan kesan yang teruk ataupun tidak kepada rakyat kita. Ini semua kita kena imbangi antara bebanan kos kepada rakyat dan juga bebanan kewangan yang ditanggung oleh kerajaan yang akhirnya bebanan kerajaan ini juga akan ditanggung juga oleh rakyat, terkesan rakyat akhirnya. Oleh sebab itu kita kena imbangi.

Sama ada, ada *highway* baru untuk memasuki kawasan yang telah ada taman-taman perumahan ataupun projek-projek perumahan, ini memang selalunya dilema yang kita hadapi sebagai sebuah negara membangun. Sebab itu kalau kita melihat, dulunya bila kita laksanakan, misalnya Lebuhraya LDP di

Puchong, dulu bila buat lebuh raya tak ada perumahan. Bila lebuh raya sudah siap, makin banyak projek perumahan. Sekarang ini lebuh raya tak dapat pula hendak menampung jumlah trafik yang ada. Kadang-kadang ada tempat bila buat lebuh raya terpaksa melalui taman perumahan dan ini perlu kita imbangi. Biasanya lebuh raya akan hanya diluluskan projeknya, pertama sekali, bila telah dibentangkan kepada Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri.

Kedua, adanya *public inquiries* yang mesti dikendalikan oleh *the Local Council* ataupun Majlis Kerajaan Tempatan. Ketiganya, mesti ada buat kajian *social impact study* dan juga *the environmental impact* tadi. Kalau ini dipenuhi, maknanya kajian ini telah dipenuhi dan impaknya tidak memberi kesan yang besar kepada rakyat, barulah ia diluluskan. Kalau telah diluluskan, maknanya perkara ini sudah pun melalui proses yang tersebut.

Jadi setakat ini Tuan Yang di-Pertua, yang telah dan dapat saya jelaskan. Terima kasih sekali lagi kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian...

Timbalan Yang di-Pertua: Nampaknya ada lagi yang hendak mencelah Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Haji Fadillah bin Yusof: Masih ada?

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat Menteri.

Dalam perbahasan saya, saya ada bangkitkan juga berkenaan memperkasakan budaya senggaraan dan apabila mendengar hujah-hujah ataupun jawapan daripada Yang Berhormat Menteri di mana kementerian ada melaksanakan senggaraan dalam terutama jalan raya. Akan tetapi saya hendak bangkitkan, realitinya kalau kita lihat jalan, sebagai contoh jalan utama hendak pergi ke KLIA1 dan KLIA2, saya berpendapat ia masih beralun dan inilah sama ada piawaian yang disebut tadi piawaian yang mengikut standard dan dipantau kerana apabila siap satu-satu kerja jalan itu, kerana keadaan cuaca kita terutama dalam musim hujan ini, terdapat beberapa kerosakan di sana-sini.

Kedua, Jalan DUKE juga, ini daripada syarikat konsesi, masih lagi terdapat jalan itu beralun. Saya daripada Tentera Laut, 38 tahun setengah, sudah sangat mahir dengan ombak dan alun. Jadi, di jalan raya di Malaysia pun kita nampak masih beralun-alun.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat, sama ada di JKR itu ada satu *respond team* yang lebih- apabila mereka dapat tahu sahaja atau apabila membuat pemantauan piawaian di jalan-jalan raya, ada tak tindakan yang ada kontingensi yang boleh mengatasi atau membaik pulih dengan segera supaya tempat-tempat yang mustahak, jalan-jalan penting ini akan diperbaiki dengan peruntukan kontingensi seperti di kementerian sana. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri atas pengalaman Yang Berhormat Senator Tan Sri. Oleh sebab itu- minta maaf Yang Berhormat Tan Sri, saya hendak buat *joke* sahaja pasal sudah biasa di laut ini beralun, dekat darat pun rasa beralun juga, bukan? [*Ketawa*] Sahaja *joke* ya, Yang Berhormat Tan Sri. Ini *golf partner* saya, guru golf saya ini.

Memang ada cabaran. Secara umum, tanah kita bercampur. Sebahagian tanah kawasan kita terutama yang berada di Selangor, Johor dan juga sebahagian utara dan Sarawak, cabarannya membina jalan di atas tanah paya gambut. Untuk kita membina jalan mengikut standard kalau kita hendak letakkan pada standard yang paling tinggi, kosnya begitu mahal. Oleh sebab itu kita biasanya *design* jalan kita mengikut kadar keupayaan kewangan kita membuat dan kemudian sedikit demi sedikit kita tambah baik. Ini yang dilakukan.

Oleh sebab itu memang ada tempat terutamanya bila ada tanah gambut, jalan itu akan beralun disebabkan kita menggunakan kaedah kemampuan kewangan tetapi kita tidak dapat melaksanakan mengikut standard yang paling tinggi tetapi masih memadai mengikut standard yang dipenuhi berdasarkan *World Bank*.

■1540

Kalau kita mengikut kajian daripada *World Bank* kedudukan jalan raya kita secara umumnya kita berada pada nombor 19. Jepun yang dikatakan ada yang berbahas dalam Parlimen mengatakan Jepun jauh lebih tinggi standard. Memang betul sebab Jepun berada pada tangga yang ke-10. Kita 19 kira tidak teruklah kedudukan kita, agak baik daripada segi keseluruhan standard. Kalau kita bandingkan dengan negara-negara membangun yang lain, Malaysia boleh dikatakan *one of the top world in term of infrastructure facilities* di negara membangun.

Cuma daripada segi apa yang dikatakan tadi memang dari semasa ke semasa kita akan membaik pulih, meningkatkan kemudahan kita. Cabaran paling utama di negara kita ialah *overweight*. Kenderaan-kenderaan yang lebih muatan yang ini mempercepatkan kerosakan jalan raya kita. Ini sebenarnya yang cabaran utama kita bagaimana kita hendak mengekang dan mengambil tindakan supaya *overweight* ini dapat ditangani.

So, salah satu pendekatan kita untuk masa depan *for the long tone life cycle* kemudahan jalan raya kita ialah kita hendak meletakkan- apa yang dikatakan *mobile equipment* untuk menimbang kenderaan. Sekarang ini kita ada *weight machine* tetapi dia terpaksa masuk. Akan tetapi kadang-kadang tidak berapa pasti sepenuhnya yang dikendalikan oleh JPJ. Kita hendak meletakkan di jalan-jalan kita supaya *the mobile unit* ini nanti akan dapat menyekat dan menentukan had muatan dan supaya tindakan boleh diambil dengan segera untuk menghalang jalan ini masuk ke jalan-jalan tertentu. Itu tindakan yang bakal kita ambil.

Jadi untuk itu Tuan Yang di-Pertua saya mohon mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada...

Tuan Ramli bin Shariff: [Bangun]

Datuk Haji Fadillah bn Yusof: Masih ada?

Tuan Ramli bin Shariff: Minta mencelah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Hendak mencelah?

Tuan Ramli bin Shariff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Saya ingin membawa Yang Berhormat Menteri kepada perkara-perkara selain daripada jalan-jalan kerana saya dapati daripada penjelasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri

banyak menuju ataupun menekankan kepada soal penyelenggaraan jalan-jalan. Bagaimana pula saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, penjelasan atas perkara-perkara lain yakni *infrastructure*, dengan izin, bagi bangunan-bangunan yang dan saya pun bahaskan dalam perbincangan saya yang agak pendek, soal projek-projek terbengkalai. Itu perkara pertama.

Perkara kedua. Ada juga pada masa lampau kerajaan banyak membuat projek secara *design and build* dan ada projek-projek itu tidak dapat diserahkan kepada kerajaan sehingga hari ini. Ini telah menyulitkan dan memberi satu kesukaran kepada contohnya sekolah-sekolah yang belum yang diserahkan lagi dan sehingga kini sekolah-sekolah itu memerlukan pembaikan dan penyelenggaraan dari semasa ke semasa. Apabila dipohon jawapan yang selalu diberi ialah projek ini belum diserahkan lagi kepada JKR. Jadi saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Haji Fadillah bn Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebagai tambahan untuk penyelenggaraan kita sekarang ini telah memperkenalkan untuk semua kontrak baru bidang penyelenggaraan tidak kiralah jalan mahupun bangunan iaitu *perform based contract*. Maksudnya ia akan diukur pada *performance*, hanya dengan *performance* yang baik kita akan ukur dan bayar kontraktor yang telah dilantik yang berjaya dalam tender untuk *maintenance* bangunan-bangunan kerajaan.

Berhubung kait dengan sekolah ataupun ada juga bangunan-bangunan kerajaan yang tidak dikendalikan melalui JKR. Kadang-kadang mereka melantik konsultan sendiri dan melaksanakan program itu sendiri tidak melalui JKR. Itu saya tidak dapat hendak komen kecuali ada maklumat terperinci mungkin barulah saya dapat pergi ke *specific matters*.

Kalau Yang Berhormat ada Yang Berhormat bolehlah kemukakan secara spesifik untuk saya *respond* secara bertulis. Ini mungkin melibatkan *specific matters* yang perlu mendapat maklumat yang lebih terperinci dan saya akan *respond* secara bertulis. Akan tetapi secara umum yang dilaksanakan di bawah Kementerian Kerja Raya melalui JKR setakat ini tidak ada projek yang terbengkalai.

Ada projek yang masuk dalam kategori projek sakit tetapi kita dapat *revive* dengan melantik kontraktor penyelamat dan sebagainya. Itu memang ada berlaku tetapi jumlahnya begitu kecil. Daripada keseluruhan untuk RMKe-10 sahaja kita kendalikan hampir 6,000 projek termasuk projek daripada kementerian lain, hanya kurang daripada 5% termasuk dalam kategori projek sakit. Maksudnya projek sakit yang akhirnya dapat disiapkan tetapi disiapkan lewat dengan kita melantik penyelamat. Akan tetapi tidak ada yang terbengkalai. Terima kasih.

Terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, cadangan dan teguran kepada kementerian. *InshaaAllah* kita akan ambil serius segala teguran dan pandangan untuk menambah baik perkhidmatan kita demi rakyat dan negara kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya kita beralih ke Kementerian Sumber Manusia. Silakan Yang Berhormat Menteri.

3.45 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua saya bagi pihak Menteri dan seluruh warga Kementerian Sumber Manusia mengucapkan jutaan terima kasih banyak kepada 15 orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2016 yang menyentuh sembilan isu yang berkaitan Kementerian Sumber Manusia. Jawapan akan saya buat melalui isu *by* isu, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama ialah gaji minimum. Seramai lima orang Yang Berhormat Senator telah menyuarakan isu yang berkaitan dengan gaji minimum. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat; Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan; Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin; dan Yang Berhormat Senator Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee yang telah membangkitkan isu gaji minimum pekerja dalam pelbagai isu termasuk perbezaan, penguatkuasaan dan lain-lain yang berkaitan dengannya Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Dewan yang mulia sebagai sebuah kerajaan yang prihatin sentiasa mendengar denyut hati rakyat susulan peningkatan kos sara hidup. Kerajaan baru-baru ini telah membuat pengumuman mengenai kadar gaji minimum baru. Pengumuman tersebut telah dibuat sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan Bajet 2016 pada 23 Oktober 2015.

Kerajaan memutuskan bahawa kadar gaji minimum baru ini iaitu RM1,000 sebulan di Semenanjung Malaysia dan RM920 sebulan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan yang dikuatkuasa pada 1 Julai 2016. Maknanya tahun depan 1 Julai pelaksanaan gaji minimum baru ini akan dikuatkuasakan. Adalah munasabah kadar gaji ini dianggap munasabah, berdaya saing dan tidak membebankan dan dipersetujui oleh Majlis Perundingan Gaji Negara yang terdiri daripada Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji Negara.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia pendirian kerajaan dalam menetapkan kadar gaji minimum berbeza mengikut wilayah atau tidak seragam seluruh Malaysia, Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Labuan dibuat selepas mengambil kira beberapa faktor seperti berikut:

- (i) gaji penengah atau *medium match*, dengan izin, yang menunjukkan keupayaan majikan membayar gaji pada tahun 2013 bagi Semenanjung Malaysia RM1,400. Manakala Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan adalah paling rendah iaitu RM800 dan Sarawak pula RM1,000;
- (ii) pertumbuhan produktiviti. Pada tahun 2013 di Semenanjung Malaysia 1.4%. Akan tetapi di Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan menunjukkan kadar pertumbuhan produktiviti yang negatif iaitu negatif 2.4%. Manakala bagi Sarawak adalah 3.4%;

- (iii) kadar pengangguran. Kriteria yang dikira dalam penentuan gaji minimum. Pada tahun 2013 di Semenanjung Malaysia adalah lebih rendah iaitu 2.3% sahaja berbanding dengan Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan iaitu 5.1% dan di Sarawak pula adalah 3.8%;
- (iv) penentuan ketiga dan keempat ialah kadar keluaran dalam negara kasar (KDNK) setiap wilayah yang disumbangkan kepada KDNK negara pada tahun 2013 bagi Semenanjung Malaysia 84.3%, Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan sebanyak 6.2% dan Sarawak sebanyak 9.5%.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan turut mengambil kira pandangan semua pihak melalui pendekatan *balance approach*, dengan izin, dan juga mengambil kira saranan daripada Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan Bank Dunia yang membuat saranan bahawa peningkatan kadar gaji minimum untuk peringkat awal hendaklah munasabah dan tidak terlalu tinggi.

■1550

Saranan ILO dan Bank Dunia ini dibuat selepas melihat prestasi semasa pelaksanaan dasar gaji minimum di Malaysia yang masih baru dalam keadaan ekonomi semasa. Kita kuatkuasakan sepenuhnya pada 1 Januari 2014 Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada itu sekiranya kadar gaji minimum ditetapkan seragam di seluruh Malaysia pada masa sekarang, dikhuatiri ia akan menyebabkan keadaan seperti berikut:

- (i) majikan-majikan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan menghadapi kesukaran menampung pertambahan kos operasi perniagaan yang meningkat secara mendadak;
- (ii) penutupan operasi majikan di Sabah Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan kerana tidak mampu menanggung kos operasi yang tinggi;
- (iii) kehilangan pekerjaan di Sabah, Sarawak dan Labuan yang bakal menimbulkan masalah pengangguran dan masalah sosial lain dan
- (iv) akan membantutkan perkembangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang baru dalam struktur ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya kerajaan berpendirian kadar gaji minimum baru iaitu RM1000 sebulan di Semenanjung dan RM920 sebulan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan yang akan dikuatkuasakan pada 1 Julai 2016 adalah munasabah, berdaya saing dan tidak membebankan. Walau bagaimanapun kerajaan berpandangan gaji minimum pada satu kadar yang sama bagi seluruh negara boleh dipertimbangkan dalam kajian semula yang akan datang. Kajian ini dibuat Tuan Yang di-Pertua, ialah setiap dua tahun sekali.

Untuk makluman Dewan yang mulia juga Jabatan Tenaga Kerja merupakan agensi yang diberikan tanggungjawab menjalankan penguatkuasaan berhubung dengan isu pelaksanaan gaji minimum. Statistik aktiviti penguatkuasaan gaji minimum berkenaan pematuhan oleh majikan dan tindakan yang telah diambil adalah seperti berikut. Setakat 31 Oktober 2015 jumlah pemeriksaan

berkanun yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Tenaga Kerja Kementerian Sumber Manusia sebanyak 79,776 dan daripada jumlah tersebut didapati 78,644 bersamaan dengan 99% orang majikan telah melaksanakan gaji minimum.

Manakala 1,130 kes bersamaan 1% orang majikan belum melaksanakan gaji minimum dan tindakan notis pematuhan telah pun dikeluarkan kepada mereka. Berkenaan dengan tindakan pendakwaan kerana kegagalan bayar gaji minimum sehingga 31 Oktober 2015 sebanyak 288 Kertas Pendakwaan telah dibuka dan daripada jumlah ini, 187 Kertas Pendakwaan bersamaan 65% telah diberikan izin untuk pendakwaan oleh timbalan pendakwa raya dan sebanyak 124 pendakwaan yang telah disabitkan dengan jumlah denda yang telah dikenakan adalah sebanyak RM376,600. Maksudnya ada majikan yang telah pun kita denda berdasarkan akta yang telah ada pada kita.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan juga merujuk kepada seksyen 2, Akta Majlis Perundingan Gaji Negara; Akta 732 tafsiran gaji minimum gaji pokok seperti yang ditetapkan di bawah seksyen 23. Ini ada persoalan yang ditanyakan apakah gaji minimum itu dibayar secara *lum sump* termasuk elaun dan sebagainya. Konsep dasar gaji minimum sedia ada adalah bertujuan untuk menetapkan gaji lantai atau *floor wages*. atau gaji pokok sahaja di sektor swasta dan bukannya sebagai gaji keseluruhan pekerja atau *living wage*. ataupun *take home repay*, dengan izin, setelah gaji pokok ini ditambah dengan elaun dan faedah yang lain, maka ia akan meningkatkan pendapatan seorang pekerja secara keseluruhan. Maksudnya gaji minimum ini gaji minimum, tidak termasuk elaun-elaun lain. Elaun itu dibayar lain. Itulah caranya bagaimana kerajaan boleh meningkatkan pendapatan kepada pekerja-pekerja.

Untuk makluman Dewan yang mulia bagi memastikan pematuhan dan penguatkuasaan yang lebih berkesan, mekanisme lain yang digunakan oleh pihak Jabatan Tenaga Kerja adalah seperti berikut; penubuhan pasukan khas penguatkuasaan PKP yang mana pasukan ini unit kecil yang berpusat di Jabatan Tenaga Kerja, pusat Putrajaya. Peranan pasukan ini membuat pemeriksaan mengejut ke atas premis-premis yang seterusnya mengambil tindakan sewajarnya. Antara operasi yang dijalankan di bawah PKP ini operasi gaji, operasi jerit yang mana kedua-dua operasi ini banyak membantu penguatkuasaan dan berikutnya mekanisme yang ada yang lain yang digunakan oleh JTK melalui pemeriksaan berkanun aduan kes buruh dan seterusnya pendakwaan.

Selain daripada itu Jabatan Tenaga Kerja (JTK) juga mengambil tindakan pendakwaan terhadap mana-mana majikan yang enggan mematuhi perintah gaji minimum 2015 di bawah seksyen 43, Akta Perundingan Gaji Negara: Akta 732, jika disabit kesalahan majikan boleh didenda sehingga RM10,000 bagi setiap pekerja. Gaji yang sepatutnya dibayar memang kecil, tetapi oleh sebab keingkaran majikan maka mereka boleh didenda lebih besar dan kerugian yang lebih besar akan menimpa mereka. Dalam masa yang sama mana-mana pekerja yang tidak menerima bayaran gaji minimum mengikut Perintah Gaji Minimum 2012 boleh membuat tuntutan terhadap majikan melalui tuntutan kes buruh di bawah Seksyen 69 Akta 265. Tuntutan kes tersebut akan dibicarakan sekiranya majikan gagal memberikan gaji minimum

telah dibuat kepada pekerja yang menuntut, perintah akan dikeluarkan kepada majikan akan membayar tunggakan gaji yang dituntut di samping gaji minimum yang mesti mereka jelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Dewan sedia maklum dasar gaji minimum hanyalah salah satu dasar bagi membantu meringankan beban rakyat seseorang peningkatan kos sara hidup. Kerajaan juga menyediakan pelbagai bentuk bantuan bagi meringankan beban rakyat susulan kos sara hidup yang tinggi kebelakangan ini. Antara insentif dalam Bajet 2015 yang berkaitan secara langsung bolehlah saya sebutkan secara ringkas Tuan Yang di-Pertua, antaranya menerusi skim eKasih, isi rumah pendapatan RM1000 kini diberikan RM1500. BR1M iaitu Bantuan Rakyat 1Malaysia, mereka yang berpendapatan di bawah RM3000 akan dinaikkan daripada RM950 kepada RM1000. BR1M bagi mereka yang berpendapatan antara RM3000 hingga RM4000 ditambah daripada RM750 hingga RM800. Bagi individu bujang berusia 21 tahun ke atas pendapatan bulanan tidak lebih RM2000 BR1M ditambah daripada RM350 kepada RM400 dan juga skim-skim lain termasuklah Skim Khairat Kematian, insentif untuk pelajar, insentif cukai yang ditetapkan oleh kerajaan.

Untuk makluman Dewan juga, pemberian kerajaan berhubung cadangan untuk memberikan elaun-elaun tambahan bagi pekerja sektor swasta adalah tertakluk kepada budi bicara majikan masing-masing. Kerajaan tidak mempunyai kuasa daripada segi undang-undang untuk majikan membayar elaun-elaun keseluruhan kepada pekerja. Walau bagaimanapun, kementerian sentiasa menggalakkan perbincangan konstruktif antara pekerja dan majikan bagi mendapatkan terma-terma perjanjian terbaik yang dipersetujui secara bersama oleh kedua-dua pihak melalui perundingan bersama ataupun *collective bargaining* antara, dengan izin, Kesatuan Kerja dan Majikan sebagaimana yang diperuntukkan. Manakala bagi pekerja yang tidak diwakili oleh Kesatuan Sekerja, perkara ini boleh dibincangkan dalam Jawatankuasa Perundingan Bersama antara majikan dan pekerja. Ini Tuan Yang di-Pertua, ialah satu isu yang pertama.

Kedua, isu yang ditimbulkan ialah Skim Perumahan Pekerja Ladang, isu ini ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Chandra Mohan A/L S. Thambirajah di mana membangkitkan isu keperluan perumahan untuk pekerja ladang. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengambil berat isu pemilikan rumah bagi pekerja-pekerja ladang dalam meneruskan lagi usaha bagi menangani isu ini, kerajaan melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh telah memperkenalkan satu skim untuk pekerja-pekerja ladang yang dikenali sebagai Skim Khas Pembiayaan Rumah Pekerja Estet (SKRE) dengan peruntukan sebanyak RM50 juta. Melalui skim ini pekerja-pekerja ladang boleh membuat pinjaman perumahan sehingga RM60,000 untuk membeli atau membina rumah atas tanah sendiri dengan kadar faedah 2% daripada baki pinjaman terakhir yang dianggap paling rendah dari lain-lain skim pinjaman perumahan kerajaan. Dengan cara ini, pekerja-pekerja ladang dapat memiliki rumah sendiri semasa mereka masih berkhidmat dengan ladang dan terhindar daripada masalah tindakan ketiadaan tempat tinggal apabila mereka bersara ataupun dihentikan kerja akibat daripada perubahan penggunaan tanah ladang.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.]***

Secara keseluruhan dari tahun 2012 hingga November 2015 terdapat sejumlah 160 permohonan skim pinjaman ini yang diuruskan oleh Bank Simpanan Nasional dan hanya 86 permohonan atau 54% Tuan Yang di-Pertua yang mendapat kelulusan pembiayaan manakala 74 permohonan - 46% gagal. Faktor-faktor yang menjadikan kegagalan ini adalah kerana permohonan tidak memenuhi syarat memohon. Pendapatan yang negatif, rekod kewangan yang disenaraihitamkan dan juga hutang yang melebihi 60%.

■1600

Bagi meningkatkan lagi bilangan pemohon yang berjaya, pihak Kementerian Sumber Manusia dan BSN iaitu Bank Simpanan Nasional sentiasa berunding dari semasa ke semasa bagi mencari jalan penyelesaian yang terbaik dalam mencapai objektif skim ini. Jabatan Tenaga Kerja juga giat membuat promosi di seluruh negara menyeru pekerja-pekerja tempatan yang bekerja di ladang mahu merebut peluang memiliki rumah di bawah skim ini. Pihak kerajaan Tuan Yang di-Pertua, amat prihatin dalam isu pemilikan rumah untuk rakyat bukan sahaja kepada pekerja di ladang atau dilombong tetapi golongan pekerja-pekerja di sektor lain. Selain SKRE, berbagai-bagai-bagai skim perumahan telah diadakan oleh kerajaan seperti berikut dan mereka juga digalakkan untuk merebut peluang-peluang yang ada....

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ada seorang bangun Yang Berhormat.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Dengan kebenaran. Saya hendak balik kepada skim khas untuk pekerja ladang. Kalau kita tengok seperti telah dijelaskan oleh Yang Berhormat tadi daripada segi kejayaan, maksud saya orang yang dapat berjaya ataupun orang yang mohon untuk penyertaan dalam skim itu. Kalau kita banding skim ini, dia berlainan dari Skim *Tun Razak House Ownership Scheme* itu. Fasal kalau dalam skim yang dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini, tidak ada peranan untuk majikan estet. Fasal kalau kita tengok *Tun Razak Housing Scheme* itu, *plantation owners* pun ada satu peranan. Ini kalau kita tengok skim ini okey. Dia boleh pinjam fasal kalau kita tengok, bukan saja untuk estet, skim yang Bank Simpanan Nasional buat untuk *a new village* pun kalau kita tengok daripada segi *success rate* itu memang.

So, dalam perbincangan saya fasal ini saya kena *explain* sedikit. Fasal kalau kita tengok bila kita berhenti Skim Tun Razak dengan harapan sistem *Estate Land Board approval* itu, *ELB approval* itu akan membantu dalam isu perumahan. Akan tetapi banyak tempat kita tengok *ELB* punya *approval* pun masih tidak berapa efektif. So, saya mengalu-alukan skim yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri. Tapi soalan saya kalau boleh, boleh tidak tahu adakah dalam perancangan kementerian untuk mewujudkan satu skim serupa dengan skim *Tun Razak House Ownership Scheme* itu di mana ada penyertaan majikan ladang. Ini, skim sekarang ini dia sendiri pergi belilah. So, *participation of the plantation owners*. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Mutallib: Terima kasih Yang Berhormat Senator, terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya baru-baru ini apabila kita habis Persidangan

Dewan Rakyat, saya secara peribadi telah berbincang dengan Yang Berhormat Menteri, kementerian kita dengan pegawai-pegawai kanan bahawa kita melihatkan bahawa skim ini bukan gagal tetapi nampak tidak terlalu memberikan kesan banyak kepada pekerja ladang. Sebab itulah, kita telah berbincang bagaimana kita mencari jalan supaya kewangan RM50 juta ini dapat dicari penyelesaiannya dan kita dapat memberikan pertolongan kepada pekerja-pekerja ladang. Terima kasih Yang Berhormat Senator atas pandangan yang *insha*Allah saya akan bawa pandangan Yang Berhormat ini kepada kementerian kita dan kita cari jalan supaya kita dapat memberikan bantuan kepada pekerja-pekerja estet ini.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada beberapa skim yang telah dilancarkan oleh kerajaan. Saya mencadangkan juga kepada pekerja-pekerja ladang kita yang mungkin ada kemampuan, tidak perlu mungkin hanya terhad kepada skim ini tetapi kita ada skim-skim perumahan yang lain termasuk saya sebutkan tadi. Skim Rumah Pertamaku (SRP) umpamanya, Skim Pinjaman Perumahan (SPP) yang diwujudkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang juga boleh memberikan faedah kepada pekerja. Walaupun mereka mungkin buat sementara duduk di ladang tapi mereka akhirnya mungkin boleh memiliki rumah di kawasan bandar di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Program Perumahan Rakyat (PPR) bukan satu program di bawah RMK-10 yang diperkenalkan juga oleh kementerian ini, dulu KPKT. Skim Mudah Milik di bawah SPNB umpamanya. Skim Rumah Mesra Rakyat juga di bawah SPNB dan juga boleh sekarang ini kalau tidak silap saya RM3 ribu, pendapatan RM3,500 layak untuk mendapat membuat memohon rumah Mesra Rakyat ini. Program Bantuan Rumah Rakyat 1Malaysia (PR1MA). Ini antara skim-skim yang telah diperkenalkan oleh kerajaan dan saya kira pekerja ladang tidak seharusnya hanya terhad kepada skim-skim di bawah yang kita sebutkan tadi, di ladang saja.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada isu ketiga iaitu kekurangan pekerja di Sabah. Soalan ini ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader yang telah membangkitkan isu mengenai kekurangan pekerja di premis perniagaan di Sabah. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja Sabah memainkan peranan utama di dalam membantu para majikan untuk mendapatkan tenaga kerja tempatan melalui sistem Job Malaysia. Di samping itu juga pihak jabatan membantu majikan mendapatkan pekerja yang bersesuaian melalui Program Penempatan Pekerja dan Karnival Pekerjaan.

Job Malaysia satu cara sistem yang kita buat. Kita juga mengadakan Program Penempatan Pekerjaan (3P) dan program Karnival Pekerjaan. Tuan Yang di-Pertua, di Sabah terdapat dua Jawatankuasa yang meluluskan permohonan pekerja asing iaitu Jawatankuasa Panel Perundingan Pekerja Asing Sabah (JPPAS). Jawatankuasa ini terdiri dari Jabatan Ketua Menteri Sabah, Jabatan Tenaga Kerja Sabah, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MAIDA), Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Pertanian dan Jabatan Imigresen Malaysia negeri Sabah sebagai urus setia.

Yang kedua ialah Jawatankuasa Teknikal Visa dan Pas (JTVP). Jawatankuasa ini diketuai oleh Jabatan Ketua Menteri Sabah, Jabatan Tenaga Kerja, Jabatan Pembangunan Sumber Manusia dan dipengerusikan oleh Jabatan Imigresen Malaysia negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator, selaras dengan dasar yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri Sabah bagi JPPAS dan JTVP sebanyak lima sektor yang diluluskan untuk mengambil pekerja asing. Sektor-sektor tersebut ialah pertanian, perhutanan dan perikanan, perladangan, pembinaan, perkhidmatan dan pembuatan. Di bawah JPPAS, negara sumber yang dibenarkan untuk mengambil pekerja asing adalah dari negara Indonesia, Filipina, Myanmar dan Nepal sahaja. Manakala di bawah Jawatankuasa Teknikal Visa dan Pas, negara sumber yang diluluskan adalah melibatkan semua negara kecuali negara Israel. Ini dasar kita di Sabah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada isu keempat- kebolehpasaran graduan. Ini soalan ini, isu ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Abdullah bin Mat Yassin yang telah membangkitkan isu kebolehpasaran graduan di mana dianggarkan lebih 50 ribu orang graduan belum mendapat pekerjaan setelah enam bulan tamat pengajian. Beliau ingin tahu apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan. Adakah kerajaan bercadang mengkaji Program Latihan Industri kepada mahasiswa ini, untuk meningkatkan kebolehan insaniah atau *soft skill*, dengan izin, bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan?

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak pasti apakah maksud Yang Berhormat sama ada graduan ini graduan yang keluar dari pusat pengajian tinggi, IPT, IPTS dan di mana tanggungjawab ini adalah terletak di bawah Kementerian Pengajian Tinggi tetapi kalau graduan di bawah pusat-pusat latihan, itu terletak di bawah Kementerian Sumber Manusia. Sebab itulah saya harap mungkin Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahman ada?

Tuan Yang di-Pertua: Siapakah Yang Berhormat?

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Mutallib: Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin tidak ada. *Skip*.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Mutallib: Saya ingat....

Tuan Yang di-Pertua: Boleh skip.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Mutallib: Saya buat bertulislah.

Tuan Yang di-Pertua: Hantar jawapan bertulis.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Mutallib: Kita minta rujuk kepada Kementerian Pendidikan dan Kementerian kita yang sama. Yang berikutnya ialah TVET, *Technical Vocational Education Training*. Persoalan isu ini ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Lucas bin Umbul. Yang Berhormat Senator Dr. Lucas ada?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dr. Lucas pun sudah tidak ada.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Mutallib: Tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Mutallib: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Bagi bertulis.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Mutallib: Bertulis. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah bagi tahu dia orang ini, Kalau tidak ada jangan jawab.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Mutallib: Berikutnya Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada perkara keenam, isu keenam program latihan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh; Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan- Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan ada?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan ada.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Mutallib: Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya jawab soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal tidak ada.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Mutallib: Dia berkaitan Tuan Yang di-Pertua, saya buat terus sekali. Untuk makluman Dewan yang mulia, isu kekurangan tenaga kerja mahir bagi projek LRT dan projek *High Speed Rail* ini, dengan izin, yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 kerajaan telah meluluskan peruntukan pembangunan kepada KSM bagi membiayai geran latihan kemahiran pada lepasan siswazah iaitu melalui program pembiayaan tempat latihan bagi program latihan dalam bidang khusus penerusan program peningkatan kemahiran perindustrian dan *Industry Skill Enhancement Program* atau INSEP, dengan izin.

■1610

Pelaksanaan pembiayaan ini mula dilaksanakan oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran mulai tahun 2011. Kementerian Sumber Manusia juga Tuan Yang di-Pertua menerusi Pembangunan Sumber Manusia Berhad dalam usaha menyokong usaha negara menambahbaikkan pengurusan pekerja asing berhasrat untuk melaksanakan program *Train and Replace* atau Program Latihan dan Penempatan. Program ini adalah bertujuan untuk melatih warga tempatan bagi menggantikan pekerja asing dalam kategori separuh mahir dan *expatriate*, dengan izin. Bagi tujuan pelaksanaan program ini Kementerian Sumber Manusia melalui PSMB akan merujuk kepada jabatan agensi lain yang juga terlibat dalam proses memberi kelulusan kemasukan dan pengurusan pekerja asing di negara ini seperti Kementerian Dalam Negeri, *TalentCorp*, *Construction Industry Development Board* (CIDB) dan sebagainya untuk mengenal pasti perjawatan pada masa ini sedang diisi oleh pekerja asing.

Melalui proses ini melalui warga tempatan yang berpotensi akan dilatih dengan kemahiran yang diperlukan untuk membolehkan mereka mengambil alih tugas jawatan yang telah dikenal pasti itu apabila kontrak pekerja asing itu tersebut tamat kelak. Kementerian melalui Jabatan Tenaga Manusia sedang dalam perancangan untuk menawarkan kursus penyelenggaraan trend di peringkat juruteknik kepada pelajar Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia, kursus ini akan ditawarkan sebagai subjek pilihan kepada pelajar bidang *electrical* dan penyelenggaraan mekanikal sebagai nilai tambah kepada kursus sedia ada.

Buat masa ini Jabatan Tenaga Manusia telah membuat lawatan penanda aras dengan Prasarana Malaysia Berhad bagi mengenal pasti modul-modul latihan yang bersesuaian dengan Jabatan Tenaga Manusia. Bagi meningkatkan jumlah kakitangan yang berkelayakan di dalam industri kereta api, Kementerian Sumber Manusia menerusi Jabatan Pembangunan Kemahiran bersama industri telah membangunkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSH) untuk industri tersebut di bawah sektor pengangkutan. NOSH yang dibangunkan di bawah subsektor industri kereta api meliputi landasan kereta api *Electrical Multiple Unit* (EMU), *locomotive coach* dan gerabak, isyarat dan sistem komunikasi operasi stesen pengelektrikan dan lain-lain penyelenggaraan *tram* yang melibatkan kereta api.

Selain itu kerjasama pintar berteraskan Strategi Lautan Biru, JPK bersama Kereta Api Tanah Melayu telah dijalinkan dalam pelaksanaan sistem latihan *dual national*. Sehingga Disember 2015, seramai 2,719 orang perantis telah dipersijilkan. Kerjasama ini merupakan satu inisiatif pembangunan modal insan negara bagi meningkatkan operasi dan produktiviti syarikat supaya lebih produktif. Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada perkara isu nombor tujuh, saya ada dua, tiga isu pendek sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketujuh ialah gaji dan peluang pekerjaan OKU. Isu ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi dan juga Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator yang telah menimbulkan beberapa isu termasuklah program bagaimana kita menarik 550 OKU mencari kerja dalam satu program yang kita adakan pada 27 November.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi dan Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail telah membangkitkan tentang kaji peluang pekerjaan OKU Orang Kelainan Upaya. Seperti dimaklumkan bahawa Kementerian Sumber Manusia telah mengadakan Karnival Kerjaya bagi OKU 2015 di Hotel Aloft, Kuala Lumpur Sentral pada 27 November 2015. Seramai 590 OKU yang terdiri daripada berbagai-bagai kecacatan telah hadir daripada jumlah tersebut seramai 366 orang ataupun 60% orang lelaki dan jenis kecacatan fizikal adalah yang paling ramai hadir iaitu seramai 250 orang iaitu 40%. Seramai 134 orang wanita. Karnival ini telah disertai oleh seramai 17 orang majikan swasta daripada sektor perkhidmatan, peruncitan, perhotelan dan telekomunikasi. Sebanyak 4,787 pelbagai kekosongan jawatan yang telah ditawarkan oleh majikan-majikan tersebut bagi peningkatan pendidikan rendah sehingga kepada graduan universiti.

Buat masa ini pihak majikan masih dalam proses meneliti dan menilai profil calon-calon OKU sebelum ditawarkan pekerjaan kontrak kepada mereka. Namun begitu kita mendapat laporan terkini sehingga hari ini Tuan Yang di-Pertua, iaitu daripada jumlah yang saya sebutkan tadi untuk jumlah berjaya yang telah ditawarkan kerja ialah 22 orang. Akan panggil temu duga kali kedua 78 orang dan lapan orang majikan lagi belum lapor, mereka melaporkan kepada kita dan saya yakin sebenarnya masyarakat ataupun majikan-majikan memberikan kepercayaan kepada orang OKU kerana mereka juga mampu menjalankan kerja pada majikan-majikan berkaitan.

Berhubung dengan cadangan supaya syarikat berkaitan kerajaan GLC turut menawarkan pekerjaan kepada OKU, kementerian akan cuba mendapatkan syarikat-syarikat berkenaan untuk menyertai karnival kerjaya bagi OKU pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang Mulia juga, liputan gaji minimum turut juga merangkumi pekerja-pekerja kurang upaya atau OKU yang mempunyai kontrak perkhidmatan *Contract of Service*, dengan izin, yang dilindungi di bawah Akta Kerja 1955, Ordinan Buruh Sabah, Bab 67, Ordinan Buruh Sarawak, Bab 76.

Pembiayaan kerajaan yang turut merangkumi pelaksanaan OKU dan pelaksanaan gaji minimum dibuat selepas mengambil kira faktor-faktor berikut:

- (i) memberi hak sama rata kepada pekerja sepenuh masa termasuk OKU;
- (ii) pekerja yang bekerja di bawah satu kontrak perkhidmatan layak mendapat gaji minimum;
- (iii) matlamat asas mewujudkan Dasar Gaji Minimum adalah untuk membantu kumpulan termasuklah Orang Kurang Upaya; dan
- (iv) mengelakkan sebarang bentuk eksploitasi kepada pekerja termasuk orang OKU.

Kerajaan juga berpandangan majikan-majikan boleh mengajikan pekerja-pekerja OKU ini secara separa masa dan dibayar gaji minimum mengikut kiraan harian atau jam seperti mana yang ditetapkan dalam perintah gaji minimum. Sebagai kesimpulan sekali lagi ditekankan tiada perbezaan gaji minimum untuk OKU, Tuan Yang di-Pertua. Kenapa harus kita membezakan mereka sedangkan pekerja asing yang bekerja di negara kita, kita bayar mereka gaji minimum. Inikan pula orang istimewa di negara kita ini yang sememangnya anak tempatan.

Tuan Yang di-Pertua...

Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada.

Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan: Adakah Kementerian Sumber Manusia bercadang bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk merangka sebuah pelan tindakan bagi melaksanakan polisi dasar 1% pekerjaan bagi OKU. Dalam RMKe-11 baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa 16,000 pekerjaan akan disediakan bagi OKU. Jadi apakah cadangan- adakah Kementerian Sumber Manusia bercadang untuk merangka sebuah pelan tindakan untuk mencapai ini?

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat dasar 1% diduduki betul-betul lama lagi ditetapkan tidak silap saya Yang Berhormat, kita melihat sebenarnya di negara kita ini OKU boleh membuat kerja. Oleh sebab itulah saya melihat bahawa kenapa harus kita menggunakan ramai pekerja asing berada di dalam negara kita sedangkan banyak peluang pekerjaan boleh diberikan kepada OKU ini. Contohnya Tuan Yang di-Pertua, di bawah Kementerian Sumber Manusia kita ada SOCSO dan di bawah SOCSO ini kita ada sebuah pusat pemulihan- *rehabilitation center* di Melaka.

Di pusat ini sekarang ini tidak silap saya lebih daripada 200 orang pekerja-pekerja yang terlibat dengan kemalangan yang telah pun menjadi OKU, kita anggap OKU, kita latih mereka dan kita kembalikan mereka bekerja di tempat-tempat lain. Bahkan termasuklah tempat majikan mereka dahulu setelah kita pulihkan mereka. Kita panggil program ini *return to works* maknanya kembali ke tempat kerja. *Alhamdulillah*, hari ini saya ingat sudah beribu-ribu pekerja ini yang telah pun kita kembalikan hasil daripada usaha-usaha ini. Oleh sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. *InshaaAllah* saya kira pandangan Yang Berhormat Puan Bathmavathi cukup baik dan saya akan susul balik cadangan Yang Berhormat telah timbulkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, pergi kepada isu kedua terakhir iaitu pembantu rumah asing yang disuarakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian, profesor? Ada? Terima kasih, yang menimbulkan isu mengenai gaji pembantu rumah dan berkaitan dengannya.

■1620

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan isu ini, gaji pembantu rumah asing dan pembantu rumah yang melarikan diri, isu kenaikan gaji pembantu rumah asing yang dicadangkan oleh Kerajaan Indonesia tidak dipersetujui oleh Kerajaan Malaysia. Sebenarnya kita belum ada persetujuan walaupun mereka mencadangkan hendak gaji ini RM1,200. Sebab dalam sektor perkhidmatan ini, gaji minimum tidak terlibat dengan pembantu rumah Tuan Yang di-Pertua.

Malah perkara ini telah dibincangkan oleh kedua-dua negara melalui mesyuarat khas *Joint Working Group* (JWG) yang telah diadakan. Pada masa sekarang pembantu rumah asing adalah di kategori sebagai pekerja domestik yang tidak diliputi di bawah Akta Gaji Minimum 2012. Ini bermaksud gaji pembantu rumah asing adalah ditentukan oleh kuasa pasaran berdasarkan persetujuan majikan dengan pembantu rumah berkenaan.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, penentuan gaji pembantu rumah asing ini khususnya di Indonesia juga adalah berkait rapat dengan persaingan yang diberikan oleh negara penerima lain seperti Singapura, Hong Kong, Taiwan dan Timur Tengah yang menetapkan kadar gaji dan faedah lebih baik yang boleh mempengaruhi kedatangan mereka untuk bekerja di negara ini khususnya terhadap calon pembantu rumah yang terlatih dan berpengalaman.

Di Singapura kadar gaji yang ditawarkan adalah di antara SGD400 hingga SGD550 iaitu bersamaan dengan RM1,032 hingga RM1,400 sebulan. Taiwan menawarkan gaji sebanyak TWD15,800 atau bersamaan dengan RM1,728.10 sebulan. Hong Kong menawarkan gaji HKD4,110 Hong Kong-dipanggil apa, Hong Kong ini, *Dollar*? Bersamaan dengan RM1,779.73 dan Timur Tengah, Saudi Arabia menawarkan gaji SR1,200 hingga SR2,000 atau bersamaan dengan RM1,074 atau RM1,790. Kita menawarkan Tuan Yang di-Pertua gaji yang agak rendah.

Sehubungan dengan itu sebarang peningkatan kadar gaji yang berlaku di negara-negara ini adalah berkait rapat secara langsung dengan persaingan sengit yang dihadapi oleh negara-negara

penerima bagi mengelakkan berlakunya kekurangan calon pembantu rumah asing yang berkualiti khususnya daripada negara sumber seperti Indonesia untuk berkhidmat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat Senator, berhubung dengan cadangan untuk menetapkan jaminan bersyarat khususnya kepada pembantu rumah asing yang melarikan diri dari rumah majikan, pada masa ini melalui MOU yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia dengan negara sumber seperti Indonesia, perjanjian tersebut telah menetapkan klausa jaminan yang akan memberi perlindungan kepada majikan sekiranya pembantu rumah asing mereka melarikan diri. Dalam tempoh enam bulan setelah digajikan, sekiranya pembantu rumah asing ini majikan dapati telah melarikan diri majikan adalah berhak untuk mendapat ganti rugi ataupun penggantian daripada Agensi Pekerja Swasta (APS) terlibat yang bertanggungjawab menguruskan kemasukan pembantu rumah asing di negara ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada 10 Disember 2015 Kerajaan Malaysia telah memeterai satu MOU dengan Kerajaan Kemboja berkaitan pengambilan pembantu rumah asing dari Kemboja. Adalah diharapkan dengan termeterainya MOU ini Tuan Yang di-Pertua, ia akan memberi lebih persaingan sihat di antara negara-negara sumber, membekalkan pekerja pembantu rumah asing serta akan memberi lebih pilihan kepada majikan untuk memilih pembantu rumah asing dari negara sumber yang mereka kehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, isu terakhir yang dikemukakan kepada Kementerian Sumber Manusia ialah tentang pekerja asing yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin mengenai peluang pekerjaan hari ini diambil oleh pekerja-pekerja asing Indonesia, Myanmar, Nepal, Vietnam dan sebagainya dalam pelbagai sektor. Beliau meminta kerajaan mengambil berat perkara ini agar dapat mengurangkan pekerja asing supaya anak-anak muda boleh mengisi ruang pekerjaan negara.

Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin mendapati peluang pekerjaan di negara ini telah diambil alih oleh pekerja asing. Bagi makluman Dewan yang mulia ini, penggajian pekerja asing melalui Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) adalah untuk memenuhi keperluan tenaga kerja di sektor-sektor dan subsektor tertentu. Terutamanya di sektor yang dilabel sebagai 3D iaitu *dirty, dangerous and difficult* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, yang tidak atau kurang diminati pencari pekerja tempatan.

Sektor-sektor tersebut pembinaan, perladangan, perkhidmatan khususnya subsektor, pembersihan, pencucian, resort-resort peranginan, hotel dan spa, refleksologi, *caddy* dan restoran. *Caddy* lelaki Tuan Yang di-Pertua dan pertanian. Manakala dalam sektor perkilangan pula walaupun masih lagi diminati oleh pencari kerja tempatan, tetapi jumlah permintaan yang tinggi tidak mampu ditampung oleh bekalan pekerja tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sangat mengambil berat tentang peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Oleh itu kerja-kerja asing ini, pekerja-pekerja asing ini hanya dibenarkan bekerja sebagai pekerja asas atau buruh kasar sahaja. Ini disebabkan keperluan yang kritikal oleh pihak majikan bagi memastikan industri tersebut dapat berkembang dengan baik dan seterusnya menjana ekonomi negara. Oleh yang demikian mereka bukanlah pesaing kepada pencari kerja tempatan yang mempunyai sijil kemahiran atau pemegang diploma dan ijazah.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengenakan syarat yang ketat ke atas majikan yang ingin menggaji pekerja asing dengan mewajibkan mereka mengiklankan kekosongan jawatan dalam portal *JobsMalaysia* terlebih dahulu sebelum sijil perakuan pengesahan majikan dikeluarkan oleh Jabatan Tenaga Kerja. Ini bertujuan untuk memberi peluang kepada pencari kerja tempatan terlebih dahulu. Majikan juga akan dibekalkan dengan senarai nama pencari kerja tempatan yang berminat dan majikan diwajibkan untuk menemu duga mereka terlebih dahulu.

Berdasarkan rekod Jabatan Tenaga Kerja dari 1 Januari hingga 30 November 2015, seramai 13,665 orang calon pekerja tempatan telah menghadiri temu duga dan seramai 10,762 orang telah berjaya ditempatkan dalam sektor pekerjaan di negara kita. Siapa kata pekerja tempatan tidak boleh membuat kerja.

Tuan Yang di-Pertua kerajaan juga telah melaksanakan pelbagai usaha untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Antaranya ialah:

- (i) mengadakan program-program penempatan pekerja di seluruh negara oleh Jabatan Tenaga Kerja;
- (ii) menggalakkan sektor-sektor yang berorientasikan buruh berubah kepada penggunaan mekanisasi dan automasi bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja kurang mahir;
- (iii) menetapkan *ratio* penggajian pekerja asing mengikut sektor bagi menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan; dan
- (iv) melaksanakan *strict ability*, dengan izin, ke atas majikan bagi memastikan majikan yang menggaji pekerja asing melaksanakan tanggungjawab mereka selaras dengan peruntukan undang-undang yang sedang dikuatkuasakan.

Melalui RMKe-11 Tuan Yang di-Pertua kerajaan juga telah menggariskan satu polisi supaya bilangan pekerja asing tidak melebihi paras 15% daripada jumlah guna tenaga negara menjelang tahun 2020. Hari ini kita mempunyai 14 juta tenaga kerja di negara kita. Ini bertujuan untuk memastikan rakyat tempatan tidak kurang bersaing dengan pekerja asing untuk merebut peluang pekerjaan yang wujud. Berdasarkan statistik di Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran negara tidak melebihi 4%. Hari ini hanya dua poin- beberapa peratus sahaja bagi tempoh beberapa tahun kebelakangan ini. Paras ini dianggap sebagai guna tenaga penuh bagi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah isu-isu yang dibangkitkan oleh 15 orang Ahli Dewan Negara. Saya sekali lagi bagi pihak Menteri dan Kementerian Sumber Manusia mengucapkan jutaan terima kasih banyak atas isu-isu yang dibangkitkan dan pandangan-pandangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Senator. *InshaaAllah* kita akan berikan sokongan dan akan membawa supaya tenaga kerja negara kita mempunyai masa depan yang cukup cerah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Kementerian Wilayah Persekutuan.

4.29 ptg.**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Wilayah Persekutuan ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut serta dalam perbahasan Bajet 2016 bagi Sidang Dewan Negara khususnya yang menyentuh tentang isu di Wilayah Persekutuan.

Sebagai kerajaan yang prihatin seperti mana yang diterjemahkan dalam tajuk Bajet 2016 itu sendiri iaitu Mensejahterakan Kehidupan Rakyat, Kementerian Wilayah Persekutuan sentiasa berusaha untuk melaksanakan program-program pembangunan demi memastikan rakyat dapat hidup selesa, bahagia dan sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas dan Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman telah membangkitkan tentang isu perumahan di Kuala Lumpur.

■1630

Nombor satu, cadangan membangunkan kawasan tanah rizab Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk dijadikan kawasan pembangunan perumahan awam. Kementerian Wilayah Persekutuan melalui DBKL sememangnya menyambut baik cadangan yang sebagaimana Ahli Yang Berhormat memaklumkan iaitu tanah-tanah rizab DBKL dicadangkan pembinaan rumah awam yang boleh dimiliki oleh kumpulan sasaran. Sehingga kini, DBKL sedang di peringkat perancangan bagi beberapa buah tapak untuk membangunkan rumah awam ini iaitu seperti Lot 67343 Kampung Sungai Udang, Segambut sebanyak 1,500 unit dan di atas Lot 25078 dan Lot 25580 Jalan Persiaran Pertahanan, Kampung Wira Jaya, Mukim Setapak sebanyak 1,906 unit.

Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat juga, pelaksanaan pembangunan tersebut akan menggunakan peruntukan DBKL dari *revolving fund*, dengan izin, sebanyak RM250 juta yang telah diwujudkan bagi tujuan pembangunan rumah awam ini. Selain itu, Kementerian Wilayah Persekutuan terus melaksanakan Program Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) yang merupakan sebahagian daripada peranan kementerian dan DBKL dalam menyediakan perumahan yang berupaya dimiliki oleh kumpulan sasaran di Wilayah Persekutuan, khususnya Kuala Lumpur. Antara tapak tanah milik DBKL yang diusahakan sama ada secara usaha atau *outright sale*, dengan izin, bagi tujuan pembinaan RUMAWIP ini adalah seperti di Kampung Batu Muda Tambahan, Sentul sebanyak 1,224 unit, Lot 148, Seksyen 85A, Bandar Baru Sentul sebanyak 351 unit dan di Residency Pandanmas, Kampung Pandan sebanyak 700 unit fasa 1 dan 1,920 unit fasa 2.

Pembangunan RUMAWIP di atas tanah kerajaan ini dibuat melalui kos subsidi, dengan izin, dan meletakkan komitmen pemaju untuk menyediakan terlebih dahulu keperluan RUMAWIP sebelum dibenarkan membina perumahan harga bebas bagi menampung sebarang kekurangan dalam komponen RUMAWIP.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada seorang bangun. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Boleh habis Yang Berhormat Datuk Yahaya? Melalui dasar RUMAWIP ini juga, sehingga Oktober 2015, terdapat sebanyak 29,154 unit rumah mampu milik atau 37% daripada sasaran keseluruhan 80,000 unit di bawah Program Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) dan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) telah dicapai yang merangkumi kategori telah siap dibina dan dalam pembinaan dan kelulusan Perintah Pembangunan (DO) di seluruh Wilayah Persekutuan. Silakan.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi laluan kepada saya. Saya hendak sentuh soal perumahan. Tadi Yang Berhormat Menteri menjelaskan di kawasan Taman Batu Muda diadakan rumah mampu milik, itu pun saya tahu di bawah SkyWorld. Akan tetapi yang malangnya bagi penduduk kawasan sekitar yang ingin memiliki rumah, pada masa buka pendaftaran tempoh hari, *SkyWorld* ini mewajibkan setiap pembeli kena bayar pendahuluan RM15,000 tanpa boleh tahu status boleh ataupun tidak boleh. Semua kena bayar RM15,000. Tidak bayar, borang tidak boleh isi, tidak boleh hendak *submit*. Itu satu.

Keduanya, apa yang saya bangkit dalam perbahasan saya tempoh hari soal-soal tanah kepunyaan DBKL sama ada tanah setinggan ataupun tanah yang berskala kecil, 2 ekar ataupun 3 ekar diberikan kepada pemaju yang sudah tentu tidak ada rumah mampu milik di situ. Banyak kalau kita pergi ikut Jalan Sentul itu, banyak *SkyWorld* ada, banyak rumah-rumah yang baru naik, tarafnya RM500,000 ke atas. Sudah tentu tidak mampu dimiliki oleh bumiputera ataupun golongan-golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Ini yang merisaukan kita.

Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri untuk lain kali ataupun akan datang ini, pastikanlah tanah-tanah sama ada tanah setinggan kah, kalau boleh kita kena fikir geopolitik di situ. Kalau kita ambil tanah setinggan, kita buat rumah kondo, beri kepada pemaju buat rumah kondo, sudah tentu penghuni di situ tidak akan duduk di situ lagi. Sudah tentu berhijrah ke lain tempat. Titiwangsa hanya menang 800 undi, kalau orang Melayu semua yang mengundi tegar kita di situ dipindahkan ke kawasan lain, sudah tentu Titiwangsa nanti akan kalah. Begitu juga dengan Batu kalau dibina. Banyak pemaju yang mengambil rumah setinggan, contohnya Kampung Chubadak, contohnya YTL, masih sampai sekarang belum ada rumah kos rendah yang dijanjikan kepada rakyat. Rumah yang dibina rumah-rumah yang tidak mampu kita miliki. Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri beri penjelasan. Terima kasih.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, Yang Berhormat kena faham. Dari awalnya, dasar yang diadakan pada masa sekarang untuk mengadakan rumah mampu milik ini adalah berdasarkan prinsip kos subsidi. Di mana tanah-tanah kepunyaan agensi-agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan, kalau dijual kepada mana-mana pemaju, pemaju dipaksa membuat sekurang-kurangnya 50% buah rumah mampu milik. Satu.

Kedua, mereka memastikan bahawa penempatan semula setinggan juga dijadualkan seperti yang diperlukan. Kalau dengan perkara-perkara ini dijanjikan diselesaikan, saya pastilah masalah yang

Yang Berhormat timbulkan tadi tidak akan wujud. Akan tetapi cadangan ataupun prihatin Yang Berhormat ini akan saya ambil dalam perhatian dan dimaklumkan kepada kementerian. Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Wilayah Persekutuan melalui DBKL turut merancang untuk melaksanakan projek pembangunan semula tapak-tapak perumahan awam sedia ada yang usang. Antaranya yang terlibat di kawasan Parlimen Batu adalah di Perumahan Awam Flat Negeri Sembilan, Sentul.

Isu kerosakan lif. Untuk makluman, pihak DBKL sentiasa mengambil langkah-langkah pengurusan lif yang berkesan. Di mana langkah pengurusan lif dibuat mengikut usia lif yang semakin meningkat, merangkumi 523 buah lif secara keseluruhan, di dalam 45 buah kawasan perumahan, melibatkan 160 buah blok rumah. DBKL telah membuat perancangan penggantian lif secara berperingkat, di mana melibatkan tiga fasa seperti berikut.

Fasa pertama telah bermula pada tahun 2014 yang melibatkan sembilan buah kawasan, dengan jumlah 90 buah lif dan kos keseluruhan penggantian sebanyak RM38.8 juta dan dijangka siap pada bulan Ogos 2016. Fasa kedua melibatkan tiga buah kawasan dengan jumlah 38 unit lif, dengan kos berjumlah RM17 juta dan kerja-kerja penggantian akan bermula dalam tahun 2016. Fasa ketiga melibatkan tujuh buah kawasan, dengan jumlah 44 unit lif dan kos keseluruhan penggantian lif sebanyak RM19.8 juta. Dalam masa yang sama, DBKL sentiasa memastikan langkah-langkah pencegahan dengan memantau berterusan dengan pihak kontraktor yang dilantik oleh DBKL dapat membaik pulih dengan kadar yang segera berdasarkan penepatan KPI 30 minit *response time*, dengan izin, telah ditetapkan.

Masalah *parking* atau tempat letak kereta...

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Sebelum pergi ke *parking*, saya minta mencelah sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri, kerana beri laluan kepada saya. Kita dengar daripada Yang Berhormat Datuk Yahaya tadi, dia kata sebelum tiap-tiap orang hendak membeli rumah dari Wilayah, kena beri deposit RM15,000. Ini betul atau tidak Yang Berhormat? Kalau betul- saya fikir tidak betul. Kalau betullah dia kena...

■1640

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Biar Yang Berhormat Menteri jawablah, ya. Terima kasih.

Kalau betul Dewan Bandaraya Kuala Lumpur buat macam itu, *not fair* lah. Fasal apa tidak buat macam PR1MA buat? Kita adakan senarai orang yang hendak beli dan buatlah dengan cara pemilihan secara mengundi dan sebagainya supaya orang yang sudah dapat pengundian itu, kalau kena bayar, okeylah. Akan tetapi macam mana nak masuk mengundi pun kena bayar RM15,000 kalau betullah apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat Dato' Abbas tadi. Terima kasih.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri.

Senarai nama yang ditapis melalui portal rumawip.kwp akan dirujuk oleh pemaju dengan panel-panel bank untuk tujuan pinjaman. Bayaran deposit 10 peratus sememangnya syarat bank dan turut melibatkan kaedah pembinaan secara 10 nisbah 90 peratus oleh pemaju. Walau bagaimanapun, Kementerian Wilayah Persekutuan sedang mengadakan kerjasama dengan bank-bank tempatan seperti Bank Rakyat, BSN dan Bank Islam bagi mencari kaedah pinjaman secara 100 peratus untuk membantu para pembeli yang banyak.

Memang apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya dan Yang Berhormat Senator Tan Sri Abdul Rahim tadi adalah betul. Mereka dikenakan bayaran ini sebagai satu deposit di mana selepas mereka bayar deposit ini, jika mereka gagal mendapat rumah kerana tidak dapat pinjaman ataupun tidak layak untuk mendapat rumah, maka duit ini akan dikembalikan kepada pemohon. Ini merupakan satu deposit dan bukannya satu pembayaran. Jika dia berjaya, maka wang itu akan digunakan sebagai sebahagian daripada wang pembelian. Terima kasih Yang Berhormat.

Masalah *parking*, untuk makluman...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kawan Yang Berhormat bangun.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: *You*, sebelum *parking*, saya mahu bertanya, satu soalanlah. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, itu 800 atau 500 orangkah saya tidak tahu, itu rumah di Jinjang, manakah tempat *you* orang bagi dia rumah di kawasan Wilayah? Terima kasih. Itu soalan saya mahu tanya. Terima kasih.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Seri Nallakaruppan.

Untuk rumah panjang Jinjang, penempatan semula mereka adalah di PPR yang sedang disediakan di sebelah kawasan Jinjang sahaja. Ia melibatkan lebih daripada 1,600 unit.

Seterusnya untuk makluman...

Tuan Yang di-Pertua: Ada seorang lagi bangun, Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Tuan Yang di-Pertua, sebelum beralih kepada tempat letak kereta bertingkat, saya bersama...

Tuan Yang di-Pertua: Rapatkan *mike* itu Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Terima kasih. Saya hendak tanya, baru-baru ini satu demonstrasi berlaku di Datuk Keramat fasal perumahan. Lotnya ialah Lot PT.9902. Saya masih ingat lagi semasa itu saya di Kementerian Wilayah, saya tahu masalah ini. Dijanjikan kepada penduduk, tapi akhirnya diberi kepada orang kaya beli. Itulah. Tahukah Tuan Yang di-Pertua, bahawa perbuatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ini banyak membuat bukan mampu milik, buat mampu lihat sahaja.

Saya hendak tanya, apa jadi pada peristiwa ini, Lot PT.9902 ini? Ini sangat melukakan hati orang tempatan dan tiap-tiap hari kita melukakan hati orang-orang ini. Jadi, bukan sahaja kita mampu milik tapi mampu melahirkan orang yang mampu dendam kepada kita, melahirkan manusia yang, "api dalam

sekam". Apakah cadangan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur hendak cuba menolong ini? Jangan tiap-tiap hari. Susah kita. Kami hendak hadapi susah, termasuk kami punya Wakil Rakyat dua-dua tadi, daripada Setiawangsa dan Titiwangsa.

So, saya hendak minta tolong, fikirilah betul-betul, Jangan kita tiap-tiap hari melukakan hati manusia yang daif ini. Mereka ini penyokong kuat kita. Jadi saya minta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur fikir-fikirkanlah, jangan buat suka-suka hati sahaja. Tanyalah dahulu kepada kami ini, apa caranya. Di mana ada tadi rumah yang satu harga murah, lepas itu didirikan rumah yang berharga sampai RM500,000. Wah! Jadi, kami menanggungnya. Kami pemimpin pergi surau ditanya, pergi masjid ditanya, "Apa jadi ini Datuk pada kami ini?" Termasuk kita punya Wakil Rakyat, pun kena.

Jadi benda-benda ini saya minta supaya Dewan Bandaraya kena fikirkan habis-habisan. Jangan fikir hendak ambil untung sahaja, jangan macam itu. Ini saya dengar pula beri pada satu pemaju yang tidak cukup pun, tidak ada dia punya *track record* pun. Allah, macam mana ini berlaku ini? Kampung bumiputera, kampung sana dan kamilah yang menanggungnya. Kadang-kadang malu kita- "muka berpandangan budi kedapatan". Ingatlah itu. Kita jangan lupa orang yang menyokong kita ini. Kita lukakan hati dia, akhirnya kita mampu melahirkan mereka ini menjadi "api dalam sekam".

Jadi saya minta tanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri tadi, apa telah terjadi kepada PT.9902 ini? Jadi saya ingin mencadangkan supaya dapat beritahu kami supaya saya dapat sampaikan benda ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya belum jawab soalan Yang Berhormat Datuk Seri tadi, yang memang timbulkan satu soalan dalam perbahasan. Tunggu sampai jawapan, nanti saya jawablah sekali.

Untuk makluman, pihak DBKL yang telah pun mengenal pasti 12 buah lokasi bagi pembangunan pembinaan tempat letak kereta bertingkat bagi menangani masalah kekurangan tempat letak kereta di perumahan awam dan projek perumahan rakyat. Perancangan untuk membina tempat letak kereta ini akan dimulakan pada tahun 2016 menggunakan peruntukan Bajet 2016 yang telah diluluskan.

Senarai lokasi pembinaan tempat letak kereta bertingkat yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- (i) PPR Air Panas;
- (ii) PPR Desa Petaling;
- (iii) PA Desa Rejang;
- (iv) PPR Desa Tun Razak;
- (v) PPR Hilir Ampang;
- (vi) PPR Intan Baiduri;
- (vii) PPR Kepong;
- (viii) PPR Rakyat Permai;
- (ix) PA Sri Kota;
- (x) PPR Sri Pantai;

- (xi) PPR Sri Sabah; dan
- (xii) PPR Taman Mulia.

Tuan Yang di-Pertua, masalah penghuni PA dan PPR tidak bayar sewa. Untuk makluman, pihak DBKL sedang mengadakan operasi kutipan sewa...

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Minta laluan sedikit, pasal *parking* ini. Dalam senarai yang dibaca oleh- terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita juga mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Wilayah dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kerana buat *parking* bertingkat.

Akan tetapi malangnya, dalam senarai yang dibaca tadi, tidak ada satu pun dalam PPR Batu. Kena tengok baliklah pasal PPR Batu pun teruk juga *parking*. PPR Batu Muda, PPR Intan Baiduri, hanya sedikit sahaja masuk Batu, Intan Baiduri masuk Kepong dan PPR Wahyu, PPR Batu Lima. Itu dalam Parlimen Batu. Itu kena tengok balik. Jangan... [Disampuk] Okey, terima kasih.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya ambil maklum.

Masalah penghuni PPA dan PPR tidak bayar sewa. Untuk makluman, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang mengadakan operasi kutipan sewa tertunggak berdasarkan pelan kutipan tertunggak dan penguatkuasaan jabatan bermula daripada 2 November 2015 di mana tindakan yang telah diambil adalah melaksanakan pelan tindakan pengutipan tunggakan sewa terkumpul seperti berikut:

- (i) memfokus tindakan kepada penyewa bertunggakan RM10,000 ke atas;
- (ii) bancian mega telah dilaksanakan sepanjang bulan September 2015;
- (iii) sambungan tempoh;
- (iv) pembukaan kaunter bergerak;
- (v) kiosk bayaran; dan
- (vi) cadangan pelantikan *cash collector*, dengan izin, di beberapa buah kawasan sebagai projek perintis untuk tujuan kutipan tunggakan sewa dan bayaran sewa bulanan.

Jumlah keseluruhan tunggakan sehingga November 2015 - RM49,900,000 di mana terdapat pengurangan sebanyak RM1.6 juta berbanding dengan tunggakan pada bulan September 2015 iaitu sebanyak RM51.5 juta.

■1650

Selain daripada itu, DBKL sentiasa mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas penghuni-penghuni yang melanggar syarat-syarat perjanjian penyelenggaraan perumahan PA, PPR DBKL seperti tidak menetap di unit, menyewakan unit kepada orang lain atau warga asing. Mengikut rekod, jumlah tindakan penguatkuasaan yang telah dibuat sehingga Oktober 2015 sebanyak 264 merangkumi kes-kes seperti di atas.

Kelima, CCTV yang boleh dipantau dari semasa ke semasa. Untuk makluman, pihak DBKL telah pun melaksanakan *pilot project*, dengan izin pemasangan CCTV dan penempatan pengawas lif bagi

tujuan pemantauan dan mengurangkan penyalahgunaan dan vandalisme lif. Pemantauan keberkesanan inisiatif ini telah dilakukan bermula pada bulan Januari 2015 di mana lokasi pemasangan CCTV telah dibuat di PA Desa Rejang dan PPR Intan Baiduri. Manakala penempatan pengawas lif di PA Desa Rejang dan PPR Batu Muda.

Keenam, program-program komuniti di rumah PPR. Pihak jabatan sentiasa mengatur program-program komuniti di perumahan PA/PPR bersama persatuan penduduk NGO dan pelbagai agensi di mana program-program bercorak perubahan sikap yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) Program Transformasi Minda Belia;
- (ii) Program Komuniti Ceria; dan
- (iii) Program Bomba Komuniti dalam menggalakkan penyertaan penduduk di ke arah keselamatan perumahan awam;

Cadangan pemindahan Pasar Sentul. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Ahli Yang Berhormat Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas juga telah mengemukakan cadangan untuk memindah Pasar Sentul serta menaik taraf jalan utama berhampiran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Wilayah Persekutuan amat menyedari akan isu kesesakan lalu lintas yang berlaku di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur. Pihak kementerian melalui DBKL sedaya upaya berusaha untuk menangani masalah kesesakan lalu lintas dalam bandar raya yang giat membangun. DBKL telah menjalankan kajian untuk pembangunan semula Pasar Sentul dan mendapati terdapat dua faktor utama yang tidak dapat diselesaikan iaitu pertama, saiz tapak yang sedia ada terhad dan pembangunan semula Pasar Sentul terpaksa memberi *setback* jalan, dengan izin, sebanyak 100 kaki. Kajian juga menunjukkan bahawa pihak DBKL perlu mencari tapak yang baru untuk memindah dan menempatkan Pasar Sentul yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan kawasan sekitar Jalan Sentul akan mengambil kira penambahbaikan infrastruktur jalan sedia ada bagi tujuan menangani masalah kesesakan lalu lintas. Sehubungan itu, DBKL sedang meneliti rangkaian jalan dan juga pejalan kaki di keseluruhan kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, isu jalan berlubang di sekitar Kuala Lumpur. Yang Berhormat Puan Shahanim- tidak ada Tuan Yang di-Pertua? Saya *skip*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat jawab bertulis.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Tuan Yang di-Pertua, cadangan penamaan semula Jalan Ampang. Seterusnya, Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah telah membangkitkan isu tentang cadangan penamaan semula Jalan Ampang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam penamaan geografi amat penting sekiranya nama sesuatu tempat tersebut melambangkan asal usul sejarah dan bersifat kebangsaan supaya pengekalannya dapat difahami dan diturunkan kepada generasi akan datang. Menjadi tanggungjawab kementerian, jabatan serta agensi yang menganggotai Jawatankuasa ini untuk memastikan setiap nama dan tempat yang diberikan adalah bersifat bersesuaian dan cuba mengekalkan

ciri-ciri sejarah dan asal usul nama tempat tersebut supaya tidak dilupakan pada masa akan datang. Manakala, bagi penamaan geografi yang baru juga akan diterapkan dengan nama yang melambangkan identiti dan budaya bangsa di Malaysia.

Dalam perihal penamaan semula Jalan Ampang, hasil penyemakan mendapati permohonan pertama yang diterima oleh DBKL pada tahun 2008 telah mendapat bantahan penduduk setempat dan telah ditolak. Manakala, permohonan seterusnya berkenaan penamaan semula Jalan Ampang kepada DBKL pada tahun 2012 tidak diluluskan dan ditolak menerusi Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi Wilayah Persekutuan. Justeru, permohonan tersebut dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi Wilayah Persekutuan untuk pertimbangan Kementerian Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, isu pembinaan kondominium mewah di Kampung Kinabalu Datuk Keramat. Ahli Yang Berhormat Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad telah mengungkit isu tentang pembinaan kondominium mewah di Lot PT9902, Mukim Setapak, Kuala Lumpur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebahagian besar penduduk setinggan berasal dari Kampung Kinabalu Hujung Datuk Keramat telah dipindahkan pada tahun 1992 sehingga tahun 2006 dengan syarat penyewaan atau membeli unit di PPR Gombak Setia, PPR Kampung Baru Air Panas dan PPR Hiliran Ampang.

Berkenaan dengan pakej yang dibangkitkan oleh penduduk pembinaan yang dicadangkan di Lot 9902 Datuk Keramat merangkumi 50% perumahan rumah mampu milik. Manakala bagi 50% - pangsapuri berharga bebas. Sebanyak 274 unit rumah RUMAWIP akan disediakan berkeluasan 800 kaki persegi yang mengandungi tiga buah bilik tidur, dua buah bilik air.

Untuk makluman, dasar harga penjualan RUMAWIP - RM300,000 ke bawah seunit. Manakala, harga penjualan RUMAWIP dicadangkan di tapak ini adalah jauh lebih murah iaitu RM198,000 seunit yang akan dijual 100% kepada bumiputera.

Selain itu, turut dicadangkan di tapak pembinaan 252 unit pangsapuri harga bebas dengan harga kurang daripada RM750,000 seunit. Walau bagaimanapun, pihak pemaju telah bersetuju untuk menjual unit-unit pangsapuri tersebut dengan harga kurang RM600,000. Baki 22 unit jenis *duplex penthouse* dibenarkan untuk dijual tidak melebihi RM2 juta. Keperluan pangsapuri harga bebas ini adalah untuk menampung kos pembinaan RUMAWIP di tapak tersebut yang dijual dengan harga lebih murah daripada harga pasaran atau *cost subsidy*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan mengecat semula bangunan-bangunan tarikan pelancongan di Kuala Lumpur. Ahli Yang Berhormat Laksamana...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak bangun? Bangun. Tanya Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar tadi jawapan diberi sahabat kita Menteri tadi cantiklah. Bagaimanakah caranya saya hendak sampai pada orang kampung saya cerita ini? Saya hendak beritahu Yang Berhormat Titiwangsa itu. Bolehkah saya dapat pada kami, pada saya hitam putih supaya saya sampaikan, maknanya keputusan kerajaan. Itu *request* saya. Terima kasih.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua memang semua ini adalah hitam putih boleh dapat daripada *Hansard*.

Cadangan mengecat semula bangunan-bangunan tarikan. Ahli Yang Berhormat Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B) ada di Dewan, telah mengutarakan cadangan untuk mengecat semula bangunan-bangunan tarikan pelancongan di Kuala Lumpur. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui DBKL telah merangka program mengecat bangunan di Kuala Lumpur dengan dua pendekatan.

■1700

Pendekatan pertama melibatkan program secara menyeluruh untuk bangunan-bangunan usang dan kurang menarik di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sebuah notis akan dikeluarkan kepada pemilik dan sekiranya ia tidak dipatuhi, DBKL akan mengecat bangunan tersebut dan kosnya akan dicaj kepada pemilik. Pendekatan kedua pula melibatkan kawasan-kawasan yang terlibat dengan projek pengindahan dan naik taraf kawasan bagi memastikan keseluruhan kawasan berdekatan, bangunan-bangunan di sekitar akan dicat, dipasang dengan lampu impak pencahayaan dan disediakan dengan papan tanda nama yang seragam dan menarik. Kos-kos bagi kerja-kerja ini biasanya merupakan sebahagian daripada kos projek dan hanya melibatkan kawasan tertentu sahaja misalnya Medan Pasar, Pekan Sungai Besi dan kawasan warisan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang isu Kampung Baru pula...

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B): Mencelah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang mengecat bangunan-bangunan ini, adakah Kementerian Wilayah Persekutuan mempunyai satu polisi di mana tiap-tiap lima atau enam tahun, maka bangunan-bangunan di Bandaraya Kuala Lumpur ini harus dicat semula ataupun bangunan-bangunan yang sudah kelihatan *facadenya*, dengan izin, nampak usang kerana umum maklum di negara Malaysia ini, kita selalu mengalami hujan lebat dan cat selalunya akan tiris, akan mula pudar.

Jadi bermakna apabila saya membangkitkan dalam perbahasan di mana kita harus menekankan kepada memperkasakan budaya penyenggaraan. Jadi saya ingin tahu daripada Kementerian Wilayah Persekutuan, sama ada kita membuat satu polisi. Saya mengucapkan tahniah dan syabas juga dengan rancangan yang telah pun dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator, pada masa sekarang ini kita belum ada dasar ataupun pendekatan ketiga iaitu memastikan supaya bangunan-bangunan yang usang dan kurang menarik ini diberikan pengindahan ataupun mengecatnya semula. Saya akan mengambil maklum cadangan ini dan akan memberitahu kepada kementerian untuk membuat satu pendekatan untuk menjadikannya pendekatan ketiga. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Menyentuh tentang isu Kampung Baru pula, Ahli Yang Berhormat Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad dan Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah telah membangkitkan pertanyaan tentang status pembangunan Kampung Baru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) telah menyiapkan Pelan Induk Terperinci Pembangunan Kampong Bharu (PITPKB) yang telah menetapkan visi, misi, hala tuju dan sasaran strategik bagi pembangunan semula Kampung Baru. Pada masa ini, perancangan strategik Kampung Baru akan memfokuskan kepada projek perintis dengan keluasan 40 ekar melibatkan tanah persendirian dan kerajaan yang terletak di tengah-tengah kawasan Kampung Baru yang dikenali sebagai *Kampung Baru City Centre* (KBCC).

KBCC ini akan menempatkan bangunan-bangunan ikonik dan *signature tower*, dengan izin, dilengkapi dengan kemudahan *mall*, pusat kraf tangan, barangan, makanan dan pakaian Melayu dan tempat letak kereta serta *pedestrian bridges* untuk menghubungkan sebuah bangunan ke bangunan yang lain. Selain itu, pihak kerajaan juga telah menyediakan peruntukan khas untuk menaiktarafkan Jalan Raja Abdullah di samping memastikan laluan khusus ke Kampung Baru melalui Lebuhraya DUKE yang dikenali sebagai DUKE 2A, pihak kerajaan juga telah mencadangkan laluan khusus dari Lebuhraya Ampang-Kuala Lumpur *Elevated Highway* (AKLEH) ke kawasan Kampung Baru. Aspek *accessibility* ini adalah amat penting dalam menampung inisiatif pembangunan yang tinggi bagi Kampung Baru dan ia dapat menjadikan Kampung Baru mudah dihubungi.

Pendedahan Kampung Baru akan dipertingkatkan dengan adanya cadangan laluan pejalan kaki bertingkat dan berbasikal yang dikenali sebagai Saloma Link menghubungkan KBCC dan KLCC di mana konsep ini adalah serupa dengan *High Line* di *New York* dan *Helix Bridge* di Singapura, dengan izin. Selaras dengan imej dan identiti Melayu Islam yang ditetapkan dalam pembangunan Kampung Baru, Masjid Jamek Kampung Baru akan pasti dikekalkan sebagai titik tumpuan dengan orientasi mahupun reka bentuk bangunan di sekitar masjid perlu memberi ruang bagi memastikan keunggulan pandangan terhadap masjid dari lokasi pintu masuk utama Kampung Baru.

Pihak PKB bersama agensi-agensinya berkaitan juga secara bersungguh-sungguh bersama pemilik dan pewaris tanah Kampung Baru telah menyelesaikan isu faraid dan harta pusaka yang amat penting dalam memastikan kesempurnaan pembangunan Kampung Baru. Peruntukan sebanyak RM350,000 telah ditetapkan oleh pihak kerajaan bagi melantik perunding berkeelayakan dalam menyelesaikan isu ini. Pada masa kini sejumlah 12 buah lot tanah telah berjaya diselesaikan dalam tempoh masa enam bulan. Peruntukan sejumlah RM100 juta kepada pihak UDA Holdings juga telah diumumkan oleh kerajaan bagi memastikan pembangunan semula Kampung Baru mampu direalisasikan.

Strategi yang dirangka ini dilihat mampu menjana pembangunan optimum yang secara tidak langsung akan memberikan pulangan tinggi kepada setiap pemilik tanah terutamanya pemilik dan pewaris tanah persendirian di Kampung Baru dalam jangka masa panjang. Merujuk kepada projek pembangunan fizikal, pada masa kini terdapat dua buah projek pembangunan yang telah siap dibina iaitu

pertama, pembinaan semula Masjid Jamek Kampung Bharu dan kedua, pembangunan 21 tingkat *business suite* 133 unit oleh pemaju Arina Development (M) Sdn. Bhd di Jalan Raja Muda Abdul Aziz.

Selain itu juga terdapat lima buah projek sedang dalam pembinaan, sejumlah lapan buah projek lagi sedang diproses oleh DBKL untuk kelulusan kebenaran merancang. Selain itu, kerja-kerja penceriaan kawasan Kampung Baru sedang dilaksanakan melalui penanaman pokok-pokok rendah dan pokok-pokok renek berbunga di sepanjang jalan-jalan utama di Kampung Baru. Sebuah pintu gerbang yang menjadi mercu tanda baru Kampung Baru akan dibina dalam bulan Januari 2016. Pada masa ini PKB sedang menjalankan tiga kajian terperinci pelaksanaan infrastruktur. Objektif utama kajian ini adalah untuk penstrukturan semula jalan, utiliti dan jaringan jalur lebar di mana pelantikan perunding telah dilaksanakan pada 17 November 2015 dan kajian ini akan mengenal pasti potensi jalan-jalan yang perlu dinaiktarafkan di Kampung Baru.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Ada...

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Ada, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Beralih dengan Wilayah Persekutuan Labuan, Ahli Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Oh, okey.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya hendak tanya satu sahaja, pembangunan Kampung Baru ini telah diasaskan dahulu semasa Tun Mahathir menjadi Perdana Menteri. Tun Mahathir dahulu dibawa kepada Pak Lah dan dapat dilaksanakan sedikit semasa Perdana Menteri kita, Dato' Seri Najib ini. Saya hendak tanya tadi dahulu betul tidak tanah harganya *per square foot* RM50 dan sekarang berapa pula agak-agaknya. Bilakah agaknya kita dapat lihat pelaksanaan yang kita rancang itu dapat dilaksanakan? *At least* nampak mercu tanda itu. Saya hendak tanya satu lagi bagaimanakah cara pihak bandar raya dapat mempercepatkan pembangunan ini supaya dapat kita lihat wajah baru.

■1710

Saya ingat dahulu bahawa rasanya dia punya landskapnya hendak letak pokok buah-buah, bukan bunga-bunga ini. Jadi saya berharap tadi pelaksanaan projek pembangunan-pembangunan ini dilaksanakan secepat mungkin. Bilakah agaknya kita rasa dilaksanakan? Terima kasih.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, harga pasaran sekarang saya tidak berapa tahu tetapi saya akan berikan secara bertulis. Walau bagaimanapun, pembangunan Kampung Baru ini merupakan satu pembangunan yang unik kerana tanah-tanah di Kampung Baru ini dimiliki oleh orang perseorangan, nombor satu. Apabila orang yang mempunyai tanah ini meninggal, dia meninggalkan tanah ini kepada

waris-warisnya yang merupakan bukan seorang. Ada kalanya ada keluarga ini 12 orang, 30 orang, 40 orang. Kita kena selesaikan masalah mereka mengambil alih tanah-tanah ini, satu.

Kedua, mereka ini juga menunggu peluang untuk mencari pulangan yang besar. Mereka tidak rela datang dan beri tanah untuk dijual pada harga apa yang kerajaan atau pemaju hendak beli. Mereka tunggu apakah rancangan kerajaan? Apa yang kerajaan akan buat sebelum mereka hendak runding untuk penjualan. Oleh yang demikian kita dapat masalah-masalah kerana pembangunan Kampung Baru ini lambat. Bukan kerana daripada masa Tun Mahathir sampai sekarang kita tidak dapat selesaikan. Masalahnya- masalah-masalah teknikal dan juga masalah-masalah pasaran, jualan pasaran.

Ketiga pula, kawasan Kampung Baru ini unik kerana kita hendak kekalkan tradisi dan budaya Melayu Islam. Ini kerana kita hendak kekalkan tradisi Melayu Islam ini, kita perlulah pastikan pemaju-pemaju yang hendak beli tanah-tanah ini mengikut unsur-unsur ini. Kalau mereka ini *out of line*, kita, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua kita tidak dapat mempertimbangkan. Untuk jawapan di mana, berapa cepatkah boleh DBKL beri kelulusan? DBKL tidak kira di mana pun kelulusannya sudah *standard*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya saya beralih ke Wilayah Persekutuan Labuan. Ahli Yang Berhormat Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus telah membangkitkan isu pembangunan ekonomi di Labuan...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Nalla bangun.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Sila beri laluan. Sebelum pergi Labuan, saya mahu tanya satu soalan.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Duduk di Kuala Lumpur dahulu.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Kuala Lumpur dahulu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tanya satu soalan Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri cakap itu Saloma Link. Saya sudah ingat di Jalan P. Ramlee. Itu tempat adakah ingat kita pergi sebuah kuil, itu kuil Datuk Seri Tengku Adnan telefon saya, panggil saya pergi. Datuk telefon saya panggil pergi, kita pergi ke tempat itu kita orang banyak syok kita pergi. Kita turun semua itu perempuan dia umur lebih kurang 25 tahun. Dia cakap, dia marah macam-macam sama Datuk Seri Tengku Adnan, dia marah saya, dia marah Timbalan Menteri dia teriak. Dia cakap India. Dia teriak apa Tuan Yang di-Pertua, dia teriak dia gemuk, dia *fatty*, dia cakap sama dia. Dia marah macam-macam itu kita pergi mahu selesai itu tempat India punya kuil. Sekarang apa sudah jadi itu tempat? Saya belum tahu. Tolong beritahu sikit.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri Nallakaruppan. Saya kalau cakap nanti salah, jangan saya cakap. Orang lain cakap tidak apa.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat masalah kuil ini satu masalah di mana kuil ini berada di kawasan *reserved* tanah, *reserved* jalan. Oleh sebab kita ada pembangunan di sekitar kawasan itu, maka kuil itu perlulah dirobohkan. Pada masa itu, berlakulah berbagai-bagai jenis demonstrasi dan sebagainya apabila kita hendak mengambil tindakan ke atas kuil ini. Walau

bagaimanapun, selepas kita berunding dan kita telah mencapai satu pendekatan di mana kita akan di Wilayah Persekutuan ini, kita akan kekalkan rumah-rumah ibadat bukan Islam dengan satu garis panduan yang sedang diwujudkan.

Garis panduan ini dalam proses keakhiran, *last part*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Di mana selepas ini kita dapat tentukan bagaimana kita hendak kendalikan rumah-rumah ibadat bukan Islam. Bagi jawapan Yang Berhormat Datuk Seri Nallakaruppan ini, masalah kuil di Jalan P.Ramlee ini telah selesai. Mereka telah pun mendapat permit untuk pembangunan kuil itu dan sekarang adalah terletak di tangan jawatankuasa kuil itu untuk memulakan kerja-kerja pembangunan kuil tersebut.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua saya beralih ke Labuan, daripada semua Yang Berhormat dari Kuala Lumpur ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan ekonomi Wilayah Persekutuan Labuan yang perlahan disebabkan oleh kelembapan ekonomi dunia yang berpunca dari harga pasaran minyak dunia yang turun daripada paras tertinggi kira-kira USD130 setong kepada kira-kira USD40 setong. Ini kerana banyak aktiviti eksplorasi minyak dan kerja-kerja berkaitan, sama ada ditangguhkan ataupun tidak diteruskan oleh syarikat-syarikat minyak di Wilayah Persekutuan Labuan.

Ramai pegawai dagang dan pekerja dalam bidang minyak dan gas turut diberhentikan. Keadaan ini menyebabkan aktiviti-aktiviti yang berkaitan seperti peruncitan, perhotelan, pengangkutan, perkapalan, penyewaan perumahan dan sebagainya turut terjejas. Dalam hal ini Perbadanan Labuan berusaha untuk mengurangkan impak ini dengan memberi tumpuan kepada aktiviti berkaitan dengan pelancongan seperti meneruskan pemberian subsidi tambang feri dan bot laju penumpang Labuan Sabah, membangunkan taman tema air bagi menarik kemasukan pelancong ke Wilayah Persekutuan Labuan, pembangunan hartanah melalui projek usaha sama dengan pihak swasta, penganjuran aktiviti sukan dan sebagainya. Antara langkah-langkah lain termasuklah perancangan untuk menjadikan Lapangan Terbang Labuan bertaraf antarabangsa dan menjadikan Labuan sebagai pusat pendidikan antarabangsa dengan menggalakkan pembinaan kolej dan universiti swasta.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Wilayah Persekutuan mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Segala teguran, pandangan dan cadangan yang membina daripada Ahli-ahli Yang Berhormat semua...

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sudah hendak habis itu saya kira.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Ya.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Saya ada dua perkara hendak *reverse* sikit, saya minta maaf.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: *Reverse?*

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: *Reverse* ke belakang, saya minta maaf. Tadi sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab dalam keadaan laju, tidak sempat hendak terfikir. Ada dua perkara, yang pertamanya fasal Pasar Sentul. Saya baru dapat SMS daripada rakyat. Dia memohon jaminan daripada kementerian dan Dewan Bandaraya bila hendak boleh selesai isu ini? Setahu saya

sejak Oktober tahun 2013 saya masuk ke Dewan ini, inilah pokok persoalan yang saya bawa dan tahun lepas pun saya bawa. Tahun ini lagi sekali saya bawa, tidak selesai-selesai juga. Lain tahun pun tidak selesai juga Datuk Seri Nalla kata. So, apakah jaminan daripada kerajaan, daripada kementerian juga Dewan Bandaraya? Satu.

Kedua, soal jalan. Pembangunan rancak dijalankan dalam Parlimen Batu. Buat kondo mewah dan sebagainya. Semalam ada satu *accident*, satu peristiwa *accident* di kawasan PPR Batu Muda. Oleh sebab jalan kontraktor yang buat bangunan digunakan jalan itu tidak diselenggarakan dengan baik. Jadi inilah permasalahannya, saya harap Dewan Bandaraya kena ambil perhatian sedikit tengok jalan-jalan yang agak- musim sekarang musim hujan apa semua. Jadi inilah, saya minta kementerian dan Menteri dan juga Dewan Bandaraya ambil perhatian untuk menjamin keselamatan rakyat di kawasan tersebut. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat. Yang Berhormat, tadi saya telah jawab dalam perbahasan saya, penggulungan ini saya telah beritahu bahawa kita telah pun buat satu kajian berkenaan dengan Pasar Sentul dan jalan sekitarnya atas dasar menambahbaikkan pasar ini.

Datuk Yahya bin Mat Ghani @ Abbas: Yang Berhormat Timbalan Menteri minta maaf. Minta ampun, minta maaf. Soalnya Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab tahun lepas pun macam itu juga. Tahun 2013 Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab benda yang sama juga kajian-kajian, tidak selesai masalah. Sampai bilakah kajiannya hendak dibuat? Ini marah sikitlah ini.

■1720

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Dengar dahulu, dengar dahulu Yang Berhormat. Itulah, saya belum jawab Yang Berhormat sudah bangun menjawab. Inilah masalahnya. Sabar dahulu. Dengar dahulu, dengarlah. Yang Berhormat Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai pun dengar. Jangan selalu tuduh kerajaan tak buat kerja. Ini tidak baik. Tahun lalu kita menjalankan kajian, tahun ini kita pula sudah dapat faktor...

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Yang Berhormat Dato', sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Habiskan dahulu jawapan. Habis jawab dahulu.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Duduk dahulu.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Nanti dia tak hendak beri saya Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Duduk dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap, sekejap.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Baik.

Tuan Yang di-Pertua: Habiskan jawab dahulu.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Tahun lalu kita melakukan kajian dan pada tahun ini apabila soalan ini ditimbulkan, saya telah menjawab bahawa terdapat dua faktor utama yang kita tidak dapat selesaikan masalah pembinaan semula Pasar Sentul ini.

Satu, saya telah beritahu bahawa kerana tanah Pasar Sentul ini terhad dan sekiranya kita mengambil *setback*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 100 kaki, maka pasar ini akan jadi kecil. Kita tidak dapat memperlebar jalan jika tidak memperkecilkan lagi pasar yang sedia ada. Oleh yang demikian, kajian telah membuktikan kepada kita pada masa sekarang bahawa pembinaan semula ini tidak boleh dijalankan.

Saya juga telah jawab mengenai kesesakan lalu lintas di situ, kita telah membuat pelbagai kaedah. Satu, bila kita dapati pembangunan baru berlaku di kawasan ini, di kawasan Jalan Sentul ini, kita akan terus memastikan bahawa kita akan ada *setback* yang cukup untuk mengadakan tiga buah lorong dua hala iaitu *six lane*. Tiga buah lorong dua hala ini akan kita buat tetapi kita perlu buat secara berperingkat-peringkat. *This is not overnight matter*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Oleh itu saya minta jasa baik Yang Berhormat sebagai Ketua Bahagian UMNO Batu, sila turun ke padang dan beritahu kepada rakyat masalah kerajaan juga. Tanah-tanah di sini semua bukan tanah kerajaan. Jika tanah-tanah ini perlu diambil alih, kerajaan perlu keluarkan wang yang banyak untuk *acquire*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Silakan Datuk Seri Nallakaruppan.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Ini pun jalan punya hal. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tempat saya duduk di Bukit Tunku, bukan jauh, dekat dengan Parlimen, dua kilometer tiga kilometer sahaja. Tuan Yang di-Pertua pun duduk di kawasan itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun duduk di kawasan itu, *you* punya Yang Berhormat Menteri pun duduk di kawasan itu...

Seorang Ahli: Kaya punya orang.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Bukan kaya punya orang, miskin punya orang. Akan tetapi, Yang Berhormat Menteri tengok jalan kita di sana, sudah berapa lama dan sudah banyak kali saya cakap, saya pun ada cakap dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri, sampai sekarang jalan itu banyak susah. *You* cakap saya *complaint* kerajaan, dengan izin. Mana ada saya *complaint*. Ini betul. Semua Ahli-ahli Dewan Negara, sekarang Tuan Yang di-Pertua boleh *lead*, kita pergi tempat itu sekarang boleh tengok.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Saya jawab sekali lagi Yang Berhormat Datuk Seri. Okey. Yang Berhormat Datuk Seri, Yang Berhormat Datuk Seri ini adalah seorang yang boleh dikatakan bijaksana, seorang peniaga yang berjaya. Takkan Yang Berhormat Datuk Seri tidak faham kita ada proses. Takkan satu Yang Berhormat dalam Dewan ini kata jalan ini tidak betul, saya pergi buat jalan itu. Selepas itu, tunggu dahulu Yang Berhormat, beri saya jawab. Jalan ini tidak betul, saya buat.

Tadi Yang Berhormat sendiri cakap Tuan Yang di-Pertua duduk di situ, Yang Berhormat Menteri duduk di situ, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri duduk di situ, akan tetapi bunyi hanya sampai dari satu orang sahaja, Yang Berhormat Datuk Seri Nalla sahaja, orang lain tidak berbunyi. *So*, macam mana kita hendak buat tindakan segera?

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Ini tarik balik Tuan Yang di-Pertua. Dia tidak boleh macam ini. Bunyi, bunyi apa? Ini bukan tikus Yang Berhormat [*Ketawa*] Tidak boleh. Tarik balik Tuan Yang di-Pertua. Manalah boleh bikin macam itu?...

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, cukup, cukup.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri duduk sana, Yang Berhormat Menteri pun duduk sana. Akan tetapi dia cakap semua orang duduk sana tidak ada siapa-siapa pun cakap apa-apa, satu orang sahaja yang cakap. Fasal apa Tuan Yang di-Pertua tidak cakap, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun tidak cakap. Malam ini saya telefon Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya beritahu dia, kenapa *you* duduk sini tidak cakap dengan *you* punya Menteri, mereka sudah *complaint*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Cukup Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat Menteri. Ada lagi satu, *last one*, akhir sekali.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Bak kata orang-orang tua, "*Akal tidak sekali tiba*". Jadi seingat saya iaitu fasal Datuk Keramat yang lama, zaman Tun Mahathir dan juga zaman Dr. Ramli Sulaiman dahulu. Akhir-akhir ini saya dengar kena pindah, tak pindah. Akhirnya setiap bulan puasa kami diberinya *jammed*, yang lama ini. Jadi atau tidak mereka ini berpindah ke tempat yang baru ini? Apakah strategi Bandaraya tentang perpindahan ini?

Jadi tolonglah, kami pun pening kepala. Sudah siap berjuta-juta harga yang baru ini, tetapi tidak dipindahkan. Apakah akhir keputusan pihak Bandaraya terhadap perpindahan fasa baru, dari lama ke yang baru ini? Jangan kami diberikan pening kepala. Terima kasih.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat memang ikhlas berminat mahu tahu bagaimana kementerian membuat penyelesaian, sila datang jumpa. Jangan setiap kali di Dewan sahaja bangun tanya soalan-soalan ini. Banyak kali saya sudah jemput Yang Berhormat datang jumpa dengan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Saya akan panggil pegawai-pegawai saya.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Saya minta Yang Berhormat...

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Duduk dahulu Yang Berhormat Datuk Seri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri pun duduk dahulu.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad pun duduk dahulu. Saya minta tolong cuba ringkaskan, jangan terlalu banyak benda-benda. Bandaraya ini memang banyak masalah, banyak masalah. Jangan ambil kesempatan dalam Dewan ini bangkitkan yang bukan-bukan kerana masalah itu daripada segi pokok prinsipnya saya setuju. Tadi macam Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad. Akan tetapi Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai itu agaknya ada cerita sedikit.

Masa tidak mengizinkan. Kalau boleh, yang akhir sekali, *last*, selepas ini. Ya Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad, yang terakhir apa dia? Ada lagi, ada lagi atau tidak?

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Saya hendak betulkan itu. Saya tiap-tiap kali dihujani soalan orang-orang kampung ini tadi. Jadi saya sudah banyak kali bertanya tentang kedudukan pasar lama ini. Ini dia.

Lagi satu, keputusan kita, apakah dia? 'A' atau 'B'? Itu sahaja. Saya cakap, saya berjumpa dengan Menteri lah, saya tanya di sini, saya buat. Akan tetapi saya ingat sampai kepada orang kampung itu saya tidak reti macam mana keputusannya. Pindah, tidak pindah. *Please* lah. Jadi jangan kita rugikan duit kerajaan itu. *Do something* yang baik untuk kita. Jadi bukan apa. Saya buat, saya jumpa. Akan tetapi saya bertanya apa keputusan sekarang ini. Oleh sebab itu saya mengambil kesempatan di sini, di Dewan yang mulia ini untuk bertanya tentang itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat Menteri jawab, Yang Berhormat teruk juga kena bantai tadi ya? Suruh Yang Berhormat Menteri sahaja lah datang. Satu hari, sekali-sekala suruh Menteri datang sendiri jawab.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan di sini memang Yang Berhormat Menteri saya sendiri hendak datang, tugas dia berat. Dia Setiausaha Agung Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham, saya faham.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Dia juga Setiausaha UMNO.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahu, Yang Berhormat pun tidak sihat sangat, kena balun tadi. Takut tidak...

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Saya tidak isu Tuan Yang di-Pertua. Kalau soalan-soalan yang dibangkitkan macam Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas tadi, dia ada asas-asas yang saya boleh beri jawapan. Akan tetapi kalau ditanyakan soalan yang mereka sengaja hendak timbulkan untuk *political mileage* itu, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya pun rasa kurang selesa hendak jawab. Macam Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad, dia bertanya tentang Pasar Datuk Keramat, dalam perbahasan dia tidak tanya. Kalau ditanya semasa perbahasan, nanti saya memang akan jawab dalam Dewan ini. Itulah saya minta Yang Berhormat Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad datang ke pejabat saya dan saya akan tanya pegawai-pegawai tersebut dan akan beri satu penerangan sepenuhnya apa yang kita sedang lakukan dan apakah kekangan-kekangan yang kita hadapi untuk menyelesaikan masalah ini.

Seperti juga kepada Yang Berhormat yang lain yang ada di sini, kalau ada sesuatu masalah Yang Berhormat tidak faham ataupun perlukan penjelasan, sila datang dan berjumpa dengan kami. Kami akan sedia memberi penerangan supaya masalah ini dapat diselesaikan. Kami dapat beritahu dengan segera. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini segala teguran, pandangan dan cadangan yang membina daripada Ahli-ahli Yang Berhormat amatlah kami hargai dan kami akan- yang akan memanfaatkan untuk kepentingan bersama. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1730

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih [*Tepuk*] Lega Yang Berhormat? Lega sedikit. Sekarang saya persilakan Kementerian Pendidikan Tinggi.

5.30 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia ataupun KPT merakamkan penghargaan kepada kerajaan atas peruntukan yang diterima dalam Bajet 2016 iaitu sebanyak RM11.8 bilion bagi belanja mengurus dan RM1.6 bilion untuk pembangunan. Peruntukan ini walaupun menunjukkan kekurangan sebanyak 15.25% berbanding bajet sebelumnya, ia masih menunjukkan komitmen berterusan kerajaan untuk memastikan pembangunan pendidikan tinggi negara berjalan dengan lancar.

Kementerian Pendidikan Tinggi tetap yakin dengan peruntukan yang disediakan sebanyak RM13.4 bilion tersebut. Amalan perbelanjaan berhemah seperti yang dilakukan sekarang ini serta kesungguhan dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan mampu mencapai agenda pembangunan pendidikan tinggi negara sebagaimana yang telah dirancang dan dijelaskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM(PT).

Keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam memberi pandangan, saranan malah teguran yang membina demi penambahbaikan berterusan sektor pendidikan tinggi amat saya hargai. Seramai sembilan orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat dasar ini yang menyentuh hal ehwal pendidikan tinggi. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan fokus penggulungan saya pada hari ini memberi penjelasan kepada isu-isu yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor dan Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail telah kemukakan pandangan dan kebimbangan ekoran peruntukan kepada kementerian yang berkurangan dari tahun 2015.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu ini kita perlu menyahut cabaran dalam menjadi lebih efisien dengan mengambil peluang menjadi lebih *self-sustaining*, dengan izin. Pada hari ini kebergantungan universiti awam atau UA di Malaysia terhadap pembiayaan kerajaan terlalu tinggi iaitu pada kadar 75% hingga 95%. Ini satu keadaan yang tidak *sustainable*, dengan izin, dalam jangka masa panjang.

Jika dibandingkan kebergantungan universiti luar negara, contohnya di United Kingdom adalah kurang daripada 40% manakala di Amerika Syarikat ialah kurang daripada 30%. Kekurangan peruntukan ini adalah merupakan satu *catalyst*, dengan izin, kepada KPT ke arah mengurangkan kebergantungan UA terhadap geran kerajaan selaras dengan hasrat yang telah dinyatakan di dalam PPPM(PT) di bawah

lonjakan kelima iaitu kemapanan kewangan di mana universiti perlu berubah untuk menjana pendapatan dalaman sehingga 25% menjelang tahun 2025.

Pembiayaan berdasarkan pencapaian keberhasilan atau *outcomes*, dengan izin akan menjadi *the new norm*, dengan izin, yang bertujuan untuk mengoptimumkan kos dalam sistem pendidikan. Kaedah ini menggalakkan UA untuk memperkukuhkan kewangan sendiri dengan mempelbagaikan sumber pendapatan dalaman tanpa mengurangkan akses atau menjejaskan kualiti pendidikan yang diberikan.

Bagi menampung usaha-usaha mengurangkan kos, terutamanya dalam emolumen UA, boleh menggunakan kesempatan ini untuk meningkatkan produktiviti dan meningkatkan kecekapan melalui penjimatan. Bagi meningkatkan produktiviti, kementerian telah menetapkan *key performance indicators*, dengan izin, atau KPI baru dengan memberi fokus kepada jumlah pelajar yang berjaya menamatkan pengajian mengikut tempoh pengajian yang ditetapkan atau *graduate on time*, dengan izin (GOT). KPI ini akan memastikan universiti tidak mengalami kekurangan pensyarah dan pada masa yang sama dapat mengurangkan perbelanjaan pembelajaran yang perlu ditanggung oleh kementerian bagi menampung perbelanjaan pelajar yang membuat lanjutan tempoh penajaan.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, UA disaran memaksimumkan penajaan dana melalui pengkomersialan idea dalam perundingan, penyelidikan dan latihan yang menjadi bidang kepakaran universiti. Sebanyak 280 jenis produk R&D telah berjaya dikomersialkan. Contoh penghasilan *typhidot* iaitu cip diagnostik segera bagi demam kepialu oleh Prof. Datuk Dr. Asma Isma dari Universiti Sains Malaysia dan cip ini telah diiktiraf oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan pengkomersialannya bernilai RM19 juta. Contoh yang lain adalah vaksin *newcastle disease, vaccine*- dengan izin, dan ini bernilai RM2.7 juta.

Hasil tumpuan terhadap penyelidikan juga membuktikan seramai 14 orang penyelidik negara telah dinobatkan sebagai penerima anugerah *Malaysia's Rising Star Award*, dengan izin, kerana menghasilkan artikel yang menerima sitasi penerbitan 1% tertinggi dunia oleh agensi pengindeksan antarabangsa Thomson Writers. Penarafan ini berjaya mempromosikan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang mempunyai sarjana bertaraf global dan *expertise* dan kepakaran mereka boleh digunakan untuk menjana dana untuk UA.

Tuan Yang di-Pertua, UA juga boleh menjana pendapatan dengan penggunaan segala aset yang ada melalui sewaan dan sebagainya. Langkah-langkah ini sememangnya telah pun dilaksanakan oleh universiti-universiti selama ini. Ia akan diperhebat bagi memastikan pulangan yang lebih lumayan. Sebagai contoh pihak pengurusan Universiti Malaya telah mempunyai sumber pendapatan lain melalui anak-anak syarikatnya yang diterajui UM Holdings Sdn. Bhd. yang menyumbang sebanyak 30% kepada perbelanjaan mengurus UM.

Antara langkah mereka mewujudkan usaha sama pertama antara institusi awam dan swasta. Contohnya *International University of Malaya-Wales* dan *University of Malaya Centre for Continuing Education*, dengan izin, dan *University of Malaysia Specialist Centre*.

■1740

Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa memberi perhatian dengan keperluan mahasiswa dalam meneruskan pengajian. Seajar dengan kepentingan teknologi maklumat, kementerian sentiasa berusaha menyediakan kemudahan terbaik di UA bagi memastikan mahasiswa mendapat akses kepada maklumat.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som A/L Inong, menjelang 31 Disember 2015, semua UA akan dibekalkan dengan jalur lebar berkapasiti 1Gbps, manakala bagi universiti penyelidikan pula, kementerian akan membekalkan jalur lebar berkapasiti 2Gbps bagi kegunaan pensyarah dan juga mahasiswa. Melalui pelaksanaan ini, kementerian berharap bahawa modul pembelajaran baharu seperti pembelajaran atas talian juga akan turut dirancakkan di semua UA bagi menyokong lonjakan sembilan dalam TPPM(PT) iaitu *massive open online courses* (MOOC), dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu bayaran balik PTPTN seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Hou Kok Chung. Kerajaan sentiasa prihatin terhadap peminjam PTPTN dan telah mengambil beberapa langkah bagi mengurangkan beban peminjam.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, saya rasa kalau Yang Berhormat itu tidak berada dalam Dewan, tidak payah jawab.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Ada.

Timbalan Yang di-Pertua: Oh ada. Okey.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Antara langkah-langkah yang dilaksanakan seperti berikut.

- (i) pemberian rebat 10% kepada peminjam yang membayar secara konsisten dan diskaun 20% kepada peminjam yang menyelesaikan hutang secara sekali gus atau *lump sum*, dengan izin, melalui Bajet 2013 dan 2015;
- (ii) menurunkan kos pentadbiran pinjaman pendidikan PTPTN daripada 4% kepada 3% mulai 2004 dan selanjutnya kepada 1% pada Jun 2008; dan
- (iii) melaksanakan dasar pinjaman boleh ubah iaitu pengecualian bayaran balik mulai tahun 2003 bagi peminjam yang memperoleh Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian Kelas Pertama atau setarafnya.

Pada masa ini, kementerian tidak bercadang untuk memberikan pelepasan cukai kepada individu yang membayar PTPTN secara konsisten memandangkan telah ada faedah atau *benefit*, dengan izin, yang diberikan kepada peminjam yang melaksanakan bayaran balik. Sungguhpun demikian, pandangan dan cadangan daripada Ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian sewajarnya. Berkaitan biasiswa seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh. Saya rasa adakah? Tidak ada.

Jadi, saya akan memberi jawapan secara bertulis. Soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Hou Kok Chung yang berkaitan dengan kriteria dalam pembinaan *Malaysia Hall* dan cadangan untuk membina *Malaysia Hall* di Taiwan. Soalan ini sudah dijawab pada 8 Disember

2015, hari Selasa. Jadi, tidak perlu saya ulang jawapan yang sama. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin adakah? Tidak ada.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Ada? Tidak ada. Jadi, saya akan *skip*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, di peringkat universiti, pelbagai kursus kemahiran bahasa ditawarkan kepada para pelajar sama ada sebagai kursus elektif mahupun kursus wajib. Kepentingan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua meletakkan bahasa ini sebagai kursus terpenting dan biasanya diwajibkan kepada semua pelajar universiti. Kursus bahasa Inggeris yang ditawarkan pada peringkat universiti disesuaikan mengikut keperluan semasa.

Misalnya, *English as second language*, dengan izin, *English for general academic purposes*, dengan izin, atau *English for professional purposes*, dengan izin. Selain daripada kursus bahasa Inggeris, terdapat juga bahasa asing lain yang kebiasaannya ditawarkan sebagai kursus elektif di universiti melalui pusat bahasa dan jabatan bahasa di universiti. Sebagai contoh, bahasa Arab ditawarkan di UIA dan USIM, bahasa Jepun ditawarkan di UM dan bahasa Perancis di UPM. Selain daripada itu, bagi memastikan semua graduan perubatan mempunyai tahap penguasaan bahasa Inggeris yang baik sebagai mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee. Ada?

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Vignes adakah?

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Tidak ada. Jadi, saya akan beri secara bertulis. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som A/L Inong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada dalam Dewan.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Tidak ada juga.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada, ada dalam Dewan.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Oh, ada. Saya ulangi. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som A/L Inong dan Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh. Walaupun beliau tidak ada tetapi memandangkan Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som ada, saya akan jawab secara lisan. Kemasukan kepada universiti awam adalah berdasarkan prinsip meritokrasi dengan mengguna pakai 9% markah akademik dan 10% markah kokurikulum. Berdasarkan prinsip meritokrasi, hanya calon atau pemohon yang memperoleh markah merit tertinggi layak dipertimbangkan dan ditawarkan tempat di UA tanpa mengira kaum, agama, jantina, keturunan, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal.

Selain itu, calon atau pemohon juga mesti memenuhi syarat am universiti, syarat khas program pengajian dan kriteria-kriteria pemilihan yang telah ditetapkan tertakluk kepada bilangan tempat yang mampu disediakan oleh UA. Terdapat program pengajian seperti program kompetitif di UA yang memerlukan calon lulus ujian temu duga dan ujian khas. Program pengajian ini memerlukan kompetensi tertentu bagi memastikan UA mendapat calon yang benar-benar berkelayakan dan memenuhi keperluan program yang dipohon.

Menyentuh mengenai kemasukan pelajar asing ke institusi pendidikan tinggi. Kementerian telah memperketatkan proses saringan permohonan kemasukan pelajar asing ke IPT melalui penubuhan *Education Malaysia Global Services* (EMGS) selaku pusat sehenti atau *one-stop centre*, dengan izin. Pemohon dari negara sub-Sahara juga dikenakan syarat tambahan iaitu mengemukakan *no objection certificate*, manakala bagi warga Nigeria pula, mereka perlu mengemukakan *letter of good conduct*, dengan izin, yang dikeluarkan oleh pihak kedutaan.

■1750

Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som A/L Inong ada kemukakan satu isu yang berkaitan dengan Universiti Teknologi Mara masih belum menerima pelajar berketurunan Siam. Kemasukan pelajar ke UiTM dikhususkan untuk pelajar bumiputera. Namun, ia turut diperluaskan kepada pelajar warganegara Malaysia berketurunan Siam. Enrolmen pelajar Siam di UiTM pada sesi 2015 hingga 2016 adalah seramai 12 orang dan berdasarkan rekod UiTM, tiga orang dari Kelantan, tiga orang dari Pahang, dua orang dari Selangor dan masing-masing seorang dari Perak, Wilayah Persekutuan Labuan, Kedah dan Terengganu.

Dato' Boon Som A/L Inong: Boleh saya mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan.

Dato' Boon Som A/L Inong: Terima kasih Menteri kerana menjawab. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Sebenarnya saya telah selidik secara terperinci kemasukan masyarakat Siam ke UiTM ini, pelajar Siam, tak ada seorang pun. Soalan daripada dulu dibangkitkan kata pelajar masyarakat Siam ada masuk UiTM tetapi sampai sekarang saya selidik, saya pergi tiap-tiap negeri- kenapa Labuan? Siam tak ada pun. Ada masuk dalam *list* kata pelajar Siam masuk dalam *list* UiTM, tak adapun. Malah, *simple thing*, enrolmen dalam *online* itu memang tak tercatat pun masyarakat Siam. Bila tak tercatat, maksudnya kemasukan itu masyarakat Siam tidak layak *for the first place*. Kalau sistem *online* sendiri tak ada tercatat bangsa Siam, itu maknanya tak boleh masuk, tak boleh pun dimasukkan dalam *online*. Terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Jadi ini satu rekod enrolmen pelajar berketurunan Siam di UiTM dan saya kemukakan satu cadangan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som untuk mengadakan satu perjumpaan dengan Timbalan Naib Canselor di Bahagian Hal Ehwal Pelajar untuk mengesan lagi. Sekian, terima kasih.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul, isu penyalahgunaan pas oleh pelajar juga turut ditangani secara bersama melalui beberapa buah Jawatankuasa Khas seperti Jawatankuasa Makmal Warga Asing dan Jawatankuasa Pengurusan dan Pemantauan Pelajar Antarabangsa yang dipengerusikan oleh KSU Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pendidikan Tinggi sebagai salah sebuah agensi kawal selia.

Kementerian juga sentiasa melaksanakan pemantauan pengurusan pelajar antarabangsa di IPT secara bersepadu bersama agensi kawal selia seperti Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam usaha membendung kehadiran pelajar antarabangsa yang bermasalah.

Pemantauan dan penyeliaan ini merupakan program yang dijalankan secara berterusan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah mencatatkan beberapa pencapaian yang cemerlang secara berterusan, dengan izin, *soaring upwards* dan untuk tahun ini sahaja, tiga buah universiti awam bagi penarafan *QS World University Rankings*, dengan izin, tahun 2015 meningkat berbanding dengan penarafan tahun 2014 iaitu Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan buat pertama kalinya UA berjaya di kedudukan 150 buah universiti terbaik dunia iaitu universiti yang berada di kedudukan ke-146 berbanding kedudukan 151 tahun lepas. Dengan izin, *UM has broken the 150 barrier to be the top 146 universities in the world*.

Selain daripada itu, *QS World University Rankings by Subject*, dengan izin, tahun 2015 telah mengumumkan 23 daripada bidang pengajian yang diperoleh oleh UA berada di lingkungan 200 terbaik dunia dengan dua bidang berada pada aras 50 terbaik dunia iaitu USM di kedudukan ke-31 dalam bidang sains alam sekitar dan UM dalam bidang pengajian pembangunan di kedudukan ke-32.

Terbaru, pada bulan lepas, November 2015, empat UA berjaya dalam kedudukan 50 terbaik *QS World University Rankings 2015 top 50 under 50 years old*. USM berada di kedudukan ke-26 dan UTM di kedudukan ke-30 diikuti oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di kedudukan ke-32 manakala UPM di kedudukan ke-38.

Ini Yang Berhormat Senator Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee tak ada tetapi di sini saya juga hendak ambil kesempatan ini untuk memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat satu berita yang begitu membanggakan iaitu bahawa baru-baru ini dua buah universiti sudah menerima... *[Menyemak dokumen] Just give me a minute*. Ya, berkaitan dengan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar UA yang sebenarnya boleh dibanggakan di mana baru-baru ini pendebat dari UiTM melakar sejarah dengan menjadi johan dalam debat antarabangsa antara universiti yang dianjurkan oleh *Cambridge University*.

UiTM mengalahkan 128 buah universiti termasuk pendebat dari Universiti Oxford, Universiti Cambridge dan Universiti Harvard. Manakala UIAM pula menjadi juara bagi kategori *English as a Second Language*. UiTM menjadi juara bagi kategori utama. Jadi ini memang satu berita yang membanggakan dan membuktikan bahawa Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia adalah *soaring upwards*.

Setakat ini sahaja saya dapat menjelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pendidikan Tinggi yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, ada yang hendak mencelah.

Dato' Boon Som A/L Inong: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, terima kasih atas jawapannya.

Jadi, jawapan mengenai kemasukan masyarakat Siam ke UiTM kali yang kedua, saya tanya di Dewan Negara ini. Jadi saya mintalah, saya tak salahkan Menteri tetapi saya berharap supaya pegawai-pegawai mengambil catatan yang betul dan mengambil fakta-fakta yang betul. Hormatilah Dewan yang Mulia ini. Janganlah gunakan Dewan yang Mulia ini untuk bagi jawapan yang "melepas batok di tangga"

sahaja tanpa selidik yang betul-betul. Jadi saya mintalah supaya pegawai ataupun Yang Berhormat Menteri hormatilah Dewan Negara ini, Dewan tertinggi, Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Yang Berhormat Senator, Kementerian Pendidikan Tinggi memang menghormati Dewan yang Mulia ini dan seperti yang saya sudah bagi tahu, bahawa ini rekod yang kita terima daripada UiTM. Saya juga sudah kemukakan satu cadangan untuk Yang Berhormat Senator untuk mengadakan satu perjumpaan dengan Timbalan Naib Canselor yang menjaga hal ehwal pelajar. Jadi saya rasa tak perlulah kita menjadi beremosi yang berkaitan dengan soalan atau dengan isu ini. Kita adalah semua profesional yang matang. So saya minta jasa baik Yang Berhormat Senator untuk membuat satu lawatan ke UiTM.

■1800

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan. Jadi sekali lagi Kementerian Pendidikan Tinggi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas keprihatinan, perhatian, teguran dan sokongan yang berterusan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. Dengan sokongan dari Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ada keyakinan bahawa Kementerian Pendidikan Tinggi akan terus *soaring upward* hingga Malaysia gah di persada dunia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekarang kita beralih ke Kementerian Belia dan Sukan. Silakan, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

6.00 ptg.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan A/L Murugan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada enam orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian iaitu daripada Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam; Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng; Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian bin Abdullah; Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan; Yang Berhormat Senator Dato' Goonasakaren A/L Raman; Yang Berhormat Senator Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin di atas segala pandangan, pertanyaan dan cadangan yang dikemukakan mengenai Kementerian Belia dan Sukan sepanjang tempoh mengenai Kementerian Belia dan Sukan, sepanjang tempoh perbahasan Bajet 2016 yang telah dibentang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam sesi sidang Parlimen Dewan Negara kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan ulasan dan maklum balas terhadap perkara yang telah dibangkitkan sebagaimana berikut. Pertama mengenai mengkaji semula program-program yang bersesuaian dengan keperluan belia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Goonasakaren, program-program yang bersesuaian...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dato' Goonasakaren ada di sini?

Datuk Saravanan A/L Murugan: Sikit, tidak banyak. Sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Buat secara ringkas Yang Berhormat Timbalan Menteri sebab dia tidak dalam Dewan.

Datuk Saravanan A/L Murugan: Bersesuaian dengan keperluan belia telah dikaji dan dibuat pembaharuan Dasar Belia Malaysia yang telah dilancarkan pada 15 Mei 2015 tempoh hari merangkumi segala pendekatan baru dalam memenuhi potensi belia berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai isu bantuan kepada persatuan belia dan bagaimanakah peruntukan ini dapat disalurkan kepada semua NGO. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam, kementerian menguruskan pemberian bantuan dalam bentuk bantuan pentadbiran dan bantuan aktiviti. Bantuan pentadbiran bertujuan membiayai sebahagian daripada kos pengurusan pejabat, elaun, utiliti dan sewaan pejabat bagi Majlis Belia Malaysia, Majlis Belia Negeri dan Majlis Belia Daerah serta Pertubuhan Gabungan Majlis Belia Malaysia.

Bantuan aktiviti pula bertujuan membiayai sepenuhnya atau sebahagian daripada kos pelaksanaan aktiviti yang dijalankan oleh NGO. Permohonan bantuan daripada NGO di peringkat kebangsaan hendaklah dihantar terus kepada kementerian. Manakala permohonan bantuan daripada NGO di peringkat negeri atau daerah hendaklah melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri masing-masing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Dato' Goonasakaren juga setiap peruntukan di bawah Kementerian Belia dan Sukan adalah khusus kepada persatuan belia dan sukan yang melaksanakan program-program pembangunan belia dan sukan yang melibatkan komuniti dan pembangunan belia-belia di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin. Sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator, untuk membatalkan sesebuah badan sukan kementerian melalui Pesuruhjaya Sukan perlu mematuhi peruntukan yang telah diluluskan di bawah seksyen 20(1) Akta Pembangunan Sukan 1997. Kementerian juga telah mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada PESAKA mengenai anjuran demonstrasi yang lepas. PESAKA telah menjawab bahawa permit penganjuran adalah di bawah nama individu bukan atas nama PESAKA.

Setelah meneliti segala maklumat, kementerian berpandangan PESAKA sebuah badan sukan yang masih sah dan tiada apa-apa sebab munasabah untuk membatalkan atau digantung pendaftarannya. Secara dasarnya PESAKA telah berdaftar dengan Pejabat Pesuruhjaya Sukan badan sukan yang hanya menganjurkan aktiviti silat olahraga sahaja. Manakala badan-badan gabungan di bawah PESAKA yang menjalankan aktiviti sosial dan kebajikan masih berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Boleh mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertamanya saya hendak mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas penjelasan yang telah diberikan kerana ini boleh sedikit sebanyak mengangkat nama baik PESAKA yang telah pun ditohmah dengan begitu teruk oleh Ahli-ahli Parlimen DAP. Dengan adanya jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang ini, kebetulan Presiden PESAKA pun ada di sini, Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam maka kita telah berjaya membersihkan nama PESAKA bahawasanya bukanlah PESAKA sebuah badan yang haram yang telah pun dikenakan tindakan. Jadi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas penjelasan tersebut.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh. Terima kasih kerana bagi peluang saya menjelaskan berkaitan dengan Perhimpunan Rakyat Bersatu tempoh hari. Memang PESAKA yang menganjurkan dan dia tidak menjadi satu kesalahan daripada segi undang-undang kerana kita pertubuhan yang berdaftar.

PESAKA memang pertubuhan silat satu di bawah Kementerian Belia dan Sukan kerana kita hendak bertanding dapatkan pingat emas, pingat perak dan pingat gangsa untuk negara. Kedua, PESAKA juga berdaftar bawah kementerian ataupun bawah *Registrar of Society* (ROS) sebagai badan yang mempertahankan warisan negara. Jadi bila kita mempertahankan warisan budaya negara kalau ada orang yang menghina negara kita, melanggar dan menghina Perlembagaan Persekutuan, menghina Raja-raja dan adat-istiadat apatah lagi menghina pemimpin. Sudah tentulah PESAKA rasa terpenggil untuk menyatakan bantahan kita.

Mereka memijak gambar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, memijak gambar Yang Berhormat Datuk Hadi Awang ini semua melanggar adat tatasusila, melanggar rukun negara. Jadi apa salah kita hingga DAP hendak suruh kita jangan terlibat dalam hal-hal mempertahankan maruah bangsa dan maruah tatasusila. Ini menjunjung Rukun Negara.

Apalah guna kita sebagai Persatuan Silat dapat pingat emas, pingat perak, pingat gangsa di samping itu pula pemimpin kita dihina sebegitu rupa. Rakyat Malaysia mesti dididik dengan tatasusila yang betul. Oleh sebab itulah kita mempertahankan maruah kita. Ini DAP suruh kita diam. Mengapa kita hendak diam padahal kita ini pahlawan pertahanan negara yang ketiga. Jadi bila bangsa negara dihina, saya orang silat pingat tidak penting lagi. Apa yang penting maruah bangsa, maruah negara mesti dipertahankan [*Tepuk*] Inilah pendirian kita.

Apa guna kita ada pingat emas. Habis esok gambar Perdana Menteri dipijak, gambar Yang Berhormat pun mungkin dipijak dan gambar kita semua dipijak. Apa guna lagi pingat-pingat ini semua. Oleh sebab itu kita mengadakan perhimpunan itu hari secara aman. Kita minta permit kerana kita hendak beritahu kita tidak suka benda-benda yang hina seperti ini dilakukan secara berterusan. Jadi DAP dia telah menyebabkan rakyat Malaysia menjadi tidak bersopan kerana merekalah maka ramai orang sudah mula menghina sesama kita. Bukan sahaja menghina pemimpin, menghina agama, agama Islam pun dihina begitu rupa.

Tengok dalam *Internet* apa jadi. Kemudian Raja-Raja kita sudah empat kali mereka melakukan pelbagai perbuatan yang amat tidak baik begini. Mereka berkumpul di Kuala Lumpur, Tuan Yang di-Pertua. Mereka fikir tidak ada orang lain yang boleh menegur mereka sebab itulah kita keluar beramai-ramai. Mengapa masa BERSIH yang kuning mengadakan demonstrasi empat kali, kita tengok gambar mengapa mereka tidak tegur. Ini mereka biarkan sahaja. Bukan sahaja tidak ditegur, dibiarkan bahkan mereka menyertai pula perhimpunan BERSIH- kuning itu termasuk pemimpin-pemimpin kanan mereka Lim Kit Siang, Lim Guan Eng, dan ramai lagi semua keluar, menyokong. Mengapa tidak kutuk perbuatan-perbuatan yang tidak baik begini. Apabila kita daripada PESAKA, kita menyatakan pendirian kita, mereka suruh kita berhenti. Tidak melakukan...

■1810

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya rasa cukuplah celahan itu.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mereka mengata kita berjam-jam di Parlimen dan kita tak ada dengar apa yang mereka kata kita secara *face-to-face*. Hari ini peluang baik untuk saya menyatakan mengapa PESAKA menganjurkan secara aman dapat permit di Dataran Merbok sedangkan mereka dibenarkan di Dataran Merbok, mereka menolaknya. Oleh sebab itu kita buat ini semuanya mengikut undang-undang dan tidak ada sebab mereka suruh kita dibatalkan. Patut merekalah dibatalkan kerana telah mengadakan demonstrasi secara haram. Terima kasih.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Akan tetapi, kalau dibenarkan oleh...

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Ini bukan *face-to-face* lagi, dia *side-to-side*lah, saya jawab [*Ketawa*] Sebenarnya / ingat isu dia bukan isu perhimpunan awam hari itu, Bersih dan sebagainya. Pada saya, ini pendirian saya secara peribadi. Saya sokong tetapi apa yang jadi pada Himpunan Merah kalau saya boleh panggil dengan perkataan itu.

Pada mulanya, kenyataan yang dibuat oleh penganjur sebelum PESAKA mengakui bahawa PESAKA penganjur. *Statement* yang dibuat ialah kita tak boleh menjamin keselamatan siapa-siapa di *public*. Itu yang menjadi *first* punya *statement* sebelum PESAKA membuat *statement*. Ini / cuma hendak *clarify*. Pada saya, pengetahuan saya, kita tak pernah *oppose* mana-mana *peace rally* Ini soal, tak timbul soal peranan PESAKA sebagainya sebagai sebuah persatuan sukan atau *in that aspect* daripada segi *cultural* dan sebagainya. Cuma, isu *statement* yang keselamatan tidak akan terjamin. Itu sahaja yang *concern* sayalah. So, itu yang saya jawab.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri?

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Sikit penjelasan, sikit boleh Yang Berhormat Menteri?

Datuk Saravanan A/L Murugan: Bagi, bagi, bagi.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Terima kasih. Saya hendak menjelaskan, betul sebab saya yang membahaskan dalam Dewan yang mulia ini. Oleh sebab saya mengakui apa yang rakan kita daripada DAP kata, saya setuju. Cuma perkara ini sudah dibangkitkan di Dewan Rakyat oleh Ahli Parlimen DAP dari Bakri, dan juga Seputeh mendesak supaya Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan membatalkan pendaftaran PESAKA sebab PESAKA dikendali sebagai, atau didaftar bawah Akta Pembangunan Sukan.

Jadi sebab itulah saya telah menyatakan dalam Dewan ini dan tadi telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam bahawasanya tidak timbul. Kalau yang sebelum itu betul *that is beyond our control*, dengan izin. Akan tetapi selepas PESAKA menganjurkan, perhimpunan itu berjalan mengikut peraturan Akta Perhimpunan Aman, ada permit, ada kebenaran mengguna Padang Merbok seperti disebut oleh Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam.

Jadi kenapa isu itu mesti hendak dibawa di dalam Dewan Rakyat dan mendesak Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan membatalkan pendaftaran. Patutnya yang hendak dibatalkan pendaftaran ialah mereka yang buat perhimpunan haram 1, 2, 3, 4. Terbalikkan kereta polis, pukul anggota polis, pecahkan kepala polis. Itu yang patutnya diambil tindakan. Bukannya orang yang buat perhimpunan secara aman, secara baik. Jadi itu saya ingat, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Minta izin laluan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang diutarakan oleh rakan DAP tadi, Yang Berhormat tadi, isu keselamatan, menjamin tentang keselamatan. Himpunan Merah saya rasa tidak ada masalah daripada segi keselamatan. Kita tak buat perkara-perkara yang tidak senonoh. Kita ikut undang-undang dan diberi kebenaran, diberi permit. Kalau hendak dibandingkan BERSIH 4, BERSIH 3, BERSIH 2, BERSIH 1, ya Allah, keselamatan tidak dijaga, tidak diambil kira. Teruk sangat. Jadi Yang Berhormat, tak bolehlah menilai daripada segi keselamatan sebab kita tak ada masalah, Himpunan Merah dengan aman. Kita ikut Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam, PESAKA yang buat, kita ikut arahan dia keluar mengatakan jangan buat itu, jangan buat ini. Malahan, dalam Himpunan Merah, *banner* yang dibuat sebenarnya yang digambarkan dalam *Facebook* bukan itu yang sebenarnya.

Kadang-kadang, mereka main *Facebook* ini macam-macam mereka mengubah- apa semua. Ini yang berlaku Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Satu penjelasan. Saya tidak merujuk kepada peristiwa-peristiwa. Ini penjelasan sahaja.

Datuk Saravanan A/L Murugan: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Saya merujuk kepada kenyataan yang dibuat oleh seorang yang *claim* diri dia sebagai penganjur sebelum perhimpunan, sebelum perhimpunan. Saya tak tuduh semasa perhimpunan itu ada peserta-peserta yang tidak diingini. Sebelum perhimpunan, ada satu kenyataan Datuk Jamal Md Yunos yang membuat berkenaan dengan keselamatan. Bukan semasa kejadian, semasa perhimpunan atau selepasnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, kerana ini kaitan ini. saya hendak bagi tahu, kalau ada orang lain buat kenyataan, itu masalah mereka. Bukan masalah PESAKA. Mengapakah pula suruh PESAKA dibatalkan? *[Ketawa]* Betul tak? Jadi saya fikir yang patut batal...

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Tuan Yang di-Pertua..

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Adalah orang yang pijak kereta, yang pijak gambar, yang...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk dulu.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Soal itu DAP menyokong demokrasi kuning itu patut dibatalkan.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Kalau tuju pada saya, saya boleh bawa pada dia dan bawa balik dia punya jawapanlah.

Timbalan Yang di-Pertua: Sudahlah, cukup itu. Yang Berhormat Menteri, sila menjawab.

Datuk Saravanan A/L Murugan: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Belia dan Sukan dan kerajaan tak pernah menyokong apa jua demonstrasi di negara ini daripada mana-mana pihak yang penting. Sebagai warga yang matang, kita boleh buat keputusan secara berhemah tanpa sebarang demonstrasi. Walau bagaimanapun, seperti mana saya sedia maklum kepada Dewan yang mulia ini, anjuran ini bukanlah permit atas nama PESAKA, atas nama individu. Pada masa yang sama..

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua. Yang kita anjur ini, saya memang nama PESAKA, saya mesti bertanggungjawab. Kita yang tanda tangan surat, hantar surat, minta permit polis. Memang kita anjurkan. Kita tidak menafikan bahawa Himpunan Rakyat Bersatu yang sah yang ada permit di Dataran Merbok, saya berucap atas nama PESAKA, bukan atas nama individu. Yang Berhormat jangan silap. Kita tidak menafikan, kita menganjur, kita mesti bertanggungjawab *[Tepuk]* Apa kita hendak takut Tuan Yang di-Pertua? Kita ada permit dan saya bagi tahu PESAKA berdaftar dua; satu dengan sukan untuk pingat emas, pingat perak, pingat gangsa. Satu, pertaruh budaya kita dengan ROS. Kalau budaya kita dihina, kita mesti pertahankan *[Tepuk]*

Dan kita dapat permit. Apakah yang kita hendak takut? Kita ada permit. Ada kebenaran, Bandaraya bagi kebenaran. Polis bagi kebenaran. Ini ikut undang-undang negara, bukan demonstrasi haram Yang Berhormat. Ini demonstrasi halal. Dalam sistem demokrasi di dunia memang ia dibenarkan dan kita ikut undang-undang *[Tepuk]* Kalau orang lain kacau, itu pasal dia, bukan masalah kita. Orang saya semuanya baik-baik belaka.

Timbalan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri mungkin membuat semakan.

Datuk Saravanan A/L Murugan: Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya ingin memaklumkan Dewan yang Mulia ini, maklum balas yang diterima oleh Pesuruhjaya Sukan bahawa PESAKA telah menjawab bahawa permit penganjuran adalah di bawah nama individu, bukan atas nama

persatuan. Walau bagaimanapun, saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, itu peraturan. Apabila mohon mesti ada satu orang yang bertanggungjawab. Itu jangan salah faham. Kita anjur atas nama PESAKA, tetapi bila mohon permit mesti ada seorang yang bertanggungjawab, jadi kita gunakan nama setiausaha kerja kita tetapi tidak menafikan itu anjuran PESAKA. Permit itu dia hendak nama individu, iaitu nama setiausaha kerja kita. Akan tetapi memang dianjurkan oleh PESAKA.

Timbalan Yang di-Pertua: Sudahlah, cukuplah itu. Saya rasa cukup jelas.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Dalam bahas, jangan pula dalam Dewan kata, oh, PESAKA menafikan, bukan dia penganjur. Oh, tidak. Kita buat, kita mesti bertanggungjawab [*Tepuk*]

Datuk Saravanan A/L Murugan: Saya mohon Dewan yang mulia ini Pesuruhjaya Sukan akan membetulkan fakta bahawa permohonan telah pun dibuat atas nama PESAKA.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Atas nama PESAKA, menggunakan nama setiausaha kerja kita. Okey, terima kasih.

Datuk Saravanan A/L Murugan: Tuan Yang di-Pertua, seterusnya gaya hidup sihat dan memupuk semangat perpaduan antara kaum yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator **Tuan Chia Song Cheng**, ada?

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Chia Song Cheng? Ada, ada, dia kurang sihat. Tak apa, teruskan Yang Berhormat.

Datuk Saravanan A/L Murugan: Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin mengenai pelaksanaan program-program di mana program ini cukup baik untuk melahirkan atlet-atlet bertaraf antarabangsa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian melalui Institut Sukan Negara akan melaksanakan program podium yang sememangnya merupakan transformasi proses penyediaan atlet yang lebih terperinci, menyeluruh dan saintifik untuk menangani proses *losses* iaitu kegagalan pelaksanaan dan untuk meningkatkan *marginal games* yang amat penting di peringkat sukan berprestasi tinggi bertaraf dunia.

Podium dirangka sebagai program kompetitif dan akan mempunyai beberapa elemen penambahbaikan seperti struktur pemberian inisiatif insentif, program kejurulatihan yang serba sistematik, bersama pasukan berprestasi tinggi yang bertauliah yang mempunyai kepakaran dalam sains sukan, perubatan sukan dan pengurusan sukan untuk menghadapi pertandingan di peringkat antarabangsa seterusnya menghasilkan kecemerlangan di temasya sukan utama dunia.

■1820

Sistem pematuhan yang rapi turut dibuat melalui pengurusan dan efektif dan telus di bawah Jawatankuasa Arahan dan Kawalan, *Command and Control*, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua,

seterusnya isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Goonasakaren A/L Raman, beliau tidak ada dalam Dewan ini. Jadi saya akan menjawab secara bertulis.

Seterusnya Program Latihan Atlet Paralimpik- Yang Berhormat Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan...

Timbalan Yang di-Pertua: Ada dalam Dewan.

Datuk Saravanan A/L Murugan: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan kerana telah mengulas serba sedikit mengenai Program Latihan Atlet Paralimpik dibawa kendalian Majlis Sukan Negara sejak tahun 2007. Ucapan tahniah dan syabas juga kepada kontinjen Paralimpik negara yang telah berjaya meraih 52 pingat emas, 58 perak dan 30 gangsa di Temasya Sukan ASEAN 2015 di Singapura baru-baru ini. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Belia dan Sukan telah pun mengangkat taraf para atlet OKU dengan melaksanakan beberapa inisiatif seperti mana yang dilaksanakan bagi program latihan atlet normal.

Antara inisiatif tersebut termasuklah melaksanakan pemberian insentif skim hadiah kemenangan atlet Malaysia seakan dilaksanakan seperti yang diterima oleh atlet normal. Selain itu Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan juga telah mengumumkan skim baru elaun latihan atlet yang juga akan diguna pakai bagi pemberian elaun latihan kepada atlet di bawah Program Persediaan Atlet Paralimpik Majlis Sukan Negara.

Seterusnya isu mengenai isu pengecualian GST kepada Persatuan Sukan Kebangsaan. Untuk maklumat Yang Berhormat Senator Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin, Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara telah mengadakan pertemuan dengan pihak Jabatan Kastam pada bulan November 2015 yang lalu. Bagi membincangkan perkara-perkara berkenaan GST dalam sukan. Sememangnya, kementerian berhasrat untuk membantu Persatuan Sukan Kebangsaan dalam menangani sebarang permasalahan atau kesulitan yang timbul berikutan daripada pelaksanaan GST oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian bin Abdullah...

Timbalan Yang di-Pertua: Dia tidak ada dalam Dewan lagi.

Datuk Saravanan A/L Murugan: Saya akan beri secara bertulis Tuan Yang di-Pertua.

Setakat ini sahaja maklum balas dan jawapan saya ke atas pertanyaan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian Belia dan Sukan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang dipersilakan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Silakan Yang Berhormat.

6.22 ptg.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Banyak ini. Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi ribuan terima kasih

kepada 11 Ahli Yang Berhormat Senator yang telah menyentuh isu-isu, cadangan, saranan dan sebagainya yang berkaitan kementerian saya.

Antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang terlibat ialah Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman; Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim; Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam; Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B); Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin; Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas; Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som A/L Inong; Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun; Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul; Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah; dan Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian.

Saya terus kepada persoalan yang dibangkitkan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Kepada mana-mana yang tidak ada dalam Dewan ini izinkan saya untuk menjawab secara bertulis Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berbangkit kepada jalan yang dikemukakan oleh Dato' Boon Som A/L Inong. Saya ingat Dato' Boon Som A/L Inong dia di dalam bilik air agaknya, sebab tadi dia ada. Boleh saya jawab Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya teruskan.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih. Saya ada nampak dia Datuk Seri Nalla. Tadi dia masuk itu pintu [*Ketawa*] Saya dengar Datuk Seri Nalla panggil macam mana dia boleh nampak? macam mana dia boleh tahu?

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som A/L Inong telah pun mencadangkan supaya kerajaan di bawah kementerian wujudkan satu *one-stop centre* ataupun jawatankuasa berpusat untuk mengatasi masalah kerosakan infrastruktur di jalan dan sebagainya.

Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Boon Som A/L Inong dan untuk makluman kepada Yang Berhormat Dato' Boon Som A/L Inong dan juga kepada kita. Kemudahan awam termasuklah jalan dan sebagainya Tuan Yang di-Pertua, ia bukan sahaja merupakan tanggungjawab kerajaan semata-mata tetapi ia juga tanggungjawab kita. Rakyat yang mengguna pakai segala kemudahan yang dibangunkan oleh kerajaan. Maka kerana itu, masyarakat setempat boleh juga memainkan peranan secara bersama untuk sama-sama kita menjaga segala kemudahan asas ataupun infrastruktur asas yang dibangunkan oleh kerajaan demi kepentingan penggunaan dan keselesaan bagi masyarakat tempatan. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua bagi memudahkan dan mengupayakan rakyat atau masyarakat tempatan untuk mengemukakan laporan, aduan maka kementerian telah pun membangunkan satu aplikasi *mobile* iaitu portal CAKNA-KPKT.

Portal CAKNA-KPKT Tuan Yang di-Pertua dia merupakan satu pendekatan baru yang kita bangunkan untuk memberikan kemudahan siapa sahaja. Termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat dan termasuk semua rakyat yang ada dalam mana-mana kawasan. Sekiranya terdapat kerosakan dan

sebagainya melibatkan jalan raya yang di bawah tanggungjawab JKR maka pihak berkuasa tempatan akan salurkan maklumat itu untuk tindakan diambil oleh pihak JKR.

Saya minta kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk *download*kan masuk ke *Google Play* ataupun *PlayStore* dan *download*kan portal CAKNA-KPKT. Saya minta kepada Yang Berhormat bila turun balik ke kawasan tolong maklumkan kepada orang kawasan. Lepas ini kalau ada masalah dalam kawasan pihak berkuasa tempatan tidak payahlah hendak beritahu dengan saya kerana saya akan bawa kepada pihak berkuasa tempatan. Itu maknanya Yang Berhormat cakap dengan orang kawasan Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh beritahu *download* sahaja portal CAKNA-KPKT melalui *PlayStore* ataupun *Google* dan kemudian ambil gambar hantarkan, laporkan kerosakan.

Hantar gambar sahaja sudah cukup Tuan Yang di-Pertua kerana dengan sistem GIS kita boleh kesan di kawasan mana gambar yang diambil untuk kita salurkan kepada pihak berkuasa tempatan. Supaya pihak berkuasa tempatan dapat mengambil tindakan yang segera. Apabila tindakan diambil Tuan Yang di-Pertua pihak berkuasa tempatan akan memaklumkan status tindakan dalam portal yang berkenaan yang *download*kan dalam *handphone android* kita, termasuk dalam masa terdekat ini *handphone Iphone*. Dalam aduan yang dihantar itu pihak berkuasa tempatan akan menyatakan status tindakan ke atas aduan yang dihantar melalui aplikasi *android handphone* kita kepada pihak berkuasa tempatan yang lain.

Kementerian juga telah pun maklumkan kepada pihak berkuasa tempatan Tuan Yang di-Pertua. Kita harap bila ada aplikasi CAKNA-KPKT ini, dia tidak akan diambil sebagai satu bebanan tanggungjawab lebih kepada pihak berkuasa tempatan. Akan tetapi pihak berkuasa tempatan sepatutnya merasa gembira dengan aplikasi *Apps* CAKNA-KPKT ini dia akan lebih memudahkan untuk pengurusan dan perancangan pihak berkuasa tempatan dalam menyelesaikan mana-mana masalah yang dilaporkan, yang dihantar oleh mana-mana pengadu melalui aplikasi CAKNA-KPKT ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam; Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B); Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin. Antara perkara yang dibangkitkan ialah berkaitan dengan isu pengurusan sisa pepejal.

Menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B) semasa membahaskan membangkitkan supaya diadakan usaha untuk memupuk, membina kesedaran minda dan perlakuan dalam pengurusan sisa pepejal.

Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat kerajaan melalui perbadanan pengurusan sisa pepejal ataupun kita panggil SWCorp- bukan *Robocop* ya Yang Berhormat-Yang Berhormat, tetapi *Solid Waste Management Corporation* (SWCorp), merupakan agensi yang bertanggungjawab melaksanakan pengurusan sisa pepejal dan juga pembersihan awam Tuan Yang di-Pertua. Di tujuh buah negeri yang menerima pakai penggunaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 iaitu Akta 672. Tujuh negeri yang terbabit ialah:

- (i) Wilayah Persekutuan dan Putrajaya,

- (ii) Pahang;
- (iii) Johor;
- (iv) Melaka;
- (v) Negeri Sembilan;
- (vi) Perlis;
- (vii) Kedah.

Ini tujuh buah negeri yang menggunakan Akta 672 Tuan Yang di-Pertua.

Inisiatif yang digerakkan oleh pihak SWCorp kita tingkatkan tahap kesedaran, budaya menghargai alam sekitar, cinta kepada kebersihan dan sebagainya. Contoh Yang Berhormat melalui beberapa program yang diadakan secara berterusan.

■1830

- (i) Program Kitar Semula. Kita sudah mulakan daripada tadika, sekolah rendah dan sekolah menengah;
- (ii) Program Kitaran Semula juga telah diperuntukkan di sekolah dan ada rakan kitar semula;
- (iii) Program Bersama Masyarakat melalui Jelajah Mata Hati;
- (iv) Sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan;
- (v) Program Anti *Litter* di seluruh negara melalui sesi-sesi ceramah edaran poster dan sebagainya; dan
- (vi) sesi *chatting* bersama orang awam melalui WHM Chat.

Jadi ini antara usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh pihak SWCorp Yang Berhormat sebagai tindakan intensif untuk kita mengadakan kolaborasi ataupun interaktif perhubungan antara masyarakat tempatan dan juga bersama-sama dengan pihak pengurusan SWCorp dalam usaha untuk kita mengindah, membersihkan kawasan penempatan masing-masing.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.]***

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, pihak SWCorp juga mengambil tindakan intensif bagi membasmi kawasan-kawasan sampah haram yang mana mereka membuang sampah-sampah di tempat-tempat yang kita letak tanda, "*Jangan Buang Sampah Di Sini*" lagi banyak sampah dibuang di situ. Jadi, banyak inisiatif yang diambil alih oleh pihak SWCorp dan dalam pada itu juga untuk memastikan supaya syarikat konsesi ini semua Yang Berhormat, dia melaksanakan kerja-kerja kutipan dan juga pembersihan awam ini mengikut kepada garis panduan yang telah pun ditetapkan untuk memastikan kawasan persekitaran ini sentiasa bersih.

Tuan Yang di-Pertua, bersabit kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam, saya berharap Tan Sri sudah okey sedikit. Tadi apabila tentang PUSAKA itu saya pun gabra. Saya kata, "*Lepas ini teruk saya kerana banyak pula Tan Sri Mohd*

Ali bin Mohd Rustam punya kat sini". Tan Sri okey Tan Sri? Saya lain daripada Yang Berhormat Saravanan. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam iaitu pengurusan sisa pepejal di Melaka terutama cadangan pembinaan loji waste to energy di kawasan Sungai Udang. Ya Tan Sri, okey Tan Sri? [Ketawa]

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: *I am always okay for you, dengan izin [Ketawa]*

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: *I am also always okay for you Sir, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.*

Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri kementerian sememangnya apabila soal pengurusan sisa pepejal ini Yang Berhormat Tan Sri, *it is not* satu perkara mudah, *no compromise* atau tidak ada kompromi kerana ia satu faktor yang menjadi faktor penting dalam penyediaan suasana kesejahteraan, kebersihan dan sebagainya kepada penduduk tempatan. Maka kerana itu kementerian memang berterusan merancang membina fasiliti pengurusan sisa pepejal bersepadu di Sungai Udang Melaka yang mempunyai sistem rawatan sisa pepejal dan juga pelupusan. *It is a sanitary landfill Sir.*

Tuan Yang di-Pertua, kaedah rawatan dia terbuka kepada mana-mana teknologi termasuklah loji *waste to energy*, dengan syarat ia mestilah teknologi yang terbukti mesra alam dan juga kos efektif. Jadi maka kerana itu Tuan Yang di-Pertua, kementerian masih lagi dalam peringkat ada sedikit lagi perlu kita selesaikan Tuan Yang di-Pertua iaitu kajian yang menyeluruh termasuk juga pembiayaan projek kerana apabila kita lakukan perkara ini sifat dia lebih tinggi daripada tapak pelupusan biasa yang kita adakan. Jadi kos pembiayaan projek itu sedang dalam urusan kajian yang perlu dilaksanakan oleh pihak kementerian.

Kos operasi ini juga Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja kita akan melihat kepada kajian keseluruhan termasuk pembiayaan kepada projek tetapi juga untuk kita mengadakan perbincangan dengan pihak kerajaan negeri memandangkan kos dia tinggi dan dia memerlukan satu kaedah perkongsian kos antara kerajaan negeri dan dengan Kerajaan Persekutuan. Yang Berhormat Tan Sri lebih maklum kerana Yang Berhormat Tan Sri pernah menjadi Ketua Menteri Melaka. Apa jua urusan yang dibuat oleh pihak kementerian sudah tentu kementerian akan mengadakan konsultasi dengan pihak kerajaan negeri untuk mendapatkan persefahaman daripada segi *tipping cost* dan sebagainya, untuk dibincangkan dan akhirnya dijadikan keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tapak pelupusan Sungai Udang yang setiap kali dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin. Saya ingin memaklumkan samalah, bila saya sebut setiap kali nanti Tan Sri bangun pula. Tan Sri pun sama juga membangkitkan orang Melaka. Jadi untuk makluman, saya ucapkan terima kasih banyak-banyak. Saya ucapkan terima kasih banyak-banyak bukan sahaja kepada Yang Berhormat Senator dari kawasan negeri Melaka tetapi juga saya mengucapkan terima kasih banyak-banyak kepada Kerajaan Negeri Melaka kerana telah memberikan kawasan tapak untuk digazetkan sebagai tapak pelupusan di Sungai Udang. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri Melaka.

Untuk dibangunkan sebagai tapak pelupusan sisa pepejal *sanitary* untuk kita gantikan tapak pelupusan sisa pepejal sedia ada di Krubong kerana yang di Krubong itu kita akan tutup dan kemudian beroperasi di Sungai Udang ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin dan Yang Berhormat Senator Tan Sri, tapak ini diperlukan bagi kita melupuskan sisa pepejal yang datang daripada empat pihak berkuasa tempatan kerana negeri Melaka ada empat pihak berkuasa tempatan.

- (i) Majlis Bandaraya Melaka bersejarah;
- (ii) Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya;
- (iii) Majlis Perbandaran Alor Gajah; dan
- (iv) Majlis Perbandaran Jasin.

Dianggarkan lebih kurang 1,200 tan sisa pepejal yang akan dihasilkan daripada empat pihak berkuasa tempatan dalam sehari. Fasiliti ini Yang Berhormat dan Yang Berhormat Tan Sri, ia siap sepenuhnya dan telah pun beroperasi pada 1 April 2015 yang lalu. Akan tetapi walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, kementerian menjangkakan saiz sedia ada di tapak tersebut ia boleh tampung sisa pepejal yang dihasilkan lebih kurang 1,200 tan sehari daripada empat pihak berkuasa tempatan ini sehingga tahun 2018. Dalam pada waktu itu pembinaan sel kedua akan dibina pada tahun 2017 dan dijangka siap pada tahun 2018. Cukup habis tempoh itu sel kedua sudah siap dan akan dapat digunakan untuk tempoh lima tahun lagi .

Untuk makluman dua-dua Yang Berhormat senator juga, saya ingin memaklumkan bahawa pihak kementerian melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara dan pihak SWCorp, kita memantau status operasi di tapak untuk pastikan supaya operator ini menjalankan operasi berdasarkan kepada syarat-syarat yang terdapat dalam DEIA dan ia menjadi KPI yang telah pun ditetapkan oleh kementerian operator yang berkenaan.

Salah satu daripada KPI yang ditetapkan oleh kementerian kepada operator yang berkenaan Tuan Yang di-Pertua, ialah bagi menangani masalah aduan baru yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi operator telah pun diarahkan dan disyaratkan supaya ditingkatkan lagi kekerapan semburan enzim EM dan bagi menghilangkan bau di setiap fasiliti tapak yang ada sewaktu operasi dijalankan. Penutupan harian sisa pepejal dengan tanah *geomembrane* juga dilaksanakan untuk dikurangkan bau yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas. Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun lagi Yang Berhormat.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya adakah kerajaan akan teruskan pembinaan *incinerator*? Nampak di Melaka tadi jawapan Yang Berhormat tadi adalah secara *landfills* dan kalau *incinerator* ini tidak dilakukan, saya percaya isu sampah ini tidak akan berakhir. Macam Melaka negeri bandar, bahkan Bandaraya Kuala Lumpur pun begitu juga, Johor Bahru, Penang.

Kita tidak ada pilihan. Jangka panjang mesti gunakan *incinerator* dan harga *incinerator* makin lama makin mahal.

Di Singapura ada empat hingga lima *incinerator* termasuk saya pergi Tokyo ataupun di Korea. Apabila hendak buat nanti DAP akan *complaint*. Akan tetapi jangan cakap DAP ini kita pakai sebab mereka ini cakap tidak serupa bikin. Saya ulang balik, di Melaka pun macam itu juga. Apabila kita tambak sedikit laut dia bising. Sekarang dia tambak. Kita ada bangunkan sedikit bukit dia *complaint*.

Sekarang ditarah Penang sampai kan gondol dan dia tidak kisah langsung apa orang cakap. Sekarang alam sekitar pun *complaint* kan? Mereka hendak buat terowong bawah tanah, manakah ada kajian EIA dibuat? Kajian sosial semua tidak dibuat. Dia jalan sahaja. Akan tetapi kalau kita buat semua dia minta kajian-kajian termasuklah *incinerator* ini. Oleh sebab itu saya harap, jawapan bila hendak guna *incinerator*?

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Ada lagi Tan Sri hendak sambung?

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Cukup.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Cukup, okey [*Ketawa*] Saya hari ini hendak bagi peluang kepada Tan Sri. Yang Berhormat senator Datuk Zali bin Mat Yasin jangan tanya apa-apa ya. Biar Tan Sri Ali Rustam sahaja. *My favorite man...* [*Dewan riuh*] Okey, terima kasih Yang Berhormat. Kalau semua rakyat, semua orang seperti fikiran yang ada pada Yang Berhormat Senator Tan Sri senang kerja kita. Sekarang ini pihak kementerian sedang berurusan untuk membina *incinerator* di Taman Beringin. Hendak buat di Taman Beringin, Datuk Yahya Mat Ghani lagi tahu, memang maklum kerana dalam kawasan Batu.

■1840

Hendak bangunkan *incinerator* di Taman Beringin ini satu kerja yang amat payah sedangkan kerajaan mahu menyelesaikan dan mengatasi masalah pengurusan sisa pepejal yang lebih baik lagi, yang lebih kondusif lagi. Kerana apa Yang Berhormat, akhirnya tanah tidak ada lagi. Yang Berhormat banyak *sanitary landfill* yang kita boleh buat. Dia memerlukan keluasan tapak, dia juga melibatkan kos yang tinggi dan sebagainya. Buat peringkat awal ini bagi negeri Melaka, dia sebaik-baiknya kementerian sebenarnya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua berniat, kalau boleh semua tapak pelupusan *sanitary* yang ada di semua negeri, kalau dihajatkan oleh kementerian, kita hendak bina *incinerator* supaya dengan adanya *incinerator* ini dia akan dapat menguruskan pengurusan sisa pepejal kita dengan lebih baik lagi dan penggunaan tanah yang ada dapat dikurangkan dan dia memberikan kesan yang lebih baik daripada tapak pengurusan *sanitary* yang diuruskan.

Buat sementara ini Tuan Yang di-Pertua, kerajaan belum ada lagi cadangan Yang Berhormat. Kita hendak selesaikan yang Taman Beringin ini. Yang Berhormat Datuk Yahaya tengah bantu kita ini untuk beritahu dengan rakyat yang ada. Hendak bangun bercakap, okey, silakan.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa terpanggil sebab Yang Berhormat Menteri kata Yang Berhormat Datuk Yahaya bantu. Sedangkan Yang Berhormat Datuk Yahaya tidak tahu apa pun.

Seorang Ahli: [Ketawa]

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Buat lawatan ke Jepun, buat lawatan ke Korea tidak pernah ajak Ketua Bahagian pun, macam mana Ketua Bahagian hendak tahu. Yang diajak orang lain. Yang bantah DAP, yang diajak DAP mungkin di situ. Sebab kawasan itu kawasan sempadan dengan Kepong, Yang Berhormat Tan Seng Giaw mungkin pergi ikut. Saya tidak pernah. Jadi macam mana saya hendak tahu.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Tidak Yang Berhormat Datuk, Yang Berhormat Datuk bukan tidak pernah, Yang Berhormat Datuk belum lagi ya. Yang Berhormat Datuk belum, bukan tidak pernah, belum. *InshaaAllah* dalam masa yang diaturkan oleh kementerian nanti, bukan semestinya kita hendak ke Jepun hendak tengok sistem *incinerator* yang ada di Jepun ya. Kita hantar hari itu Bahagian Kepong, bersama-sama dengan Ahli Parlimen Kepong dan juga beberapa orang wakil daripada Bahagian Batu tetapi kebetulan bukan daripada Ketua Bahagian. Jadi *inshaaAllah* Yang Berhormat ya. Saya harap Yang Berhormat Datuk Yahaya jangan kecil hati dengan saya kerana Yang Berhormat Datuk Yahaya pun antara pilihan saya...

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Jadi menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri tadi. Buat masa ini Yang Berhormat, kementerian tidak ada apa-apa cadangan ya. Belum ada cadangan untuk membuat sebuah *incinerator* ataupun membina sebuah *incinerator* baru di Melaka. Buat masa ini belum ya kerana keperluan untuk tapak pengurusan sisa pepejal di Sungai Udang itu masih mampu untuk menguruskan pengurusan sisa pepejal di negeri Melaka sehingga 2018 dan kemudian kita akan tambah lagi dengan sel-sel yang baru. Jadi yang penting Yang Berhormat selagi kerajaan kita yang ada ini, kerajaan ini ada, maka selagi itulah nasib dan masa depan rakyat akan terbela walaupun dalam bab yang berkaitan dengan sampah iaitu pengurusan sisa pepejal.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada perkara, saya ada lagi dua saja. Perkara yang seterusnya dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Azizah Binti Haji Harun yang dengan isu harga rumah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas dan ketiga-tiga telah pun membangkitkan isu berkaitan dengan harga rumah yang masih lagi menjadi masalah bukan saja kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator tetapi juga kepada rakyat.

Saya ingin menegaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa masalah kenaikan harga rumah ini Tuan Yang di-Pertua, masalah kenaikan harga rumah secara tidak sihat. Dia bukanlah satu fenomena yang berlaku di Malaysia saja. *It's not only happening in Malaysia alone.* Dia bukan berlaku di Malaysia saja dan tapi dia juga berlaku di negara-negara yang lain. Jadi maka kerana itu Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui kementerian dan juga melalui badan-badan yang lain seperti PR1MA, SPNB dan sebagainya juga berusaha untuk kita sama-sama membantu membina lebih banyak lagi rumah-rumah mampu milik untuk kita berusaha untuk kita stabilkan harga rumah.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga rumah ini dia dipengaruhi oleh beberapa perkara yang antaranya peningkatan permintaan rumah dalam pasaran, kos tanah, kos bahan binaan, kos buruh serta juga aktiviti-aktiviti spekulasi. Walau bagaimanapun, walaupun Malaysia mengamalkan sistem pasaran ekonomi yang terbuka, sistem pasaran ekonomi bebas yang turut melibatkan sektor hartanah, walaupun itu berlaku, kerajaan tidak melupakan masalah yang berkaitan dengan keperluan perumahan bagi rakyat yang tidak mampu untuk kita membina lebih banyak lagi rumah-rumah mampu milik untuk memberikan rumah pertama kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini *Khazanah Research Institute* (KRI) telah pun membentangkan hasil kajian mereka dan saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat pun sudah maklum tentang kajian yang dibentangkan oleh *Khazanah Research Institute* ini yang bertajuk, dengan izin, "*Making House Affordable*", dan kementerian menerima baik kajian berkenaan Tuan Yang di-Pertua dengan fakta, dengan hujah yang diutarakan dan yang mengesahkan bahawa tindakan proaktif kerajaan dalam menstabilkan harga rumah adalah tepat pada masanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memaklumkan bahawa kementerian juga telah pun mengadakan beberapa pertemuan, siri perbincangan dengan penyelidik-penyelidik daripada KRI, *Khazanah Research Institute* bagi kita membincangkan lanjut untuk kita dapat pandangan-pandangan hasil daripada kajian mereka supaya kita dapat tambah baik lagi kawalan dan juga mekanisme untuk stabilkan harga rumah di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan, Kerajaan Pusat, Kerajaan Persekutuan sejak tahun 2013 Tuan Yang di-Pertua, telah pun memperkenalkan pelbagai bentuk inisiatif dan juga insentif termasuk dasar-dasar fiskal yang strategik bagi kita membantu menstabilkan harga rumah di pasaran dan sambil itu mengawal spekulasi. Di antaranya Tuan Yang di-Pertua, yang pertama menaikkan kadar kenaan cukai keuntungan hartanah.

Kedua, menaikkan penetapan harga minimum hartanah yang dijual kepada warga asing iaitu daripada RM500 ribu kepada RM1 juta bagi seunit.

Ketiga, mensyaratkan supaya pemaju mempamerkan secara telus dan terperinci terhadap semua harga jualan rumah termasuk juga kepada semua manfaat dan insentif yang bakal dinikmati oleh pembeli.

Keempat, melarang pemaju melaksanakan DIBS ataupun dengan izin, *Developer Interest Bearing Scheme* yang boleh dengan sengaja mahu memperdaya pembeli, pada masa yang sama memberi peluang pemaju untuk mengaut keuntungan yang berlipat kali ganda.

Yang kelima Tuan Yang di-Pertua, mewajibkan pemaju untuk melaporkan setiap pembelian pukal melebihi daripada empat unit kepada mana-mana hartanah dalam satu pemajuan oleh mana-mana individu ataupun syarikat kepada pihak kementerian.

Keenam, mengeluarkan panduan *loan to value*, dengan izin bagi pembelian rumah ketiga dan juga ke atas di mana ia membenarkan pinjaman sehingga 70% yang akan diberikan dan selebihnya perlu ditanggung oleh pihak pembeli tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sejak 6 langkah ini dilaksanakan, langkah bagi mengawal harga rumah dan mengelakkan spekulasi harga rumah dilaksanakan, dia telah pun menampakkan kesan positif Tuan Yang di-Pertua berdasarkan kepada maklumat yang dikeluarkan oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara ataupun NAPIC pada suku kedua, tahun 2015 telah pun mencatatkan perubahan indeks harga rumah pada tahap 5.9% dengan purata harga rumah pada RM305,075 berbanding pada suku tahun kedua 2014 iaitu pada 8.4% dengan purata harga rumah sebanyak RM302,716. Jadi ini menunjukkan Yang Berhormat bahawa penurunan sebanyak 2.5% dalam indeks harga rumah di negara ini telah pun berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman; Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah; Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani; Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian; Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor; dan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul berkaitan dengan isu penyediaan perumahan.

Ini *second last* Tuan Yang di-Pertua. Keempat-empat Yang Berhormat telah pun membangkitkan perkara yang berkenaan dan saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, kerajaan merancang memperkenalkan pelbagai inisiatif baru dan juga untuk meneruskan program-program penyediaan rumah mampu milik dengan memfokuskan kepada pemilikan rumah oleh rakyat termasuklah untuk memperkasakan golongan B40 dan juga M40 dengan izin dan dengan perbezaan tahap bantuan berasaskan kepada keperluan.

■1850

Dalam usaha untuk meningkatkan bekalan rumah mampu milik Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mensasarkan membina 1 juta buah rumah dalam tempoh lima tahun sehingga 2018. Saya ingin memaklumkan sebagai makluman, sehingga 30 September 2015, daripada 1 juta buah rumah mampu milik yang disasarkan, sebanyak 194,776 unit rumah ataupun 16.1% telah pun disiapkan. Sebanyak 185,742 unit rumah iaitu 15.4% dalam peringkat pembinaan dan 360,205 iaitu 29.793% dalam peringkat perancangan. Sehubungan dengannya, maka baki sasaran yang akan kita selesaikan menjelang tahun 2018 Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 468,299 unit rumah ataupun 38.7%.

Kerajaan komited untuk kita laksanakan dan mencapai sasaran yang dinyatakan. Tuan Yang di-Pertua, kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman, pelaksanaan program tak berpusat, dicadangkan supaya diletakkan pada sebuah agensi. Saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman. Pada setiap sesi Dewan Negara pasti isu ini akan berbangkit. Mungkin kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim, dia sepatutnya perlu diletakkan di bawah Kementerian Perumahan. Macam jawapan saya yang lepas Tuan Yang di-Pertua, kecil tapak tangan, kementerian itu kita sediakan.

Itu bergantunglah kepada keputusan yang hendak dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Akan tetapi buat setakat ini, PR1MA diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, SPNB di bawah Kementerian Kewangan dan PPR di bawah Jabatan Perumahan Negara di bawah Kementerian.

Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua juga, Jawatankuasa Perumahan Negara (JPN) dan juga Majlis Perumahan Negara akan berada di situ Tuan Yang di-Pertua untuk menyelaraskan semua perkara, merangka strategi pelan tindakan dan sebagainya yang berkaitan dengan agensi-agensi yang walaupun duduk di kementerian-kementerian yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, bagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah, terdapat pihak yang menyewakan unit rumah mampu milik kepada pihak yang lain. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, memanglah tindakan yang dilakukan oleh segelintir pihak ini bila dia tidak ada rumah, dia minta rumah, bila kerajaan bagi rumah- bila minta rumah, dia kata tidak ada rumah. Kerajaan bagi rumah, bila dia dapat, dia sewakan rumah, rupanya dia ada rumah. Dalam pada itu, dia pula jadi tauke menyewakan rumah, dia dapat hasil pada mana-mana semakan yang sedang dibuat oleh pihak kementerian bersama-sama dengan kerajaan negeri.

Oleh sebab apa Yang Berhormat, saya hendak memaklumkan kepada Yang Berhormat. Membina rumah itu tanah daripada kerajaan negeri. Peruntukan pembinaan rumah PPR, pembinaan modal atau peruntukan daripada kementerian. Akan tetapi pemilihan kepada peserta sama ada mereka datang dari setinggan yang mahu dipindahkan untuk penempatan semula ataupun peserta-peserta, pemohon-pemohon yang difikirkan layak, yang belum ada rumah. Itu semua akan diputuskan bersama dengan pihak kerajaan negeri.

Jadi, pemantauan akan dibuat bukan sahaja daripada pihak kementerian, termasuk oleh pihak kerajaan negeri untuk melaksanakan Program Pemutihan Semak. Kalau betul ada, kita akan ambil balik, kalau betul ada, maknanya ada tindakan yang akan dikenakan. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya beralih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani, mencadangkan CCTV dipasang untuk mengurangkan masalah vandalisme di PPR. Cadangan yang baik, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani, seperti ada di Singapura dan sebagainya, kerajaan akan mempertimbangkan cadangan tersebut.

Kepada Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor membangkitkan pemerikasaan penyelenggaraan perumahan. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri. Untuk maklumat Yang Berhormat Tan Sri, kementerian sedar bahawa isu-isu penyelenggaraan bangunan berstrata ini ada kaitan. Bukan sahaja dengan usaha penyelenggaraan, termasuk budaya penyelenggaraan. Biasa kita buat semua segalanya tetapi budaya penyelenggaraan ini kadang-kadang tak cukup mantap lagi untuk menjadikan harta awam itu sebagai harta bersama.

Jadi, maka kerana itu Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara pendekatan dan strategi yang diambil oleh pihak kementerian. Pertama, pewartaan perundangan strata di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 iaitu Akta 757. Kemudian penyediaan penguatkuasaan Peraturan Pengurusan Strata di Bahagian Penyelenggaraan dan Pengurusan 2015 dengan garis panduan yang disediakan. Kemudian itu termasuklah kepada perkara caj penyelenggaraan tanggungjawab anda, asas pengurusan strata dan juga penyediaan penyata kewangan dan sebagainya dan juga penyelenggaraan bangunan berstrata di bawah penyediaan dan penguatkuasaan peraturan-peraturan tadi.

Seterusnya, mewujudkan unit sokongan teknikal di KPKT. Selain daripada itu, kerajaan juga telah memperkenalkan Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP) dan juga Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia. Ini perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi dalam soalan lisan yang lepas. Maknanya, *flood* kalau dia *flood*, macam mana cara kerajaan boleh bantu untuk menceriakan dan membantu menyelenggarakan.

Saya ingin memaklumkan dua, iaitu PPP ialah pada projek-projek perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah yang dibangunkan oleh kerajaan dan (TP1M) Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia adalah satu tabung yang disediakan untuk kita membantu kepada mana-mana flat kos rendah dan flat kos sederhana rendah yang dibangunkan oleh syarikat swasta yang sudah berusia 10 tahun ke atas dengan padanan geran sepadan.

Kalau kos rendah, 90% kementerian keluar peruntukan, 10% daripada JMB. Kalau kos sederhana rendah, 70% daripada kementerian, 30% daripada JMB. Satu berita baik saya pun hendak memaklumkan. Bagi bermula pada tahun 2016 ini Tuan Yang di-Pertua, semua flat yang ada masalah untuk kita naik taraf tiga perkara. Pertama ialah lif; kedua, pendawaian semula kepada rumah flat yang berkenaan dan ketiga ialah masalah tangga dan *handrail* di kecualikan daripada moratorium 10 tahun.

Bagi mana-mana yang ada keperluan, (JMB) Jawatankuasa Penduduk boleh membuat permohonan kepada COB iaitu kepada pihak berkuasa tempatan dan kemudian boleh diangkat kepada kementerian untuk dipertimbangkan untuk kita turunkan bantuan boleh disalurkan melalui program PPP dan juga Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim, berbahas membangkitkan aktiviti pembangunan kawasan bukit Pulau Pinang. Ini Pulau Pinang banyak benda macam dia tidak faham yang boleh menjejaskan masalah alam sekitar. Nasib baik Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin tidak ada. Kalau ada, dia sudah bangun tanya.

Saya sudah baca, saya pun sempat baca Laporan Ketua Audit Negara, Siri Ke-3, Tahun 2014, Tuan Yang di-Pertua, yang dibentangkan juga mengenai isu yang sama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator. Jadi, saya ingin memaklumkan, kerajaan di peringkat kementerian Yang Berhormat, melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia telah pun mengeluarkan garis panduan.

Garis panduan perancangan pembangunan di kawasan bukit dan juga tanah tinggi pada tahun 2009. Garis panduan ini telah dibawa dalam Mesyuarat Majlis Negara bagi kerajaan tempatan yang dihadiri oleh semua kerajaan negeri dan diguna pakai di semua pihak berkuasa tempatan. Garis panduan ini disediakan untuk menjadi rujukan kepada pihak berkuasa negeri dan juga pihak berkuasa tempatan dalam merancang, memantau sama ada sebarang pembangunan oleh pihak kerajaan atau pihak swasta dalam merancang, mengawal apa juga aktiviti pembangunan yang ada di kawasan tanah rendah. Jadi, saya harap mudah-mudahan semua kerajaan negeri akan faham tentang tanggungjawab untuk bersandarkan kepada garis panduan yang telah dikeluarkan ini.

Kita harap kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kalau tak faham macam mana hendak gunakan garis panduan itu, beri tahu. Pihak kementerian sanggup untuk membantu bagaimana hendak pakai dan guna garis panduan dalam perancangan yang perlu dibuat oleh kerajaan negeri. Tuan Yang di-Pertua, itu antara...

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Sebelum...

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: [*Bangun*]

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Kau sengaja tunggu *last* ya.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Hendak bagi siapa dulu Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Saya suka yang tinggi.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Nampaknya yang rendah duduk dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi laluan kepada saya. Saya hendak bawa kes dalam kawasan saya di Parlimen Batu. Saya ingat dalam perbahasan yang dulu pun saya telah nyatakan di sini, soal pembinaan rumah kos rendah di Kampung Chubadak. Pembinaannya, kerja-kerjanya agak *slow*, agak lambat. Perpindahan telah dibuat tiga tahun, empat tahun yang lalu. Masyarakat di situ telah pindah kepada rumah PPRT yang dibayar oleh pemaju.

Akan tetapi yang masih ada di kawasan itu, bagaimana mekanisme ataupun caranya kita hendak selesaikan masalah setinggan yang ada di situ. Sebab *slow* itu, lambat dibina itu, sekarang ini baru *piling*, baru *piling*. Berapa saya ingat dalam 300, 400 unit, KPKT mesti tahu dalam soal ini. Akan tetapi masalahnya yang timbulnya, soal setinggan dan sebagainya. Setinggan di situ, bukannya orang tempatan. Setinggan di situ golongan daripada PATI, pendatang tanpa izin. So bagaimana?

■1900

Surat saya sudah hantar kepada KDN. Surat kepada Timbalan Perdana Menteri pun saya sudah hantar supaya mengambil tindakan. Kepada Dewan Bandaraya juga saya ajukan surat. Saya minta tolong bincang dengan Datuk Bandar, minta tolong cepatkan sebab ini masalah rakyat. Rakyat sudah pindah, dah empat tahun dah pemaju dibayar di PPR Kampung Batu Muda. Jadi ini kena selesaikan. So, saya minta pandangan daripada Menterilah supaya mempercepatkan sedikit soal pembinaan rumah. Ini keperluan rakyat. Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya. Saya minta maaf Yang Berhormat kerana maklumat dalam tangan saya tidak ada tetapi saya ingat saya sudah jawab dalam perkara yang dibangkitkan pada persidangan yang lepas yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Saya akan beri maklumat secara bertulis, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin memaklumkan Yang Berhormat, segala urusan yang berkaitan dengan setinggan ini ia akan merupakan tanggungjawab bersama. Makna, kerajaan negeri yang akan menentukan setinggan mana yang akan berpindah masuk dan juga untuk membantu menyelaraskan kepada perpindahan yang

masih belum selesai termasuklah pihak DBKL iaitu di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan bersama-sama dengan pejabat tanah untuk membantu supaya kita akan dapat menggerakkan dengan sokongan daripada kerajaan negeri untuk pindahkan semua setinggan masuk untuk disenarai akhirnya senarai nama setinggan-setinggan itu dulu dalam pada projek itu akan dibina dan diteruskan pembinaan. Terima kasih.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Boleh saya? Boleh yang rendah sikit saya bercakap.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Yalah, rendah pun PESAKA kan.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: [*Ketawa*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk, jangan cabar-cabar Datuk Halimah ini. Dia orang lama ini.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Boleh Tuan Yang di-Pertua? Saya Tuan Yang di-Pertua, hari ini baru saya sedarlah di mana kedudukan saya di dalam hati Datuk Halimah ini [*Ketawa*] Selama ini adik tersayang, adik tersayang, akhirnya yang saya tanya pun tidak dijawab dalam Dewan ini.

Cuma, hari itu saya ada utarakan soal bagaimana kedudukan atau program yang ada di susun oleh peringkat kementerian, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan kepada khususnya golongan-golongan muda yang berpendapatan pertengahan dan rendah. Mungkin ada skim ataupun program-program yang telah disusun di peringkat kementerian bagi membolehkan mereka membeli rumah pertama mereka melalui PR1MA ataupun sebagainya. Jadi mungkin yang itu Yang Berhormat Datuk Menteri terlupalah. Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Datuk. Dia bukan tidak jadi pilihan. Adik, maknanya adik itu tidak kiralah tinggi rendah. Jadi, pilihan teruna mesti yang tinggi, macam Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Saya sikit sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Mulai pada tahun depan, *inshaaAllah*, kementerian akan memulakan satu inisiatif baru, Yang Berhormat Senator Datuk Megat, iaitu program untuk membantu pembeli yang layak membeli rumah tetapi sukar mendapatkan pinjaman, Tuan Yang di-Pertua, iaitu melalui program perumahan. Untuk program perumahan rakyat sahaja dahulu ya, Yang Berhormat Senator. Yang ada masalah untuk mendapatkan pinjaman dari bank dan sebagainya, maka kementerian sedang menyusun satu program untuk pelaksanaan pada tahun 2016 iaitu Program *Rent to Own*.

Rent to Own ini bukan sahaja ada pada PR1MA tetapi pada tahun depan ia juga akan digunakan oleh kementerian untuk perumahan PPR. Untuk *Rent to Own* ini, Tuan Yang di-Pertua, skim ini hanya disediakan bagi kelayakan pembeli yang berpendapatan RM2,500 ke bawah. *InshaaAllah*, tahun depan kita akan mulakan.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, bersabit kepada persoalan kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Megat ialah bagaimana untuk membantu kepada mereka yang mahu membeli rumah yang pertama ya, Yang Berhormat ya, rumah yang pertama, apa kemudahan yang boleh disediakan oleh kementerian.

Saya juga ingin memaklumkan satu berita baik seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan Bajet 2016 pada 23 Oktober 2015 yang lalu iaitu untuk meningkatkan keupayaan pemilikan rumah bagi rakyat yang tidak mampu untuk mendapatkan pinjaman bank, maka skim pembiayaan deposit rumah pertama telah pun diumumkan dalam ucapan bajet dan akan dilaksanakan pada tahun depan, Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah bagi pembelian rumah pertama bagi satu isi rumah dengan harga jualan rumah minimum RM90,000, maksimum ialah RM300,000, keluasan 830 kaki persegi bagi mereka yang berpendapatan isi rumah antara RM3,000 sehingga RM9,000 dan mesti kepada projek perumahan yang berlesen.

Jadi tahun depan Yang Berhormat Senator bolehlah memaklumkan kepada sesiapa yang ada kelayakan untuk membuat permohonan melalui skim pembiayaan ini yang akan merupakan pemberian melalui skim pembiayaan sebanyak 10 peratus daripada harga jualan iaitu maksimum RM30,000.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih banyak-banyak...

Tuan Yang di-Pertua: Ada seorang lagi, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Silakan.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Tertinggallah.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mentang-mentang kami ini pendek, orang tidak pandang, Menteri tidak pandang langsung [*Ketawa*] Asyik panjang Tan Sri Ali Rustam, Datuk Yahaya. [*Ketawa*] Ini yang susah bila kita pendek ini. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dalam perbahasan saya juga saya ada mencadangkan bahawa Yang Berhormat Menteri memegang jawatan sebagai menteri yang bertanggungjawab ke atas *Malay Reserve Land*. Ini kerana kita lihat tidak ada satu portfolio pun. Saya pun tidak tahu menteri mana yang akan menjawab soalan saya berhubung dengan *Malay Reserve Land* ini. Ini perkara serius Tuan Yang di-Pertua, kerana seperti mana dalam ucapan saya itu, *Malay Reserve Land* sudah tinggal 12 peratus sahaja di mana amanat Raja-raja itu 50 peratus setiap negeri kecuali *Penang*.

Jadi saya hendak mendengar juga komen Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan cadangan saya ini khusus kepada *Malay Reserve Land* yang mempunyai kaitan dengan portfolio yang dipegang oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang lain semua boleh jawab, yang ini sahaja tidak boleh jawab kerana ia tidak ada kaitan dengan kementerian saya, Tuan Yang di-Pertua. Setahu sayalah Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi, orang lelaki ini pantang sebut pendek-pendek, selalu rendang. Akan tetapi hari ini dua orang Yang Berhormat memakai ya perkataan itu. Jadi lain kali lepas ini tukar rendang.

Tuan Yang di-Pertua, yang itu saya mohon izin untuk mendapatkan maklumat daripada kementerian yang berkaitan untuk dimaklumkan kepada Yang Berhormat Senator... [*Disampuk*] Ya, di

bawah NRE. Saya sudah sebut pada Yang Berhormat Datuk Johari tadi kerana KPTG ialah di bawah NRE. Mungkin agaknya Yang Berhormat Menteri NRE semasa penggulungan bolehlah menyambut persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang dapat bersama-sama kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi...

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Ya, jemput Yang Berhormat.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Tuan Yang di-Pertua, satu tertinggal dalam jawapan. Dalam perbahasan walaupun bukan dalam bajet, dalam perbahasan saya, saya ada membangkitkan isu satu *statement* yang dibuat oleh Menteri Perumahan mengenai cadangan untuk tukar status *Royal Selangor Golf Club* pada bulan 10 hari itu. Tukar status *Royal Selangor Golf Club* untuk menjadikan *recreation park*. So saya ada *raise* bantahan. Kalau tidak ada jawapan sekarang, tidak apa secara bertulis pun saya terimalah mengenai cadangan itu.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan, terima kasih Yang Berhormat. Ini satu cadangan. Kalau kita dapat sediakan lebih banyak lagi lapangan-lapangan rekreasi untuk rakyat, ia akan menjadi lebih baik. Akan tetapi ia bukan satu perkara yang mudah. Kita sedar ia bukan satu perkara yang mudah kerana ia akan melibatkan persetujuan beberapa pihak termasuk pihak kerajaan negeri dan sebagainya. Jadi saya sudah nyatakan, ia satu cadangan kepada kementerian. Kalau boleh ditambahkan lagi kawasan-kawasan rekreasi yang dapat dimanfaatkan oleh semua lapisan masyarakat. Jangan bimbang Yang Berhormat, *anything consultation will be done*.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan itu saya sekali lagi mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih banyak-banyak kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, tidak kiralah dia tinggi atau rendah kerana telah mengambil bahagian untuk mengutarakan cadangan dan sebagainya. Saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua, kalau ada yang saya terlepas pandang yang tidak dapat saya jawab pada masa ini tetapi sudah tentu dalam *Hansard* ada. Kepada mana-mana yang tidak berjawab, kita akan hantar jawapan bertulis untuk memaklumkan kedudukan kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Maka, terima kasih banyak-banyak kerana sentiasa memberikan sokongan kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tidak ramai orang bila sudah habis menjawab bertepuk, Yang Berhormat [*Ketawa*] Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih.

Sekarang saya mempersilakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

■1910

7.10 mlm.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, susah sedikit saya ini Tuan Yang di-Pertua hendak lawan suara Yang Berhormat Timbalan Menteri KPKT ini. Wanita, suara dia pun sedap, lepas itu meresik pula itu [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, lain kali minta letak selang jauh sedikitlah KPKT dengan KPDKK ini.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan juga mengutarakan isu-isu yang berkaitan dengan kementerian ini semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2016 yang lalu. Sepanjang perbahasan, seramai lapan orang Ahli Yang Berhormat telah membahaskan sebanyak empat perkara yang akan saya jelaskan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu pertama mengenai dengan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim. Memang saya nampak ada dalam Dewan. Untuk makluman Dewan yang mulia, sehingga kini sebanyak 173 buah KR1M telah beroperasi di seluruh negara bagi membantu rakyat mendapatkan barangan yang berkaitan pada harga yang lebih berpatutan. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, suara ini tidak berapa ini sedikit. Daripada jumlah tersebut, sebanyak tiga buah kedai adalah di negeri Pulau Pinang. Selain itu, terdapat tambahan 10 KR1M sedang dibangunkan di seluruh negara dan kerajaan merancang untuk memperbanyakkan lagi kedai KR1M ini di seluruh negara bagi mencapai sasaran untuk mewujudkan sekurang-kurangnya sebuah KR1M di setiap kawasan Parlimen ini tercapai, tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua mengenai dengan galakan pembangunan koperasi di Malaysia yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff. Dia tidak ada dalam Dewan, nanti saya akan beri jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat Puan Shahanim.

Isu ketiga ialah mengenai penjualan petrol RON97 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada Yang Berhormat.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Pun tidak ada juga. Ada catatan di sini, saya akan beri secara bertulis kepada Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin.

Isu mengenai dengan kawalan harga. Isu ini dibangkitkan oleh seramai enam orang Ahli-ahli Yang Berhormat, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader; Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff; Yang Berhormat Senator Datuk Abdullah bin Mat Yassim; Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan, saya ingat dia ada di hadapan, Yang Berhormat Senator Dato' Goonasakaren A/L Raman dan Yang Berhormat Senator Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia mengamalkan sistem ekonomi pasaran bebas, di mana kuasa pasaran ataupun *market force*, dengan izin, memainkan peranan penting dalam penentuan harga. Penentuan harga barangan dan perkhidmatan adalah berdasarkan kepada faktor-faktor yang berbeza di antara satu sama lain. Seperti permintaan dan penawaran iaitu *demand and supply*, dengan izin, keadaan cuaca, ekonomi global, persaingan kadar upah pekerja, kadar pertukaran wang asing dan juga kos input dan sebagainya. Oleh yang demikian, boleh dikatakan penentuan harga barangan dan perkhidmatan adalah berdasarkan kepada faktor-faktor yang berbeza di antara satu sama lain.

Dalam menjalankan penguatkuasaan pencatutan, kementerian mengambil kira penyiasatan ke atas semua faktor yang menyumbang kepada kenaikan harga atau caj. Tindakan tegas akan diambil ke atas mana-mana peniaga yang mengambil kesempatan untuk mengeksploitasikan mana-mana isu tersebut untuk menaikkan harga barangan dan caj bagi perkhidmatan dalam hal ini. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sentiasa berusaha untuk memastikan sebarang perubahan harga yang berlaku adalah terkawal melalui langkah-langkah seperti berikut.

Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, ialah penguatkuasaan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

Kedua, kita mengadakan gerak gempur iaitu Ops Catut ke atas keseluruhan rangkaian pengedaran barangan dan perkhidmatan di seluruh negara.

Ketiga, melaksanakan operasi khas penguatkuasaan melalui Ops Khas SST dan juga GST bermula 2 Jun 2015 bagi memastikan faedah perubahan kadar cukai bagi barang yang telah diturunkan atau dihapuskan kadar cukai jualan dan cukai perkhidmatan selepas penyelarasan GST telah disalurkan kepada pengguna melalui pengurangan harga oleh peniaga.

Keempat, kita melaksanakan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan bagi mengekang kenaikan harga barang susulan peningkatan permintaan menjelang enam perayaan yang utama di Malaysia, termasuklah perayaan Hari Krismas yang akan berlaku pada 25 hari bulan nanti.

Kelimanya Tuan Yang di-Pertua, kita mewajibkan peniaga runcit meletakkan tanda harga atas barang yang dipamerkan untuk jualan dan atau mempamerkan senarai harga di bawah Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1993.

Keenam, kita mengadakan sebanyak 62 *engagement* dan perundingan dengan persatuan perniagaan, pengeluar, pembekal, pemborong dan pengimport dan juga pengusaha perkhidmatan untuk mendapatkan komitmen daripada pihak industri dan peniaga untuk menurunkan harga barangan dan caj bagi perkhidmatan berikutan dengan penurunan harga bahan petroleum di pasaran serta tidak menaikkan margin keuntungan bersih bagi produk keluaran atau barangan jualan dalam tempoh yang ditetapkan.

Ketujuh, kita mengadakan pelbagai program dan aktiviti jualan bagi menawarkan barangan keperluan pada harga murah dengan kerjasama *hypermarket* dan pasar raya seperti kempen penurunan

harga dan program promosi kembali ke sekolah, “*Back to School*” dengan tujuan untuk memberi penjimatan kepada pengguna.

Kelapan, kita mengadakan program *advocacy* pematuhan bersama persatuan peniaga, pengeluar, pembekal, pemborong, pengimport dan juga pengusaha perkhidmatan bagi memberi penjelasan dan memberi khidmat nasihat kepada peniaga dalam meningkatkan kefahaman daripada aspek undang-undang pencatutan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato’ Goonasakaren a/l Raman, saya ingat ada.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada.

Dato’ Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Ini juga ada dibangkitkan dan saya akan beri...

Dato’ Boon Som A/L Inong: Boleh saya mencelah?

Tuan Yang di-Pertua: Ini ada seorang bangun Yang Berhormat.

Dato’ Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Ya.

Dato’ Boon Som A/L Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana menjawabnya. Sebelum pergi ke topik lain, baru-baru ini saya berasa sedih di mana beberapa buah hotel, pada Mesyuarat Agung UMNO, beberapa buah hotel telah menaikkan harga hampir 100% daripada RM406 harga hotel Sunway Putra, dinaikkan harga RM254 kepada Senator-Senator yang tinggal di hotel tersebut. Jadi, kenapa hotel tadi mengambil kesempatan terhadap mesyuarat parti memerintah. Jadi, amat sedih apa yang berlaku sekarang ini. Terima kasih.

Dato’ Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato’ Boon. Mengenai dengan caj hotel musim persidangan perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini. Saya telah mendapat aduan daripada Yang Berhormat sendiri secara bertulis. Saya telah panjangkan kepada bahagian penguat kuasa untuk membuat lawatan ke hotel yang Yang Berhormat menyebut.

Saya rasa mungkin pada musim-musim sama ada perayaan ataupun hari-hari orang kata, *peak season* ataupun hari-hari tertentu, ada sesetengah hotel ini memang dia menaikkan harga yang sewenang-wenangnya. Jadi, kita akan mendapat penjelasan daripada pihak hotel ini kenapa caj begitu telah dikenakan kepada pelanggan-pelanggan tersebut. Jawapan ataupun penjelasan yang diberikan oleh pihak hotel ini akan kita sampaikan kepada Yang Berhormat Senator setelah kita dapat penjelasan daripada pihak tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader...

■ 1920

Tuan Yang di-Pertua: Beliau tidak ada.

Dato’ Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah: Tidak ada juga. Ramai yang tidak ada ini, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff, beliau pun ada membangkitkan ini, beliau tidak ada.

Akhir sekali Yang Berhormat Senator Dato’ Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg. Terima kasih Yang Berhormat Senator, ada di dalam Dewan, memudahkan saya untuk memberi penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg telah menyentuh mengenai dengan pelaksanaan program 1Harga 1Sabah dan 1Harga 1Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian akan melaksanakan melalui program penyeragaman harga dengan melantik *transporter* bagi menghantar barangan kawalan di bawah program penyeragaman harga. *Transporter* yang dilantik menjadi pembekal dan membawa bekalan barangan kawalan untuk dihantar ke setiap *point of sale* iaitu pos yang terlibat.

Di bawah program ini Yang Berhormat, kerajaan akan menanggung subsidi kos pengangkutan oleh *transporter* untuk membawa barangan keperluan iaitu beras ST15, tepung gandum, minyak masak, gula, gas memasak LPG, petrol RON95 dan juga diesel ke kawasan luar bandar dan pedalaman bagi membolehkan rakyat di kawasan tersebut menikmati harga yang sama seperti di Semenanjung iaitu di seluruh negara.

Bagi memastikan matlamat pelaksanaan program ini tercapai, beberapa langkah kawalan telah diwujudkan untuk dipatuhi oleh para *transporter*. Justeru, diyakini masalah Yang Berhormat bangkitkan, yang timbul, selama ini sedikit sebanyak dapat ditangani seterusnya membolehkan lebih ramai rakyat dapat menikmati faedah daripada pelaksanaan program ini. Jadi melalui *transporter* inilah supaya harga-harga barang yang saya sebutkan tadi akan mendapat harga yang sama di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja dan akhir kata, saya sekali lagi mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan pada kali ini. Saya percaya pandangan dan juga cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat dapat membantu dan juga memperkukuhkan lagi polisi dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada kementerian ini untuk dilaksanakan. Ya, Yang Berhormat Senator, sila.

Datuk Abdullah bin Mat Yassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya fasal *enforcement* atau penguatkuasaan daripada segi kenaikan harga. Saya lihat kalau di kawasan saya di Rantau Panjang, saya lihat gerakan *enforcement* dia buat secara bersepadu sebelum penguat kuasa turun itu, penjual sudah tahu. Jadi adakah cadangan KPDNKK supaya pemantauan ataupun *enforcement* yang dia hendak buat itu secara sulit. Kalau secara bersepadu, sebelum *enforcement* turun itu, dia sudah tahu. Jadi harga itu dia sudah turun awal-awal lagi. Bila dia orang balik, harga naik balik. Jadi saya hendak cadangkan kepada KPDNKK supaya buat gerakan sulit supaya jangan gerakan bersepadu. Kalau gerakan bersepadu ini memang dia sudah tahu dahulu sebelum kita pergi ke kedai itu. Terima kasih.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Mengenai dengan penguatkuasaan, Tuan Yang di-Pertua, memang selalunya apabila kita hendak mengadakan penguatkuasaan ataupun lawatan selain daripada penguat kuasa daripada KPDNKK sahaja, kita juga ada melibatkan, bukan kesemuanya Yang Berhormat, tetapi ada yang kita mengadakan secara bersama. Macam saya beri jawapan tadi, terlibat dengan pihak Kastam, PDRM dan sebagainya.

Akan tetapi sekiranya penguatkuasaan itu dijalankan oleh penguat kuasa KPDNKK sahaja, tidak melibatkan agensi-agensi ataupun kementerian yang lain, mungkin kadang-kadang kebocoran daripada segi lawatan ini pun kita tahu ada juga berlaku sebelum kita membuat pemeriksaan di premis-premis ataupun di pasar raya-pasar raya yang Yang Berhormat sebut tadi. Jadi sebab itu kebelakangan ini kita cuba untuk supaya memastikan pada saat-saat yang kita hendak turun buat penguatkuasaan itu baru kita beritahu kepada pegawai-pegawai di mana. Cuma pihak atasan sahaja yang mengetahui destinasi mana yang kita hendak pergi dan dari situ baru kita bertolak ke tempat itu.

Jadi kalau kita adakan perbincangan sebelum ini, memang kebocoran rahsia tempat-tempat yang kita hendak pergi memang berlaku seperti Yang Berhormat menyebut. Kita cuba perbaiki dan kita cuba merahsiakan destinasi mana yang kita hendak buat pemeriksaan supaya boleh kita membuat tangkapan yang agak- sekiranya berlaku penjualan ataupun peletakan harga yang tidak munasabah. Jadi terima kasih Yang Berhormat atas pandangan Yang Berhormat beri tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Kementerian sumber Asli dan Alam Sekitar.

7.26 mlm.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam bahagia dan selamat petang. Pertama, saya memohon maaf Tuan Yang di-Pertua oleh sebab lama tidak sampai ke Dewan kerana saya baru sahaja balik menghadiri persidangan yang amat ditunggu-tunggu oleh dunia iaitu *Conference of Parties 21 UNFCCC* di Paris. Pada masa sekarang pun saya masih belum cukup tidur lagi sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan Terima kasih kepada seramai tujuh orang Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2016 di Dewan Negara yang mulia ini mulai 10 hingga 14 Disember yang lalu yang telah menyentuh berkenaan isu di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut ialah:

- (i) Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam;
- (ii) Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah;
- (iii) Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin bin Samad;
- (iv) Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed;
- (v) Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad;
- (vi) Yang Berhormat Senator Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee;
- (vii) Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Norahan binti Abu Bakar.

Terlebih dahulu izinkan saya menyatakan....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, semua yang Yang Berhormat sebut tadi, tidak

ada dalam Dewan. Sekiranya ada, beberapa orang tadi dia keluar waktu solat. Saya rasa Yang Berhormat boleh jawab dan juga kali pertama saya lihat Yang Berhormat Menteri sendiri datang daripada kementerian ini menjawab. Bagus, Yang Berhormat. Silakan.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya menyatakan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas keprihatinan beliau melalui bajet yang ditemakan 'Mensejahtera Kehidupan Rakyat'

NRE telah menerima peruntukan berjumlah RM2,670,912,200 bagi peruntukan mengurus dan belanja pembangunan sepanjang tahun 2016. Peruntukan ini meliputi RM1.008 bilion bagi belanja mengurus yang telah dikurangkan sebanyak 9% berbanding dengan arahan tahun 2015. Manakala bagi belanja pembangunan, kementerian telah menerima kenaikan sebanyak 5% iaitu RM78.6 juta berbanding dengan peruntukan diterima pada tahun 2015 iaitu sebanyak RM1.663 bilion.

■1930

Kementerian akan memanfaatkan sebaiknya peruntukan disalurkan bagi memastikan sumber asli negara dan alam sekitar dapat diuruskan secara seimbang bagi menjamin pembangunan lestari dan juga sebagaimana dalam dasar yang ditemakan tadi untuk kepentingan rakyat.

*[Timbalan Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam membangkitkan beberapa isu mengenai jerebu rentas sempadan. Soalan yang pertama, cadangan untuk menubuhkan jawatankuasa menangani jerebu peringkat negara dan ASEAN.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di peringkat tempatan, Jawatankuasa Induk Jerebu Kebangsaan telah ditubuhkan semenjak tahun 1997 dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Jawatankuasa ini dianggotai oleh pelbagai agensi kerajaan yang berkaitan rapat dengan pengurusan bencana jerebu. Antaranya seperti Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Meteorologi Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan lain-lain lagi. Peranan utama jawatankuasa ini ialah menyelaraskan tindakan antara kementerian dan agensi dalam pengurusan bencana jerebu meliputi tindakan pencegahan, pengawasan dan mitigasi.

Manakala di peringkat ASEAN telah ditubuhkan beberapa jawatankuasa peringkat Menteri-menteri Alam Sekitar ASEAN bagi mempertingkatkan kerjasama serantau mengenai masalah jerebu iaitu:

- (i) *Conference of the Parties (COP) to the ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution;*
- (ii) *ASEAN Ministerial Meeting on Environment (AMME); dan*

- (iii) *Sub-Regional Ministerial Steering Committee (MSC) on Transboundary Haze Pollution* yang dianggotai oleh lima buah negara iaitu Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura dan Thailand

Soalan kedua, apakah perkembangan Jawatankuasa Khas Jerebu ASEAN untuk tahun 2016 dan apakah yang dibincangkan? Mesyuarat Ke-18, *Sub-Regional Ministerial Steering Committee on Transboundary Haze Pollution* telah dijadualkan pada bulan April 2016 di Singapura. Manakala Mesyuarat Ke-12, *Conference of the Parties (COP) to the ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution* telah dijadualkan pada bulan Oktober 2016 di Malaysia.

Melalui keanggotaan Malaysia dalam Mesyuarat COP dan MSC, Malaysia telah menggesa kerajaan Indonesia untuk menyelesaikan masalah jerebu supaya tidak berulang pada tahun 2016 dan mempertingkatkan keberkesanan tindakan di peringkat tempatan melalui Pelan Tindakan Indonesia Menangani Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan (*Indonesia Plan of Action for in Dealing with Transboundary Haze Pollution*) yang telah diwujudkan pada tahun 2006 dan dipersetujui bersama oleh negara-negara ahli MSC iaitu Brunei, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand.

Selain daripada itu, Malaysia dalam proses rundingan dengan kerajaan Indonesia untuk memateraiakan satu perjanjian persefahaman (MoU) baharu mengenai tindakan mengenai pencegahan jerebu. Ini sebagai keseimbangan kepada perjanjian sefahaman yang telah berakhir pada 3 Jun 2013.

Di bawah perjanjian persefahaman yang baru ini, Malaysia dan Indonesia akan bekerjasama antara lainnya dalam bidang pembangunan keupayaan (*capacity building*) dan perkongsian maklumat serta kepakaran dalam bidang penguatkuasaan undang-undang pembakaran terbuka, pengawasan sistem amaran awal jerebu, teknologi perladangan tanpa pembakaran (*zero-burning*), pengurusan tanah gambut yang mampan dan latihan pemadaman kebakaran.

Kita berharap agar rundingan mengenai perjanjian persefahaman (MoU) ini dapat diselesaikan secepat mungkin bagi membolehkan usaha-usaha pencegahan jerebu dapat dilaksanakan sebelum bermulanya musim panas dan kering pada tahun hadapan.

Soalan ketiga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator, berapa ramaikah mangsa yang terlibat dan berapakah kerugian yang dialami?

Mengenai jumlah mangsa yang terlibat dan kerugian akibat jerebu yang berlaku pada tahun 2015, satu penaksiran yang menyeluruh perlu dibuat dengan mengambil kira input dari pelbagai kementerian dan agensi yang terlibat. Dalam hal ini, pihak kementerian telah memohon secara bertulis kepada kementerian dan agensi yang berkenaan seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pengangkutan Malaysia dan Kementerian Pelancongan untuk dikemukakan maklumat mengenai impak dan kos kerugian yang ditanggung oleh setiap sektor berikutan episod jerebu pada tahun ini.

Antara kos yang terlibat dalam pengurusan bencana jerebu baru-baru ini melibatkan kos pelaksanaan operasi pembenihan awan, kos pemadaman kebakaran di Indonesia menggunakan

pesawat Bombardier milik Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), kos pembelian topeng penutup hidung dan mulut dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah mempersoalkan tentang apakah tindakan lanjut pihak yang bertanggungjawab berhubung peratusan hak milik tanah rizab Melayu di Malaysia yang semakin berkurang?

Yang Berhormat....

Timbalan Yang di-Pertua: Dia tidak ada di dalam Dewan Yang Berhormat.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tidak ada dalam Dewan?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Jawab atau tidak jawab ini?

Timbalan Yang di-Pertua: Dia keluar solat. Jawab sahajalah.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Ini kerana tadi Tuan Yang di-Pertua memberi saya jawab semua kata dia tadi. Jadi saya terpaksa menjawablah.

Timbalan Yang di-Pertua: Banyakkah Yang Berhormat Menteri?

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tidak banyak. Sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Urusan pengrizaban Melayu terletak di bawah bidang kuasa negeri sepertimana yang disenaraikan dalam Butiran 2(b) Senarai Negeri Jadual 9 Perlembagaan Persekutuan selaras dengan pembahagian bidang kuasa perundangan yang ditetapkan dalam Perkara 74 Perlembagaan.

Peranan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian sebagaimana yang termaktub dalam seksyen 8, Kanun Tanah Negara ialah untuk memberi nasihat dan menyelaraskan isu-isu yang berhubung dengan tanah.

Dalam konteks ini, tugas JKPTG membantu kerajaan negeri mengemaskinikan data tanah rizab Melayu. Dengan keadaan yang sedemikian, Tuan Yang di-Pertua maka saya sebagai Menteri bertanggungjawab kepada perkara ini di bawah kementerian saya tidak boleh mengumumkan jumlah rizab ini melainkan ada persetujuan bersama dengan kerajaan negeri yang berkenaan. Jadi dalam keadaan yang sedemikian, kalau Yang Berhormat ingin mengetahui lebih lanjut lagi, bolehlah jumpa saya di pejabat. Terima kasih.

Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad menyatakan apakah tindakan kerajaan terhadap saranan Audit Negara supaya merampas tanah pengusaha ladang di Tanah Tinggi Lojing Gua Musang yang tidak mengikut syarat.

Sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara yang sepatutnya di bawah bidang kuasa kerajaan negeri iaitu tanah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tentang tindakan kerajaan terhadap saranan Audit Negara supaya merampas tanah penguatkuasaan ladang di Tanah Tinggi Lojing Gua Musang yang tidak mengikut syarat, saranan tersebut ditujukan kepada pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan.

Jadi dalam keadaan yang sedemikian, saya tidak dapat menjawab. Ini keputusan yang patut dibuat oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Berdasarkan bidang kuasa negeri terhadap tanah sebagaimana yang disenaraikan dalam Jadual 9, Perlembagaan Persekutuan selaras dengan pembahagian bidang kuasa perundangan yang ditetapkan dalam Perkara 74, Perlembagaan Persekutuan. Adalah lebih sesuai soalan ini dibangkit dalam persidangan Dewan Undangan Negeri yang berkenaan.

■1940

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin bin Samad mencadangkan supaya kerajaan memberikan kebenaran atau meluluskan lesen kepada orang awam atau kedai binatang yang memelihara binatang yang hampir pupus bagi membantu kerajaan membiakkan binatang berkenaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian melalui Jabatan PERHILITAN memberikan kebenaran orang ramai untuk menjalankan pembiakan hidupan liar bagi tujuan komersial. Secara prinsip dan undang-undangnya Tuan Yang di-Pertua, seseorang tidak boleh memelihara binatang yang sudah hampir pupus ataupun *endangered species* melainkan mempunyai lesen dari Jabatan PERHILITAN.

Sehingga November 2015 sebanyak 201 permit pembiakan komersial telah diluluskan. Namun begitu kebenaran tidak diberikan kepada *pets shop* atau kedai binatang untuk pembiakan kehidupan liar kerana lesen yang diluluskan baginya di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] hanya untuk penjagaan hidupan liar sahaja. Jadi, saya tadi memang sudah buat *preparation* yang panjang lebar untuk memberikan penjelasan berhubung dengan undang-undang dan syarat-syarat untuk memelihara binatang liar yang hampir pupus ini Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi oleh sebab Yang Berhormat tidak hadir, maka saya membaca secara amnya sahaja. Seterusnya Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada dalam Dewan.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Saya bagi secara bertulis. Seterusnya Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed telah menyentuh isu rancangan tebatan banjir di Kelantan. Berapakah peruntukan yang diperuntukkan oleh kerajaan bagi RTB di Kelantan dan status projek berkenaan? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat dua buah projek rancangan tebatan banjir di negeri Kelantan yang diluluskan dalam Bajet 2016. Projek tebatan tersebut adalah di bawah pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kelantan Fasa 1, pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Golok Fasa 1 dan kedua-dua projek ini masih dalam peringkat perancangan dan dijangka pra *value assessment* akan diadakan pada awal tahun hadapan iaitu tahun 2016.

Yang Berhormat Senator Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee memohon kerajaan menjelaskan apakah penekanan yang diberikan untuk mengatasi punca banjir dan sistem amaran banjir. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, punca-punca banjir terbahagi kepada faktor semula jadi dan perbuatan manusia. Sehubungan itu, kementerian melalui jabatan pengairan dan saluran telah merancang pelbagai projek sebagai langkah struktur untuk meminimumkan impak banjir namun ia memerlukan peruntukan yang amat besar. Oleh yang demikian, kementerian hanya dapat melaksanakan

sebahagian daripada keseluruhan fasa yang diperlukan bagi sesebuah kawasan iaitu pada taraf perlindungan yang tertentu sahaja.

Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, sebanyak RM730 juta telah diluluskan bagi pelaksanaan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di seluruh negara. Kementerian melalui jabatan pengairan dan saliran akan memastikan pelaksanaan projek RTB kelak akan mengikut jadual yang telah dirancang. Ini memerlukan pelaksanaan yang erat daripada kerajaan negeri dalam aspek proses pengambilan tanah dan pengurusan setinggan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi sistem amaran banjir pula JPS telah membuat perancangan untuk meningkatkan sistem ramalan dan amaran banjir seluruh negara. Untuk memastikan hebahan maklumat amaran awal banjir dapat disampaikan kepada masyarakat khususnya agensi yang bertanggungjawab dengan bencana banjir seperti Agensi Pengurusan Bencana Negara, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Meteorologi Malaysia dan lain-lain agensi. Kementerian akan melaksanakan Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN) yang akan dilaksanakan dalam tempoh tujuh tahun daripada 2015 hingga 2022 yang mana fasa satu projek ini telah bermula dan dijangka siap pada akhir tahun 2017. Pada masa yang sama orang awam boleh juga memperoleh maklumat hujan, aras air yang dikemaskinikan setiap jam melalui laman web <http://publicinfobanjir.water.gov.my> atau <http://infobanjir.water.gov.my>.

Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Norahan binti Abu Bakar juga menyatakan apakah langkah kerajaan dalam menangani isu banjir yang melibatkan penyelenggaraan sungai di negeri Pahang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyelenggaraan rutin dan berkala sungai adalah terletak di bawah tanggungjawab kerajaan negeri. Namun begitu Kerajaan Persekutuan bakal melaksanakan pembangunan berkaitan sungai-sungai di Pahang dalam Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu melalui Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kuantan yang turut melibatkan skop pengorekan sungai dan pembinaan ban. Kedua Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Semantan Daerah Temerloh, Fasa 1 yang turut melibatkan skop pembinaan ban serta melencong, mendalam dan melebarkan sungai.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sajalah penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan.

Puan Hajjah Norahan binti Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua...

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Saya berharap daripada penjelasan tersebut, ia dapat menjawab semua persoalan yang telah dibangkitkan oleh...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, ada dua orang yang hendak mencelah.

Puan Hajjah Norahan binti Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya mengenai dengan sistem mengorek sungai di Sungai Pahang yang mana memang projek ini telah pun diusahakan. Akan tetapi yang menjadi masalahnya ialah kalau kita tengok sistem pengorekan itu tidaklah secara menyeluruh kerana kita tengok projek ini dibuat hanya setempat dan projek ini telah pun diserahkan kepada syarikat Gegaran Alam, rasa saya memang telah pun ada di Sungai Pahang

tetapi cara pengorekan itu yang menjadi masalah kepada penduduk setempat kerana tidak dibuat secara menyeluruh di Sungai Pahang. Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator. Sebenarnya soal pengorekan sungai memang amat sensitif kerana apa sahaja tindakan yang kita buat untuk mengorek sungai ia akan mendatangkan kesan yang buruk kepada tebing sungai itu sendiri. Oleh sebab sekali kita mengorek, pasir yang dikorek itu akan tertimbus semula. Akan tetapi dalam keadaan sedemikian, sebenarnya kita kena berjaga-jaga semasa mengorek sungai. Akan tetapi dalam masa yang sama juga, kalau kita hendak mengorek sekali gus sebagaimana yang diharapkan oleh semua pihak tetapi kos untuk pengorekan sedemikian adalah amat tinggi Yang Berhormat. Jadi kerajaan tidak berkemampuan yang mencukupi untuk mengorek semua sungai sebagaimana yang kita ketahui, bukan sahaja di Semenanjung tetapi juga di Sabah dan Sarawak yang mempunyai situasi-situasi yang hampir sama.

Jadi dalam keadaan yang sedemikian maka soalan berkaitan pengorekan sungai ini adalah amat terbatas bagi semua pihak. Walau bagaimanapun, soalan mengorek sungai ini adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat hanya membantu sahaja tindakan-tindakan daripada pihak kerajaan negeri, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada seorang lagi Yang Berhormat Menteri.

Datuk Abdullah bin Mat Yassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut dua projek tebatan banjir akan dibina di Kelantan, itu melibatkan Sungai Kelantan dan Lembangan Sungai Golok. Jadi saya memang dari Rantau Panjang dan di Rantau Panjang ini memang berlaku banjir setiap tahun. Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri, projek lembangan tebatan banjir di Sungai Golok itu, saya difahamkan ia ada tiga fasa. Fasa pertama, fasa kedua dan fasa ketiga. Jadi yang akan dilaksanakan tahun 2016 itu fasa yang mana dan berapakah kosnya untuk makluman. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai butiran yang terperinci, ada pada tangan saya pada masa sekarang ini. Sebenarnya tiap-tiap tebatan banjir di seluruh Kelantan iaitu yang pertama untuk Pembangunan Lembangan Bersepadu Sungai Kelantan itu sendiri mempunyai kos berjumlah RM572,250 dan di Sungai Golok sebanyak RM300 juta.

■1950

Jadi pada peringkat ini hanya peringkat pengambilan tanah pembinaan bahan banjir Sungai Golok. Itu sahaja yang boleh dilaksanakan. Sebagai mana yang saya sebut awal tadi bahawa proses ini mesti mendapat kerjasama daripada pihak kerajaan negeri khususnya dalam pengambilan tanah dan juga penempatan semula pihak-pihak perumahan ataupun setinggan di tempat-tempat yang terjejas ataupun terkena dengan tindakan-tindakan ini.

Untuk peringkat ini, saya belum boleh menentukan apakah kos yang akan diguna pakai untuk tahun ini. Sebenarnya, oleh sebab bajet ini pun belum diluluskan oleh Dewan Negara lagi. Jadi saya

pembahagian itu belum kita buat dan kalau ada perubahan bakal dibuat nanti kita akan bincang dengan pihak Kementerian Kewangan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Mohon soalan saya tadi. Soalan perbahasan saya belum ada satu lagi belum dijawab. Saya bertanya berkaitan dengan Projek Ameniti Sosial terutamanya projek perparitan.

Saya bertanya, berapakah yang dikhususkan oleh Kelantan? Berkait dengan perparitan ini, satu permasalahan yang timbul di Kelantan apabila berkait dengan *drain mesh* ini masalah *level-leveling*. Jadi berlaku masalah apabila parit yang dinamakan sebagai *monsoon drainage*- parit besar. Saya rasa *term* yang digunakan apabila ia dari sudut *level* tidak selaras dengan parit-parit kecil. Kadang-kadang parit-parit yang dibuat dan diluluskan oleh pihak kerajaan tempatan dia buat lebih tinggi daripada parit yang disediakan *monsoon drainage* ini. Jadi berlaku masalah *level of* perparitan ini. Jadi macam mana kerajaan penyelarasan yang boleh dibuat antara pihak Kerajaan Pusat dan juga kerajaan negeri bagi menyelesaikan isu *level* perparitan ini. Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua sebenarnya tidak ada dalam itu. Walau bagaimanapun, oleh sebab Yang Berhormat menyebut perkara ini perbezaan di antara *level monsoon drain* dengan perparitan yang dibuat oleh pihak kerajaan negeri. Sebenarnya, semua perparitan dalam kawasan kerajaan negeri itu adalah di bawah kerajaan negeri dan pelan dan sebagainya semua dibuat oleh kelulusan pihak kerajaan negeri.

Jadi hanya kadang-kadang kementerian kami menerusi Jabatan Pengairan dan Saliran membuat projek-projek sedemikian ini membantu kerajaan negeri diserahkan kepada pihak kerajaan negeri. Apabila setelah diserahkan kepada pihak kerajaan negeri, pihak kerajaan negerilah bertanggungjawab untuk menyelenggarakan projek-projek yang sedemikian. Jadi dalam keadaan sedemikian saya memang bersetuju bahawa penyelarasan patut dibuat. Walau bagaimanapun, Jabatan Pengairan dan Saliran hanya menjadi penasihat sahaja kepada projek-projek yang sedemikian itu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Sekarang kita beralih kepada Kementerian Pendidikan. Silakan Yang Berhormat.

7.54 mlm.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada 23 orang Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, Yang Berhormat Senator Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin; Yang Berhormat Senator Y.M. Engku Naimah binti Engku Taib; Yang Berhormat Senator Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee; Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad; Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok; Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus; Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah; Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som A/L Inong; Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L

S. Thambirajah; Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam; Yang Berhormat Senator Datuk Abdullah bin Mat Yassim; Yang Berhormat Senator Datuk Muhammad Olian Abdullah; Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif; Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal; Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff; Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff; Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin; Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin; Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh; Yang Berhormat Senator Dato' Goonasakaren A/L Raman; Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed; dan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul.

Saya juga akan memberi jawapan-jawapan ini mengikuti kluster dan isu pendidikan. Oleh demikian sekiranya Ahli Yang Berhormat rasa mereka tidak terjawab mungkin salah satu kluster yang akan saya jawab, jawapannya ada di sana. Saya akan menyentuh tentang kluster pertama iaitu memartabatkan bahasa Malaysia, memperkukuhkan bahasa Inggeris.

Seterusnya memperkasa sekolah kebangsaan: ketiga, kurikulum; keempat, profesional keguruan; kelima, bantuan pendidikan; keenam, infrastruktur pembangunan; dan ketujuh, lain-lain perkara yang telah dibangkitkan.

Saya juga akan mengambil pedoman yang Tuan Yang di-Pertua akan menjawab soalan-soalan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang masih ada dalam Dewan. Kepada mereka yang tidak ada kita akan buat secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua: Buat secara bertulis. Teruskan Yang Berhormat Menteri.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita di Kementerian Pendidikan Malaysia amat menghargai perhatian terhadap semua pandangan, teguran serta cadangan yang telah dikemukakan demi memastikan sistem pendidikan negara kita terus relevan.

Saya akan menjawab perkara-perkara dibangkit dengan sebaik mungkin. Bajet 2016 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 23 Oktober 2015 yang lalu bertemakan Mensejahterakan Kehidupan Rakyat. Berteraskan keseimbangan di antara *capital economy* dan *people economy* penekanan kepada lima keutamaan dalam Bajet kali ini usaha untuk mencapai pertumbuhan yang bersifat *inclusive*, *sustainable*, dan membina sebuah negara yang kompetitif, progresif, bersahsiah, dan *morally strong*, satu kehidupan masyarakat yang paling bersepadu.

Seperti yang kita sedia maklum, sejumlah RM267.2 bilion telah dicadangkan dalam Bajet 2016 yang merangkumi RM215.2 bilion bagi belanja mengurus dan RM52 bilion untuk pembangunan. Daripada jumlah tersebut Kementerian Pendidikan Malaysia telah diperuntukkan RM41.359 bilion yang merangkumi RM39.315 bilion iaitu 95% untuk belanja mengurus. RM2.044 bilion iaitu 5% bagi perbelanjaan pembangunan. Jika perbandingan dibuat dengan Bajet 2015 terdapat sedikit peningkatan peruntukkan iaitu sebanyak RM0.43 bilion.

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali ada dalam Dewan telah membangkitkan isu bahasa kebangsaan perlu dijamin. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia telah

menubuhkan beberapa Jawatankuasa untuk memantapkan usaha memartabatkan Bahasa Melayu iaitu Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan.

Kedua, Jawatankuasa Bersama Penggunaan Bahasa Kebangsaan, DPB dan syarikat berkaitan kerajaan GLC. Jawatankuasa Bersama Penggunaan Bahasa Kebangsaan DBP-Khazanah merangka Pelan Tindakan Program Kebahasaan 2015/2017. Malah, awal pagi tadi Yang Berhormat Senator Tuan Chong Sin Woon juga telah memberi jawapan lisan mengenai isu bagaimana kita akan memartabatkan penggunaan Bahasa Melayu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga semua Jawatankuasa ini melibatkan kementerian dan agensi yang lain serta sokongan agensi kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan. Program Audit Bahasa Melayu dalam perkhidmatan awam juga dilaksanakan untuk memantau pelaksanaan Pekeliling Bil. 9, Tahun 2011.

Panduan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam perkhidmatan awam sebanyak 14 kementerian dan jabatan, tujuh buah kerajaan negeri, dan dua buah syarikat berkaitan kerajaan telah diaudit. Hasil audit ini dapat memberikan gambaran yang sahih tentang pelaksanaan Dasar Bahasa Kebangsaan yang berkaitan dengan fungsi Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dalam pentadbiran negara.

Dewan Bahasa dan Pustaka juga terus memperkasakan Program Bulan Bahasa Kebangsaan dan program penerbitan pembinaan dan pengembangan Bahasa Melayu dalam pelbagai bidang ilmu.

■2000

Dalam bidang penerbitan, Dewan Bahasa dan Pustaka turut bekerjasama dengan Institut Penerangan dan Penyiaran Tun Abdul Razak (IPTAR) dan universiti awam. Bagi memastikan penggunaan Bahasa Kebangsaan yang baik dan betul di tempat awam, Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) telah meluluskan Kertas Penguatkuasaan Pengesahan Penggunaan Bahasa Melayu dalam iklan di tempat awam. Arahan penguatkuasaan ini mula dilaksanakan di 149 PBT seluruh negara mulai Februari 2015. Manakala dalam bidang media elektronik, jawatankuasa pemantauan penggunaan Bahasa Melayu dalam media elektronik telah dibentuk dan dianggotai oleh pengamal media awam dan juga swasta.

Melalui pendekatan Strategi Lautan Biru antara Dewan Bahasa dan Pustaka, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Institut Pentadbiran Awam Negara, program pembinaan Munsyi Muda Bahasa telah dilaksanakan. Munsyi Muda Bahasa ini berperanan memastikan pelaksanaan pekeliling perkhidmatan berkaitan pelaksanaan penggunaan Bahasa Melayu di setiap sektor. Sehingga kini, 200 orang Munsyi Muda Bahasa telah dilatih dan menjelang tahun 2016, Munsyi Muda Bahasa akan ditempatkan 738 kementerian, jabatan dan agensi di seluruh negara.

Yang Berhormat Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin...

Timbalan Yang di-Pertua: Ada dalam Dewan.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Mencadangkan kepada kita memberi galakan lagi program bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris guru dan juga murid. Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia prihatin terhadap penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan guru dan murid. Dalam usaha meningkatkan penggunaan dan penguasaan bahasa Inggeris anak-anak di luar bandar, pelbagai inisiatif dan program dilaksanakan di bawah dasar Memartabatkan Bahasa Melayu, Memperkukuh Bahasa Inggeris ataupun dikenali sebagai MBMMBI untuk merapatkan jurang perbezaan antara murid bandar dan murid luar bandar. Antara program utama yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) pemantapan guru Bahasa Inggeris melalui program PRO ELT dan pemantapan pedagogi guru;
- (ii) program *Full Back English Teaching Assistance*;
- (iii) Program LINUS 2.0 literasi Bahasa Inggeris;
- (iv) penempatan semula guru Bahasa Inggeris;
- (v) Program Penutur Jati Bahasa Inggeris sekolah rendah;
- (vi) pembinaan peralatan bahan bacaan tambahan dan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Bahan digital dan bahan bacaan tambahan dan buku teks; dan
- (vii) *Program Ops English* ataupun *Oral Proficiency in English for secondary school*.

Dalam Bajet 2016 di bawah dasar MBMMBI, program baharu bahasa Inggeris iaitu *Dual Language Program* dan *Highly Immersive Program* akan dilaksanakan secara opsyenal di 300 buah sekolah yang telah dikenal pasti sebagai projek perintis.

Yang Berhormat seterusnya, Yang Berhormat Engku Naimah binti Engku Taib.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Engku Naimah binti Engku Taib.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Tidak ada.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Yang Berhormat Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee pun tidak ada. Yang Berhormat Puan Rahimah?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Rahimah ada dalam Dewan.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Ketiga-tiga Yang Berhormat Senator ini mencadangkan mohon mengkaji semula cadangan pelaksanaan program DLPHIP. Mungkin Yang Berhormat Senator mengatakan jangan kita terlalu terpesona dengan kilauan bahasa Inggeris sehingga mengetepikan bahasa Melayu. Tidak sama sekali Yang Berhormat.

*Senjata keris senjata Melayu,
Ketika genting hunus segera,
Bahasa Inggeris Bahasa Melayu,
Sama penting kepada kita.*

Seperti Surat Siaran Kementerian Pendidikan bilangan 18/2015 bertarikh 3 Disember 2015 berkaitan pelaksanaan rintis program *Dual Language Program*. Program di bawah dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia, Memperkukuhkan Bahasa Inggeris dilaksanakan secara rintis di 300 buah sekolah pada tahun 2016. Program DLP ini memberi pilihan kepada sekolah-sekolah yang layak untuk

menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Inggeris selain daripada bahasa Malaysia bagi mata pelajaran Matematik, Sains, Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta Reka Bentuk dan Teknologi. Bagi tujuan pelaksanaan rintis DLP, mata pelajaran yang terlibat Matematik dan Sains bagi tahun satu dan Tingkatan 1. Kementerian Pendidikan Malaysia akan memastikan pelaksanaan program ini perlu mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Iaitu mantap penggunaan Bahasa Melayu, sumber yang mencukupi, kesediaan sekolah, sokongan ibu bapa. Di samping itu, pemantauan dan penilaian akan dilakukan secara berterusan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memastikan pelaksanaan program ini dijalankan mengikut syarat-syarat yang digariskan.

Seterusnya, Yang Berhormat Datuk Lihan Jok...

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak ada dalam Dewan, Yang Berhormat.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Tidak ada? Okey. Yang Berhormat Senator Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada dalam Dewan.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Tidak ada?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Ada, tadi. Bersetuju dengan penangguhan guru bahasa Inggeris dari India. Yang Berhormat, pelantikan guru kontrak bahasa Inggeris ini dilaksanakan berdasarkan kelulusan Kementerian Kewangan bagi tahun 2011 hingga 2015. Yang Berhormat juga ada mencadangkan tentang pengambilan guru yang bersara.

Untuk makluman Yang Berhormat ya, sehingga tahun 2015 Kementerian Pendidikan Malaysia telah melantik seramai 1,479 orang pesara pegawai perkhidmatan pendidikan dan melantik mereka sebagai guru kontrak bahasa Inggeris dan menempatkan mereka di sekolah rendah dan sekolah menengah *hotspots* yang dikenal pasti bagi membantu meningkatkan pencapaian akademik mata pelajaran Bahasa Inggeris. Pengambilan guru kontrak di bawah program MBMMBI bagi tahun 2016 tidak akan diteruskan. Walau bagaimanapun, penambahbaikan bagi inisiatif sedia ada di bawah program tersebut akan sentiasa dilaksanakan bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan murid-murid sekolah. Yang Berhormat Engku Naimah? Tidak ada.

Yang Berhormat Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin juga mencadangkan penubuhan institut bahasa Inggeris. Kementerian Pendidikan Malaysia telah mempunyai institusi khusus untuk melatih dan meningkatkan kemahiran guru bahasa Inggeris iaitu *English Language Training Centre* (ELTC) dan kini beroperasi di Bandar Enstek di Negeri Sembilan. ELTC ditubuhkan pada 1 Jun 2002 untuk menjalankan fungsi pakar untuk meningkatkan kompetensi penggunaan dan pengajaran bahasa Inggeris. Fungsi institusi ini ialah sebagai pusat inovasi dan penyelidikan dan pembangunan dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) bahasa Inggeris. Institusi ini juga ditugaskan dengan tanggungjawab untuk menetapkan standard dan menyediakan pensijilan untuk pengajaran bahasa Inggeris profesional di samping membangunkan kepakaran terutamanya dalam bidang e-Pembelajaran untuk pendidikan guru bahasa Inggeris.

Kemahiran 10,502 orang guru Bahasa Inggeris dalam perkhidmatan telah dipertingkatkan kemahiran atau *proficiency* bahasa Inggeris melalui program PRO ELT yang dikendalikan bersama dengan pihak *British Council*. Kementerian Pendidikan Malaysia juga menjalankan latihan peningkatan pedagogi pemulihan bahasa Inggeris kepada 7,743 orang guru bahasa Inggeris tahun satu dan 7,743 orang guru bahasa Inggeris tahun empat sebagai usaha dan langkah membantu guru dalam pemantapan P&P pemulihan dalam bahasa Inggeris.

Yang Berhormat Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus...

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak ada dalam Dewan? Ada, ada.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Ada? Oh, minta maaf tidak nampak. Minta maaf. Yang Berhormat membangkitkan isu banyak pelajar di luar bandar pandai mata pelajaran Sains dan Matematik tetapi lemah dalam bahasa Inggeris.

Yang Berhormat, selaras dengan salah satu daripada aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia iaitu kemahiran dwibahasa dalam kalangan murid. DLP memberi peluang kepada pelajar untuk menggunakan bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Matematik, Sains, Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta Reka Bentuk dan Teknologi. Kualiti guru bahasa Inggeris sedia ada telah dipertingkatkan melalui PRO ELT untuk membantu memantapkan penguasaan bahasa Inggeris, terutama di kawasan luar bandar. Kementerian Pendidikan Malaysia juga menyediakan sokongan melalui SISC Plus, mata pelajaran Bahasa Inggeris untuk membantu guru melaksanakan P&P yang lebih berkesan.

Seterusnya Yang Berhormat- kita sekarang *cluster* yang kedua dalam isu memperkasakan sekolah kebangsaan. Yang Berhormat Senator Tan Sri Ibrahim Shah ada bersama kita dan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali pun bersama kita.

■2010

Isunya ialah memantapkan lagi kualiti pendidikan sekolah kebangsaan. Yang Berhormat, sasaran jangka panjang Kementerian Pendidikan Malaysia adalah untuk menjadikan sekolah kebangsaan sebagai pusat kecemerlangan pendidikan daripada semua segi seperti prasarana, disiplin dan keselamatan murid, pencapaian kokurikulum dan sukan, pengurusan teknologi komunikasi dan maklumat, kualiti guru dan kepimpinan sekolah.

Teras memperkasakan sekolah kebangsaan diperkenalkan supaya sekolah kebangsaan kekal sebagai sekolah pilihan utama masyarakat Malaysia. Tumpuan memperkasakan sekolah kebangsaan diberikan kepada sekolah rendah kerana sekolah ini mempunyai peranan penting sebagai tapak untuk menyemai dan memupuk perpaduan di antara kaum daripada peringkat awal persekolahan.

Sebagai langkah untuk memartabatkan sekolah kebangsaan sebagai aliran pilihan utama di kalangan ibu bapa, mata pelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil telah diperkenalkan di sekolah kebangsaan. Dalam konteks ini, kepelbagaian kemahiran berbahasa dapat diperkasakan di sekolah kebangsaan di samping membantu meningkatkan keupayaan berintegrasi di antara kaum yang bertepatan dengan usaha kerajaan untuk merealisasikan konsep 1Malaysia.

Sebagai usaha untuk memantapkan elemen rohani, Program J-QAF turut diperkenalkan di sekolah kebangsaan dan dapat menarik lebih ramai ibu bapa Islam menghantar anak ke sekolah kebangsaan yang selama ini dikatakan kurang penekanan terhadap pendidikan agama Islam.

Kementerian Pendidikan Malaysia juga sedang giat berusaha untuk meningkatkan prestasi pencapaian sekolah kebangsaan melalui pelaksanaan beberapa inisiatif bagi merealisasikan hasrat ini supaya selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Di antaranya ialah:

- (i) Program Transformasi Daerah;
- (ii) prasarana peningkatan prestasi sekolah untuk sekolah kurang murid;
- (iii) perjawatan *School Improvement Specialist Coaches Plus* (SISC+);
- (iv) perjawatan *School Improvement Partners* (SIP+);
- (v) pelaksanaan sarana ibu bapa, sekolah dan swasta;
- (vi) penetapan KPI akademik dan dialog prestasi akademik;
- (vii) pelaksanaan Program Rancangan Integrasi Murid untuk memupuk perpaduan dalam kalangan murid pelbagai bangsa;
- (viii) pelaksanaan melindungi masa *instructional*;
- (ix) amalan budaya sekolah penyayang; dan
- (x) membangunkan Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan bagi kumpulan guru dan pemimpin-pemimpin sekolah.

Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali dan juga Yang Berhormat ...

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh saya mencelah?

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Ya, silakan.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Yang Berhormat, terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih kepada pihak kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan yang telah berusaha bersungguh-sungguh untuk memperkasakan sekolah kebangsaan.

Persoalan saya, memperkasakan sekolah kebangsaan telah diperkatakan berulang-ulang kali. Persoalan saya, apakah dan buktikan betapa seriusnya pihak kerajaan ingin memperkasakan sekolah kebangsaan ini? Saya telah pun memberi ulasan yang panjang lebar dalam ucapan bajet baru-baru ini dan saya tidak akan tekankan sekali lagi. Ia menyeluruh. Ia bukan sahaja seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat daripada segi infrastruktur dan lain-lain. Ia secara total termasuk daripada segi bajet yang mesti diperuntukkan kepada sekolah kebangsaan.

Saya ingin memohon, *we have to be serious*, dengan izin, *once and for all*. Saya rasa pihak kementerian kena serius dalam perkara ini kerana perkara ini bukan main-main. Pada saya, sekolah kebangsaan dan Bahasa Kebangsaan sekolah perpaduan dan bahasa perpaduan. Saya tidak akan menyentuh tentang sekolah vernakular, saya tidak akan sentuh. Saya hanya mengatakan kita mesti betul-betul serius dan komited di dalam memperkasakan sekolah kebangsaan. Itu.

Saya rasa sepatutnya kita mewujudkan satu Jawatankuasa Khas untuk meneliti perkara ini. Kita kena mula Yang Berhormat. Pada saya sebagai seorang rakyat Malaysia, kita tidak kira apa kaum, kita

ingin melihat anak-anak kita tidak kira apa kaum, satu hari kelak mereka diletakkan di bawah satu bumbung. Ya, formula atau konsep itu terpulang kepada pemimpin supaya mereka dapat mengenali antara satu sama lain. Pada hari ini ia tidak berlaku.

Walhal, kita lihat di seluruh dunia seperti yang saya terangkan, ia merupakan satu fenomena. Ia satu perkara yang wajib tetapi di sini tidak. Di seluruh dunia kita melihat bahkan di negeri China, bahasa Mandarin sebagai bahasa rasmi walaupun dialek mereka cukup banyak. Di negara India, bahasa Hindi merupakan bahasa kebangsaan. Di mana sahaja. Di Malaysia tidak. Kita tidak serius. Bahasa kebangsaan mesti diwajibkan. Akan tetapi kita tidak mahu paksa orang.

Saya hendak tekankan di sini, kita mestilah memulakan satu proses, satu revolusi. Paksaan tidak boleh. Itu yang saya katakan revolusi ini bukan sahaja melalui revolusi minda tetapi juga memperkasakan sekolah kebangsaan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa cukuplah celahan itu. *Go straight to the point*, dengan izin.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Persoalan yang pertama, adakah Yang Berhormat merasakan kita telah berjaya mewujudkan konsep memperkasakan sekolah kebangsaan? Itu yang pertama.

Kedua, pada saya, apa salah satu ciri untuk memperkasakan sekolah kebangsaan ini yang telah saya cadangkan dua hari lepas iaitu mengadakan mata pelajaran elektif tiga bahasa penting ini iaitu bahasa Tamil, bahasa Mandarin dan bahasa Arab di semua sekolah kebangsaan kerana ini salah satu cara untuk memujuk. Macam saya kata, memujuk rakan-rakan kita kaum Cina dan India supaya masuk ke sekolah kebangsaan.

Jadi kalau ini kita dapat lakukan ...

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah itu Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Itu dua soalan saya. Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri. Dua persoalan itu saya akan spesifik jawab soalan tersebut.

Sama ada kementerian serius dalam proses pemerksaan sekolah kebangsaan, ya kita serius. Segala tindakan yang telah kita ambil telah saya senaraikan tadi 10 cara bagaimana kita hendak melaksanakan tindakan-tindakan tersebut untuk memperkasakan sekolah kebangsaan, ya.

Ciri-ciri bahasa elektif seperti mana yang telah juga saya katakan tadi, dalam sekolah kebangsaan kita memberi opsyen-opsyen, pilihan untuk pelajar-pelajar mengambil bahasa Cina, bahasa Tamil. Kita tidak menidakkan. Kita memberi peluang tetapi pilihan itu harus dibuat oleh ibu bapa juga kerana bagi kita, kita dalam Kementerian Pendidikan Malaysia kita menggalakkan kepelbagaian dan di negara kita, kepelbagaian ini wujud. Tidak perlu kita ke luar negara untuk mencari kepelbagaian tersebut. Maka cara sistem pendidikan di negara kita memberi peluang kepelbagaian.

Maka apabila kita kata kita perlu kepelbagaian dalam sistem pendidikan, inilah dia kepelbagaian yang ada dalam sistem pendidikan dan sekolah-sekolah mana pun tidak melarang pelajar-pelajar lain

pergi ke sekolah-sekolah lain. Contoh, di SJK(T) ada pelajar Cina, ada pelajar-pelajar Melayu. Tidak ada had, tidak ada halangan langsung. Akan tetapi apa yang penting ialah Kementerian sentiasa mengamalkan atau memperkenalkan dan menambahbaikkan program-program integrasi, RIMUP.

Yang Berhormat Menteri, Dato' Seri Mahdzir Khalid juga berulang kali telah memaklumkan bahawa program-program integrasi, RIMUP atau Rancangan Integrasi Murid-murid ini akan ditambah baik lagi supaya pergaulan ini dapat wujud kerana apabila mereka ke sekolah menengah, mereka akan memahami dan juga dapat tahu dengan lebih dekat naluri rakan-rakan mereka di semua sekolah.

Yang Berhormat, saya akan teruskan tentang soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali dan juga Yang Berhormat Dato' Boon Som A/L Inong. Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali menyatakan rakyat telah hilang kepercayaan kepada pendidikan kebangsaan kerana tiada pulangan ekonomi. Saya tidak setuju Yang Berhormat. Itu pendapat Yang Berhormat.

Dakwaannya mengatakan orang Cina tidak menghantar anak ke sekolah kebangsaan tidak berasas sama sekali. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun ini ada seramai 19,835 orang murid daripada kaum Cina menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan. Saya pasti kita akan terus menggalakkan anak-anak ini datang belajar di sekolah kebangsaan. Ini tertakluk kepada kemudahan yang sedia ada dan tempat penginapan mereka. Mereka pasti akan menerima pendidikan ini.

Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah juga dalam perbincangan beliau mencadangkan untuk diwujudkan satu Jawatankuasa Khas untuk memastikan murid-murid terdiri dari berbilang bangsa.

Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan mencukupi mengikut keperluan dan keutamaan semua kaum bersesuaian dengan konsep gagasan 1Malaysia.

■2020

Pada masa yang sama, Kementerian Pendidikan Malaysia melihat kepada aspek yang menyeluruh dalam pembangunan pendidikan negara dan tidak hanya melihat kepada satu jenis sekolah atau sebuah kawasan tertentu sahaja. Selaras dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia mengutamakan pembinaan sekolah kebangsaan sebagai slot sekolah aliran perdana bagi memenuhi keperluan pelajar dan ibu bapa pelbagai kaum dan memupuk perpaduan sejak awal persekolahan. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan Malaysia tidak menghalang pengoperasian SJK(C) dan SJKT mengikut peraturan dan syarat Kementerian Pendidikan Malaysia sedia ada bagi memenuhi keperluan kaum Cina dan India di negara ini.

Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali juga mengatakan tentang taraf pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik semakin merosot. Yang Berhormat Senator, berdasarkan pengakuan yang telah dibuat oleh Dr. Andreas Schleicher, Ketua Analisis dan Indikator OECD menunjukkan bahawa Malaysia sebuah negara di mana keputusan bagi Matematik dalam PISA 2012 menunjukkan peningkatan terbesar iaitu skor 404 pada tahun 2010 kepada skor 421 pada tahun 2012. Di samping itu, terdapat sekolah menengah yang cemerlang di Malaysia, yang setanding dan mendapat skor yang melebihi purata OECD.

Berdasarkan laporan penandaarasan oleh *Pearson International* pada tahun 2013 mendapati bahawa, dokumen kurikulum bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik adalah progresif, *inclusive* serta bersesuaian dengan keperluan murid Malaysia pada abad ke-21. Standard kandungan mata pelajaran Sains dan Matematik adalah setanding dengan UK dan Singapura serta TIMSS dan juga PISA.

Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah...

Timbalan Yang di-Pertua: Dia tidak ada dalam Dewan.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam.

Timbalan Yang di-Pertua: Dia pun tidak ada dalam Dewan.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Yang Berhormat Dato' Boon Som A/L Inong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Ada.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada dalam Dewan ini.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Subjek Bahasa Siam perlu digubal dan diajar di sekolah yang mempunyai lebih 15 orang murid. Yang Berhormat, seperti yang dijelaskan dalam Sesi Soalan Jawab Lisan Tempoh hari, satu tinjauan perlu dilakukan bagi tujuan analisis keperluan penawaran Bahasa Siam sebagai subjek tambahan terutama di sekolah yang mempunyai ramai murid keturunan Siam. Tinjauan perlu dilakukan yang mengenal pasti kesediaan korpus Bahasa Siam yang lengkap, kamus dan sebagainya. Penetapan dialek utama untuk tujuan pembakuan, *standardization of corpus*, dengan izin, kesediaan bahan sokongan, kesediaan guru dan kesediaan pengoperasian. Yang Berhormat Datuk Abdullah bin Mat Yassim?

Dato' Boon Som A/L Inong: Boleh saya mencelah?

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Ya.

Dato' Boon Som A/L Inong: Sebenarnya pendidikan bahasa Siam telah dipersetujui pada tahun 2013 untuk diajar di sekolah-sekolah Bahasa Siam. Jawapan kementerian pada tiap-tiap tahun ialah membuat tinjauan, membuat tinjauan. Akan tetapi, bilakah muktamad dilakukan? Bilakah lagi mahu tinjau? Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat atas peringatan tentang isu ini. Saya akan memastikan, saya *personally* akan maklumkan kepada Yang Berhormat dalam masa yang terdekat ini status tinjauan. Mungkin kita dalam proses penyelesaian. Saya akan beri maklumat ini secara terperinci kepada Yang Berhormat supaya soalan ini bila dibangkitkan lagi, jawapannya akan lebih memastikan keperluan Yang Berhormat. Okey? Terima kasih.

Yang Berhormat Datuk Abdullah bin Mat Yassim mencadangkan guru besar dan pengetua dilantik terlebih dahulu sebelum dihantar berkursus ke NPQEL. Yang Berhormat, proses pemilihan dan penempatan pengetua dan guru besar yang berkuat kuasa di Kementerian Pendidikan Malaysia merupakan satu proses yang objektif dan telus. Ketua jabatan bertanggungjawab melaksanakan urusan

pelantikan pengetua dan guru besar berdasarkan syarat umum dan khusus yang telah diluluskan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Pegawai Perkhidmatan Pelajaran Bilangan 6/2013 pada 8 Oktober 2014 dan berkuat kuasa mulai Julai 2014.

Mulai tahun 2016, ketua jabatan akan melaksanakan pentaksiran sebelum calon dihantar berkursus NPQEL bagi memastikan hanya calon yang memenuhi semua kelayakan untuk mengisi jawatan pengetua dan guru besar sahaja diperakukan untuk menjalani kursus tersebut. Syarat baharu ini bertujuan untuk memastikan setiap sekolah tanpa mengira lokasi dan tahap prestasi mempunyai PGB yang berkualiti tinggi untuk memacu prestasi sekolah secara keseluruhan.

Bagi memastikan semua jawatan guru besar dapat diisi sebagai persediaan pembukaan penggal persekolahan pada tahun 2016, beberapa buah negeri yang mengalami masalah kekurangan calon berkelayakan, peserta kursus NPQEL Ambilan 1/2016 akan ditempatkan terlebih dahulu di jawatan guru besar sebelum mereka menjalani kursus di Institusi Aminuddin Baki.

Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian bin Abdullah?...

Timbalan Yang di-Pertua: Dia sudah bersara, tidak ada dalam Dewan.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Oh, tidak ada lagi.

Datuk Abdullah bin Mat Yassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan soalan yang saya bangkitkan ini, saya hendak tahulah pada tahun 2016 ini maknanya guru besar atau pengetua dilantik dahulu kemudian baru dihantar kursus NPQEL, macam itu maksudnya? Ataupun di kawasan sekolah-sekolah ataupun negeri-negeri yang kekurangan lantikan ini dilantik dulu guru besar kemudian baru dihantar kursus, maksudnya macam itu? Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Ya, Yang Berhormat Senator. Itulah maksudnya tadi. Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif?

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif: Ada.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Okey. Yang Berhormat Dato' mencadangkan Kementerian segera melantik pembantu guru. Yang Berhormat, pelaksanaan inisiatif *teachers administrative workload* dalam NBOS 8 telah dijalankan secara rintis di Melaka mulai 2013 dan Kedah mulai 2014 melalui penempatan pembantu tadbir PTN17 dan juruteknik komputer JKFT17 untuk membantu tugas berkaitan operasi dan pentadbiran bagi guru data, guru perpustakaan dan media dan guru akademik biasa serta tugas teknikal ICT bagi guru penyelaras bestari.

Walau bagaimanapun, peluasan program NBOS kepada negeri lain adalah bergantung kelulusan dan peruntukan oleh Kementerian Kewangan. Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan pengintegrasian data untuk 28 aplikasi. Hasil daripada pengintegrasian tersebut, enam aplikasi telah diserap ke dalam aplikasi lain dan mengurangkan 2,097 pengisian maklumat bertindih. Kementerian juga telah melaksanakan *single sign on* untuk memudahkan guru *log in* kepada aplikasi yang mana mereka mempunyai akses.

Yang Berhormat Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal. Yang Berhormat meminta maklumat jumlah kekosongan guru di SJK(T). Yang Berhormat, pada 11 Disember 2015, keperluan guru ialah

9,379, pengisian pula 9,239, kekurangan 140 orang. Akan tetapi kekurangan tersebut merupakan bagi opsyen Bahasa Melayu, pendidikan Islam dan bahasa Inggeris. Penempatan akan dilaksanakan pada Januari 2016 untuk mengatasi masalah kekosongan tersebut.

Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad. Yang Berhormat, sejauh mana status kajian menangani masalah guru berduka ataupun terma yang kita guna di kementerian ialah duka lara. Yang Berhormat Menteri Dato' Seri Mahdzir Khalid menggunakan ayat duka lara. Yang Berhormat, ini satu berita yang rasa mungkin akan membawa kegembiraan kepada ramai guru yang dalam keadaan duka lara ini.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Sebuah pelan tindakan secara komprehensif sedang diusahakan untuk mengatasi masalah pasangan yang ingin tinggal bersama-sama. Yang Berhormat Menteri Pendidikan akan mengumumkan fasa pertama senarai guru yang akan berpindah dengan menggunakan mekanisme baru bagi menyelesaikan masalah golongan pendidik yang tinggal berjauhan daripada pasangan dan keluarga masing-masing dalam masa yang terdekat.

Sedang saya bercakap, pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia sedang mencari kaedah-kaedah yang terbaik untuk mengatasi masalah ini. Pengumuman ini adalah sebahagian daripada jumlah keseluruhan 30,000 orang guru yang memohon untuk berpindah kerana masalah tersebut.

Yang Berhormat Senator Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee tidak ada. Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif?

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Salim ada.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Ada? Okey, minta maaf Dato', nampak. Yang Berhormat Senator memohon elaun guru yang mengajar di pedalaman dinaikkan bagi memastikan kebajikan guru ini terjaga.

■2030

Yang Berhormat, pada masa kini, guru yang berkhidmat di luar kawasan pedalaman telah diberikan insentif dan imbuhan khusus. Sekolah-sekolah pedalaman dikategorikan kepada sekolah pedalaman satu (P1), sekolah pedalaman dua (P2) dan sekolah pedalaman 3 (P3) yang mana guru-gurunya layak menerima bayaran elaun khas mengikut lokasi dan tahap kesusahan. RM500 elaun kepada yang dalam P1, RM1000 untuk P2 dan RM1500 kepada P3. Pemberian insentif ini bertujuan menggalakkan guru-guru berkhidmat di kawasan pedalaman. Insentif ini juga dapat menarik minat dan seterusnya mengekalkan guru-guru untuk terus berkhidmat di sekolah-sekolah di kawasan pedalaman. Dengan langkah ini, sekolah di kawasan pedalaman akan mempunyai tenaga guru terlatih yang mencukupi, berkualiti dan mengikut opsyen untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Walau bagaimanapun Yang Berhormat Dato', sebarang kenaikan elaun ini adalah tertakluk di bawah agensi pusat.

Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff...

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif: Yang Berhormat Menteri.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Ya.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif: Tuan Yang di-Pertua, dalam persoalan saya dipertimbangkan untuk P1, P2 dan P3 pedalaman ini bersangkutan dengan satu lagi jawapan yang tidak terjawab di mana diberi keutamaan setelah bersusah-payah duduk di pedalaman, diambil kira diberi keutamaan untuk kenaikan pangkat. Jadi, kenaikan ini tidak dapat dipertimbangkan setelah dua tahun saya mengutarakan persoalan ini kerana kita kena kira kos kesusahan, kepayahan dan juga kos sara hidup yang tinggi oleh sebab sewa bot, oleh sebab sewa kereta, sampai ke dalam berjalan kaki dan sebagainya. Yang ini perlu diambil kira, jadi mohon jawapan daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Saya ambil maklum Yang Berhormat tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Mungkin ada beberapa lagi isu yang saya akan jawab, mungkin termasuk selepas ini. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, biar saya selesaikan dahulu. Seperti mana yang saya katakan tadi, peluang untuk kenaikan pangkat ini tertakluk kepada kekosongan yang ada. Ada yang kita beri perhatian dan kita juga beri keutamaan. Itu kita ambil maklum tetapi apabila kenaikan pangkat ini berlaku, kita juga harus ambil maklum kepada semua lagi pemohon-pemohon yang juga minta mungkin ada kelayakan yang sama atau kelayakan yang lebih baik tetapi kita harus telus kepada semua pemohon dan sekiranya kita memberi pertimbangan yang sewajarnya, memang kita beri apabila ada pemohon-pemohon tersebut. Akan tetapi biasanya pemohon-pemohon ini yang mohon untuk kenaikan pangkat ini tak begitu ramai, kalau ada permohonan pun, sekiranya mereka memenuhi syarat-syarat yang diperlukan untuk jawatan-jawatan tersebut, kita akan beri pertimbangan.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya ialah tidak ada kelebihan mereka iaitu guru yang mengajar di pedalaman, jadi sama juga guru yang mengajar di bandar. Di mana kita letakkan keadilan pada guru yang bersusah payah duduk di pedalaman, duduk di rumah panjang, tak ada kenderaan, tak ada apa. Apabila kenaikan pangkat, kena sama rata. Bagi saya ini tidak adil, inilah sebenarnya guru rasa tidak selesa, guru rasa tidak adil. Mereka ini keluar terus *posting* ke pedalaman tetapi bila kenaikan pangkat, guru yang berada di bandar diutamakan daripada mereka yang berada dalam kesusahan di luar bandar.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya ambil maklum, saya juga berterima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat. Saya juga akan membawa perkara ini, kita akan bincang balik dengan Yang Berhormat Menteri dan juga Kementerian Pendidikan Malaysia untuk sama ada kita boleh memperkenalkan satu mekanisme yang berbeza bagaimana kita dapat memberi keutamaan kepada guru-guru ini. Akan tetapi, kita harus ambil maklum kita tidak akan mengetepikan sesiapa juga. Sekiranya mereka layak memenuhi kenaikan pangkat, kita akan memberi. Itu memang hasrat kita, kita tidak akan mengetepikan sesiapa tetapi saya ambil maklum bahawa Yang Berhormat mencadangkan bahawa mereka diberi pertimbangan yang lebih berdasarkan kepada guru-

guru di bandar. Itu cadangan Yang Berhormat, saya ambil maklum dan kita akan cuba buat yang terbaik kepada guru-guru yang dalam keadaan tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff. Tak ada. Yang Berhormat, dalam saya memberi jawapan ini Yang Berhormat, saya telah pun pergi ke kluster yang kelima iaitu bantuan pendidikan. Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif seterusnya, inilah yang dibangkitkan mungkin tentang kenaikan tambang kenderaan awam baru-baru ini amat membebankan ibu bapa. Yang Berhormat, cadangan Yang Berhormat beri ini untuk KPM memberi bantuan untuk menggunakan tambang pengangkutan. Cadangan ini cadangan yang baru, Yang Berhormat utarakan kepada kami. Kementerian perlu mengkaji bentuk bantuan yang sesuai bagi meringankan beban ibu bapa dalam soal pengangkutan murid ke sekolah. Buat masa sekarang ini pun ada banyak badan bukan kerajaan, agensi-agensi kerajaan...

Datuk Abdullah bin Mat Yassim: *[Bangun]*

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif: *[Bangun]*

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Yang Berhormat, biar saya selesaikan dulu kemudian saya akan beri ruang kepada Yang Berhormat yang membantu kita. Kita mengalu-alukan mana-mana badan-badan bukan kerajaan, syarikat-syarikat swasta yang ingin tampil ke depan untuk bekerjasama dengan kementerian untuk meringankan beban mereka-mereka yang memerlukan bantuan seumpama ini. Yang Berhormat, silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri sudah beri laluan.

Datuk Abdullah bin Mat Yassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan guru tadi, sebelum Yang Berhormat Menteri pergi lebih jauh. Saya melihat, saya juga memegang dua, tiga buah sekolah sebagai Yang di-Pertua PIBG, saya tengok bila saya melawat tiap-tiap sekolah itu, ada guru yang kesihatannya tidak mengizinkan untuk mengajar, maknanya sakit dia berprofil tinggi. Kencing manis tinggi, darah tinggi, jadi pergi sekolah pun tak mengajar. Kalau di Pasir Mas itu ada 100 buah sekolah, kalau seorang sebuah sekolah maknanya 100 orang guru. Kalau di Kelantan itu ada 540 buah sekolah, kalau sebuah sekolah ada guru yang sakitnya berprofil tinggi seperti kencing manis tinggi 30 ke, jadi dia pergi sekolah dia tak mengajar.

Jadi, saya hendak cadangkanlah kepada pihak kementerian dan kebanyakan guru ini berumur 50 tahun lebih ke atas seperti 55, 56 tahun. Tidakkah kita boleh cadang kepada kementerian untuk mengambil inisiatif untuk bagi dia pencen awal, nasihatkan dia pencen awal sebab kalau pergi sekolah pun dia tak mengajar. Guru ganti sekali-sekala bolehlah tetapi kalau tiap-tiap hari asyik ganti dia, guru pun naik *fed-up* juga. Dia tak dapat gaji, yang tak mengajar itu dapat gajinya. Jadi saya minta kementerian ambil tindakan nasihat dia dan bagi dia pencen awal sebab kalau dia mengajar pun anak murid rugi. Katakanlah dia guru bahasa Inggeris, tiba-tiba guru ganti itu guru bahasa Malaysia jadi alah kadar sahalah dia mengajar sebab dia tak pandai. Jadi, itu yang pertama

Yang kedua, saya hendak mintalah kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, saya tengok di Kelantan baru-baru ini kejatuhan UPSR ini rendah. Saya tengok-tengok kes apa, kerana bahasa Inggeris.

Bahasa lain okey, Matematik dan Sains semua tinggi. Jadi, kegagalan Kelantan termasuk di Rantau Panjang sekali kerana kes bahasa Inggeris yang menjadikan pelajar-pelajar itu rendah dapat 4A1B, 5A itu tak ramailah sebab B itu bahasa Inggeris. Jadi, saya hendak minta dengan Kementerian Pendidikan Malaysia supaya bagi *priority* sedikit ke Kelantan ini guru bahasa Inggeris. Kebanyakannya orang Kelantan ini tahu sahajalah Tuan Yang di-Pertua, bahasa Orang Putih ini kurang sedikit. Tengok dari bandar belah mana. Jadi minta *priority* atau keutamaan supaya dihantar guru bahasa Inggeris.

Ketiga, pada 10 hari bulan baru-baru ini kementerian sudah jawab kes buli di sekolah-sekolah ini. Kalau bolehlah saya hendak dapatkan satu statistik kes buli yang berjaya dicatatkan oleh kementerian iaitu statistik setiap negeri daripada akhir 90an sehingga sekarang. Ini kerana kita lihat pola perubahan kes buli dari tahun ke tahun sama ada meningkat atau menurun. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif: Tan Sri, soalan itu soalan saya. Saya hendak tambah sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif: Jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tadi saya nampak kajian, kita akan bagi kalau ada bajet tetapi sekarang belum ada bajet. Bagi saya, jawapan itu tidak lengkap.

■2040

Apa kata Kementerian Pendidikan adakah *data base* berapa ramai murid-murid miskin yang kita hendak bantu. Berapa implikasi bajet yang perlu kerajaan bayar untuk peruntukan tambang bas untuk keluarga yang miskin dan susah untuk tambang bot ini. Jawapannya bagi saya, kajian-kajian itu rasa macam esok pun tanya sama. Jadi hendak tahu kalau melibatkan 500,000 orang murid miskin, peruntukan melibatkan RM20 juta. Jadi barulah bajet ini perlu dimasukkan dalam bajet yang akan datang. Jadi kalau setakat kajian ini, dia akan jadi kajian sahaja. Terima kasih banyak-banyak.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Yang Berhormat, biar saya respons kepada Yang Berhormat Senator Datuk Abdullah bin Mat Yassim sebelum saya respons kepada Yang Berhormat. Kita memang ada *optional retirement* yang mana guru-guru kalau mereka rasa mereka hendak bersara lebih awal, kita ada ruang dan ada guru-guru yang mengambil kaedah tersebut. Persaraan awal. Ada. Ada guru yang mengambil persaraan awal tetapi ada guru yang hendak mengakhiri tempoh persaraan mereka. Kita mengambil maklum keperluan guru-guru bahasa Inggeris di Kelantan. Bukan sahaja di negeri Kelantan tetapi ada beberapa buah negeri lain yang memerlukan.

Datuk Abdullah bin Mat Yassim: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Tunggu Yang Berhormat. Biar Yang Berhormat Menteri jawab dulu. Yang Berhormat tanya tiga soalan tadi itu.

Datuk Abdullah bin Mat Yassim: Takut Yang Berhormat Menteri pergi lebih jauh. Yang tadi yang Yang Berhormat jawab itu, ada guru yang minta pencen kerana sakit. Sekarang ini kita bukan hendak dia meminta tetapi kita bagi nasihat kepada dia untuk berhenti.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Boleh saya jawab, Yang Berhormat? Okey, terima kasih. Kementerian Pendidikan kita ini tiada pengkhususan dalam bidang kesihatan. Kalau kita

mendapat laporan daripada doktor dan doktor kata beliau harus direhatkan, kita akan ambil nasihat daripada doktor. Akan tetapi, kita beri *option* persaraan awal kepada guru-guru ini sekiranya mereka boleh kerana ada ruang-ruang yang diizinkan kepada mereka. Atas keperluan guru bahasa Inggeris, kita ambil maklum dan kita memang mengamalkan keperluan ini dan juga kita menghantar guru-guru ke negeri-negeri yang memerlukan dan negeri Kelantan merupakan sekolah-sekolah yang ada *hotspot school* di mana kita akan menghantar guru-guru bahasa Inggeris.

Yang Berhormat, tentang aspek yang ketiga, buli. Perkara baru dan tidak dibangkitkan semasa perbahasan. Saya akan beri makluman ini dalam tempoh masa yang lain.

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Salim, saya tidak ada kata tidak ada bajet. Apa yang saya katakan tadi ialah cadangan ini cadangan baru dan kita akan mengambil kira kos yang akan terlibat dan kita akan cadangkan ini kepada Kementerian Kewangan dan sekiranya Kementerian Kewangan memberikan kelulusan, tidak ada masalah bagi kita. Tidak ada saya sebut tidak ada bajet, tidak ada saya sebut pasal kajian. Saya kata cadangan ini cadangan yang baru. Kami terima cadangan ini dan kita akan buat apa yang harus kita buat dan cadangkan ini kepada Kementerian Kewangan dan sekiranya Kementerian Kewangan memberikan peruntukan yang sewajarnya, tiada masalah bagi kita untuk memberikan bantuan ini kepada mereka yang memerlukan.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: [*Bangun*]

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Ya, Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tunggulah dulu, Yang Berhormat. Cukup Yang Berhormat, cukup. Teruskan.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih. Yang Berhormat Dato' juga membangkitkan tentang isu KWAPM yang telah dikurangkan. Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia akan meneruskan pemberian bantuan KWAPM bagi tahun 2016 dengan jangkaan penerima seramai 973,852 orang murid. Setakat ini, tabung KWAPM mampu menampung keperluan tersebut berdasarkan baki semasa tabung dan sumbangan daripada syarikat swasta, GLC, individu dan faedah daripada pelaburan. Kementerian Pendidikan Malaysia telah pun memohon peruntukkan tambahan daripada perbendaharaan Malaysia.

Yayasan PIBG. Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha untuk menyokong aktiviti PIBG sekolah dan akan meneliti kaedah yang terbaik bagi membantu PIBG terutamanya yang berada di luar bandar dan pedalaman. Pada masa yang sama, Kementerian Pendidikan Malaysia juga amat menggalakkan kerjasama erat antara pihak sekolah dengan ibu bapa dan komuniti sekolah setempat demi rasa tanggungjawab dan ingin sama-sama melihat kejayaan dan keberhasilan murid dan guru. Hal ini adalah selari dengan hasrat untuk sama-sama mendukung pelaksanaan anjakan kesembilan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia iaitu kerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas.

Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff. Tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada juga.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Dato' Jaspal Singh?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada. Harap semua dijawab bertulis, Yang Berhormat Menteri.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Saya ambil maklum Tuan Yang di-Pertua tadi. Yang Berhormat Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal ada? Okey. Berdasarkan peruntukan sebanyak RM500 juta yang diberikan tentang pembangunan sekolah. Yang Berhormat, berdasarkan mesyuarat berkaitan peruntukan penyelenggaraan sekolah tahun 2016 di Pejabat Belanjawan Negara pada 2 Disember 2015, kementerian memaklumkan bahawa penyaluran peruntukkan RM500 juta adalah tertakluk kepada kedudukan kewangan. Peruntukkan untuk sekolah-sekolah diberi pertimbangan mengikut tahap kritikal.

Yang Berhormat Datuk S. Vigneswaran, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Salim juga membangkitkan isu asrama desa. Untuk makluman Yang Berhormat, pengurusan asrama harian termasuk asrama desa akan diteruskan walaupun tiada peruntukan khas bagi asrama desa dalam Bajet 2016. Peruntukan Bantuan Makanan Asrama yang sedia ada akan digunakan dan akan beroperasi seperti tahun-tahun sebelumnya. Yang Berhormat Dato' Boon Som.

Tuan Yang di-Pertua: Ada.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Ada. Kesukaran mendapat internet sekolah perlu diberi perhatian. Ada sekolah yang melanggan sendiri, membebankan sekolah. Yang Berhormat, sehingga 8 Oktober, sebanyak 8,938 buah sekolah iaitu 67% buah sekolah rendah dan 21% buah sekolah menengah di seluruh negara telah dirangkaikan dengan perkhidmatan 1Bistari Net melalui teknologi 4G. *Asymmetric Digital Subscriber Line* (ADSL) atau *Very Small Aperture Terminal* (VSAT), dengan izin, bagi sekolah yang belum dirangkaikan dengan 1Bistari Net, dibekalkan talian *internet* melalui *internet service provider* yang lain.

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Salim juga membahaskan isu 1Bistari Net. Capaian *internet* di pedalaman dan di luar bandar di tahap yang amat tidak memuaskan. Yang Berhormat, Projek 1Bistari Net tidak gagal tetapi hanya terlewat jadual khususnya dalam aspek pemasangan perkhidmatan rangkaian di sekolah di negeri Sarawak. Baki 951 daripada 9,889 buah sekolah mengikut kontrak masih belum dirangkaikan 1Bistari Net. Disebabkan kegagalan pihak syarikat untuk mendapatkan kelulusan pihak berkuasa tempatan untuk membina menara telekomunikasi akibat daripada bantahan masyarakat setempat. Penambahbaikan pencapaian *internet* akan dilaksanakan dalam 1Bistari Net fasa dua menjelang tahun 2016. Program perkhidmatan 1Bistari Net seperti semua program Kementerian Pendidikan yang lain dilaksanakan oleh pembekal tunggal untuk memastikan keseragaman pelaksanaan serta mengelakkan isu-isu pengintegrasian sistem dan penyepaduan pangkalan data.

Secara amnya, prestasi pencapaian pembekal perkhidmatan, aspek capaian *internet* adalah termasuk memuaskan dan menepati terma dan syarat perjanjian perkhidmatan 1Bistari Net. Sebarang keciciran pihak syarikat telah diuruskan mengikut terma kontrak dan telah diaudit oleh Jabatan Audit Negara.

Yang Berhormat Datuk S. Vigneswaran tidak ada. Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Salim? Ya.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Saya hendak bertanya tentang 1Bistari Net ini. Kita tahu bahawa difahamkan ataupun saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, berapakah jumlah kos yang diperuntukkan untuk 1Bistari Net dan syarikat 1Bistari Net ini rangkaian daripada YTL? Jadi bilakah isu ini dapat diselesaikan kerana ia telah berpanjangan? Rungutan ini masih lagi berterusan di pedalaman di Sarawak kerana pencapaian *internet* ini amat teruk sekali. Jadi dengan kos yang begitu besar, mana mungkin *value for money* kita tidak dapat peroleh kemudahan yang disediakan.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya sendiri cuba membantu untuk menyelesaikan masalah di Sarawak dan saya boleh katakan di sini kita dalam status penyelesaian yang terakhir dan saya harap dalam bulan Januari depan, kita akan mula pembinaan ini. Kosnya tidak ada kepada saya secara terperinci. Saya akan bagi secara bertulis kos yang terlibat dalam projek ini tetapi kita ambil maklum dan sedia maklum bahawa kita telah pun memberi syarat-syarat kepada 1Bistari Net, YTL untuk memastikan semua saluran dapat dirangkaikan secepat mungkin. Ini terma dan syarat yang telah ditetapkan kepada mereka. Kita di Kementerian Pendidikan Malaysia juga akan membantu untuk memastikan semua ini dapat dilaksanakan.

■2050

Saya setuju dengan apa pendapat Yang Berhormat bahawa kita harus ada *value for money* dan kita telah pun memastikan dan telah memaklumkan kepada mereka atas keperluan ini dan permintaan khasnya kepada anak-anak kita di Sarawak. Kita akan memastikan masalah ini akan diselesaikan dalam tahap yang segera dengan pihak kementerian dan juga di pihak Kerajaan Negeri Sarawak. Ini saya pasti dapat dilaksanakan, diselesaikan dalam masa yang terdekat,

Yang Berhormat juga menyatakan tentang terdapat telaga tiub yang dibina di sekolah tidak dapat digunakan oleh. Yang Berhormat, penyelenggaraan sistem telaga tiub oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melibatkan sekolah-sekolah luar bandar iaitu sebanyak 188 buah sekolah di Sabah dan 176 buah sekolah di Sarawak. Pada masa ini sistem telaga tiub yang diselenggarakan oleh kontraktor dilantik berada dalam keadaan baik dan digunakan sepenuhnya.

Bagi memenuhi keperluan sekolah luar bandar juga, Kementerian Pendidikan Malaysia sedang melaksanakan kerja-kerja pembinaan sistem telaga tiub yang melibatkan 92 buah sekolah luar bandar iaitu 80 buah di Sabah dan 12 buah di Sarawak. Yang Berhormat Engku Naimah binti Engku Taib, Senator Datuk Olian...

Tuan Yang di-Pertua: Tiada.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Yang Berhormat Senator Dato' Goonasakaren? Tiada ya. Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed?

Tuan Yang di-Pertua: Ada, ada.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Apakah terdapat perbezaan enrolmen prasekolah di bandar dan luar bandar? Yang Berhormat Senator, sehingga tahun 2015 Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuka 9,113 buah kelas prasekolah yang melibatkan 6,056 buah sekolah institusi. Pelaksanaan ini telah memberi peluang kepada 198,490 orang kanak-kanak untuk mendapatkan pendidikan prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia. Jumlah enrolmen murid prasekolah umur 4 tahun dan 5 tahun yang didaftarkan pada tahun 2015 ialah sebanyak 794,657. Daripada jumlah itu, 46% atau 364,827 adalah enrolmen bandar sementara 54% iaitu 429,830 orang murid prasekolah luar bandar.

Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul...

Tuan Yang di-Pertua: Ada, ada..

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif, SBP hari ini tidak lagi membela nasib murid dan ibu bapa yang berpendapatan rendah. Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa mengamalkan dasar 70% buah tempat di sekolah berasrama penuh untuk murid cemerlang dari luar bandar. Kita sentiasa memberi peluang kepada murid miskin dan miskin tegar untuk mendapat tempat di sekolah-sekolah berasrama penuh dengan pembiayaan kerajaan melalui projek khas pelajar miskin. Peningkatan ekonomi juga telah mengangkat tahap sosioekonomi murid di asrama penuh di bawah kepimpinan kerajaan sekarang. Yang Berhormat..

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Boleh saya tanya sedikit Tuan Yang di-Pertua? Saya mohon supaya Yang Berhormat Menteri pergi melihat sendiri beberapa buah sekolah yang saya sebutkan. Contohnya Sekolah MCKK, Sekolah TKC, Sekolah Tun Fatimah. Datang pada hari minggu petang, lihat. Ini sebenarnya ramai bercakap soal di mana tempatnya pada mereka yang berpendapatan rendah untuk duduk ke asrama penuh. Jadi nampaknya, peratus itu di atas kertas terjadi tetapi realitinya tidak terjadi. Saya mohon untuk pembukaan sekolah ini saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menziarahi atau hadir bersama-sama melihat sendiri dengan pakaian yang biasa tanpa *bodyguard*, boleh lihat sendiri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat. Saya biasa turun padang pergi sekolah tanpa *bodyguard* juga dan saya lebih sesuai. Ini cara saya. Tuan Yang di-Pertua, saya ambil maklum dan saya akan menerima cadangan walaupun rakan saya Timbalan Menteri sudah melawat sekolah-sekolah ini. Saya juga akan turut serta bila diberi peluang nanti untuk melawat sekolah dan mendapat tahu hal sebenar. Tak perlu masuk sekolah, duduk dekat gerai kopi depan itu pun kita dapat lihat. Saya tahu, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah dapat dijelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pendidikan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Perkara-perkara yang tidak sempat dijelaskan akan tetap diambil perhatian dan tindakan sewajarnya. Sekali lagi

kementerian mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih dia tas keprihatinan, perhatian, teguran dan sokongan yang berterusan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan saya di Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah banyak membantu untuk menyiapkan jawapan-jawapan yang saya beri kepada Yang Berhormat pada hari ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya persilakan Kementerian Komunikasi dan Multimedia, sebelum Kementerian Kewangan dalam memberi jawapan dan menggulung.

8.55 mlm.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dan memberikan pandangan serta saranan yang menyentuh bidang tugas Kementerian Komunikasi dan Multimedia sepanjang sesi perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2016.

Seramai lapan orang Ahli Yang Berhormat telah membahaskan perkara-perkara di bawah tanggungjawab kementerian ini. Semasa membentangkan Usul Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 216, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan telah juga meluluskan tiga projek utama yang melibatkan kementerian seperti berikut:

- (i) Projek Jalur Lebar Luar Bandar atau *National Fiber Backbone*;
- (ii) infrastruktur jalur lebar berkelajuan tinggi dan sistem kabel dasar laut dengan peruntukan sejumlah RM1.2 bilion;
- (iii) projek pendigitalan penyiaran nasional dengan jumlah RM250 juta; dan
- (iv) projek eRezeki ataupun eUsahawan sejumlah RM100 juta.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi maklum balas bagi isu-isu mengenai perkhidmatan telekomunikasi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som A/L Inong; dan Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin; Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif; dan Yang Berhormat Senator Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee. Saya percaya mungkin tak ada Yang Berhormat Senator tetapi oleh sebab soalnya lebih kurang sama, saya menjawab, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Jailani bin Johari: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam merapatkan jurang digital dan meningkatkan akses kepada perkhidmatan telekomunikasi terutamanya di kalangan rakyat di kawasan yang tiada ataupun kurang liputan, pihak kementerian telah memperkenalkan beberapa inisiatif di bawah kerangka pemberian perkhidmatan sejagat ataupun, dengan izin, *universal service provision*.

Kewujudan menara-menara telekomunikasi adalah untuk memberi akses kepada liputan selular melalui perkhidmatan data dan juga suara secara efektif.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah Projek Menara Telekomunikasi (*Time 3*) lanjutan sebanyak 400 buah menara telekomunikasi baru sedang dalam pelaksanaan dan 600 buah menara lagi sedang dirancang untuk dibina. *InshaaAllah* projek ini dilaksanakan secara berperingkat sehingga hujung tahun 2017, dan dijangka bakal meningkatkan kadar liputan perkhidmatan telekomunikasi. Kini 95% sehingga ke paras 97% manakala untuk memberi peluang kepada rakyat yang berada di kawasan yang tiada liputan jalur lebar, program yang dinamakan WiFi Komuniti adalah disediakan di mana ia menyediakan akses internet tanpa wayar ataupun secara *hotspot* dengan capaiannya lebih kepada terhad dan secara kolektif kepada komuniti setempat di mana tumpuan adalah diberikan kepada perpustakaan desa, balai raya dan ia bersifat sementara.

Setakat ini sebanyak 3,666 WiFi Komuniti telah pun siap dilaksanakan di seluruh negara. Melalui inisiatif ini, ia telah menyumbang sejumlah 7.9% daripada keseluruhan 72.2% kadar penembusan jalur lebar negara pada hari ini. Pada masa yang sama, pihak kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah melaksanakan satu program yang dinamakan Pusat Internet 1Malaysia di mana 612 buah pusat internet telah disiapkan dan sebanyak 137 lagi bakal dibina kelak.

Bagi menjawab Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin ada, tidak ada?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada.

Dato' Jailani bin Johari: Jadi saya bertulis?

Tuan Yang di-Pertua: Jawab dengan bertulis Yang Berhormat.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi dia punya persoalan boleh tahan Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya boleh berkongsi?

Tuan Yang di-Pertua: Kalau untuk kebaikan semua, boleh juga.

Dato' Jailani bin Johari: Saya, saya menjawablah ya bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir Yang Berhormat tak banyak bukan?

Dato' Jailani bin Johari: Tak banyak, sekejap sahaja saya. Jadi, sebenarnya semalam pun saya ada maklumkan tentang projek *high-speed broadband* di mana sebenarnya dengan adanya inisiatif di bawah *public-private partnership* ini, sebanyak 103 buah kawasan di bandar utama telah pun diliputi. *InshaaAllah*, pihak kementerian sedang melaksanakan *high-speed broadband* fasa kedua yang akan meliputi kawasan ibu negeri dan bandar utama dengan kadar antara 10 *megabyte per second* sehingga 100 *megabyte per second*, dengan izin, dan jalur lebar pinggir bandar yang menyediakan perkhidmatan kelajuan sehingga 20 *megabyte per second*.

Cuma yang saya hendak berkongsi Tuan Yang di-Pertua, projek *high-speed broadband* ini secara tidak langsung telah menggalakkan penglibatan syarikat tempatan dan juga bumiputera di mana sebanyak 1,226 buah syarikat bumiputera telah pun mendapat manfaat kepada pelaksana projek ini dengan nilai kerja sebanyak RM3.4 bilion.

■2100

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian melalui Suruhanjaya sentiasa memantau tindak balas pasaran terhadap caj perkhidmatan pakej langganan komunikasi. Kebanyakan pembekal peralatan komunikasi telah pun menurunkan harga perkhidmatan internet. Daripada kajian yang dijalankan adalah didapati bahawa caj perkhidmatan komunikasi di negara ini sentiasa menunjukkan trend yang menurun. Sebagai contoh pada tahun 2012 caj perkhidmatan internet telah menurun sebanyak 18% dan pada tahun 2013 ia telah menurun sebanyak 33%.

Bagi menjawab persoalan Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/l Inong dan juga Yang Berhormat Senator Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee. Daripada segi caj langganan dan peranti perkhidmatan ia adalah berbentuk komersial dan bergantung kepada perundingan antara pihak kepentingan seperti pihak Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan, pihak universiti, pihak sekolah dan juga pihak pemberi perkhidmatan komunikasi. Saya ingin mengambil peluang untuk maklumkan bahawa terdapat pemberi perkhidmatan yang menawarkan pakej jalur lebar yang rendah bagi kemudahan para pelajar di IPTA dan juga IPTS. Contohnya pihak *Celcom* yang menawarkan Pakej *Broadband 1Malaysia* dengan kadar RM25 bagi tempoh penggunaan selama sebulan dengan kuota 1GB *per second*.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi maklumat mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat yang menyentuh- Dato' Dr. Johari bin Mat ada?

Tuan Yang di-Pertua: Ada ada.

Dato' Jailani bin Johari: Minta maaf Yang Berhormat. Mengenai rebat GST kad prabayar. Sebanyak 33 juta orang warganegara Malaysia yang menggunakan perkhidmatan telekomunikasi secara prabayar akan menikmati *rebate* ataupun rebat sebanyak 6% bagi setiap kad *reload* yang dibeli mulai 1 Januari 2016 sehingga 31 Disember 2016. Rebate 6% itu bersamaan dengan nilai GST yang dikenakan apabila pengguna mengaktifkan kad *reload* tersebut. Syarikat telekomunikasi akan memberikan rebat tersebut dalam tempoh 24 jam. Maknanya kalau kita beli RM10 kita akan dapat RM10.

Jadi kementerian ini melalui SKMM dan syarikat telekomunikasi telah bekerjasama bagi memastikan pelaksanaan mekanisme yang efektif bermula tahun hadapan seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 23 Oktober yang lalu. Hanya warganegara Malaysia sahaja yang layak menikmati rebat GST ini. Jadi pihak kementerian ingin mengesyorkan semua warganegara Malaysia digalakkan untuk membuat semakan terhadap pendaftaran talian telefon mereka dengan pihak telco masing-masing. Untuk memastikan mereka dapat menikmati rebat GST apabila dilaksanakan awal tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan, ada ya? Yang Berhormat telah membangkitkan program mengenai eRezeki dan eUsahawanan. Di bawah Bajet 2016 pihak kementerian melalui MDeC iaitu salah sebuah agensi di bawah kementerian akan melaksanakan dua program berasaskan dalam talian iaitu eRezeki dan eUsahawanan. eRezeki satu inisiatif yang menyediakan peluang kerja sambil berbentuk digital kaedah *outsourcing* dengan izin bagi

menjana pendapatan tambahan. Kumpulan sasar isi rumah berpendapatan 40% ke bawah dengan kadar RM3,200 ataupun di bawah B40.

Manakala eUsahawanan merupakan inisiatif untuk menerapkan nilai dan ilmu keusahawanan digital. Kumpulan sasaran inisiatif ini pelajar TVET dan usahawan kecil sedia ada. Ia dilaksanakan melalui pembelajaran dan latihan kurikulum keusahawanan digital yang diterapkan di institusi pendidikan dalam teknikal dan vokasional.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kedua-dua program ini adalah terbuka kepada golongan OKU yang berada dalam kumpulan sasaran program.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sewaktu pelancaran dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini di PPR Desa Rejang memang terdapat golongan OKU yang terlibat sama dalam Program eRezeki.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin memberikan maklum balas kepada isu yang terakhir iaitu penyalahgunaan media sosial yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng dan Yang Berhormat Senator Datuk Abdullah bin Mat Yassim. Kalau tidak ada, ada?

Tuan Yang di-Pertua: Ada ada.

Dato' Jailani bin Johari: Ada okey. Maaf. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak kementerian melalui SKMM akan terus memantau dan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan sekiranya terdapat sebarang kandungan yang didapati melanggar peruntukan Akta Komunikasi dan Multimedia. Tidak kira sama ada dilakukan oleh mana-mana individu, kumpulan tertentu ataupun mana-mana portal berita. Isu yang ditimbulkan berkaitan internet 'ESIL' ataupun internet tidak mungkin dapat dihentikan. Memandangkan internet adalah sebuah medium komunikasi yang bersifat natural, perlu diubah sikap pengguna internet itu sendiri. Setakat ini pihak kementerian tidak ada perancangan untuk mewajibkan semua pemilik akaun *Facebook* atau sebarang aplikasi media sosial berdaftar dengan pihak suruhanjaya.

Dalam hal ini suka saya mengambil contoh beberapa buah negara yang telah melaksanakan inisiatif pendaftaran dan terbukti pada akhirnya bukanlah merupakan jalan terbaik dalam menangani gejala penyalahgunaan media sosial ini. Seperti yang saya maklumkan sebelum ini negara Korea Selatan misalnya telah memulakan inisiatif pendaftaran pada tahun 2008. Namun pada tahun 2012 Mahkamah Agung Korea Selatan telah memutuskan bahawa polisi pendaftaran menggunakan identiti sebenar pengguna tidak memberikan faedah kepada masyarakat dan negara. Ini kerana sistem yang menyimpan data-data tersebut telah digodam dan menyebabkan data peribadi 35 juta orang individu telah disalah guna untuk pelbagai perlakuan jenayah yang lain.

Di negara China pula inisiatif pendaftaran pengguna telah dilaksanakan bermula tahun 2011. Dalam tempoh pelaksanaan inisiatif ini terbukti bahawa ia terlalu mahal untuk penyedia perkhidmatan menyimpan data peribadi pengguna. Selain itu inisiatif ini telah dikecam kerana dilihat disalah guna oleh pihak kerajaan. Berdasarkan beberapa kes berprofil tinggi...

Datuk Abdullah bin Mat Yassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan mengguna nama palsu daftar nama dalam *Facebook* ini kita tidak boleh hendak banding dengan Korea, China dan negara-negara luar sebab daripada segi pemikiran berbeza. Orang Malaysia ini lebih suka melihat benda negatif benda positif ini kalau siar muka depan pun dia tidak berapa tengok. Saya hendak cadangkanlah kepada kementerian, SKMM ini supaya didaftar sebab kalau tidak daftar fitnah menjadi-jadi. Fitnah di Malaysia ini, anak muda atau anak dara, dia tidak membaca surat khabar, dia tengok *Facebook* sahaja. Bangun pagi, dia punya *breakfast Facebook*, makanan pagi dia *Facebook*. Jadi saya tengok sebab guna nama Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razaklah, nama Datin Rosmah, guna nama macam-macam, rimba kuda lah, anak singa, harimau dan macam-macam.

So, dia membawa keluar status itu yang menghasut menghentam kerajaan. Ini mungkin diambil kesempatan oleh pihak pembangkang supaya dia manipulasikan. Jadi fitnah itu akan berleluasa dan masyarakat kita ini lebih menerima benda yang negatif. Mudah menerima benda fitnah daripada benda yang sungguh. Jadi saya hendak cadangkan supaya data untuk mengatasi masalah fitnah dan huru-hara negara, selalu hentam pemimpin, macam-macam. Jadi saya hendak benda ini didaftar jangan dibiarkan sebab dia punya pemikiran berbeza dengan kita. Jadi saya cadangkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya isu pendaftaran ada juga timbul sebelum ini Tuan Yang di-Pertua, berkaitan sama ada perlu kita juga mengambil kira untuk menutup *Facebook*. Akan tetapi sebenarnya perkara ini akan dikaji secara keseluruhannya. Pada saat ini memang tidaklah ada cadangan sama ada kita hendak pendaftaran. Saya bagi contoh sekiranya pengguna sosial media dipaksa untuk mengemukakan identiti sebenar dan perkara ini tidak dipersetujui atau tidak mendapat kerjasama daripada pihak penyedia *host platform* sosial media tersebut. Ada kemungkinan perkhidmatan yang disediakan oleh penyedia *host* tersebut tidak dapat diakses di Malaysia.

Jadi tindakan ini akan menyukarkan pihak-pihak yang mengguna platform tersebut untuk tujuan yang baik seperti ahli perniagaan dan sebagainya. Ini kerana kalau kita lihat sosial media ini kita selalu melihat kepada aspek yang negatif dia sahaja dan pada masa yang sama ada juga aspek positif. Akan tetapi saya ambil maklumlah cadangan oleh Yang Berhormat Senator kerana sebenarnya ada lagi golongan seperti peniaga yang menggunakan medium tersebut untuk memasarkan produk seperti yang saya umumkan baru ini di Dewan Rakyat juga berkaitan dengan program seperti *MYCyberSale*, eUsahawanan dan sebagainya.

Kita kena lihat secara keseluruhan kerana untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya pihak kementerian sedang melaksanakan pindaan kepada Akta Komunikasi dan Multimedia bagi menambah baik langkah kerja. Ini kerana akta yang sedia ada telah wujud hampir 17 tahun.

■2110

Jadi, kita cuba melihat persekitaran dalam talian yang berubah sepanjang 17 tahun tersebut. Jadi, pada masa yang sama, sebagai pelekap kepada kerangka perundangan yang sedia ada, penyalahgunaan media sosial sebenarnya dapat ditangani secara lebih berkesan dengan terus

memperkasakan masyarakat dengan ilmu pengetahuan mengenai internet dan mengamalkan kawalan sendiri. Ini kerana saya percaya tidak semuanya harus diserahkan kepada pihak kerajaan. Oleh sebab sebagai ibu bapa kita juga memainkan peranan dalam mengawal aktiviti anak-anak mereka, terutamanya di internet. Pada akhirnya, kita sebagai pengguna sendiri yang menentukan sama ada internet dan media sosial ini menjadi alat yang mengubah kehidupan kita secara positif atau negatif. Ini kerana kuasa tersebut adalah terletak di hujung jari sendiri. Kita boleh anggap internet ini sebagai pisau, ia boleh digunakan untuk memotong sayur-sayuran dan pada masa yang sama boleh digunakan sebagai alat untuk membunuh.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada semua Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2016, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Pihak kementerian mengambil perhatian dan akan mengambil tindakan susulan terhadap isu-isu yang dibangkitkan bagi menambah perkhidmatan di bawah bidang kuasa kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih semua kementerian yang berkenaan telah pun menjawab. Sekarang ini Kementerian Kewangan sebagai kementerian yang bertanggungjawab akan menggulung bagi perbahasan bajet. Silakan Yang Berhormat.

9.11 mlm.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Johari bin Abdul Ghani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2016 di Dewan yang mulia ini. Semua pandangan, teguran dan cadangan yang diberikan oleh seramai 19 Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung perkara yang dibangkitkan berkaitan Kementerian Kewangan amat dihargai. Ahli-ahli tersebut adalah seramai 19 orang. Saya ingat Tuan Yang di-Pertua, saya tidak payah sebutlah 19 nama ini ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Saya bermula dengan Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam, tidak ada. Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin tidak ada.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang mana yang tidak ada, saya akan bagi yang *in writing*. Yang Berhormat Senator Tan Sri Ali pun tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Siapakah itu Yang Berhormat, Yang Berhormat Senator Syed Hussin?

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam. Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali. Okay.

Tuan Yang di-Pertua: Ada.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Senator bertanyakan kadar defisit dikhuatiri akan bertambah disebabkan amalan penyediaan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan, biasanya sehingga dua kali bekalan tambahan setahun.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan tidak pernah merancang untuk membentangkan apa-apa RUU Perbekalan Tambahan dalam menyediakan dan membentangkan bajet tahunan. Bajet tahunan disediakan berdasarkan parameter-parameter yang dianggar paling tepat pada waktu tersebut iaitu mengambil kira harga komoditi minyak mentah, kadar tukaran asing dan juga kedudukan ekonomi dunia. Namun begitu, parameter yang digunakan dalam menyediakan anggaran perbelanjaan boleh berubah disebabkan perkembangan keadaan semasa dunia serta pelbagai faktor lain dan perkara ini adalah di luar kawalan pihak kerajaan.

Ini kadang-kadang memerlukan kerajaan untuk melaksanakan pengubahsuaian ke atas bajet tahunan yang telah dibentangkan dan amalan ini merupakan satu yang dibenarkan oleh undang-undang. Sebagai contoh, Parlimen telah pun meluluskan kenaikan saraan Ahli Parlimen pada 28 April 2015 yang lalu dengan jangkaan implikasi kewangan tambahan sebanyak RM40 juta melalui Akta Ahli Parlimen. Keperluan perbelanjaan tambahan ini akan dibentangkan untuk kelulusan Parlimen pada sesi Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Ketiga akan datang. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa memastikan bahawa sasaran defisit yang ditetapkan akan dapat dicapai sekalipun perlu membentangkan RUU Perbekalan Tambahan.

Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah tidak ada. Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali; Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin; Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan; Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed, peruntukan tidak seimbang antara belanja mengurus dan juga pembangunan. Cadangan supaya menyediakan lebih banyak peruntukan untuk belanja pembangunan bagi menuju taraf negara maju.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kerajaan sememangnya berusaha untuk merasionalisasikan perbelanjaan mengurus bagi membolehkan lebih banyak sumber hasil disalurkan bagi membiayai projek-projek pembangunan. Namun demikian, kerajaan tidak boleh mengurangkan perbelanjaan mengurus secara mendadak memandangkan perbelanjaan mengurus perlu disediakan untuk membiayai penyelenggaraan projek-projek pembangunan yang telah siap seperti membiayai penyelenggaraan sekolah, hospital dan juga perbelanjaan-perbelanjaan yang lain yang perlu dibiayai berikutan sesuatu projek pembangunan yang baru telah siap selain daripada pembayaran emolumen utiliti dan sewaan. Peruntukan pembangunan ini juga disalurkan dengan mengambil kira kemampuan kewangan semasa serta kedudukan fiskal kerajaan pada setiap tahun. Untuk makluman Dewan, menyedari keperluan untuk menyediakan kemudahan kepada rakyat dan meningkatkan sistem penyampaian, kerajaan telah menambah siling Rancangan Malaysia Kesebelas sebanyak RM50 bilion daripada RM200 bilion pada RMKe-10 kepada RM250 pada RMKe-11.

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, pemotongan bajet kepada kementerian adalah tidak seragam kerana ada peruntukan kementerian yang bertambah dan ada yang dikurangkan. Apakah asas

pemotongan kepada bajet kementerian-kementerian ini dan apakah keutamaan kerajaan pada masa ini? Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pemotongan bajet kepada kementerian adalah tidak seragam kerana ada peruntukan kementerian yang bertambah dan ada yang dikurangkan. Apakah asas pemotongan kepada bajet kementerian-kementerian ini dan apakah keutamaan kerajaan? Untuk makluman Yang Berhormat, Bajet 2016 digubal dengan memberi keutamaan kepada lima perkara asas iaitu memperteguh ketahanan ekonomi negara, meningkatkan produktiviti inovasi dan teknologi hijau, mempersiapkan modal insan, memperkasa agenda bumiputera dan meringankan kos sara hidup rakyat.

Berdasarkan kepada keutamaan yang telah disebutkan tadi kerajaan telah menyediakan peruntukan yang sewajarnya kepada kementerian dengan mengambil kira program dan projek yang akan dilaksanakan pada tahun 2016, tertakluk kepada kedudukan kewangan kerajaan. Ini termasuk merasionalisasikan mana-mana program yang pada pandangan kerajaan boleh dilaksanakan dengan lebih berkesan dengan kos yang lebih minimum. Tidak timbul isu pengagihan peruntukan yang dilaksanakan secara tidak seragam kerana kerajaan dalam menggubal Bajet 2016 yang telah pun mengambil kira segala faktor, khususnya kemampuan kewangan dan kedudukan kewangan negara. Apa yang penting, perkhidmatan dan kebajikan kepada rakyat tidak diabaikan dan kerajaan berjaya mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi yang sihat, seterusnya mencapai Wawasan 2020.

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, peruntukan yang kecil kepada sektor pertanian dan masyarakat desa melibatkan KKLW, MOA dan KPPK. Kenapakah peruntukan yang kecil kepada masyarakat desa? Secara keseluruhan, kerajaan telah menyediakan peruntukan yang besar kepada KKLW dan MOA bagi melaksanakan program pembangunan di kawasan luar bandar pada tahun 2016. Khususnya, dalam membantu meningkatkan kualiti dan taraf hidup masyarakat B40. Peruntukan tersebut akan digunakan untuk menambah baik dan meningkatkan jaringan infrastruktur luar bandar dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan pendapatan kumpulan B40.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, jumlah peruntukan pembangunan yang disediakan kepada KKLW meningkat sebanyak 21% daripada RM4.25 bilion pada tahun 2015 kepada RM5.45 bilion pada tahun 2016. Begitu juga peruntukan kepada MOA telah meningkat daripada RM1.78 bilion pada 2015 kepada RM1.86 bilion pada 2016.

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi juga telah disediakan peruntukan berjumlah RM650 juta bagi tahun 2016. Cuma untuk membangunkan ekonomi masyarakat B40 dalam bidang komoditi, khususnya kelapa sawit dan juga getah. Cuma untuk kementerian ini, peruntukan untuk skim penstabilan harga minyak masak (COSS) telah dipindahkan kepada Kementerian Kewangan sebanyak RM347 juta yang disediakan di bawah Kementerian Kewangan, telah dipindahkan kepada kementerian tersebut.

■2120

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali bertanya, kenapa peruntukan yang besar diberi kepada JPM dan minta dinyatakan perincian kepada peruntukan JPM.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita kena bezakan peruntukan ke Pejabat Perdana Menteri dan juga peruntukan ke Jabatan Perdana Menteri. Jabatan Perdana Menteri mempunyai lapan buah Suruhanjaya, lima buah agensi, 51 buah jabatan dan tujuh orang Menteri. Peruntukan yang disediakan pada Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk tahun 2016 adalah berjumlah RM20.31 bilion iaitu sebanyak RM5.984 bilion bagi belanja mengurus dan RM14.326 bilion bagi belanja pembangunan iaitu DE. Peruntukan belanja mengurus tahun 2016 bagi JPM telah berkurang sebanyak RM184.9 juta ataupun 3.3 peratus berbanding tahun 2015 iaitu RM6.169 bilion walaupun pada tahun 2016 terdapat pertambahan agensi berikutan daripada pemindahan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia daripada Kementerian Dalam Negeri ke JPM.

Pengurangan peruntukan OE ini melibatkan kementerian-kementerian lain. Perincian bagi peruntukan OE ini kita ada *detail*. Contohnya seperti untuk “Dasar Sedia Ada”, sebanyak RM4.6 bilion. Kemudian ada “Program Khusus” untuk RM247 juta, “Dasar Baru” kita ada RM245 juta, kemudian “Perbelanjaan *One-Off*” sebanyak RM832 juta.

Manakala bagi “Belanja Pembangunan” atau DE, sebanyak RM14.326 bilion telah diperuntukkan kepada JPM bagi tahun 2016 iaitu pertambahan sebanyak RM1.291 bilion atau 9.9 peratus berbanding tahun 2015 iaitu sebanyak RM13.035 bilion. Peningkatan tersebut adalah untuk pelaksanaan beberapa projek utama kerajaan iaitu pembinaan Lebuhraya Pan Borneo, PR1MA dan juga projek-projek koridor wilayah. Selain itu, JPM juga turut membiayai projek-projek bagi suruhanjaya dan agensi-agensi yang tidak termasuk dalam mana-mana kementerian seperti pembinaan pejabat SPRM, projek perumahan ATM dan PDRM, bangunan-bangunan mahkamah dan pembinaan Institut Latihan Jabatan Audit Negara.

Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin, tidak ada ya?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Senator Hajah Puan Hajah Khairiah? Tidak ada.

Seorang Ahli: Ada.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Ada?

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Ada, ada.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat bertanya, apakah definisi sebenar simpanan luar jangka dan bagaimana penyelarasan bajet tersebut? Yang Berhormat juga bertanya mengapa jumlah RM2 bilion ini kekal dan tidak pernah berubah daripada Bajet 2010 hingga Bajet 2016.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, jumlah RM2 bilion ini yang dipanggil simpanan luar jangka ini adalah sebenarnya satu jumlah yang kita gunakan sebagai *contingency* yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan berdasarkan pada jumlah yang mencukupi tiap-tiap tahun. Setiap kali kita guna duit ini, kita kena masukkan dalam bajet tambahan. Ini adalah hanya peruntukan yang kita panggil *contingency* bajet. Tiap-tiap tahun memang kita ada peruntukan sebanyak RM2 bilion supaya *in between* Parlimen itu kalau

ada sesuatu benda yang kita hendak perlu guna pakai untuk perkara-perkara yang melibatkan *emergency* atau *contingency*, kita boleh gunakan RM2 bilion ini dan kemudian kita bentang dalam bajet tambahan *detail* dan terperinci.

Kemudian Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim meminta supaya pendekatan lebih efektif untuk memberi penerangan yang memuaskan hati rakyat dan dapat memberi keyakinan bahawa GST tidak membebankan rakyat terutamanya kepada penduduk luar bandar.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kerajaan telah melaksanakan berbagai-bagai langkah untuk memastikan rakyat dapat memahami dengan tepat berhubung langkah pelaksanaan GST. Dengan itu, pendekatan dengan mengadakan kempen mengenai GST kepada orang awam telah dilaksanakan lebih awal sebelum pelaksanaannya.

Kempen tersebut dibuat oleh pelbagai pendekatan dalam media cetak, majalah, surat khabar, *handbook electronic*, televisyen, radio, *out of home banner* serta secara *online* melalui media sosial, portal supaya dapat disampaikan secara menyeluruh meliputi semua golongan rakyat di seluruh negara termasuk di kawasan pedalaman. Bagi mempromosikan pelaksanaan GST secara berterusan terutama di peringkat awal pelaksanaannya, penerangan melalui video berbentuk kapsul telah diedarkan kepada agensi kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan atau *government link company*.

Di samping itu, bagi program yang telah dijalankan dengan kerjasama semua kementerian, jabatan kerajaan seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Jabatan Kastam Diraja, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) dan Jabatan Penerangan dan juga Persatuan Pengguna (FOMCA), Persatuan Pengguna Islam (PPIM) dan lain-lain NGO setempat, bagi tempoh 2010 hingga 30 November 2015, lebih kurang 6,500 program telah dijalankan dengan kehadiran lebih kurang 590,000 orang peserta.

Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin, tidak ada ya.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat memberi pandangan bahawa kerajaan perlu memikirkan cara terbaik dalam mengutip hasil cukai dengan mengambil kira pandangan daripada pakar ekonomi khususnya daripada perspektif ekonomi Islam.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa Islam mengharuskan pemerintah atau *ulul amri* untuk mengutip cukai seperti cukai barangan dan juga perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia selagi mana terdapat keperluan dan *maslahah* untuk negara dan rakyat. Pelaksanaan ini hendaklah berpandukan perimeter syarak seperti berikut:

- (i) kerajaan komited melaksanakan syariat Islam;
- (ii) kerajaan memerlukan sumber-sumber kewangan;
- (iii) cukai yang dikutip hanya untuk memenuhi *maslahah darurriyat* dan juga *hajiyat*;
- (iv) bebanan cukai dikutip secara adil;
- (v) cukai dibelanjakan untuk *maslahah* ummah, bukan untuk maksiat; dan
- (vi) agihan cukai hendaklah bertepatan dengan jihad ulama semasa dan setempat.

Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa memikirkan cara terbaik dalam mengutip hasil cukai. Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan adalah seperti menambahbaikkan prosedur pentadbiran cukai serta melaksanakan pengauditan ke atas individu, syarikat bagi meningkatkan pematuhan cukai.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat juga mengutarakan isu berkenaan masalah GST telah mengakibatkan kenaikan harga barangan walaupun kerajaan telah memberi jaminan sebaliknya.

Untuk makluman Yang Berhormat, perubahan harga selepas pelaksanaan GST ini adalah seperti yang diunjurkan iaitu sebahagian kecil mengalami kenaikan manakala sebahagian lagi mengalami sedikit penurunan harga atau tidak berubah.

Namun demikian, perubahan harga ini tidak hanya semata-mata dipengaruhi oleh faktor GST tapi juga disebabkan oleh faktor utama seperti permintaan, penawaran, kadar tukaran mata wang asing, perubahan dalam kos pengeluaran termasuk upah, gaji dan sebagainya dan juga termasuk isu di mana banyak peniaga kita hari ini yang dulu sewaktu kita menggunakan sistem SST, banyak- sistem SST ini satu sistem yang tidak berapa efisien. Jadi, banyak peniaga kita yang sebelum ini mereka tidak bayar SST. Ada sebahagian daripada mereka ini kalau dia sepatutnya bayar SST RM1 juta, tapi dia mungkin bayar 50 peratus atau 25 peratus kerana sistem SST itu tidak boleh *detect* siapa yang tidak bayar dan siapa yang bayar.

Tapi apabila kita buat sistem GST ini, kita dapati bahawa peniaga-peniaga yang dulu peniaga yang sama, jualan yang sama, tapi kali ini dia membayar lebih, kadang-kadang dua hingga tiga kali bayaran dia kerana sistem GST yang kita guna pakai ini dia tidak boleh lari. Kalau dia lari daripada bayar GST ini kemudian apabila dia jual barang, kita boleh *trace*. Sebab itu dia punya *cross checking between* GST dengan SST ini sangat efisien GST ini.

Jadi saya mengambil maklum bahawa oleh sebab peniaga-peniaga ini sudah tidak boleh lari *taxs*, maka barang-barang yang dia menjual ini, dia tambah dia punya keuntungan sebab keuntungan dia sudah kurang sebab dulu dia tidak bayar *taxs*, sekarang dia kena bayar *taxs*. Dulu dia boleh lari *taxs*, sekarang dia tidak boleh *taxs*, maka dia punya untung sudah kurang. Jadi, dia tambah dia punya keuntungan itu kepada pembeli-pembeli. Jadi di sinilah kerajaan di bawah KPDNKK menjalankan banyak penguatkuasaan.

■2130

Saya hendak baca penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh KPDNKK iaitu setakat 30 November 2015 kita telah membuka banyak Kertas Siasatan, 160 Kertas Siasatan.

Sejumlah 170 Kertas Siasatan di bawah seksyen 14(1) kerana mencatut. Sejumlah 48 Kertas Siasatan di bawah seksyen 2015, kerana enggan atau gagal memberi maklum balas kepada Notis yang dikeluarkan. Kemudian sejumlah lima Kertas Siasatan di bawah seksyen 5(3A) kerana tidak menyimpan rekod perniagaan. Sejumlah 13 kes telah disabitkan kesalahan dan telah di kompaun sebanyak RM415,000 dan dua kes lagi masih dalam proses pendakwaan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, penguatkuasaan ini akan dijalankan berterusan sehingga peniaga-peniaga ini akan mematuhi sistem pencukaian kita ini dan juga tidak mengambil kesempatan kepada pembeli-pembeli yang mengambil masa sedikit untuk mereka mematuhi.

Kemudian, Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi...

Dato' Dr. Johari bin Mat: Boleh mencelah sedikit?

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Boleh Yang Berhormat.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Timbalan Menteri yang memberi jawapan. Saya sememangnya boleh faham cukai GST ini kutipan cukainya telah meningkat sebagaimana yang kita ikuti dalam bajet ini. Cuma yang menjadi rungutan kepada masyarakat di luar sana dan boleh katakan seluruh- ramai orang bercakap dia kata kita harapkan barang tidak naik, jadi barang naik. Itu persoalannya yang saya timbulkan. Jadi hal ini mungkin pihak kerajaan telah dapat memungut cukai yang banyak berbanding dengan SST dulu. Itu satu peningkatan yang ada. Akan tetapi persoalan yang dibimbangkan oleh masyarakat ialah barang naik. Ini yang mereka hendak dengar macam mana olahan yang boleh diberi oleh kerajaan dan jaminan supaya perkara ini tidak diambil kesempatan oleh peniaga. Itu satu.

Kedua, tadi yang telah disebut sebelum ini ialah saya melihat syarat-syarat yang telah diberikan kepada Jawatankuasa Fatwa itu memang betul-betul. Cuma saya bangkitkan dalam dulu ada pihak yang mengatakan bahawa mungkin ada kaedah dan cara yang boleh digunakan oleh kerajaan untuk menambahkan hasil. Saya rasa pihak kerajaan boleh minta daripada orang-orang seperti yang mereka menyebut di dalam selalu kita baca dalam akhbar dan media-media supaya mereka memberi cadangan apa yang baiknya, bagaimana caranya. Itu yang saya sebutkan. Terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Saya bersetuju Yang Berhormat. Oleh sebab itu waktu kerajaan memperkenalkan sistem percukaian ini iaitu daripada SST kepada GST sebab kita sudah lama hendak *implement* GST ini. Ini kerana kita tahu bahawa sistem SST ini memang tidak efisien. Oleh sebab itu kalau kita tengok, mana-mana negara yang maju, dia tidak akan pakai sistem SST ini. Malah negara-negara yang tidak maju pun, kalau mereka baru hendak buat sistem ini mereka terus akan pakai sistem GST. Oleh sebab itu dalam dunia hari ini kita hampir 170 buah negara sudah pakai sistem GST.

Kemudian kalau kita tengok dalam konteks ASEAN, yang tidak pakai sistem GST cuma Malaysia dan Myanmar, yang lain sudah pakai. Jadi kita hendak atau tidak kita terpaksa tukar kita punya *tax system* ini kerana inilah satu *tax system* yang kita boleh cek *every* peniaga ataupun pengusaha supaya mereka tidak mengutip SST atau mengutip cukai daripada pembeli tetapi tidak bayar kepada kerajaan.

Saya hendak menyentuh kepada apa Yang Berhormat menyebut, saya bersetuju bahawa sewaktu kerajaan *implement* GST ini kita dapat satu peningkatan harga. Saya hendak baca di sini. Oleh sebab itu waktu kita hendak buat sistem ini, kita pastikan bahawa mereka yang terdiri dalam kategori golongan pertengahan dan bawah ini dia tidak akan terjejas. Oleh sebab itu kita bagi banyak bantuan supaya untuk *cushion off*, mereka memanggil, berkaitan harga ini.

Saya bagi contoh, kalau seseorang yang mempunyai pendapatan RM3,000 dalam sistem SST kalau dia gaji RM3,000 kemudian dalam sistem GST dia juga gaji RM3,000. Yang ini saya hendak *explain* juga supaya ini untuk *public*. Kalaulah kita tengok dalam sistem GST ini kita ada bagi *zero tax* untuk barang-barang asas, keperluan asas contoh beras, minyak, gula, tepung, mi itu satu. Kemudian itu di rumah kita semua kena ada. Kemudian kalau kita pergi di pasar kita hendak pergi kita hendak beli ikan, daging, sayur, buah-buahan di pasar semua tidak kena *tax*. Kemudian kalau kita hendak cerita fasal pengangkutan awam pun tidak ada *tax*. Pendidikan kita tidak ada *tax*. Inilah *basic* yang kalau siapa gaji RM3,000 dia kena pakai.

Jadi apa yang saya hendak tunjuk *calculation* ini ialah kalau orang itu gaji RM3,000 yang pertama duit yang diguna pakai ialah untuk bayar rumah dia. Kita katakan dia tolak RM1,000 ataupun RM700 untuk rumah. So, ambil RM3,000 tinggal RM2,700. Kemudian dia bayarlah *transport* dia satu bulan katakan lebih kurang dalam RM500 ke RM600. So RM2,700 lebih kurang tinggal RM1,700.

RM1,700 kalau kita tengok kalau orang gaji RM3,000 ini dia sudah tentu akan guna RM1,000 paling minimum untuk beli barang-barang asas yang saya sebutkan tadi yang itu sama ada SST ataupun GST memang dia tidak dikenakan *tax*. Cuma dia tinggal lebih kurang RM700. Saya *assumes*lah katakan RM700 ini dia memang beli barang yang dulu dia tidak kena GST sekarang dia kena GST. Maknanya kalau kita ambil RM700 ini kita kali dengan 6% maknanya lebih kurang dalam RM42 kita kena bayar sebulan. RM42 kali 12 lebih kurang RM500. Oleh sebab itu kerajaan bagi BR1M RM1,000 untuk orang yang mempunyai pendapatan di bawah ini supaya boleh *cushion off* dia punya impak.

Oleh sebab kita tidak boleh *pick and choose* produk untuk orang miskin dan orang kaya. Akan tetapi apa yang kita boleh buat kita *create* produk kategori yang kita rasa inilah *common item* yang orang-orang yang berpendapatan rendah pakai. Itu yang kita akan pastikan tidak ada. Oleh sebab itu kalau mana-mana peniaga yang caj barang-barang asas yang saya sebutkan tadi ini, *immediately* boleh *report* kepada pihak kastam. Kita ada proses *reporting* ini kejap lagi saya bincang. Itu kita punya konsep Yang Berhormat.

Saya juga hendak bangkitkan pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim ada?

Timbalan Yang di-Pertua: Saya rasa dia tidak ada dalam Dewan.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Tidak ada, Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi. Kerajaan menyediakan mekanisme bagi memudahkan urusan masyarakat OKU untuk mendapatkan pelepasan GST bagi pembelian alatan sokongan hidup secara perseorangan melalui penggunaan kad OKU. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, mekanisme yang sedia ada bagi memberi pelepasan GST kepada golongan OKU diberikan kepada pertubuhan amal swasta iaitu *private charitable entity* yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat sahaja. Akan tetapi kita tidak bagi kepada individu. Sebabnya ialah apabila kita bagi kepada individu, ia agak sukar untuk kita membuat pemantauan kerana orang boleh ambil kad OKU ini dia pergi ke mana-mana kedai *and then* beli sedangkan orang itu bukan dalam kategori OKU.

Apabila peniaga-peniaga ini terpaksa hendak cek pula dekat JKM *there is another process that we need to go through* akhirnya ia akan menyebabkan individu OKU ini akan berdepan dengan banyak masalah untuk dapat pengesahan. Akan tetapi apa yang kerajaan cuba buat ialah kalau ada organisasi-organisasi atau persatuan-persatuan yang di mana OKU itu bernaung mereka boleh buat permohonan...

■2140

Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan dan saya telah beri suatu cadangan ya macam mana kita boleh semak Kad OKU itu sebab maklumat dia dipegang dalam satu *database* dan tidak susah untuk peniaga menelefon pejabat JKM yang terdekat untuk mengesahkan nombor Kad OKU itu. Jadi ini tidak akan menyusahkan OKU dan juga peniaga. So itu cadangan saya. Saya harap diberi pertimbangan yang sewajarnya sebab bagi OKU untuk mencari organisasi, bukan semua orang OKU berdaftar dengan badan-badan kebajikan.

Jadi kalau seorang OKU secara individu hendak beli barang keperluan, jadi ia kena pergi cari sebuah organisasi, kemudian pergi ke JKM, itu yang amat-amat menyusahkan OKU itu. Jadi cadangan saya adalah suatu yang mudah saya rasa. So saya harap dapat diberi pertimbangan yang sewajarnya. Terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, konsep itu nampak-memang saya bersetujulah daripada segi konsep, akan tetapi *practicality* dia ialah kita tahu hari ini ada 70,000 hingga 80,000 orang peniaga yang mempunyai *retail shop* di luar sana, bukan semua ada mempunyai ketelusan ataupun *efficiency* daripada segi untuk pergi *check* dengan JKM. Kemudian apabila kita minta mereka buat, bila dia telefon JKM tidak dapat jadi dia tidak boleh menjual perkhidmatan tersebut. Sebab itu kerajaan melihat untuk OKU ini kerajaan lebih suka untuk beri *cash assistant*.

Kalau OKU itu sepatutnya diberi *cash assistant* kerana *cash assistant* ini boleh membantu untuk mereka menyara kehidupan mereka, tapi kalau ada spesifik item, contoh hendak beli *wheel chair* ataupun hendak beli katil yang *special* untuk OKU, contoh. Saya rasa itu proses memang kita boleh bagi *assumption*. Akan tetapi *on case-by-case* basis kita tidak boleh bagi *open*, kalau tidak ia akan disalahgunakan oleh banyak pihak daripada segi sistem ini.

Kemudian Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail...

Timbalan Yang di-Pertua: Dia tidak ada dalam Dewan Yang Timbalan Menteri.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Tidak ada. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Ada? Okey. Kedai-kedai tidak mengemukakan resit kepada pelanggan tetapi masih mengenakan GST terhadap barangan yang dijual. Ini saya hendak minta kalau mana ada kedai-kedai yang buat macam itu tolong buat laporan. Kita ada banyak aduan dalam portal GST ini dan saya minta kita buat laporan. Sebab kita minta sistem ini kita kena buat dua hala. Dia tidak

boleh sahaja kepada kerajaan, kita hendak pengguna juga kena buat laporan. Kita pastikan bahawa kedai ini akan diambil tindakan. Dia tidak boleh *collect* GST kemudian dia tidak bagi resit.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif mohon untuk ditingkatkan 300 kilowatt *hours* kepada 500 sahaja yang dikenakan GST. Saya bersetuju tetapi bergantung kepada kebolehan kerajaan untuk *absorb* 500 kilowatt ini. Ini adalah kerana dengan pendapatan kerajaan yang telah jatuh hampir RM30 bilion akibat daripada kejatuhan harga minyak mentah kalau dibandingkan dengan 2014 sehingga sekarang, jadi RM30 bilion ini yang begitu banyak, jadi kerajaan kena *adjust* macam-macam. Akan tetapi kalau saya rasa kalau harga minyak ini naik balik semula pada satu ketika nanti, saya percaya bahawa 500 kilowatt *hours* ini tidak ada masalah untuk kerajaan bagi.

Kemudian Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, tidak ada. Yang Berhormat Senator Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin mencadangkan supaya GST tidak dikenakan kepada persatuan-persatuan sukan kebangsaan yang menerima tajaan daripada mana-mana syarikat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, sebarang penajaan berbentuk wang tunai oleh pihak yang berdaftar GST adalah tidak dikenakan kepada pertubuhan-pertubuhan yang berdaftar melainkan kalau persatuan pertubuhan tersebut menerima sumbangan daripada mana-mana pihak tetapi ada balasan kepada mereka.

Contoh, ada banyak persatuan yang contoh mempunyai *billboard*, kemudian ada syarikat-syarikat besar ini datang bagi *donation and in return* dia hendak *billboard* tersebut, yang itu dia kena GST. Itu kira dianggap macam urusan perniagaan. Akan tetapi kalau *contribution direct* kepada persatuan tanpa timbal balas sebarang timbal balasan dia tidak dikenakan sebarang GST.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mencelah. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas penjelasan. Cuma saya ingin menambah sikit, saya ambil contoh seperti Persatuan Squash Malaysia di bawah Yang Berhormat Menteri. Dia berdaftar di bawah kementerian untuk mendapatkan nombor GST tetapi dia ada menerima tajaan berbentuk wang tunai tanpa ada sebarang pulangan. Tajaan itu diterima bagi mereka melahirkan atlet-atlet dan latihan dan sebagainya. Akan tetapi telah diminta untuk membayar 6% daripada jumlah tajaan itu. Perkara ini telah mereka utarakan dalam sidang Majlis Olimpik Malaysia, kebetulan saya sebagai Naib Presidennya.

Jadi dan ada beberapa orang peserta sukan kebangsaan yang lain yang memang mereka tidak ada *nothing in return*, dengan izin, tetapi tetap juga dikenakan GST. Mohon pendapat pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Untuk pengetahuan Yang Berhormat Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin, daripada konsep tajaan yang begitu, sebenarnya mana-mana penaja yang bagi duit kepada persatuan-persatuan sukan seperti Yang Berhormat sebut tadi itu ialah *in return*, kita kena bagi *the advertising space* dalam dia punya *organization*. Dia tidak boleh macam CIMB bagi katakan RM1

million atau *RM2 million sponsorship* kepada *squash tournament*, dia mesti ada *in return* dia terpaksa buat *advertisement* untuk CIMB.

So itulah yang dia orang nampak sebagai salah satu prasyarat dia dikenakan GST. Kalau tidak dia akan banyak *advertising agency companies* ini menggunakan cara ini untuk lari daripada GST. Sebab itu dia kena bezakan betul-betul daripada sumbangan yang tidak ada timbal balas. Itu dia punya konsep. Walau bagaimanapun kalau *event* besar-besar ini saya percaya kalau dibawa kepada Kementerian Belia dan Sukan boleh membuat *special assumption on specific tournament*. Saya rasa mungkin Kementerian Kewangan boleh memikirkan.

Yang Berhormat Senator Hajah Mariany binti nMohammad Yit? Tidak ada. Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin, also tidak ada. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed, ya. Syarat yang diketatkan memerlukan sekurang-kurangnya- ini fasal panel *lawyers*, Lembaga Pinjaman Perumahan Sektor Awam (LPPSA). Syarat yang ketat memerlukan sekurang-kurangnya lima orang peguam bertauliah dipertimbangkan semula untuk memohon perkhidmatan. Itu pertanyaan dia ya. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator, kriteria yang ditetapkan oleh LPPSA ini ialah:

- (i) hendaklah berdaftar dengan *Malaysia Bar Council*, begitu juga di Sabah dan Sarawak;
- (ii) firma guaman itu perlulah ditubuhkan melebihi tujuh tahun;
- (iii) salah seorang rakan kongsi hendaklah mempunyai 10 tahun pengalaman;
- (iv) firma hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya lima orang peguam bertauliah;
- (v) profesion dan polisi insurans hendaklah sekurang-kurangnya RM2 juta;
- (vi) mahir dalam bidang operasi harian LPPSA;

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator, bila saya tengok kriteria ini, semalam saya bagi tahu dengan pegawai-pegawai MoF tolong tengok balik kriteria ini. Sebab kalau kita letak kriteria ini tidak banyak firma guaman khususnya firma-firma guaman yang *partner* mereka ini banyak golongan bumiputera, contoh. Dia tidak ada boleh memenuhi kriteria ini. Sebab kriteria-kriteria ini firma-firma guaman yang *establish*.

■2150

Jadi bila saya bincang dengan pegawai-pegawai LPPSA ini, mereka memberitahu kepada saya mengikut pengalaman mereka banyak *lawyers* yang kecil-kecil ini, dia kadang-kadang dia tidak *attend to the files* mengikut masa yang ditetapkan. Akhirnya bila rumah siap, pemaju akan *charge interest* lewat bayar kepada pembeli. Jadi bila pembeli hendak kena bayar *late interest payment charges*, jadi dia pergi balik kepada MoF, minta MoF membayar *the additional*. MoF tidak boleh bayar *additional* sebab MoF beri *loan* RM250,000 ataupun RM200,000 ataupun RM300,000, bayar tanpa mengambil faedah lambat bayar sebab kita *assume* semua orang bayar *on time* fasal *government* akan bayar *on time* bila dapat notis daripada *developer*. Akan tetapi, oleh sebab *lawyer* tidak menyediakan *documentations* yang secukupnya

atau *on time*, maka pembeli kena bayar. Oleh sebab itu, LPPSA menekankan untuk dapat *established firm lawyer* untuk kebaikan peminjam-peminjam.

Walau bagaimanapun, saya suruh mereka tengokkan syarat-syarat ini supaya boleh mengurangkan sedikit kriteria-kriteria ini supaya boleh beri kepada firma-firma yang *medium size* ataupun yang benar-benar ada *track records*. Saya beritahu kalau sudah beri mereka jadi panel *or lawyer* ini, kalau dia *fail* untuk menjaga kepentingan peminjam-peminjam, maka kita *blacklist* dia daripada membuat kerja untuk pinjaman tersebut.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Sedikit tambahan. Untuk pengetahuan, permohonan panel untuk bank biasanya ditetapkan tiga orang peguam yang bertauliah sahaja. Biasanya praktis di firma-firma guaman, bila dokumen pembiayaan, biasanya dokumen yang sama dan biasanya ia *diattend* oleh kerani-kerani senior sahaja. Jadi, saya kira sebab itulah saya katakan tidak perlu kepada peguam yang ramai. Cuma, mereka mungkin perlu ditekankan dari sudut disiplin pemantauan kepada dokumen-dokumen itu sahaja, bukannya disyaratkan ramai peguam bertauliah tetapi monitor dari sudut pelaksanaan kerja mereka.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju dan itulah komen yang saya beri kepada pegawai MoF. *InshaaAllah*, nanti dia akan *comeback* untuk mengambil faktor ini.

Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som iaitu bertanya selaras dengan dasar kerajaan yg mengiktiraf masyarakat Siam sebagai bumiputera adalah wajar bagi mereka menikmati hak dan keistimewaan bumiputera, contohnya pendaftaran syarikat berstatus bumiputera.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, saya tidak nampak mengapa MoF tidak boleh daftar orang Siam ini sebagai bumiputera. Setakat pendaftaran ini, kalau orang Siam ini memenuhi syarat-syarat untuk memenuhi kriteria untuk dapat status bumiputera, *they should give*. Akan tetapi ada juga syarikat-syarikat yang dia *on surface* dia bumiputera, tetapi bila pergi daftar, bila pegawai pergi *check*, syarikat itu bukan bumiputera sebab dia nama sahaja. Pengarah dia bumiputera, pemegang saham dia bumiputera, tetapi *check book* semua bukan bumiputera pegang. Itu tidak boleh. Akan tetapi setakat definisi yang kita ada hari ini, boleh kira bumiputera. Kalau tidak dapat, nanti jumpa sayalah.

Dato' Boon Som A/L Inong: Boleh saya bagi...

Timbalan Yang di-Pertua: Mencilah Yang Berhormat.

Dato' Boon Som A/L Inong: Mencilah, mencilah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana menjawabnya. Sebenarnya syarikat, bukan syarikat orang lain, syarikat sendiri, saya sendiri mendaftar ditolak dua kali atas pentafsiran kata syarikat saya bukan bumiputera dan *participation* dalam *company* itu bukan bumiputera padahal nama saya dengan isteri saya. Dua itu, Siam dua-dua sekali.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Isteri dua-dua Siam, tetapi dua-dua duduk di Malaysia atau di Siam? Kalau duduk di sini okey. So, *you* dapat, ada IC warna biru semua- okey. Datang jumpa saya, nanti saya beri *note* kepada pegawai, saya cakap ini macam mana *you* tolak. Senator kita pun *you* tolak

cakap bukan bumiputera. Akan tetapi kena *fulfill* syarat-syarat. Syarat-syarat *office* tidak boleh ada di rumah, *office* kena ada *office*. Ada banyak syarat itu, syarat satu, dua, tiga.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam tidak ada. Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah?

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada. Okey.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Okey. Mencadangkan kerajaan memberi pelepasan cukai sebanyak RM10,000 bagi suami yang isteri tidak bekerja. Saya hendak bacakan sedikit ini. Pelepasan sebenarnya, pelepasan yang sedia ada yang kita beri waktu pembentangan Bajet 2016 pada 23 Oktober baru-baru ini, sebenarnya pelepasan ini saya ingat sudah lebih memadai. Ini kerana saya hendak beritahu di sini, kalaulah satu orang itu dahulu tahun 2015 kalau dia mempunyai gaji RM5,000, sekarang ini kalau dia gaji RM6,000 tidak kena *tax*. Kalau dia kahwin anak tiga, dahulu dia RM5,800, sekarang ini RM7,000 tidak ada *taxes*. Pelepasan itu sudah banyak sudah. Kalau saya hendak baca pelepasan ini, kemain panjang lagi, pelepasan diri RM9,000, KWSP RM6,000, panjanglah. Kalau Yang Berhormat hendak, nanti saya berikanlah *detail* ini.

Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian.

Timbalan Yang di-Pertua: Dia tiada dalam Dewan.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Tidak ada ya. Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas. Bagi meningkatkan jumlah perumahan mampu milik, kerajaan negeri dan syarikat berkaitan kerajaan juga perlu memainkan peranan penting dalam membina perumahan mampu milik. Kerajaan negeri juga perlu memberi keutamaan dalam peruntukan tanah bersesuaian untuk tujuan ini. Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) yang telah ditubuhkan pada 21 Ogos 1997 sebagai syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan bertujuan untuk menyediakan rumah mampu milik dan rumah kos rendah yang berkualiti kepada setiap keluarga di Malaysia sejajar dengan objektif perumahan negara.

SPNB mempunyai tiga buah produk perumahan yang utama iaitu Rumah Mesra Rakyat, Rumah Idaman Rakyat dan juga Rumah Inspirasi Rakyat. Daripada ketiga-tiga produk tersebut, hanya program Rumah Idaman Rakyat yang dibangunkan di atas tanah milik Kerajaan Persekutuan dan negeri dan juga agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri. Setakat ini, SPNB telah mendapat kerjasama yang baik dari kerajaan negeri hampir di 10 buah tapak pembangunan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, memang kita ada mempunyai masalah dengan agensi-agensi seperti PR1MA, SPNB, Jabatan Perumahan Negara apabila hendak membangunkan rumah dalam bandar kerana banyak tanah dalam bandar ini, dia sudah pergi kepada *private sector* walaupun tanah itu tanah kerajaan ataupun dimiliki oleh PBT. Jadi, apa yang Yang Berhormat bangkitkan tadi sewaktu Kementerian KPKT membuat penggulungan, saya sangat bersetujulah pandangan itu. Juga saya bersetuju bahawa rumah mampu milik ini apabila dia *start* mula minta deposit RM15,000 ataupun

RM30,000, 10% of the harga value, itu mengarut punya kerja. Dia sepatutnya kalau hendak minta deposit, dia minta RM1,000 sudahlah, deposit. Kalau sudah minta 10%, itu bukan deposit, itu sudah bayar pendahuluan.

Jadi bila bayar pendahuluan ini, jadi orang kaya sahaja boleh beli, orang bawah tidak boleh beli. Selepas itu hendak proses pula hendak dapatkan EPF punya pengeluaran ambil masa. Jadi kalau hendak minta deposit, ambil RM1,000 sudahlah. Kalau mengikut KPKT punya perundangan hari ini, tidak ada *developer* boleh kutip duit kalau dia tidak ada dapat APDL *approval* dan juga kalau dia tidak *submit* dia punya strata *application* dahulu. Kalau tidak dapat strata *application* dan juga APDL ini, dia tidak boleh ambil duit waima *under terms* apa sekalipun.

Jadi, saya mintalah KPKT ini pun kena- jangan dengar orang ambil deposit, kita pun setuju. Depositnya 10%, jadi macam bayar pendahuluan. Saya tidak boleh bangun tadi itu. Kalau saya boleh bangun tadi, saya bangun. Akan tetapi ini sudah ini, okeylah. Jawab itu salah. Cerita dia itu, jawab itu salah. Dia deposit dengan ambil wang pendahuluan itu lain. Dia 10% itu, dia sudah masuk pembayaran pertama. Dia simpan duit orang lama-lama hendak buat apa?... [Disampuk] Itulah, tidak tepat.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Boleh?

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Okey.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Masalahnya, apabila *developer* minta bayar RM15,000, ramai rakyat yang di bawah ini datang jumpa saya hendak minta ketua bahagian bayar dahulu. Mana boleh. RM15,000 aniaya.

■2200

Kalau macam Yang Berhormat Menteri kata RM1,000 itu mungkin boleh *consider*, mungkin rakyat boleh ada. Akan tetapi kalau RM15,000 dan rakyat hendak dapat rumah harga RM300,000, ini satu- Menteri Wilayah jawab tadi pendahuluan dan sebagainya, jadi saya rasa tidak memuaskan hati kita. Terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Saya setuju Yang Berhormat. *I think* kita kena buat benda ini, beritahu mereka ini. Deposit 10% ini mengarut punya deposit. Deposit ini untuk ambil, hendak pergi ambil *entitlement* kita bayar deposit RM1,000 sudah lah, RM500. Kalau bayar RM1,500 dia ingat Datuk Yahaya pun boleh bayar. Kalau bayar RM15,000 lari malam semua orang. Minta KPKT beritahu mereka, *developer* ini, dia tidak boleh deposit, cakap *under* deposit, tidak boleh ambil 10%, boleh kah?

Dato' Boon Som A/L Inong: Boleh saya mencelah?

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Ya.

Dato' Boon Som A/L Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Kalau kita ada Menteri macam ini, mudah Malaysia ini. Rakyat pun suka dengan keadaan macam ini, rakyat tidaklah mengamuk macam ini, kalau Menteri mencari jalan mudah untuk menyelesaikan masalah rakyat, saya ingat Barisan Nasional akan tetap 100 tahun lagi di Malaysia ini. Terima kasih. Soalnya, teruskanlah perjuangan [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, banyak lagi kah?

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Lagi tiga sahaja hendak habis. Tiga lagi hendak habis. Okey, cuma lagi saya hendak berkongsi dengan soal perumahan awam yang dibangkitkan oleh Datuk Yahaya ini ialah sebenarnya soal tidak dapat pinjaman ini tidak betul sebab Bank Negara tidak pernah tahan mana-mana bank tidak beri pinjaman.

Cumanya banyak rumah yang kita bina hari ini ialah RM300,000 sedangkan ikut kiraan pendapatan medium isi rumah purata. Kita ada RM4,500 pendapatan purata. Pendapatan medium isi rumah yang RM4,500 ini dia cuma boleh beli rumah RM200,000 ke bawah. Kita buat rumah banyak RM300,000 ke atas. Itu sebab bila pergi ke bank tidak dapat, jadi dia *mismatch*. Jadi bila *mismatch* itu-oleh sebab itu saya hendak tekankan kepada agensi-agensi kerajaan seperti PR1MA, SPNB, Jabatan Perumahan Negara, dia kena buat rumah yang RM200,000 ke bawah. Hendak buat rumah RM200,000 ke bawah ini, pertamanya PBT ataupun kerajaan negeri kena beri tanah itu nominal premium macam mana dia pernah beri kepada PBT-PBT lain.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Yang Berhormat Menteri, minta maaf. Saya hendak mencelah sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Akan tetapi kerajaan hari ini mengisytiharkan rumah mampu milik RM300,000, bukan RM200,000. Sepatutnya kerajaan ataupun PBT ataupun khususnya di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur isytiharkan rumah RM200,000 ke bawah. Bukannya RM300,000 ke atas ataupun RM300,000 ke bawah. Kalau RM300,000 ke bawah sebagaimana yang dibentangkan oleh Menteri, bagaimana rakyat di bawah, budak baru *graduate* hendak pinjam duit, itu sudah tentu bank tidak dapat beri.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Saya setuju. Saya setuju ini, apa lagi saya hendak cakap, semua saya setuju. Okey. Ini betul. Ini cerita fasal rumah mampu milik ini kena tukar perkataan mampu milik ini. Kita kena ada kos rendah, kos sederhana, mampu milik. Baru sedap bunyi dia. Kos rendah, kos sederhana, mampu milik. Bila kos rendah itu, buatlah rumah PPR. Kalau kos sederhana itu, buatlah RM200,000 ke bawah. Lepas itu kos mampu milik buatlah RM300,000, macam itu.

Kalau tidak ada, dia mampu milik- saya pernah jumpa satu *developer*, dia cakap “*Saya punya rumah semua mampu milik*”. “*Fasal apa you cakap mampu milik?*” Di menjawab “*Bila saya lancar sahaja habis. Kalau tidak mampu macam mana boleh habis?*” Oleh sebab itu kita kena *define* ini, kos rendah, kos sederhana, mampu milik. Saya tidak boleh cerita fasal rumah lebih-lebih sebab saya Kementerian Kewangan. Jadi biar Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang bercerita, okey.

Yang Berhormat Senator Dato’ Goonasakaren A/L Raman tidak ada ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak ada dalam Dewan.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan mengemukakan pandangan serta saranan untuk perhatian Kementerian Kewangan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua]

Bacaan Kali Yang Ketiga

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk tahun 2016 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu telah disetujui tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 53(2) Mesyuarat Majlis Dewan Negara, rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya tidak dibenarkan mencelah tadi, saya tetap menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang]

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah. Sebelum saya menangguhkan Dewan ini, saya ingin mengucapkan syabas kepada lebih kurang 26 Ahli-ahli Yang Berhormat yang masih berada di dalam Dewan walaupun waktu agak larut, termasuk dua orang Menteri.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, selama dua hari, semalam dan hari ini, Selasa 15 Disember, seramai 25 buah kementerian telah pun menjawab, 32 orang Menteri yang telah menjawab bagi pihak 25 buah kementerian. Jadi kita masih ada empat lagi hari untuk membahaskan tujuh lagi rang undang-undang. Saya mohon kerjasama Yang Berhormat sekalian jikalau Yang Berhormat ingin turut serta membahaskan tujuh daripada rang undang-undang yang akan dibentangkan dalam masa empat hari yang akan datang, tolong hantarkan nama lebih awal sedikit supaya kita senang mengatur masa.

Dengan itu Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ucapkan ribuan terima kasih begitu juga kepada dua orang Menteri ini yang turut bersama kita pada petang ini. Dengan itu, saya tangguhkan Dewan ini sehingga jam 10 pagi esok, hari Rabu, 16 Disember 2015.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.08 malam.]